



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 20)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong)</i>	(Halaman 28)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO [memangku]
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
16. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRS
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] - PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, [Dato' Sri Abdul Wahid Omar](#) - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] - UPKO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC

3. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
6. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
9. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy - *Senator*
18. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
21. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
23. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
24. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
21. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
23. “ Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO
24. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. “ Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. “ Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
27. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO

28. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
29. " Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
30. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. " Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. " Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. " Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. " Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. " Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. " Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. " Datin Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. " Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] - UPKO
39. " Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
40. " Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
41. " Puan Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B. [Masjid Tanah] - UMNO
42. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
43. " Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
44. " Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
45. " Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
46. " Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
47. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
48. " Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
49. " Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
50. " Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
51. " Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
52. " Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
53. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
54. " Dato' Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
55. " Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
56. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
57. " Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
58. " Dato' Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO

59. Yang Berhormat Dato' Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
60. " Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
61. " Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
62. " Tuan Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
63. " Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
64. " Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
65. " Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
66. " Tuan Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
67. " Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
68. " Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
69. " Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
70. " Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
71. " Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
72. " Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
73. " Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
74. " Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
75. " Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
76. " Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
77. " Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
78. " Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
79. " Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
80. " Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
3. " Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]
4. " Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
5. " Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
6. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
7. " Dato' Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]

8. Yang Berhormat Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
9. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
10. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
11. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
12. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
13. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
14. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
15. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
16. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
17. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
18. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
19. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
20. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
21. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
22. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
23. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
24. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
25. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
26. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
27. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
28. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
29. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
30. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
31. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
3. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
4. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
5. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
6. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
7. “ Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

11. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]

-
8. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
 9. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
 10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
 11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
 12. “ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
 13. “ Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
 14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
 15. “ Dato’ Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
 16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
 17. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
 18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
 19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
 20. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
 21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah binti Md. Nasir

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA

Rabu, 3 Julai 2013

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan pelan pembangunan luar bandar terutama di Sarawak dan Sabah bagi mengatasi masalah kemudahan infrastruktur dan pembangunan ekonomi luar bandar.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan pertama, bagi mengatasi masalah kemudahan infrastruktur dan pembangunan ekonomi luar bandar, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sedang melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar yang berteraskan kepada Program Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Program* yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Buktinya melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), infrastruktur asas luar bandar yang bermula pada tahun 2010 telah memberi manfaat kepada lebih 3.7 juta penduduk di seluruh negara. Di Sarawak sahaja pembinaan jalan luar bandar sepanjang 911.87 kilometer, menyambungkan air bersih ke 71,064 buah rumah, membina sebanyak 18,301 buah rumah dan menyambungkan talian bekalan elektrik 24 jam kepada 46,457 buah rumah.

Untuk tahun ini, sebanyak 79 projek pembangunan infrastruktur asas luar bandar di Sabah dan Sarawak sedang dalam pelaksanaan dengan peruntukan berjumlah hampir RM2 bilion. Daripada jumlah ini, Sarawak menerima 52 buah projek dengan nilai RM1.3 bilion. Bagi permohonan program peningkatan pendapatan penduduk luar bandar pula, kementerian akan melaksanakan Program Desa Abad Ke-21 atau *21st Century Village*. Dua program utama iaitu *Rural Business Challenge* dan juga Program Desa Lestari bakal dibangunkan. Bagi Program Desa Lestari, sebanyak 42 buah kampung telah dipilih bagi melaksanakan pelbagai projek ekonomi seperti agropelancongan, pertanian, perikanan dan penternakan, industri pembuatan dan juga pemprosesan.

Antara program lain yang turut dilaksanakan dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan dan menjana pembangunan ekonomi penduduk luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak adalah seperti Program Lonjakan Mega Luar Bandar, agropolitan, program tanaman semula getah dan sawit dan peluang penyediaan infrastruktur ladang.

Sehingga tahun 2012, kementerian telah melaksanakan 11 buah projek agropolitan, di mana lima projek ini adalah berada di negeri Sarawak. Projek ini dijangka melonjakkan pendapatan peserta dari RM300 kepada RM1,800 sebulan dengan penglibatan peserta secara aktif di ladang dan melalui agihan dividen kepada peserta. Terima kasih.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Kita memang melihat bahawa

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah selama ini telah banyak menyumbangkan kepada pembangunan kawasan-kawasan luar bandar. Apa yang kita ketahui memang mengikut kehendak kerajaan di bawah Gagasan 1Malaysia dan juga program-program transformasi menjurus kepada Wawasan 2020.

Yang Berhormat Menteri, kalau kita tak salah, kebanyakan projek-projek yang telah dilaksanakan terutama di negeri Sarawak adalah melalui pelbagai agensi dan jabatan terutamanya *State Development Office* (SDO), pejabat residen, pejabat daerah, konsultan dan kontraktor-kontraktor. Saya tidak mempertikaikan projek-projek besar seperti jalan, bekalan air dan sebagainya tetapi projek yang kecil-kecil seperti jalan luar bandar, jalan perhubungan kampung, jalan desa, projek-projek bantuan rumah dan sebagainya banyak mengalami masalah pelaksanaan ataupun sistemnya tidak menyenangkan hati rakyat.

Jadi dalam hal ini, saya cadangkan supaya Kementerian ini menubuhkan jabatan pembangunan luar bandarnya sendiri ataupun majlis pembangunan luar bandar yang melibatkan wakil rakyat dan orang-orang setempat supaya projek-projek yang dikenal pasti adalah dengan langsungnya diperbincangkan dengan penerima projek. Dipantau oleh mereka yang diberi kuasa untuk melaksanakan projek itu supaya ia tidak menimbulkan masalah. Daripada semalam saya menerima panggilan daripada penerima...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih. Sekejap lagi. Penerima projek yang tidak puas hati dan inginkan ia ditukar atau spesifikasinya ditukar untuk memenuhi kehendak mereka. Jadi, soalan saya sama ada Kementerian berhajat untuk menubuhkan majlis atau jabatannya sendiri di kawasan luar bandar?

■1010

Kedua Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu sebab inilah satu projek yang besar yang akan diadakan di Kanowit iaitu status pembinaan jalan daripada RASCOM Nanga Ngungun ke RASCOM Nanga Jagau yang menelan belanja agak besar. Bagaimana keputusan mengenai peruntukan kerajaan dengan projek ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Kanowit yang telah membangkitkan dua persoalan. Pertama, berhubung kait dengan *delivery system* di peringkat Kementerian. Sememangnya saya amat setuju dengan Yang Berhormat Kanowit, bilamana saya mengambil alih Kementerian ini, saya dapati bahawa di antara Kementerian daripada persekutuan yang agak dari segi *structure changes need to be done*, dengan izin iaitu kita mengurus kewangan yang jumlahnya begitu besar dan kita tidak mempunyai badan untuk mentadbir. Walaupun ada ICU atau pun SDO, tetapi dia tidak secara langsung di bawah pentadbiran Kementerian Kemajuan Luar Bandar.

Pada tiga tahun lalu, saya telah mewujudkan satu unit khas khususnya di Sabah dan Sarawak oleh kerana penekanan kedua-dua negeri kepada program NKRA telah begitu ketara. Jadi, kita telah mewujudkan unit khas selaras dengan saranan Yang Berhormat Kanowit untuk memastikan supaya bukan hanya dari segi pelaksanaan tetapi juga pemantauan projek-projek ini akan dapat disempurnakan.

Dalam kita melaksanakan pembangunan di kawasan luar bandar ini, bukan hanya kerjasama yang kita dapati, wujudkan bersekali dengan kerajaan-kerajaan negeri, bahkan juga kita melibatkan agensi-agensis seperti FELCRA, RISDA dalam pelaksanaan projek-projek yang kecil contohnya, baik pulih rumah. Ia juga melibatkan GIATMARA di sesetengah tempat. Ini tertakluk kepada kehendak dan keperluan kawasan-kawasan setempat. Saya beri contoh seperti di Batang Ai, bilamana kita luluskan peruntukan RM2 juta untuk bina rumah panjang dan kehendak masyarakat di situ hendak gotong-royong. Kita laksanakan secara gotong-royong dan kita tidak laksanakan secara katakan *open tender* atau pun *selective tender* dan tidak membabitkan pelaksanaan agensi kerajaan. Kita agak fleksibel. Apa yang penting kepada kita adalah penyediaan, pelaksanaan ini akan dapat kita sempurnakan selaras dengan keperluan masyarakat di peringkat kawasan-kawasan tertentu.

Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat iaitu jawatankuasa majlis. Memang ada pun majlis yang mungkin perlu kita *reactivate* di mana Ahli Parlimen menjadi pengerusi,

DO menjadi setiausaha dia. Saya ingat dalam dua tahun yang lalu, saya sudah maklumkan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan penglibatan Ahli-ahli Parlimen secara langsung. Kita tidak hendak supaya dalam pembangunan ini *it is top down, it must be bottom up as well* untuk memastikan supaya ada mengimbangi pembangunan yang diselaraskan dan apa kehendak masyarakat di peringkat akar umbi. Kita sedar dan tahu bahawa Ahli Parlimen lebih mengetahui jauh daripada kita selaku kementerian kerana mereka berdamping setiap hari, setiap minggu, maka mereka lebih mengetahui keperluan masyarakat. Maka kerjasama seumpama ini dapat kita laksanakan.

Berhubung kait dengan persoalan jalan di Nanga Ngungun dan saya sedar perkara ini dalam perancangan. *Insyah-Allah* sedikit masa lagi Yang Berhormat kita akan - satu projek jalan yang membabitkan kawasan ini, *paper* sudah pun disediakan dan kita akan melaksanakannya secepat yang mungkin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Lanang.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha mengatasi masalah kemudahan infrastruktur, kerajaan telah menaiktarafkan jalan raya. Soalan saya, apakah maksud menaiktarafkan jalan raya yang menuju ke rumah-rumah panjang, sama ada menaiktarafkan bermaksud jalan itu mesti bertar, jalan bersimen atau jalan batu sahaja. Banyak jalan raya yang menuju ke rumah panjang di kawasan Lanang adalah jalan raya yang sempit dan hanya tapak laluan sebuah kereta. Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk meluaskan jalan raya tersebut sekurang-kurangnya laluan untuk dua buah kereta bagi mengelakkan apa-apa kemalangan yang akan berlaku. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat daripada Lanang yang mempersoalkan tentang tafsiran naik taraf jalan. Kita banyak pendekatan dalam pembangunan kawasan luar bandar. Permohonan sesetengah kawasan hendakkan kampung dia yang langsung tidak ada jalan, jadi kita buat jalan. Jadi di peringkat yang awal kalau kampung kita akan bina jalan bukan bertar kerana kosnya agak tinggi. Di Sarawak khususnya hendak bina jalan 1 kilometer menelan belanja sehingga RM1 ataupun RM2 juta. Manakala di Semenanjung hanya dalam lingkungan RM200,000 atau RM300,000.

Jadi kita perlu lihat dari segi faktor bukan hanya dari segi pelaksanaan jangka masa, *machineries* yang kita perlu hendak pastikan kesediaannya ada kerana hendak membawa batu kerikil, '*bitumen*', komponen untuk membina jalan yang bertar ini agak berat dan mengambil masa. Contoh macam kalau di Bario, Bakalalan bukan senang kita hendak bawa dari segi jangka masa, dari segi kos to *reach them out. It is going to be very costly* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam kita hendak melaksanakan satu kampung yang langsung tidak ada jalan, kita buat jalan. Selepas itu bila dalam keadaan keperluannya, kewangan telah disediakan, kita naik taraf. Dahulu tidak bertar, tanah merah, kita akan naik taraf dia. Satu ditarkan dan kedua dari segi keluasannya banyak bergantung dengan keperluan masyarakat yang ada di luar bandar. Ini pendekatan yang kita lakukan dalam pembangunan luar bandar. Memang ada untuk memastikan supaya kemudahan asas ini dipermudahkan, diberikan penyelesaian, memperluaskan, memanjangkan jalan seperti dalam rangka program NKRA. Tidak pernah dalam sejarah kita membina jalan.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Rancangan Malaysia Keenam, Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan hanya bina mungkin 500 kilometer, 600 kilometer. Di bawah NKRA, kita diminta melaksanakan jalan sepanjang 1,500 kilometer. Bayangkan dahulu masanya panjang lima tahun, jalannya pendek. Dalam NKRA masanya tiga tahun jalannya panjang, waktunya pendek. *Alhamdulillah* setakat ini pihak kementerian telah pun membina walaupun sasaran 1,500 kilometer, kita sudah berupaya melaksanakan 3,227 kilometer jalan di seluruh negara. Bukan hanya di Kelantan, bukan hanya di Terengganu dan khususnya di Sabah dan Sarawak. *Insyah-Allah* saranan Yang Berhormat Lanang kita akan pertingkatkan khususnya di kawasan Sarawak.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan terima kasih

kepada kerajaan kerana memikirkan pembangunan luar bandar. Di kawasan Kalabakan contohnya, kita mendapat peruntukan yang cukup untuk membina bekalan air dan sambungan elektrik.

Akan tetapi masalah yang dihadapi Tuan Yang di-Pertua ialah apabila bekalan air, bekalan elektrik sudah ada, rakyat di luar bandar tidak mampu untuk menyambung air atau lampu ke rumah masing-masing. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, satu meter air harga RM250, belum penyambungan dalam rumah, belum penyambungan daripada *main* ke rumah. Jadi kita minta kalau boleh kementerian, bolehkah di masa akan datang bila kita beri bekalan air atau lampu, kita terus masukkan ke dalam anggaran bahawa kampung yang dibekalkan dengan air dan lampu ini tidak lagi membayar apa-apa. Ini kerana kalau tidak, memang ada bekalan air, bekalan lampu tetapi rakyat tidak mampu. Jadi kalau boleh, tolong Yang Berhormat Menteri jawab kalau boleh atau tidak. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat dari Kalabakan. Memang saya akui bahawa pembangunan di Kalabakan itu ada, mungkin tidak mencukupi. Itu yang kita minta peruntukan yang besar dalam belanjawan yang akan datang ini kerana banyak lagi kawasan yang perlu kita hendak bangun dan majukan. Berhubung kait dengan persoalan sama ada kita mampu melaksanakan penyambungan bekalan elektrik ataupun air ke rumah-rumah di luar bandar.

Sememangnya kita bekerjasama dengan kerajaan negeri. Kalau di Sabah, kita dengan SESB kalau elektrik, kalau di Sarawak kita dengan SESCO. Kalau bekalan air kita dengan Jabatan Air Negeri Sabah. Di mana peranan dan tanggungjawab kementerian ini untuk mewujudkan penyambungan, *reticulation* paip-paip daripada loji yang ada. Ini program luar bandar. Bila sampai ke rumah, kita bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri, jabatan air kita minta dia sambung meter air atau pun meter elektrik ke rumah-rumah. Ini kerana akhirnya kita tidak boleh sambung. Kalau kita menyambung, maknanya tidak dimaklumkan SESB ataupun jabatan air, meter yang akan dipasang, mereka akan pungut fi atau caj yang diletakkan bukan kepada kementerian yang bertanggungjawab. Jadi kerajaan negeri yang bertanggungjawab.

Perkara ini telah saya sudah bangkit kepada kerajaan negeri dua tahun yang lalu dan kita telah bincang di mana kita juga telah membantu. Saya ingat kalau tidak silap saya di peringkat negeri Sabah tambahan RM6 juta untuk memastikan kita salurkan ke SESB untuk membolehkan supaya sambung elektrik ke kampung-kampung. Ini kerana kita sedar apa yang disebutkan Yang Berhormat Kalabakan ini memang betul bahawa orang kampung tidak mampu.

■1020

Insya-Allah, perkara ini kita boleh laksanakan. Bukan tidak boleh. Cuma yang kepentingannya ialah untuk memastikan penyediaan kewangan itu dapat kita wujudkan untuk dapat kita laksanakan program yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Kalabakan.

[Soalan No. 2 – Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang) tidak hadir]

3. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) apakah tindakan dan langkah-langkah yang dilakukan oleh kementerian bagi menangani masalah liputan perkhidmatan telekomunikasi mudah alih yang rendah di kawasan luar bandar. Ini penting apabila berlakunya hal melibatkan kecemasan di kawasan terbabit; dan
- (b) adakah cadangan bagi mempertingkatkan sistem telekomunikasi dengan membina lebih banyak menara tambahan umpamanya.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:

Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang, saya memohon menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Kanowit pada 4 Julai 2013 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu perkhidmatan telekomunikasi mudah alih.

Pihak kerajaan melalui pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia sedar kepentingan perkhidmatan komunikasi kepada rakyat. Justeru itu, usaha-usaha perluasan liputan komunikasi bagi membolehkan perkhidmatan telekomunikasi mudah alih dapat dinikmati di seluruh negara termasuk di luar bandar, telah lama dilaksanakan oleh pihak kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia semenjak tahun 2009 di bawah Program *Time 3*, dengan izin. Pelaksanaan program ini dibiayai sepenuhnya melalui dana pemberian perkhidmatan sejangat.

Sehingga kini sebanyak 664 menara telekomunikasi telah siap dibina di seluruh Malaysia termasuklah di Sabah sebanyak 137 menara dan di Sarawak 176 menara. Dengan pembinaan tersebut, peningkatan kadar liputan populasi seluruh negara telah berjaya ditingkatkan daripada 82% kepada 96.89% pada suku pertama 2013.

Untuk soalan kedua Yang Berhormat Sekijang, bagi meneruskan kualiti dan mempertingkatkan sistem telekomunikasi negara, pihak kementerian melalui SKMM telah mengenal pasti sebanyak 336 menara baru yang sedang dan akan dibina dan dengan peningkatan menara, tersebut kita anggarakan lebih kurang kadar liputan populasi akan meningkat sehingga 97% apabila kesemua menara ini siap dibina kelak. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak bertanya lagi, adakah pihak berkenaan memantau kawasan-kawasan yang tidak mempunyai liputan dan seterusnya memastikan agar kawasan-kawasan tersebut diberi tanggungjawab sama rata kepada semua penyedia perkhidmatan, sekurang-kurangnya salah satu daripada mereka perlu menyediakan liputan di kawasan tersebut? Apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh kementerian untuk mengurangkan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Rural-Urban Digital Divide* supaya penduduk luar bandar tidak ketinggalan dalam menikmati faedah daripada perkembangan teknologi komunikasi. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang, untuk soalan pertama itu, daripada segi kawasan yang tiada liputan, di bawah program *Time 3* yang saya maklumkan tadi, biasanya ia dilaksanakan melalui proses tender di mana pemberi perkhidmatan yang telah berjaya untuk melaksanakan di satu kawasan, ia perlulah melaksanakan program tersebut dalam tempoh yang ditetapkan. Untuk syarikat-syarikat lain yang tidak dapat, mereka boleh berkongsi infrastruktur yang telah disediakan oleh pemberi perkhidmatan yang telah berjaya tadi.

Walau bagaimanapun, masih terdapat kawasan-kawasan yang kurang liputan, pihak kementerian bersama pihak suruhanjaya sedang mengenal pasti beberapa kawasan tertentu melalui dengan izin, *coverage plot map* ataupun *magic map* iaitu plot peta liputan. Di mana kita akan bersama dengan pihak pemberi perkhidmatan mengenal pasti di mana kawasan yang sesuai untuk meletakkan sesuatu telekomunikasi tersebut.

Untuk soalan kedua Yang Berhormat dari Sekijang, daripada segi program pihak kementerian untuk merapatkan jurang digital. Antaranya iaitu program *Time 3* tadi yang saya maklumkan dan selain daripada itu, sebenarnya pihak kementerian melalui pihak suruhanjaya telah melaksanakan pelbagai program iaitu antaranya Pusat Internet 1Malaysia, Perpustakaan Jalur Lebar. Saya pasti kita telah mendengar Program Kampung Tanpa Wayar di mana kita telah melaksanakan sejumlah lebih kurang 4,000 lebih Kampung Tanpa Wayar di seluruh negeri dan juga *netbook* itu sebagai peranti bagi melebarkan jalur lebar di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan jawapan yang diberi tadi mengatakan bahawa syarikat pemberi perkhidmatan kongsi menara tersebut. Soalan saya adalah, apakah kaedah ataupun cara yang digunakan untuk memastikan mereka benar-benar berkongsi menara-menara tersebut kerana syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan ini adalah merupakan *competitor* antara

satu sama lain? Jadi kebanyakannya, mereka tidak ingin berkongsi. Jadi adakah apa-apa cara kerajaan gunakan untuk memaksa mereka berkongsi menara ini?

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya program perkongsian ini telah lama dilaksanakan semenjak tahun 2004 yang mana pihak pemberi perkhidmatan akan dipanggil oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan juga pihak kementerian, yang mana kita akan meletakkan kadar sekiranya BTS dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang paling tinggi sekali adalah berbeza dengan kadar yang di bawah. Jadi setakat ini, kita telah berjaya mendapatkan kesemua ketiga-tiga, kita telah berjaya mendapatkan ketiga-tiga untuk duduk bersama dan berbincang bagi mendapatkan perkongsian di antara ketiganya. Terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Tan Sri Speaker. Saya ingin bertanya soalan tentang komunikasi ini, dua soalan. Pertama ialah bagaimanakah kerajaan akan mengambil tindakan bagi mengatasi masalah *drop call* apabila kita berjalan di *highway* ataupun di jalan raya, tengah bercakap tiba-tiba *call* kita terputus dan kita kena *call* lagi? Ini sudah tentulah tidak ada kualiti daripada segi kesediaan sistem *infrastructure* telekomunikasi itu sendiri. Keduaanya, saya memohon bertanya kepada Menteri Komunikasi, apakah perancangan kerajaan dalam menyediakan *internet service* yang laju dan tinggi? Apakah kita ada kemungkinan untuk menggunakan sistem FTTH (*fiber to the home*)? Kalau ada perancangan, saya mohon supaya *pilot project* boleh dilaksanakan di Langkawi.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Soalan pertama mengenai isu *drop call*. Sebenarnya isu ini sering kali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini dan juga di Kabinet. Pihak kementerian melalui pihak suruhanjaya telah mengambil beberapa langkah proaktif antaranya mereka telah melaksanakan satu program yang dinamakan *drive test* yang mana pihak suruhanjaya akan membawa satu kenderaan yang khusus di mana dia akan melaksanakan audit daripada sepanjang *highway*. Selepas daripada keputusan audit dia, dia akan memanggil pemberi perkhidmatan yang sesuai untuk berbincang bagaimana cara yang terbaik. Satu jawatankuasa khas yang dipanggil mesyuarat koordinasi penambahbaikan liputan selular telah ditubuhkan dan dianggotai ahli keahliannya oleh pihak pemberi perkhidmatan, CEO bersama juga dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Untuk soalan yang kedua, tetapi, sebelum saya menjawab soalan kedua, walau bagaimanapun, terdapat kekangan juga sebenarnya untuk pemberi perkhidmatan apabila melaksanakan sesuatu penyediaan infrastruktur yang mana daripada segi lokasi untuk pembinaan menara. Ini adalah merupakan antara salah satu cabaran utama kerana kita tahu untuk pembinaan sesuatu menara, ia memerlukan kos yang amat tinggi. Keduaanya, kawasan yang untuk bina itu kadang-kadang ia terdapat pelbagai halangan.

■1030

Jadi ini antara salah satu cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pemberi perkhidmatan. Walau bagaimanapun kita di kementerian melalui SKMM telah meminta pihak pemberi perkhidmatan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengurangkan rungutan masyarakat ataupun rakyat mengenai dengan kekurangan liputan selular.

Untuk soalan yang kedua, sebenarnya berbagai inisiatif ataupun teknologi yang telah dikenal pasti oleh pihak kementerian melalui suruhanjaya termasuklah FTTH. Kalau kita diingatkan untuk program pelebaran jalur lebar ataupun kadangkala dipanggil lebar jalur di mana beberapa pemberi perkhidmatan telah dijemput untuk mengumpulkan beberapa cadangan dan teknologi tidak ada spesifik. Jadi pihak kementerian melalui SKMM kita akan mengenal pasti apakah teknologi yang sesuai. Sebagai misalannya kita telah melaksanakan program HSBB dan *insya-Allah* kalau perlu kita akan laksanakan juga di tempat Yang Berhormat Langkawi. Terima kasih.

4. **Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah janji untuk meningkatkan jumlah permit teksi individu akan dilaksanakan, apakah kuasa pemberian permit diletakkan pada tangan kerajaan negeri dan sama ada permit untuk syarikat besar sedia ada akan ditarik balik demi memberi peluang ekonomi lebih besar kepada pemandu individu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saudara Yang Berhormat dari Kota Kinabalu. Saya nampak soalan ini ada tiga bahagian. Pertama mengenai janji untuk meningkatkan jumlah permit teksi individu. Pertama sekali mengenai janji itu Yang Berhormat untuk makluman, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pemberian sejumlah 1,000 buah lesen teksi individu pada 24 Mac 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Penambahan lesen teksi yang akan datang akan diberikan kepada individu. Ini adalah janji kita. Memandangkan jumlah teksi sedia ada, melebihi permintaan. Maka pada masa ini tiada lesen baru dikeluarkan.

Bahagian kedua pula mengenai pemberian permit mengikut kerajaan negeri masing-masing. Jadi berkenaan kuasa pemberian permit bagi Semenanjung Malaysia, kuasa pemberian lesen terletak sepenuhnya di bawah kuasa suruhanjaya. Manakala bagi Sabah, Sarawak dan Labuan kuasa pemberian lesen masih terletak di bawah kuasa Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP). Pada masa kini, permit-permit untuk syarikat-syarikat tidak akan ditarik balik melainkan atas sebab-sebab kesalahan yang dilakukan seperti yang termaktub di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Pada hari ini SPAD kini telah memperkenalkan Skim Teksi 1Malaysia (Teksi 1M) yang mengurangkan kos pemilikan, kos operasi dan berpotensi meningkatkan pendapatan pemandu teksi dengan bantuan sistem pesanan serta meluaskan kawasan operasi itu. Itu menjawab bahagian ketiga soalan Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya, soalan tambahan. Yang Berhormat minta atau bagi tahu, ada berapa individu teksi permit di kawasan Kota Kinabalu, Sandakan dan juga di Tawau. Supaya kami boleh faham atau cukup cari makankah dia?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Sudah tentu cukup cari makan sebab semua polisi-polisi yang memberi manfaat kepada syarikat-syarikat ataupun individu yang memegang lesen teksi memang diberi, misalnya tayar semuanya itu, insurans semuanya, mereka manfaatkannya. Namun dari segi datanya, saya telah menghubungi LPKP Sabah mereka akan memberi saya data-data tersebut dan akan saya beri kepada Yang Berhormat secara bertulis dengan izin. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang. Perkhidmatan teksi adalah sebagai pelengkap kepada perkhidmatan awam (*public transport*) dan kita mahu melihat supaya selain daripada jangan melebihi daripada keperluan apakah ada bentuk kajian yang dijalankan oleh kementerian bagi memastikan supaya setiap bandar raya-bandar raya tersebut mempunyai perkhidmatan teksi yang mencukupi.

Keduanya, sebagai duta kecil pemandu-pemandu teksi seharusnya berhemah berpakaian yang senonoh dan juga dapat bertutur dan memberikan satu gambaran bahawa sebenarnya sebagai duta kecil dan juga sebagai *gateway* kepada negara kita, kita mahu melihat supaya pemandu-pemandu teksi ini terlatih dan juga tidak ada melakukan perlakuan-perlakuan yang tidak senonoh. Jadi soalan saya, adakah kerajaan akan memastikan supaya monopoli yang berlaku pada ketika ini di KLIA akan diberi peluang kepada teksi-teksi awam dan apakah langkah yang akan dibuat oleh KLIA2.

Seterusnya, adakah kerajaan membenarkan yang kita dapat lihat pada ketika ini banyak pemandu-pemandu warga asing ini. Adakah mereka diberikan permit secara individu ataupun menggunakan permit daripada orang-orang perseorangan yang lain. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak bahagian soalnya. Pertama sekali mengenai monopoli di *airport*. Sekarang ini tidak ada lagi monopoli di *airport*, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Jasin dan juga makluman rakyat di luar sana, tiada lagi yang dikatakan monopoli. Sebab sekarang ini sudah ada polisi di mana membenarkan teksi daripada bandar untuk juga boleh beroperasi di KLIA. Jadi tidak ada lagi – ini adalah untuk kita mengelak daripada adanya ulat-ulat yang akan berkempen, melobi orang-orang – mereka yang datang di *airport* itu menggunakan teksi mereka yang tidak berdaftar.

Jadi di sini kita dari segi teksi dari bandar ini, mereka dibenarkan untuk beroperasi di *airport* sekarang ini dengan ada di tingkat – sekejap saya ada maklumat kalau tidak silap, perkhidmatan teksi bandar beroperasi di tingkat satu. Mereka juga boleh menggunakan meter dan kenderaan yang sesuai yang akan diberikan peluang dan juga ini akan menjadi lebih murah lagi daripada teksi limousin di *airport*.

Untuk soalan mengenai soalan kedua, bahagian kedua tadi kalau tidak silap dari segi orang asing memang tidak dibenarkan untuk membawa teksi tetapi mereka ini memang kita perlu perhatikan...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ada, memang kita tahu sebab itu Yang Berhormat semua mintalah Yang Berhormat semua menjadi duta asing juga bagi SPAD. Untuk maklumkan kepada rakyat sana supaya janganlah naik teksi yang dibawakan dan dipandu oleh orang asing ini. [Dewan riuh] Kalau kita tahu ambil maklumat sila laporkan. Sebab sebenarnya memang mereka tidak boleh. Mereka tidak boleh memandu teksi.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Bagaimana dengan penguatkuasaannya Yang Berhormat Menteri? Bagaimana dengan penguatkuasaan, bukannya rakyat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Memang penguatkuasaan ada berlaku. Ini Yang Berhormat untuk makluman semua Yang Berhormat, perkara seperti ini bukan kita mahu. Memang bila ada penguatkuasaan berlaku, kita ada statistik juga mengatakan ada penangkapan berlaku di mana setakat ini mengikut statistik kita, terdapat di Jalan Ipoh Kuala Lumpur pada Januari 2013, seorang warganegara Pakistan telah ditangkap. Satu kes telah ditangkap dan juga dibawa ke mahkamah.

Kedua, ada dua kes yang menunjukkan warganegara dari Iran. Ketiga kes juga dari Iran juga pada tahun 2012 juga pada 23 hari bulan. Jadi memang kita tidak menafikan ini adalah satu perkara yang berlaku tetapi bukan dibenarkan. Jadi minta kerjasama semua untuk memastikan supaya perkara ini tidak berlaku. Tolong juga laporkan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang bukan cari makan punya Tuan Yang di-Pertua. Ini pesanan daripada operator-operator teksi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Duduk, duduk dulu Yang Berhormat. Semua duduk dulu. Ini sebagai - Duduk dulu. Nanti saya panggil. Sebagai peringatan Peraturan Mesyuarat 24(3)(ii) yang mengatakan bahawa apa-apa pertanyaan tambahan, maknanya merujuk kepada soalan tambahan tidaklah boleh terdiri daripada beberapa pertanyaan atau gabungan beberapa pertanyaan. Ini tidak adil bagi Ahli-ahli Yang Berhormat apabila ada soalan tambahan, soalan tambahan itu mempunyai rangkaian ataupun lebih daripada satu. Jadi ingat itu. Yang Berhormat Pokok Sena, sila.

■1040

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan memang kerajaan akan mengeluarkan permit-permit untuk individu. Akan tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tadi bahawa permit ataupun jumlah teksi ini sudah berlebihan daripada permintaan.

Adakah ini bermaksud bahawa kita hendak tunggu permintaan lebih banyak barulah permit individu itu akan dikeluarkan ataupun mungkin adakah kerajaan akan tidak memperbaharui lagi permit-permit kepada syarikat-syarikat ini. Sebab saya rasa bahawa mereka ini sudah pun mengutip keuntungan yang lumayan selama ini. Sebentar tadi juga Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut berkaitan dengan tangkapan yang dibuat kepada warga asing.

Saya fikir bahawa tindakan perlu dibuat kepada syarikat teksi kerana merekalah yang membenarkan warga-warga asing ini untuk bekerja, ada yang memandu teksi dan sepatutnya permit mereka itu, permit seluruh syarikat itu mesti dibatalkan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih. Pertama tadi mengenai yang melebihi 1,000 adakah tidak memperbaharui lagi. Setakat ini apa yang berlaku, apa yang dilaksanakan ialah SPAD akan melihat kepada syarikat-syarikat di mana ia tidak aktif. Sebab setakat ini sudah dikeluarkan lesen semenjak pengumuman itu dibuat sudah ada 500. Jadi, bermakna kita masih ada baki lagi 500. Sebenarnya sudah menepati apa yang dijangkakan.

Sekiranya ada yang tidak aktif, kita akan menghubungi mereka dan akan memberhentikan lesen mereka supaya dapat diberikan kepada orang lain. Jadi, kita masih ada baki lagi 500 untuk itu.

Jadi, kedua mengenai soalan sama ada syarikat itu diambil tindakan? Ya, memang kalau sudah ada maklumat ataupun maklumat untuk membolehkan kita mengambil tindakan terhadap syarikat, misalnya untuk mendakwa seseorang itu ataupun sebuah syarikat, perlu ada *detail* dari segi teksinya, siapa yang punya. Memang kita boleh mengambil tindakan kepada syarikat selain daripada individu yang menyalahgunakan permit kedatangannya di Malaysia ini. Terima kasih.

5. Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk membina balai bomba seperti berikut:

- (a) balai bomba di Pekan Belaga, Bahagian Kapit; dan
- (b) balai bomba di Penempatan Semula Sungai Asap, Daerah Belaga, Bahagian Kapit.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Hulu Rajang, yang pertama berkaitan dengan Balai Bomba Pekan Belaga. Untuk makluman Yang Berhormat, perolehan tanah untuk pembinaan balai bomba bantuan di Pekan Belaga seluas 1.2 ekar akan diselesaikan dalam suku tahun ketiga bagi tahun 2015.

Balai bomba kategori D yang bernilai RM3 juta ini Yang Berhormat, dirancang untuk dilaksanakan di bawah *rolling plan* yang pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu pada tahun 2016 hingga ke tahun 2017. Sementara menunggu balai bomba yang dirancang ini siap Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bomba sukarela di Belaga akan terus diperkasa dengan menambah sebuah lagi kenderaan pacuan empat roda untuk kegunaan pasukan bomba sukarela yang tersebut Yang Berhormat dan juga untuk membekalkan *personal protective equipment* (PPE) bagi mempertingkatkan lagi perkhidmatan kebombaanan di kawasan Pekan Belaga.

Selain daripada itu pasukan bomba sukarela bersama-sama dengan pasukan PDRM Pekan Belaga akan bersama-sama bekerjasama untuk terus memberikan perkhidmatan penyelamatan awal sementara kita tunggu balai bomba baru itu siap.

Bagi soalan yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan penempatan semula balai bomba bagi kawasan Sungai Asap. Buat masa ini Yang Berhormat, kementerian belum lagi bercadang untuk membina balai bomba di kawasan penempatan semula Sungai Asap dan ini adalah kerana berdasarkan kepada kajian perlindungan kebakaran bagi menentukan tahap risiko kebakaran yang terdapat

dalam kawasan tersebut menunjukkan bahawa pasukan Bomba Sukarela Sungai Asap masih lagi mampu untuk memberikan perkhidmatan kebombaanan kepada penduduk dan di kawasan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, kementerian akan terus menjalankan kajian dari semasa ke semasa Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan keperluan kebombaanan yang terbaik bagi kawasan Sungai Asap dan juga kawasan-kawasan lain di negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum balai bomba didirikan atau diberikan kepada kawasan penempatan semula di Sungai Asap, adakah kementerian mengambil inisiatif yang dapat diguna pakai oleh penduduk Sungai Asap sebelum ianya diberikan balai bomba pada masa akan datang.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana saya sebutkan tadi pasukan bomba sukarela, kita akan mantapkan lagi pasukan bomba sukarela yang ada di kawasan penempatan Sungai Asap. Kita akan tambahkan dari semasa ke semasa peralatan yang akan membantu untuk memberikan sokongan kepada pasukan bomba sukarela dalam usaha untuk mengatasi masalah kebakaran yang risikonya tidak begitu tinggi di kawasan Sungai Asap. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada apa yang telah dijawab oleh pihak Menteri sebentar tadi, sering kali kita melihat kebakaran berlaku di kawasan penduduk padat dan juga di kawasan pendalaman lambat untuk diambil tindakan oleh pihak bomba dan juga kita melihat sering kali suasana itu menyebabkan melibatkan kemalangan jiwa.

Jadi, persoalan saya ialah berapa sebenarnya jarak kedudukan tepat balai bomba dengan kawasan penduduk untuk menjamin cepat sampai pada waktu dan juga sempat menyelamatkan penduduk serta apakah faktor yang sering berlaku kelewatan sehingga kebakaran memusnahkan sebuah kampung. Sebagai contoh, apa yang terakhir berlaku ialah di Sibul. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan ini spesifik. Soalan tambahan *general*. Terpuang kepada Menteri untuk menjawab.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menjawab kepada soalan spesifik daripada Hulu Rajang. Maklumat saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Takkanlah tidak boleh jawab, amboi. *[Ketawa]*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada penggal yang lepas saya pernah menyuarakan kepada KPKT tentang mewujudkan bomba air. Sebab daripada pengalaman kebakaran yang terjadi kebelakangan ini di kampung-kampung di pesisir sungai, di mana bomba tidak dapat mengawal kebakaran sebab ianya terlalu padat akan tetapi boleh dibuat melalui sungai.

Jadi, dulu pernah saya menyuarakan tentang mewujudkan bomba air ini. Jadi, saya minta apakah kementerian boleh menimbang untuk mewujudkan pasukan bomba air ini supaya dapat memastikan dalam mengawal kebakaran dan menangani masalah kebakaran di kampung-kampung di pesisir sungai yang tidak ada *accessible by road* akan tetapi boleh diakses menggunakan air. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat daripada kawasan Limbang. Bagi kawasan Sabah dan Sarawak Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk pasukan bomba air ini akan dimasukkan dalam perancangan-perancangan yang akan kita lakukan terhadap mana-mana pembinaan balai-balai bomba yang baru. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payahlah bimbang kerana kita sudah masukkan dalam *planning* itu, terima kasih.

[Soalan No.6 – Yang Berhormat Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli (Dungun) tidak hadir]

7. **Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah program-program belia mendapat sambutan daripada belia di kawasan luar bandar dan sejauh mana penglibatan golongan belia dalam aktiviti pembangunan di kawasan luar bandar. Adakah kementerian merancang untuk mewujudkan pusat-pusat usahawan untuk menjadi platform belia terlibat dalam bidang keusahawanan khususnya di kawasan luar bandar.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, program-program yang dilaksanakan oleh kementerian tidak sekadar berpusat mengikut lingkungan geografi tetapi adalah secara menyeluruh sama ada di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Antara program-program yang dilaksanakan adalah program kemahiran, kepimpinan, keusahawanan, kesukarelaan dan kesukanan. Dari segi sambutan belia terhadap program-program kementerian di kawasan luar bandar secara umumnya ia mendapat sambutan menggalakkan.

Sebagai contoh, Program Astro Fiesta Mesra Belia 1Felda 1Malaysia mendapat sambutan sekitar 5,000 bagi setiap satu daripada 13 program yang diadakan. Pada masa yang sama program-program lain seperti Program Mesra Belia, Gerakan Transformasi Penggerak Muda yang telah dilaksanakan sebanyak 150 dan 361 program setiap satu mendapat sambutan optimum sasaran yang ditetapkan.

■1050

Untuk makluman Yang Berhormat, di Kota Samarahan, sebanyak 65 program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 hingga Jun 2013. Sepanjang tempoh tersebut, seramai 42,946 orang belia telah menyertai pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan. Jumlah penyertaan tersebut menunjukkan bahawa program yang dilaksanakan kementerian sememangnya dapat menarik minat serta penyertaan golongan belia daripada kawasan luar bandar.

Kementerian juga sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi memastikan program-program ini mendapat penglibatan menyeluruh daripada belia daripada peringkat akar umbi. Tuan Yang di-Pertua ada jawapan bahagian yang kedua. Kementerian memperakui bahawa bakat keusahawanan di kalangan belia harus dipupuk kerana ia bukan sahaja membantu merancakkan ekonomi bahkan satu medium pengupayaan anak muda. Dalam aspek ini usaha pembangunan usahawan dilaksanakan melalui Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) di Batu Gajah, Perak. Kementerian turut mengadakan program-program pembangunan keusahawanan seperti Kursus Pelabelan dan Reka Bentuk Produk, *Smart Partnership* Usahawan Belia dan Pengurusan Kewangan.

Selain itu IKBN juga ada menerapkan elemen keusahawanan di kalangan pelajar-pelajarnya dan modul-modul yang dibangunkan dapat memberi pendedahan terhadap dunia keusahawanan. Sebagai contoh IKBN Kemasek, Alor Gajah dan Miri telah mewujudkan *kiosk* masing-masing bagi membolehkan pelajar ini menjalankan aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan.

Para belia juga boleh mengikuti kursus keusahawanan yang ditawarkan oleh agensi-agensi lain seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, MARA di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu padat sekali. Soalan tambahan saya, belia yang paling berisiko ialah belia lepasan sekolah. Sejauh manakah peranan dan usaha kementerian dalam memastikan aktiviti-aktiviti yang dirancang dan juga kemudahan-kemudahan yang disediakan mencapai sasaran untuk menarik golongan ini terlibat sama?

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, antara contoh program yang kita buat terutamanya bagi golongan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu lepaan sekolah adalah program yang melibatkan kemahiran kepimpinan dan keusahawanan. Kita memang memberikan tumpuan kepada golongan tersebut sebagai golongan yang paling berisiko tinggi. Antara program yang kita jalankan adalah program yang dinamakan program 3K Belia Bestari yang fokus kepada kepimpinan, keusahawanan dan kemahiran.

Ini bentuk program *short term* modul atau modul jangka masa pendek di mana kita sasarkan mereka yang tercicir daripada arus perdana pendidikan dan kita saringan mereka mengikut kompetensi mereka. Jadi kalau mereka ada kemahiran ada kompetensi dalam latihan amali, kita salurkan dalam latihan kemahiran. Kalau mereka nampak ada keinginan untuk menjadi usahawan, kita bangunkan secara francais dan sebagainya.

Ini adalah satu agenda penting bagi Kementerian Belia dan Sukan bahawa kumpulan yang tercicir daripada arus perdana ini akan kita masukkan dalam program kita dan saya mengakui bahawa program kita di bawah KBS ini sentiasa perlu kita kemas kini supaya dapat menepati cita rasa yang mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan perasaan simpati kepada Yang Berhormat Menteri kerana rumah masuk pencuri. Semoga Yang Berhormat Menteri masih lagi sihat dan cergas menjalankan tugas dan harap-harap dapat memerangi jenayah bersama pihak sebelah sini.

Soalannya di sini Yang Berhormat Menteri, apakah usaha kerajaan – Apakah sudah berlaku kepada Rancangan Rakan Muda yang dulu telah pun dirancakkan oleh kementerian dan apakah usaha kerajaan untuk membantu khususnya belia-belia yang tercicir dari sekolah yang terlibat dalam gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, budaya lepak, budaya bohsia? Apakah langkah konkrit yang akan diambil untuk memastikan di mana belia-belia dalam golongan ini tidak tercicir ataupun terpinggir daripada arus pembangunan tanah air kita? Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Taiping dan terima kasih atas ucapan tadi. Kalau Yang Berhormat ada maklumat tambahan mengenai penjenayah-penjenayah, sila maklumkan kepada saya ataupun pihak polis. Terima kasih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Taiping, terima kasih atas soalan tadi. Saya melihat bahawa keprihatinan Ahli Yang Berhormat tentang Program Rakan Muda adalah amat tepat sekali waktu saya mengambil alih dan buat kajian kepada program-program kita. Didapati sekarang bahawa Program Rakan Muda masih lagi dijalankan dan untuk makluman Yang Berhormat contohnya tahun lepas, aktiviti Gaya Hidup Rakan Muda di Kompleks Rakan Muda seluruh negara kita telah menerima seramai 10,543 peserta.

Manakala untuk Rakan Muda Jiran Muda pada tahun 2011 ada dalam seribu jumlah peserta. Rakan Muda Ramadhan tahun lepas seramai 44,554, Program Anugerah Remaja Perdana iaitu program anugerah untuk Rakan Muda di bawah kementerian yang seperti *Duke of Edinburgh's Award*, kita ada seramai 97 pemimpin muda yang telah ditauliahkan pada tahun lepas dan banyak lagi program yang dijalankan oleh Rakan Muda.

Cuma saya mengakui bahawa Rakan Muda pada hari ini walaupun masih lagi dapat penyertaan yang cukup ramai tetapi mungkin sekali lagi seperti mana soalan daripada Yang Berhormat Kota Samarahan perlu kita *updatekan* lagi, perlu kita kemas kini lagi supaya ia lebih sesuai kepada kehendak orang muda pada hari ini. Satu perkara yang mungkin saya minta Yang Berhormat sendiri bantu saya adalah penglibatan daripada belia-belia kaum minoriti. Ini kerana didapati bahawa masih lagi di KBS, program-program kita terlalu ramai ataupun majoriti peserta untuk program-program kita terdiri daripada satu kaum iaitu kaum bumiputera. Jadi saya harap dengan kepimpinan Yang Berhormat di kalangan orang belia kaum Tionghoa dapat membantu saya untuk meramaikan lagi masyarakat belia Cina untuk bersama dengan kita di KBS.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kebetulan Menteri ada di sini hari ini, saya hendak bertanya sebab semalam ada tuduhan mengatakan program-program KBS ini seolah-olah menggunakan golongan belia hanya

untuk meramaikan program-program tersebut dan diberikan pandangan juga antara program-program itu termasuklah program-program yang melibatkan IM4U. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab soalan ini. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Sekijang dan kebetulan juga Pengerusi Majlis Belia FELDA, saya rasa beliau juga sedia maklum tentang perkara ini. Kita tidak boleh menafikan bahawa ada tanggapan yang mengatakan bahawa bagi setiap program ada usaha untuk kejar-kejar hendak dapatkan *crowd* yang begitu ramai. Akan tetapi bagi saya kepimpinan KBS, kita menitikberatkan soal kualiti dan bukan kuantiti, soal kualiti *participation*. Jadi walaupun kita masih lagi KPI dari segi peserta yang hadir, bilangan dan sebagainya tetapi bagi kita yang lebih penting adalah output kualiti kita.

Soal itu kita akan memberi lebih banyak tumpuan kepada program kepimpinan, pembangunan kepimpinan keusahawanan di mana KPI di bukan berapa ramai yang datang menghadiri kursus tersebut tetapi akhirnya berapa ramai pemimpin yang dapat dilahirkan, berapa ramai francais yang dapat dilahirkan, berapa ramai contohnya pekerja mahir yang dapat dilahirkan. Jadi saya ambil maklum tentang kerisauan Yang Berhormat tetapi isu kualiti *versus* kuantiti ini tetapi saya harap bahawa Yang Berhormat sedia maklum bahawa saya akan pentingkan soal aspek kualiti. Terima kasih.

8. Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan] minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah memastikan siswa perguruan di Institut Pendidikan Guru dan institusi pengajian tinggi tidak mengganggu apabila kerajaan tidak lagi menjamin mereka dilantik menjadi guru. Apakah langkah untuk menyesuaikan jumlah pengambilan baru dengan keperluan semasa.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM mengambil berat dan sentiasa mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan jumlah pengambilan baru dengan keperluan semasa guru adalah seimbang. Walau bagaimanapun perubahan dalam pertambahan perjawatan dan persaraan telah menjejaskan keseimbangan keperluan dan penawaran guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan penjajaran ambilan latihan perguruan di IPG dan IPTA bagi menyesuaikan penawaran dengan keperluan guru. Langkah ini bertujuan untuk mengekang lebihan graduan pendidikan dari berlarutan.

■1100

Kementerian Pendidikan Malaysia juga sedang menjalankan kajian unjuran keperluan dan bekalan serta dasar penempatan dan pertukaran guru dan kumpulan pelaksana melalui pihak perunding yang dilantik iaitu Unit Perundingan Universiti Malaya.

Kajian ini telah dijalankan mulai Februari tahun 2013 dan mengambil tempoh masa selama 12 bulan. Salah satu objektif kajian ialah mencadangkan pendekatan yang terbaik bagi pelaksanaan pengambilan guru daripada pasaran terbuka kepada graduan pendidikan. Hasil kajian ini akan dikemukakan kepada pengurusan tertinggi kementerian untuk memutuskan kaedah yang terbaik dalam menangani isu siswa perguruan. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Soalan tambahan Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik soal perpaduan kaum yang boleh dipupuk dari sekolah. Perspektif memupuk perpaduan dan persefahaman ini bukan soal aliran sekolah semata-mata tetapi juga persoalan komposisi guru di sesuatu sekolah daripada kaum yang pelbagai.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah guru-guru dari kaum Cina, India, Iban, Kadazan, orang asal dan lain-lain yang diambil ke dalam sektor perguruan setiap tahun. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan supaya kita boleh meningkatkan kepelbagaian kaum dari kalangan guru-guru di sekolah-sekolah kita.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat. Memandangkan maklumat yang diminta oleh Yang Berhormat yang berkaitan dengan anggaran, saya akan menyampaikan maklumat ini dalam bentuk bertulis.

Berkaitan dengan memastikan bahawa kaum yang dipelbagaikan mengikut program-program perguruan di IPGM masing-masing, Kementerian Pendidikan Malaysia ada menyediakan atau menawarkan kursus *specifically*, dengan izin. Di mana sekiranya katalah kita hendak melihat kaum Cina mengikut program yang ditawarkan oleh IPGM, kita ada satu program yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina.

Untuk kaum atau bumiputera, kita juga ada program seperti KPLI, j-QAF. Kita juga ada program seperti *Bachelor of Teaching of English as a Second Language*, dengan izin dan di sini kita boleh melihat bahawa kaum yang dipelbagaikan memohon untuk ikut program-program. Untuk kaum India, kita juga ada program khas untuk pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Tamil.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ditanya jumlah *intake* cikgu yang diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri jawab apa program.

[*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu bukan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Pandan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri kena jawab mengikut soalan yang ditanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Batu, duduk Ahli Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat Batu, jaga kawasan lah Yang Berhormat Batu, jaga kawasan lagi baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat tahu dan faham peraturan mesyuarat. Ada soalan, ada jawapan. Jawapan tidak semestinya memenuhi selera semua Ahli Yang Berhormat. Jadi, jangan soalan orang lain, dijawab Menteri berkenaan, orang lain yang campur hal. Yang Berhormat Batu, kalau Yang Berhormat Batu masih mengganggu lagi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh saya jawab?

Tuan Yang di-Pertua: ...Persidangan ini, saya akan suruh Yang Berhormat Batu keluar sekarang.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak, tidak. Saya hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat lain, tolong senyap. Ahli-ahli Yang Berhormat, faham lah Ahli Yang Berhormat. Parlimen ke-13 kita mahu transformasi. Kita mahu reformasi. Kita mahu ubah. Kita mahu melangkah ke Parlimen yang demokrasi matangnya. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Kinabatangan soalan tambahan jangan panjang-panjang dia punya bunga-bunga. Terus soal.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kalilah Tuan Yang di-Pertua. Tidak panjang. Yang Berhormat, kementerian sedarkah bahawa di Sabah ini kekurangan guru memang begitu ketara terutama sekali dalam bidang bahasa Inggeris. Jadi, apakah kementerian berhasrat untuk mengambil guru-guru di kalangan graduan tempatan di Sabah untuk dilantik sebagai guru sementara kah, guru kontrak kah untuk mencukupi keperluan

sekolah-sekolah di Sabah. Kalau setuju, bila akan dilaksanakan? Kalau tidak kenapa? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan kekurangan guru Bahasa Inggeris. Saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia sudah berusaha untuk mengadakan data keluaran graduan bagi penempatan sekolah menengah dan sekolah rendah pada tahun 2012 sehingga tahun 2018.

Isu-isu yang sudah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi sudah diambil kira dan untuk makluman Yang Berhormat khususnya untuk guru bahasa Inggeris, IPGM tawarkan *Bachelor of Education TESL* untuk sekolah menengah. Selain daripada itu, IPTA juga tawarkan kursus yang berkaitan dengan *Bachelor of Education TESL* untuk sekolah rendah. Mengang ini dalam perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Inggeris di Sabah.

Selain daripada itu, usaha juga ada dibuat yang berkaitan dengan perbandingan unjuran keluaran dan keluaran sebenar graduan pendidikan mulai tahun 2012 hingga tahun 2018. Di sini juga saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa apabila kita rujuk kepada data, data sebenarnya adalah *living data*. Jadi, dengan izin ini bermakna bahawa data yang hidup dan apabila kita buat pengunjuran ada juga kemungkinan bahawa data akan ubah seperti yang saya sudah jawab tadi bahawa ini ada berkaitan dengan persaraan dan kes-kes kepada pertukaran dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu. Kalau ada persoalan, saya bagi Yang Berhormat soalan tambahan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak kembali kepada soalan tadi yang dibawa. Berapa jumlah peratusan guru daripada masyarakat Iban, daripada masyarakat KDM, daripada masyarakat Tionghoa dan India yang diambil setiap tahun?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat ada dengar dengan baik, saya sudah jawab bahawa jawapan saya akan disampaikan kepada Yang Berhormat dalam bentuk tulisan. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini sikap yang angkuh, sombong ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, bertenang Ahli Yang Berhormat.

9. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kementerian akan mengambil sebarang tindakan untuk mengatasi masalah kesesakan trafik yang semakin meningkat di kawasan luar bandar seperti Kuala Selangor. Apakah perancangan kementerian selepas projek Lebuhraya LATAR di Kuala Selangor serta tindakan-tindakan lain dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Kuala Selangor.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan Bancian Trafik Kebangsaan 2010, jumlah bilangan trafik yang melalui jalan persekutuan FT5 di Kuala Selangor ialah lebih kurang 35,000 unit kenderaan sehari. Jumlah tersebut berada pada tahap perkhidmatan kesesakan ataupun dengan izin *level of service D* iaitu aliran trafik masih bergerak lancar dengan kesesakan minima.

Walau bagaimanapun, sememangnya terdapat peningkatan bilangan kenderaan di laluan tersebut pada cuti mingguan dan musim perayaan tertentu sehingga menimbulkan kesesakan khususnya di kawasan bandar Kuala Selangor.

■1110

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurangkan kesesakan tersebut, kerajaan antara lain telah meluluskan projek membina Lebuhraya Pantai Barat atau *West Coast Expressway* (WCE) dengan izin, iaitu melibatkan sebahagian besar jajaran dari Taiping ke Banting sepanjang 233 kilometer. Skop pembinaan lebuhraya ini termasuk pembinaan jajaran baru lebuhraya dari Banting ke Tanjong Karang melalui Kuala Selangor. Apabila siap kelak, pengguna dari arah Banting dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor ataupun LATAR, tidak lagi perlu memasuki bandar Kuala Selangor untuk menuju ke bahagian utara negeri Selangor dan sebaliknya.

Perjanjian konsesi Lebuhraya Pantai Barat ini telah ditandatangani pada bulan Januari 2013 yang lalu dan lebuhraya tersebut dijangka akan siap sepenuhnya dalam tempoh 60 bulan atau lima tahun bermula daripada tarikh kuat kuasa perjanjian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya secara peribadi mengucapkan jutaan terima kasih di atas penjelasan tadi. Jawapan tadi sedikit sebanyak melegakan saya serta pengguna jalan raya terutamanya rakyat di Parlimen Kuala Selangor. Soalan tambahan saya, bagaimanakah pembinaan jalan raya atau lebuhraya ini boleh memberikan manfaat kepada pengguna jalan raya terutamanya rakyat di Parlimen Kuala Selangor? Adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf serta melebarkan jalan-jalan utama di Kuala Selangor demi keselesaan rakyat Kuala Selangor serta untuk mengurangkan statistik kemalangan jalan raya yang turut juga meningkat di daerah dan juga Parlimen Kuala Selangor. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan dan saya juga mengucapkan terima kasih di atas soalan yang begitu baik, yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun 2006 projek naik taraf jalan raya dari Klang ke Sabak Bernam melalui Kuala Selangor telah dilaksanakan, yang mana penaiktarafan ini melibatkan jalan raya yang telah dinaik taraf daripada dua laluan kepada empat laluan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, di Kuala Selangor kita mempunyai dua jalan persekutuan iaitu jalan FT5 yang telah saya nyatakan projek kenaikan taraf tadi dan juga FT54. Sekiranya Yang Berhormat bertanyakan mengenai manfaat, sudah tentu dengan pembinaan lebuhraya ini banyak memberikan manfaat kepada penduduk Kuala Selangor khususnya disebabkan oleh bukan sahaja ianya dapat menyelesaikan masalah trafik tetapi pada masa yang sama boleh memberikan laluan yang mudah ataupun laluan pintas kepada penduduk-penduduk supaya masalah kesesakan yang berlaku di bandar Kuala Selangor tersebut dapat diselesaikan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, selain daripada projek naik taraf jalan Klang ke Sabak Bernam melalui Kuala Selangor yang telah saya nyatakan iaitu sebanyak RM600 juta telah diluluskan untuk tujuan ini, penyelenggaraan jalan-jalan juga dilaksanakan di Parlimen Kuala Selangor. Pada tahun 2012, saya ingin nyatakan sebanyak RM6 juta telah diluluskan untuk projek penyelenggaraan jalan di Parlimen Yang Berhormat. Pada tahun ini, sebanyak RM3.6 juta telah diluluskan setakat bulan Jun 2013. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banting-Taiping, lebuhraya yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya nak bertanya kepada Timbalan Menteri, saya difahamkan Lebuhraya Pantai Barat ini konsesinya tol sepanjang 50 tahun dan ini merupakan satu rekod sejak kemerdekaan. Dulu tol *PLUS Highway* berakhir 30 tahun tetapi tol untuk Lebuhraya Pantai Barat ini 50 tahun. Kedua, kos pengambilan tanah bukan ditanggung oleh syarikat itu tetapi sebaliknya kos pengambilan tanah sebanyak lebih kurang RM988 juta ditanggung oleh kerajaan iaitu pembayar cukai. Ketiga, selain daripada tempoh kutipan tol yang paling panjang, kos pengambilan tanah ditanggung oleh kerajaan,

kerajaan juga memberikan subsidi faedah sebanyak RM2.24 bilion daripada kadar pinjaman, 3% faedah ditanggung oleh kerajaan.

Saya nak tanya di sini kepada Timbalan Menteri, mengapakah kerajaan bersetuju perjanjian berat sebelah ini? Adakah kerajaan menjaga kepentingan awam demi ketulusan ataupun akauntabiliti pentadbiran? Adakah kerajaan akan mengemukakan perjanjian konsesi ini supaya dia dapat untuk menjaga dan membela kepentingan awam? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Seperti yang saya nyatakan Yang Berhormat, konsesi ataupun perjanjian ini telah ditandatangani pada Januari 2013. Akan tetapi Yang Berhormat perlu faham, di dalam perjanjian kerajaan yang melibatkan konsesi seperti ini, melibatkan klausa bersyarat Yang Berhormat ya ataupun dalam bahasa Inggerisnya, *condition precedent*. *Condition precedent* yang saya nyatakan adalah mengenai *financial close*. Yang Berhormat juga saya difahamkan merupakan seorang peguam. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan ataupun Kementerian Kerja Raya masih menunggu syarikat konsesi untuk memuktamadkan *financial close* tersebut. Syarikat diberikan sembilan bulan untuk memenuhi iaitu sebelum Oktober pada tahun ini untuk mematuhi *financial close*. Jadi itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Jika terma belum dimuktamadkan, mengapa tadi Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, yang mana lebuhraya ini akan siap dibina dalam tempoh lima tahun? Adakah ini memesongkan Dewan yang mulia ini?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Seperti yang saya kata tadi, banyak syarat-syarat yang masih belum dimuktamadkan, Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan, seperti sehinggalah *financial close* ini dipenuhi, iaitu diberikan sembilan bulan untuk syarikat konsesi ini iaitu sebelum Oktober dan sehingga *financial close* ini dipenuhi, perjanjian ini belum dapat dimuktamadkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu tanya soalan tambahan mengenai Jalan Kidurong sama Jalan Bintulu Port ini. Ini selalu...

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Luar tajuk.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana ada luar, ini jalanlah ini. [Disampuk] Sarawak, tadi dia tanya Perak. Yang Berhormat Tumpat banyak kacaulah ini. Tuan Yang di-Pertua, Jalan Bintulu Port ini memang kemalangan demi kemalangan. Masalahnya, kita sudah soal banyak kali tetapi kita dengar daripada Kementerian Kerja Raya kata sudah dalam rancangan, rancangan pun demi rancangan. Saya sudah empat penggal di Dewan yang mulia ini. Saya nak tanya kementerian ini, bila rancangan ini baru kita dapat selesai dan projek ini *diupgrade*, naik taraf di *junction* itu termasuk *flyover*. Bila boleh kita dapat bina? Sekian, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini merupakan soalan spesifik, saya akan berikan Yang Berhormat Bintulu jawapan bertulis. Terima kasih.

10. Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah kos projek PPSMI sejak ia dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Tuan Yang di-Pertua, anggaran jumlah kos projek PPSMI semenjak dilaksanakan pada tahun 2003 adalah sebanyak RM6 bilion. Kos tersebut meliputi penyediaan peralatan, latihan guru dan juga bayaran insentif subjek pendidikan PISP. Sekian, terima kasih.

■1120

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah masih ada lagi bayaran insentif sebanyak 10% diberikan kepada guru-guru yang terlibat?

Keduanya ialah macam mana kedudukan barang-barang, LCD dan juga *laptop* yang digunakan semasa PPSMI dilaksanakan. Ini kerana mengikut maklumat banyak barang-barang tersebut tidak diurus dengan baik kerana masalah dari segi kewangan yang dialami di sekolah-sekolah.

Ketiganya, adakah kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan sedar bahawasanya projek PPSMI ini gagal untuk mencapai matlamat kerana inilah luahan daripada hampir 70 orang profesor ketika pelaksanaan awal hendak melaksanakan tidak dipersetujui oleh mereka. Sekian.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang terdiri daripada tiga perkara. Hal yang berkaitan dengan PISP, guru-guru yang masih mengajar matematik dan sains dalam bahasa Inggeris layak menerima PISP tetapi guru-guru yang mengajar di sekolah di mana PPSMI tidak dilaksanakan tidak layak untuk menerima PISP.

PPSMI sedang dalam satu proses *soft-landing* – adalah di mana PPSMI sekiranya katalah ada guru-guru atau atas permintaan dari ibu bapa untuk terus melaksanakan pengajaran dan pembelajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris, ini bermakna mereka boleh teruskan. Pada tahun 2020 ini merupakan *batch* yang terakhir di mana PPSMI dilaksanakan. Pada tahun 2011, PPSMI telah digantikan dengan MBM iaitu memartabatkan bahasa Malaysia, MBI mengukuhkan bahasa Inggeris.

Berkaitan dengan *laptop* atau *projector*, LCD dan lain-lain, guru-guru yang mengajar mata pelajaran yang lain menggunakan kemudahan-kemudahan yang sudah diedarkan kepada sekolah. Di sini juga saya hendak berkongsi pengalaman di mana pada masa saya menjadi Pengetua di Sekolah Menengah Teknik Tawau, kita menggunakan *laptop* yang dihantar kepada sekolah dalam *lab* atau makmal komputer. Selain daripada itu oleh kerana mata pelajaran yang lain juga digunakan dengan menggunakan *projector* atau LCD, jadi guru-guru yang mengajar mata pelajaran yang lain juga menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut.

Berkaitan dengan kegagalan PPSMI dan soalan yang dikemukakan tadi adalah adakah Kementerian Pendidikan Malaysia sedar tentang kegagalan PPSMI. Jadi saya rasa apabila Kabinet membuat satu keputusan untuk *soft-landing* pada 4 November 2011, ini adalah satu *Cabinet's decision*, dengan izin, di mana keputusan ini dibuat berdasarkan data-data yang dikumpulkan di mana dikatakan bahawa PPSMI boleh dimansuhkan dan diganti dengan inisiatif baru dalam *Government Transformation Plan* iaitu MBM dan MBI yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya apakah kejayaan yang telah dicapai untuk PPSMI?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, terima kasih atas soalan itu dan di sini saya hendak rujuk balik kepada objektif-objektif PPSMI. Di sini saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa objektif PPSMI bukan bertujuan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris tetapi objektifnya adalah untuk mendapat maklumat dalam bidang sains dan matematik.

PPSMI bukan salah satu cara untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris tetapi untuk belajar bahasa Inggeris dengan berkesan ada banyak cara yang lain. Itulah kita mengadakan satu inisiatif iaitu MBI di mana kita ada banyak inisiatif di sini yang terdiri daripada beberapa contoh. Saya boleh beri di sini berkaitan dengan satu sistem *mentoring*. Kita juga ada satu program penutur jati.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Soalan, jawab soalan!

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Inilah saya punya jawapan! Dari aspek mana *you* hendak saya jawab? Saya sudah jawab dan jangan ganggu.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini Timbalan Menteri paling sombong!

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Cikgu marahlah! Cikgu marah!

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Kalau katalah Yang Berhormat tidak berminat untuk mendengar jawapan saya...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Okey, sudah, sudah.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: ...Saya rasa tidak perlu saya lengkapkan jawapan saya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, ini patut dihukum.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Cikgu, jangan marah cikgu! Jatuh standard.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Jangan marah ya. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri yang menjawab soalan tadi itu adalah mantan pengetua sekolah yang... [Ketawa] Ahli-ahli Yang Berhormat, yang punya pengalaman luas. Jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat belum pernah jadi guru itu tolong janganlah terlampau panjang..

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, izin satu lagi soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Saya bagi sama Yang Berhormat Kepong. Sila Yang Berhormat Kepong. Soalan yang ada *soft landing* sedikit. Sila.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Selepas ini Kota Raja, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, alang-alang berdakwat, biar hitam.

Seorang Ahli: Yang kekal.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang kekal. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Itu Yang Berhormat Kepong belum *landing* lagi. Saya tidak faham. Silakan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, apakah impak dengan perbelanjaan RM6 bilion ini ke atas pendidikan di Malaysia dan apakah perbezaan di antara MBM, MBI dan PPSMI? Bukankah itu usaha untuk melatih lebih beribu guru bahasa Inggeris untuk mengembalikan kepada PPSMI?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, berkaitan dengan soalan adalah di mana adakah apabila kita mengadakan MBM dan MBI ini, adakah ini satu usaha untuk mengembalikan PPSMI. Di sini saya hendak sampaikan sekali lagi kepada Yang Berhormat bahawa keputusan yang dibuat oleh Kabinet pada 4 November 2011 adalah di mana PPSMI dimansuhkan. Terima kasih.

11. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah terkini keseluruhan kakitangan awam persekutuan dalam seluruh negara yang status jawatan tetap; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan dalam menangani tuntutan ramai yang ingin berkhidmat dalam Kerajaan walaupun penempatan terhad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Awal sedikit, saya juga bekas pensyarah bukan pengetua.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 18 Jun 2013, jumlah kakitangan awam persekutuan yang berstatus tetap ialah seramai 1,132,749. Akan tetapi angka ini sudah pasti akan bertukar setiap hari.

■1130

Soalan (b) tentang usaha kerajaan dalam menangani tuntutan ramai yang ingin berkhidmat dengan kerajaan dan walaupun penempatannya terhad. Jawapan ialah sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan dan bantuan kepada rakyat dalam menjana pendapatan dan menaikkan taraf sosioekonomi mereka. Sebagai contohnya, sistem pendidikan di negara kita banyak menyediakan platform untuk pelajar meningkatkan kemahiran dan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Para graduan ini diberikan peluang untuk mengisi kekosongan jawatan di sektor awam, sektor swasta ataupun menyertai program-program keusahawanan yang disediakan oleh kerajaan. Jadi saya harap, kita tidak berpendirian bahawa tujuan utama kerajaan ialah untuk menyediakan tempat berkhidmat di sektor awam. Sebenarnya, cuma satu daripada saluran kita berkhidmat di sektor awam ini. Lebih ramai yang berkhidmat di sektor swasta. Kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan. Sebagai contohnya Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED), Tabung Usahawan Siswazah dan Tabung Ekonomi Belia. Kalau hendak tahu lebih mendalam Tabung Ekonomi Belia ini, ada Yang Berhormat dari Rembau boleh terangkan.

Selain itu, bantuan kemahiran dan khidmat nasihat juga ditawarkan oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Kerajaan turut menyediakan program latihan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Contohnya melalui Skim *Graduate Employability Management Scheme* (GEMS), dengan izin melalui TalentCorp.

Pokoknya Tuan Yang di-Pertua, lebih banyak lagi peluang di sektor awam untuk orang yang ingin berkhidmat sama ada di peringkat *income* yang tinggi ataupun dalam bahagian teknikal. Saya harap kita tidak menganggap sektor awam ini sebagai cuma satu tempat yang dapat kita berkhidmat. Sekian, terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.33 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.00 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 4 Julai 2013.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta bangkitkan satu peraturan mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 36(4) dan (6). Boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya putuskan dahulu ini usul?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Sorry*, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf mencelah tadi sebelum usul dibuat. Peraturan mesyuarat yang saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan pelanggaran Peraturan Mesyuarat 36(4) dan (6).

Saya telah tulis satu surat bertarikh 1 Julai yang dialamatkan kepada Timbalan Yang di-Pertua Ahli Parlimen Kuala Krau membangkitkan pelanggaran Peraturan Mesyuarat 36 yang telah dilakukan oleh Ahli dari Ketereh. Minggu lepas pada 26 Jun apabila dalam perbahasan Titah Diraja, ahli yang saya sebut Ahli Yang Berhormat Ketereh telah merujuk terus kepada Ketua Pembangkang semasa Ketua Pembangkang berucap, berbahas dan menyatakan kenyataan ini dan saya *quote*, "*Ketua Pembangkang ini adalah the devil that we know*".

Perkataan macam itu memang jelas kurang sopan dan biadab dan adalah sangkaan jahat dan tidak wajar diutarakan oleh mana-mana anggota Dewan ini, baik daripada kerajaan ataupun pembangkang. Saya telah tulis surat ini kepada Timbalan Speaker untuk mendapatkan satu keputusan memohon satu keputusan daripada Timbalan Speaker sama ada buat satu *ruling*lah iaitu inilah pelanggaran dan mengarahkan Ahli Yang Berhormat Ketereh menarik balik kenyataan itu.

Jadi, saya minta bantuan daripada Tuan Yang di-Pertua sebagai pegawai yang tertinggi dalam Dewan ini untuk mendapatkan keputusan itu dan memberitahu kepada Dewan apakah keputusan itu. Oleh sebab itu, saya bangkitkan perkara ini sekarang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Peraturan Mesyuarat 36, apabila ada perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai dengan soal-soal bahasa *unparliamentary*, begitu juga di lain-lain peraturan mesyuarat, seharusnya bantahan itu akan dibuat pada ketika itu. *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong senyap Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini pasal peraturan mesyuarat dan saya difahamkan pada ketika itu Yang Berhormat Permatang Pauh juga ada dan telah menjawab kepada perkataan yang telah digunakan.

Itu sebab sering kali saya mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Apabila berhujah, apa pun perasaan kita pada ketika itu, harus hati-hati apabila menggunakan perkataan-perkataan yang tidak *parliamentary*. Ini saya tujukan kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana kalau ada perkataan begitu yang kita *inverted comma* 'hina' itu, adalah rakan sejawat sebagai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Itulah sebab dalam peraturan mesyuarat kita, apabila berhujah, hujah itu ditujukan kepada Tuan Yang di-Pertua, bukan kepada kawan sebelah supaya impaknya adalah *less* tidak diterima secara personel. Saya bersetuju bahawa perkataan-perkataan seperti *devil*, pembohong, menipu, rasuah, binatang, bodoh, biadab itu perkataan-perkataan *unparliamentary*. Jangan gunakan.

Jadi saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Subang, oleh sebab pada ketika itu tidak dibangkit dan pihak yang berkenaan ada, tidak ada juga kekecohan yang timbul ekoran daripada itu selain daripada biasanya berlaku dalam Dewan. Tidak apa, ini sebagai ingatan kepada semua. Kalau ada lagi perkataan-perkataan yang *unparliamentary*, maka kita tidak akan *tolerate*. Kita akan suruh tarik balik.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya, memang betul Tuan Yang di-Pertua pada masa itu saya nampak Ketua Pembangkang memilih tidak macam membangkitkan isu sebab saya rasa dia tidak mahu terganggu dalam perbahasan beliau. Akan tetapi, itu tidak bermaksud bahawa ahli anggota yang lain tidak boleh membangkitkan isu dan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih, terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Pada masa itu...

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, saya faham semua, saya faham.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya mengambil peluang untuk pastikan sebab pada masa itu saya pun tidak begitu jelas apakah kenyataan yang sebenarnya. Oleh sebab itu kita tunggu *Hansard* keluar. [*Dewan riuh*] Selepas itu semak *Hansard* untuk pastikan memang itulah ayat yang diutarakan, yang disebut dan dalam konteks itu. Apabila itu jelas, saya ambil keputusan untuk menulis surat itu. Akan tetapi *point* yang pokoknya Tuan Yang di-Pertua, ialah kita perlu keputusan Tuan Yang di-Pertua ataupun Timbalan Yang di-Pertua yang mana mempengaruhi pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, ya itu keputusan saya ialah perkataan-perkataan seperti itu *unparliamentary*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak seharusnya dihujah dan dikeluarkan pun.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Baik. Kalau begitu, saya memohon tindakan susulan iaitu apabila Yang Berhormat Ketereh hadir di media diarahkan untuk tarik balik. Itu sahaja. Itu yang...

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua. Kalau dapat, saya pun hendak bertanya juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Razali bin Ibrahim: Atas peraturan yang sama. Jelas Tuan Yang di-Pertua beritahu tidak dibangkit pada ketika itu, maka terlepaslah peluang.

Bila Tuan Yang di-Pertua menyatakan bahawa perkataan *unparliamentary* binatang, biadab dan sebagainya, saya setuju.

■1140

Cumanya saya hendak pencerahan di sini. '*The devil that we know*' adalah perumpamaan. Saya tidak rasa Yang Berhormat Ketereh memanggil Yang Berhormat Permatang Pauh *devil*. Adakah kita tidak boleh guna peribahasa atau perlambangan seperti itu dan itu dikatakan *unparliamentary*? Ini saya rasa perlu diperjelaskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ingin menambah. Tadi disebut bahawa perkara itu perlu ditimbulkan apabila ia berlaku. Akan tetapi sebenarnya ini ialah isu *privilege*. Isu *privilege* seperti yang Tuan Yang di-Pertua jelas tahu, sebenarnya timbul di bawah Peraturan Mesyuarat 14 selepas item (l) iaitu *personal explanation*. Isu ini memang timbul daripada *point of order* tetapi ia adalah isu *privilege* yang sepatutnya ditimbulkan pada masa ini jika isu-isu selepas *question* (h) sehingga (l) itu tidak timbul. Jadi ia betul dan apa yang diminta di sini Tuan Yang di-Pertua, adalah bahawa selepas Yang Berhormat Subang telah menulis surat tersebut adalah keputusan sama ada diberi *entitlement* ataupun *precedent* untuk memfailkan satu usul bagi menimbulkan ataupun bagi merujuk perkara ini kepada *Committee of Privileges*. Itulah keputusan saya rasa yang diminta oleh Yang Berhormat Subang. Adakah keputusan itu dibuat? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat Ketereh duduk dahulu? Ahli-ahli Yang Berhormat harus fahami soal pokok iaitu apabila kita membantah kepada perkataan yang ditimbulkan, *objection must be made in that time*. Ini kerana kalau tidak ada *objection made at that time*, bermakna mesyuarat sudah berjalan, keputusan sudah dibuat. Kalau saya benarkan bahawa perkara yang telah berlalu dibangkitkan balik, bermakna banyak perkara-perkara yang setelah itu kita fikirkan harus dibangkitkan balik. Itu sebab soal pokok.

Soal kedua, itu sebab apabila Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Majlis, mesti hati-hati dengar perkataan-perkataan, *we play it by the ear or moods in that particular time*. Kalau pun saya rasa standard saya, perkataan-perkataan yang saya rasa *unparliamentary* saya minta tarik balik tetapi oleh kerana perbahasan itu kalau saya ganggu tidak berapa elok, saya biarkan. Umpamanya macam main bola, *playing by advantage*. Seorang bawa bola, dia gelecek, ada kasar sedikit, *I don't blow the weasel* kerana dia masih bawa bola, tiada orang lain bantah. Itu sebabnya.

Soal ketiga, perkataan '*devil*' itu memang tidak boleh digunakan dan lain-lain perkataan. Akan tetapi betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat Muar, kita ikut konteks, adakah niat jahat atau tidak jahat? *That's the reason why we play it by the ear in that particular moment*. Akan tetapi kalau umpamanya itulah *ruling* saya, pihak yang berkenaan masih juga tidak puas hati seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Padang Serai, tidak ada sesiapa yang melarang Ahli-ahli Yang Berhormat buat usul persendirian oleh kerana mengatakan bahawa itu adalah *breach of privilege*, itu okey. Akan tetapi Yang Berhormat Ketereh ada di sini, saya beri peluang kepada Yang Berhormat Ketereh untuk beri penjelasan seterusnya. Sila.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menggunakan perkataan '*devil that we know*' dalam konteks perumpamaan. Kalau saya kata pekak badak, saya tidak kata tuju siapa-siapa sebagai badak. Kalau saya kata kepala batu, saya tidak kata siapa-siapa batu. Kalau saya kata sebagai kera sumbang, saya tidak menyatakan orang itu dengan sifat yang menghina. Saya menggunakan bahasa '*devil that we know*' dalam konteks perumpamaan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti-nanti.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa penjelasan itu...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, siapa yang... Okey sila.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Biar saya habis dahulu, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengar penjelasan itu dan saya rasa kita tidak boleh terima itu. Itu pendapat saya dan saya akan baca konteks itu. Bukan sahaja digunakan sebagai perumpamaan...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat, tidak payah Yang Berhormat. Saya sudah buat *ruling*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, tahu. Akan tetapi konteks kita kena faham.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat masih juga tidak puas hati, boleh usul dibuat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, sebab...

Tuan Yang di-Pertua: Itu boleh. Saya tidak ada masalah dengan itu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okey tetapi dia...

Tuan Yang di-Pertua: *It is because you cannot make my mind change* dan begitu juga dengan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Dia tidak *change* dia punya pendirian.

Seorang Ahli: Ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bila...

Tuan Yang di-Pertua: *See, unless dia sekarang ini apologize. If we want the matter to be closed, he will apologize.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You see? Kalau dia berkata...*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: *"I did not have that intention", I cannot force him. So therefore we go to privilege, then selepas itu buat usul.*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]: Baik, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: *I don't have any problem with that.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya hanya ingin memberitahu Dewan bahawa ayat itu tidak betul sebab niat jahat itu memang jelas daripada ayat ini. *[Dewan riuh]* "Saya pun sama-sama juga dalam Kabinet dengan beliau dan beliau masih tidak berubah". Itu jelas menunjukkan niat. So niat itu memang niat jahat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: *Okey, okey clear. That's very clear.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *So he can't excuse himself* dengan kata perumpamaan. Itu memang tidak boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua: *Okey, okey, itu jelas, terima kasih. Yang Berhormat masih lagi dengan pendirian itu?*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, *we can strike a deal* dengan izin. Saya bersedia tarik perkataan 'devil' dengan syarat *opposition* termasuk Ketua Pembangkang menarik balik perkataan 'penipu' dan sebagainya yang ditujukan kepada kerajaan. *[Tepuk]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa contoh yang dibawa oleh Yang Berhormat Ketereh, 'pekak badak' ditujukan kepada yang tidak jelas tidak apa. Akan tetapi bila mengatakan bahawa Ketua Pembangkang *is the devil that we know*, saya rasa itu sangat spesifik kepada orang. Kita kata penipu, siapa penipu? Kita tidak kata Menteri itu penipukah atau kerajaan. *[Dewan riuh]* Ya, kerajaan. Siapa? Siapa yang bangun? Akan tetapi Ketua Pembangkang itu satu orang. Kalau kita kata Tuan Yang di-Pertua penipu, ertinya tidak betul.

Seorang Ahli: Cukuplah, Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*.

Tuan Yang di-Pertua: *Okey, terima kasih, terima kasih.*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Jadi saya rasa penjelasan itu tidak betul dan tidak kena pada konteks. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Terima kasih, terima kasih.*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*.

Tuan Yang di-Pertua: *Ahli-ahli Yang Berhormat, isu jelas.*

Dato' Wan Mohmaad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Di mana Yang Berhormat Ketereh punya pendirian begitu, pendirian sebelah sini adalah begitu. Jadi saya juga telah buat keputusan bahawa saya memang benar-benar tidak setuju dengan perkataan-perkataan sebegini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam sudah. Isu sudah jelas. Jadi sekarang ini, kalau ada usul ...

Seorang Ahli: Cukuplah, duduklah, duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: ...Buat usul, boleh? Bermakna *refer* Yang Berhormat Ketereh kepada *Committee of Privilege or whatever*.

Dato' Wan Mohmaad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan lagi kita habiskan masa.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, sedikit sahaja.

Dato' Wan Mohmaad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit sahaja, tidak sampai satu minit.

Tuan Yang di-Pertua: ...la tidak akan mengubah apa yang kita bincang, semua pun jelas sudah, tidak payahlah. *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak apa, biar saya bercakap dahulu Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa ianya perumpamaan. Walaupun ianya perumpamaan, ianya tidak kurang menghina kerana perumpamaan itu membawa erti bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Seseorang itu bersikap jahat. So dengan izin, *it is not an excuse. You cannot use the fact that it is a proverb as an excuse to use it*. Walaupun ianya satu perumpamaan...

Dato' Wan Mohmaad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Ianya satu perkara yang menghina dan sepatutnya tidak dibenarkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Wan Mohmaad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab waktu sahaja selepas saya angkat sumpah, saya *quote Erskine May* yang mengatakan bahawa apabila berbahas, kesabaran dan kesederhanaan itu harus dipraktik. Kalau itu dipraktik tidak timbul ini, jelas. Pendirian saya jelas. Jadi praktikkan itu. Kalau masih lagi tidak puas hati di sebelah sini, buat usul kerana Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak mahu menarik balik, itu prosedur kita. Akan tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dia kata saya tarik balik, isu selesai. Tidak payah pergi *Committee of Privileges*. Jelas?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Itu setuju Tuan Yang di-Pertua, kalau dia tarik balik, kita tidak perlu buat usul...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bukankah sudah saya dengar dua-dua, jangan lagi... Saya sendiri pun tidak boleh paksa dia untuk tarik balik.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Baik, tetapi kalau...

Tuan Yang di-Pertua: *It is because* perkara ini bukan berlaku pada ketika waktu ada bantahan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Baik. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, kita boleh buat usul, itu bukan masalah. Akan tetapi usul...*[Dewan riuh]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Buat, buat, buatlah!

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kalau kita buat usul, kita juga mahu jaminan daripada Tuan Yang di-Pertua, usul itu diberi masa untuk berbincang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan suruh saya beri jaminan, kamu yang Ahli-ahli Yang Berhormat yang beri jaminan.

Beberapa Ahli: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan kerana Ahli Yang Berhormat, apabila saya layan satu begini, ada juga nanti akan buat usul di situ, *refer to privileges*. Apabila nanti berundi, majoriti menang. Jadi selepas itu digunakan lagi istilah-istilah, "*why do you twist the arm in using you are majority*". Itu sebab dalam soal-soal begini harus kita praktikal. *Don't put me on the spot*.

■1150

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua, Kuala Kangsar ingin mendapat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah lah, sudah. Keputusan saya, kalau pihak sini tidak lagi puas hati, buat usul kerana Yang Berhormat Ketereh masih lagi dengan pendirian dia.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, ...*[Dewan riuh]* Soalan lain, isu lain. Peraturan mesyuarat juga. Ini mengenai Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya *quote* 36(6), ada beberapa fasal yang berkaitan. Pertama sekali iaitu Yang Berhormat Simpang Renggam semalam dalam ucapan dia telah membawa satu hujah, tuduhan yang tidak berasas. Mengatakan bahawa *WikiLeaks* mendedahkan ada akaun simpanan untuk Yang Berhormat Permatang Pauh.

Saya merujuk kepada 36(9) dahulu. Dalam perbahasan tidak boleh disebut kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen. Saya ingin katakan kalau betul pun siapa-siapa yang ada akaun bank, tidak ada kena mengena dengan urusan dia sebagai Ahli Parlimen. So, apa yang dibawa adalah *to me it's abused of privilege because* menggunakan Dewan ini dan kemudian keesokan hari, hari ini *Utusan Malaysia* kata "*Anwar didakwa milik 20 akaun bank berjumlah RM332 juta*". Ini cara untuk memfitnah seseorang dan bagi saya ahli ini, kalau mengikut *precedent* yang ada, kita masih ingat 17 Mac 2010 Yang Berhormat Permatang Pauh telah menyebut dalam ucapannya bahawa APCO telah meniplak konsep 1Malaysia daripada 1Israel.

Kemudian pada 21 Mac 2010, Yang Berhormat Permatang Pauh dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Pada 3 Disember Yang Berhormat Permatang Pauh dihukum untuk dilarang dari Parlimen untuk enam bulan. Mengikut *precedent* ini, kalau seseorang yang keluaran *statement* yang tidak berasas dan tidak boleh *substantiate claim* itu, saya harap ini akan kita dapat *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua sama ada kita diberi peluang untuk Yang Berhormat Simpang Renggam tarik balik serta-merta dakwaan itu atau menghadapi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Batu, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah Ahli Yang Berhormat. Isu sama, tidak payahlah panjang lebar. Yang Berhormat Simpang Renggam ada? Ada Yang Berhormat Simpang Renggam? Tidak ada. Yang Berhormat Simpang Renggam tidak ada. Jadi, bagi dia peluang. Nanti saya akan tanya, kalau masih juga dengan pendirian dia, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai hak untuk buat usul.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat, sebelum itu pasal Yang Berhormat Gerik saman *WikiLeaks*. Saya *check* ini memang niat jahat. Saya memang dengar Yang Berhormat Ketereh jelas. Saya memang tidak *respond* sebab saya tidak fikir saya hendak *respond* serangan dia. Saya pun kenal dia dan dia sebut *devil*. Masa saya dalam UMNO pun ada *devil*. [Ketawa] Ya, dia sebut *devil*. Saya tidak mahu ulas sebab saya tidak fikir saya mahu turun ke taraf itu.

Akan tetapi yang kedua yang saya hendak sebut juga ialah tentang kenyataan Yang Berhormat Simpang Renggam. Tidak ada kenyataan itu daripada *WikiLeaks*. Tidak ada rujukan sama sekali dalam *WikiLeaks*. Jadi, oleh yang demikian tentunya ada hak bagi Ahli Yang Berhormat untuk bangkit supaya ada penjelasan beliau. Kalau tidak beliau harus ulang di luar dan saya boleh saman. Akan tetapi apakah Parlimen boleh digunakan? Rujuk *WikiLeaks*, *WikiLeaks* tidak ada.

Ketiganya, apakah kita hendak berikan pengesahan kalau seandainya. Dalam kes ini tidak ada. Akan tetapi kalau pun ada *WikiLeaks*, tahu kan risikonya Tuan Yang di-Pertua. *WikiLeaks* mengandaikan Yang Berhormat Pekan terlibat dalam pembunuhan Altantuya. Itu kenyataan *WikiLeaks*. Itu tidak menjadi keputusan muktamad. Itu pandangan *WikiLeaks* berdasarkan maklumat yang dikutip. Jadi, Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam harus diingat yang melibatkan Yang Berhormat Pekan itu disebut dalam *WikiLeaks*. Yang melibatkan akaun di Israel yang dikaitkan dengan saya tidak disebut dalam *WikiLeaks*. Jadi, risiko itu ada. Bagi Yang Berhormat yang hendak mengampu lebih, jadi itu penjelasan. Yang Berhormat kena dengar. Saya sudah lama dengan cara begini, saya tidak apa. Saya boleh siap.

Akan tetapi Yang Berhormat kena ingat terutama yang baru. Apakah *you* boleh bertahan dengan serangan peribadi begini rupa? Kalau tidak takut, bangun-bangun saya hendak dengar. Siapa yang tidak takut? Ya, bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Tidak, tidak bukan Tuan Yang di-Pertua, sebab bila saya bercakap, kalau kenyataan ulasan biadab begini Tuan Yang di-Pertua pun dengar, saya pun dengar dibiarkan. Yang Berhormat Lenggong semasa dia berucap, tidak bagi pencilahan. Tidak berani pencilahan. Dia yang berani jerit daripada bawah. Orang ini yang dianggap kononnya pejuang-pejuang. Saya bagi ruang. Kalau dia hendak bangun dia bangun. Yang Berhormat Lenggong bangun. [Dewan riuh]

Kalau tidak ada tidak apa Yang Berhormat. Saya cuma hendak sampaikan dua perkara itu kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada, tidak ada sudah lah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua sebut tadi... hendak bagi?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan lagi panjangkan. Sudah, sudah. Jelas semua isu, jelas. Bermakna Yang Berhormat Simpang Renggam tidak ada. Jadi, tadi saya beritahu kepada Yang Berhormat Batu, kalau nanti Yang Berhormat Simpang Renggam ada, saya duduk, saya akan tanya mengenai perkara itu. Kalau Yang Berhormat Simpang Renggam mempunyai lagi pendirian seperti begitu, tidak ada siapa menghalang Ahli Yang Berhormat bawa usul *prejudge privileges*.

Jadi, mungkin ini menjadi pengajaran kepada Ahli Yang Berhormat semua bahawa kalau sudah terlajak kata, susah hendak tarik. Itu sebab sering kali saya mengingatkan. Setiausaha teruskan.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas”. **[2 Julai 2013]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya difahamkan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, 20 minit.

11.58 pg.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini, dua bulan ini selepas pilihan raya saya rasa ada isu di mana parti DAP telah pun dituduh bahawa kita menubuhkan satu tentera kacang merah. *Red Bean Army* yang dikatakan mengambil perbelanjaan beratus-ratus juta ringgit. Dari mana saya tidak tahu lah. Kami diberitahu bahawa tentera kacang merah ini diketuai oleh saya sendiri sebagai Setiausaha Publisiti DAP dan tentera ini adalah askar siber yang ditugaskan untuk bertempur dengan Barisan Nasional di medan siber.

Saya rasa perkara ini adalah cukup menghairankan sehingga Menteri dalam Pejabat Perdana Menteri pun boleh menerima satu memo daripada NGO yang diminta dan Menteri kata akan mempertimbangkan, menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyelidik, menyiasat perkara ini. Saya *suspect* bahawa mungkin ini merupakan satu siasatan yang cukup hebat daripada *special branch* yang cukup cekap kerana dapat membongkarkan, mendedahkan satu rahsia yang cukup *solid* daripada DAP.

Beratus-ratus juta ringgit, mana datangnya wang tersebut saya pun tidak tahu. Saya tahu kempen DAP seluruh pilihan raya tidak sampai RM5 juta pun tetapi tentera-tentera, askar ini dapat beratus-ratus juta daripada DAP. So, saya hendak umumkan di sini bahawa malam ini kita akan ada satu mesyuarat tergepar Tentera Kacang Merah.

■1200

Kita akan buat bersama dengan Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Pulau, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Bukit Bendera dengan jeneral tiga bintang, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, *Red Bean Army*. Kita akan bermesyuarat malam ini jam 9.30 malam di

Melting Pot Cafe, di *headquarters Red Bean Army* iaitu Concorde Hotel, Kuala Lumpur. Saya berbesar hati, saya jemput rakan-rakan yang ada di sana juga boleh datang.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Boleh Yang Berhormat? Boleh mencelah.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya habis yang ini dulu.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Hendak tanya mengenai penjelasan pada *Red Bean Army*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Satu minit sahaja.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya berbesar hati...

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Saya berdirilah ya?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: ...Menjemput rakan-rakan sebelah sana yang ingin kebenaran mengenai *Red Bean Army* ini datang bersama untuk menyaksikan pengumuman bersejarah daripada pucuk pimpinan *Red Bean Army*, DAP. Kalaulah pihak polis kita secepat cawangan khas untuk membongkar rahsia-rahsia DAP, saya agak isu jenayah akan dapat diatasi dengan lebih berkesan. Silakan. *[Tepuk]*

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih. Jadi apakah Yang Berhormat mengesahkan bahawa *Red Bean Army* ini memang wujud dan apakah Yang Berhormat berasa gentar dan takut penubuhan suruhanjaya yang dicadangkan oleh Menteri? Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Tanah Merah, saya dengan besar hati menjemput datang malam ini untuk mendengar pengumuman besar, yang tergepar malam ini daripada pucuk pimpinan mengenai *Red Bean Army* ini. Datang dengarlah. Saya hendak teruskan.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya cuma hendak tahu begini. Adakah Yang Berhormat mengatakan *Red Bean Army* ini memang wujud?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Datang dengar malam ini. Datang dengar malam ini. Akan dapat kebenaran.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey. Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya hendak teruskan isu...

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat, pendek sahaja Yang Berhormat. Jadi adakah Yang Berhormat merasakan – Okeylah *Red Bean Army* mungkin ada atau tidak ada. Jadi adakah kita boleh - Yang Berhormat menyokong supaya diadakan tindakan terhadap kumpulan yang dikatakan *Red Bean Army* ini? Kita ambil tindakan kerana mereka ini didapati telah menaburkan berbagai-bagai fitnah, ugutan dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Datang dengar malam ini. Saya hanya merujuk kepada isu di mana DAP dituduh membela tentera, *Red Bean Army* yang bernilai beratus-ratus juta ringgit. Yang Berhormat Menteri yang perlu ditanya sama ada suruhanjaya ini akan ditubuhkan. Biar Menteri jawab masa nanti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak jawab sekarangkah Yang Berhormat?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Bukan sekaranglah. Jawab nantilah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bukan hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh jawab kemudianlah.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Ketawa] Nantilah. Jawab kemudianlah. Jawab bila penggulungan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kalau hendak jawab sekarang, boleh jawab.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini bahasa sindiran daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Itu pun tidak faham.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tidak, kalau hendak jawab sekarang pun boleh. *No problem.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey, saya hendak teruskan dengan isu jenayah yang saya anggap lebih penting daripada *Red Bean Army*. Saya menghulurkan rasa simpati yang ikhlas kepada Yang Berhormat Rembau, Menteri Beliau dan Sukan yang rumahnya telah pun di pecah minggu lalu dan saya ingin merujuk kepada kenyataan-kenyataan kerajaan yang mengatakan bahawa kes-kes jenayah telah pun menurun di negara kita. Dari tahun 2007 hingga tahun 2011, dikatakan indeks jenayah telah pun menurun sebanyak 25%. Sebanyak 25% adalah satu pencapaian yang hebat.

Akan tetapi apa yang kerajaan dan juga pihak polis tidak mengumumkan dan kita dapat tahu secara tidak rasmi bahawa pada masa *index crime* – indeks jenayah menurun sebanyak 25%. Indeks jenayah bukan indeks (*non index crime*) pada masa yang sama dari tahun 2007 hingga tahun 2011 meningkat sebanyak 69%. Ini jelas menunjukkan bahawa pihak polis ada *manipulate* statistik-statistik di mana kes-kes jenayah yang sepatutnya ada dalam indeks jenayah diagihkan, dipindahkan kepada *non-index crime*.

Oleh sebab itu walaupun indeks jenayah turun, *non-index crime* meningkat dengan begitu mendadak dan kita rasa cara...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ya, Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara telah membahaskan perkara ini berulang kali dalam perbahasan sesi yang lalu dan telah mengemukakan beberapa hujah dan fakta berhubung indeks jenayah. Namun, pihak kerajaan telah menjawab bahawa indeks yang dikemukakan itu tidak tepat malahan itu adalah satu persepsi sahaja daripada Ahli-ahli Parlimen pembangkang. Akan tetapi yang menakutkan ialah apabila kejadian jenayah berlaku ke atas keluarga Menteri baru-baru ini, kenyataan telah dikeluarkan. Ia bukan lagi satu persepsi tetapi ia adalah jenayah yang membimbangkan.

Maka apakah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bersetuju ia merupakan satu jenayah apabila berlaku ke atas Menteri tetapi bila berlaku ke atas rakyat biasa, ia dilihat sebagai satu persepsi? [Tepuk]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya rasa perkara ini Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri perlu jawab kerana Menteri sebelum ini yang sekarang menjadi Menteri Pertahanan yang selalu berkata bahawa isu jenayah merupakan isu persepsi.

Saya rasa perkara ini cukup serius kerana bila kita soal dalam Parlimen dan saya soal berkali-kali untuk mendapat *breakdown* mengenai isu jenayah di kawasan-kawasan, setiap kawasan mengikut negeri, mengikut jenis jenayah. Saya diberi jawapan daripada kementerian bahawa tidak perlu diberikan *breakdown* kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya minta statistik *non-index crime*. Apakah jenis *non-index crime* yang ada, apakah statistik *non-index crime* dari tahun 2007 sehingga sekarang? Tidak diberikan. Jawapan yang diberikan kata *non-index crime* tidak penting. Oleh sebab itu tidak perlu diberikan kepada Ahli Parlimen di dalam Dewan ini.

Saya rasa ini menunjukkan bahawa ada udang di sebalik batu. Memang statistik jenayah telah pun dimanipulasikan dan saya rasa pihak kerajaan perlu mengambil pendekatan yang lebih *transparent*...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:
[Bangun]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: ...Lebih tegas mengatasi isu-isu jenayah. Saya ada beberapa cadangan. Jangan kata kritik sahaja.

Pertama, kita perlu menstrukturkan semula pengagihan pasukan polis di kawasan bandar dan luar bandar. Sekarang jenayah banyak berlaku di kawasan bandar. Akan tetapi...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:
Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, boleh minta laluan?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Boleh biar saya habis sebab 20 minit sahaja.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:
Sekejap.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Okay, come.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:
Saya ingin bertanya. Adakah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara berpendapat menghadiri perhimpunan Bersih merupakan jenayah? Ini kerana baru-baru ini berlaku seorang warga tentera hadir di perhimpunan Bersih dihukum dengan tahanan selama 90 hari dan diberhentikan daripada perkhidmatan. Ini berlaku di Rejimen 1, Rejimen Askar Melayu Diraja. Boleh beri ulasan, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya rasa perkara ini perlu dijawab oleh Menteri Dalam Negeri dan ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan mungkin khusus mengenai isu politik dan bukan isu jenayah yang patut diatasi.

Saya pulang kepada nisbah anggota polis di kawasan luar bandar bersama dengan nisbah di kawasan bandar. Nisbah polis dengan penduduk Malaysia sekarang ialah 1:270. Lebih kurang okey. Akan tetapi di kawasan bandar raya seperti Petaling Jaya ialah seorang polis, 470 orang penduduk. Kurang. Di kawasan luar bandar seorang polis, 100 orang penduduk. Jadi saya rasa ada pengagihan yang tidak berapa wajar yang berlaku di sini. Sepatutnya lebih polis diberikan kepada kawasan-kawasan bandar dan kurang sikit di kawasan luar bandar. Itu nombor satu.

Kedua, tugas utama polis adalah untuk mencegah jenayah. Akan tetapi buat masa ini kita boleh lihat daripada struktur polis, jumlah polis yang dikhususkan untuk melawan jenayah di CID hanya 8,000 lebih anggota sahaja ataupun kurang daripada 9% daripada jumlah anggota polis iaitu 120,000. Jumlah cawangan khas pun lebih kurang sama dengan jumlah anggota CID dan jumlah FRU, *Light Strike Force*, *General Operation Force* ialah 30%. Mengikut Suruhanjaya Diraja yang telah pun dilaksanakan pada tahun 2005 dan laporan tersebut mereka telah pun mencadangkan supaya 22,000 anggota polis yang sekarang bukannya bertugas untuk mencegah jenayah diagihkan ke dalam CID untuk bertugas mencegah jenayah supaya isu jenayah, kes jenayah di Malaysia dapat diatasi. Sudah lapan tahun *report* itu sudah keluar, *report* Tun Dzaidin tetapi sampai hari ini ia masih belum dilaksanakan.

■1210

Pada masa yang sama kita juga di Petaling Jaya bagi penduduk yang ada di Petaling Jaya, MBPJ (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) untuk membantu pihak polis untuk mengatasi kes-kes jenayah telah pun memohon kepada Kementerian Dalam Negeri dan juga Ketua Polis Negara untuk mendapat lesen polis bantuan 100 orang tapi ia ditolak oleh pihak polis. Ia ditolak oleh pihak polis kata ia akan bercanggah dengan kerja-kerja polis, nombor satu dan nombor dua indeks jenayah telah pun menurun. Oleh sebab itu tidak perlukan polis bantuan untuk MBPJ.

Saya rasa ini merupakan satu keputusan yang tidak wajar kerana kita tahu banyak lagi syarikat swasta seperti Bandar Utama, SP Setia, IOI semua dapat lesen untuk polis

bantuan. MPJB (Majlis Bandaraya Johor Bahru), Majlis Bandaraya Melaka semua dapat lesen untuk polis bantuan. Kenapa Majlis Bandaraya Petaling Jaya bila kita pohon kita tidak diberikan lesen. Saya rasa ini merupakan satu tindakan yang saya harap salah, tindakan politik yang tidak wajar dan saya harap *safety* penduduk-penduduk yang ada di Malaysia tidak kira sama ada di negeri Pakatan Rakyat ataupun negeri Barisan Nasional akan dapat diutamakan.

Akhir sekali mengenai isu jenayah saya harap pihak polis dan pihak kerajaan tidak akan menyalahkan pemansuhan *Emergency Ordinance* ataupun Ordinan Darurat sebagai satu alasan kenapa kes-kes jenayah telah pun meningkat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kita ada undang-undang negara kita dan kita rasa pihak polis kalau cepat dapat menangkap semua jenayah dan juga dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan secara adil sebelum mereka dipenjarakan. Ya Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Pihak polis sentiasa menyatakan masalah mereka adalah kerana tidak cukup kerjasama daripada rakyat untuk membanteras jenayah. Apa yang sedang berlaku di Malaysia ini saya rasa pihak RELA telah ditubuhkan untuk menolong pihak polis, pasukan *vigilant* di mana di Manjong kita ada 400 lebih orang membawa walkie-talkie untuk menangkap penjenayah dan juga banyak skim perumahan merupakan *gated community* di mana polis bantuan telah digaji untuk menjaga keselamatan.

Jadi bolehkah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara memberi pandangan memang rakyat Malaysia sudah banyak menolong pihak polis dan sekarang sudah tiba masanya pihak polis tidak berdalih lagi tapi hanya perlu mempertingkatkan prestasi mereka. Setuju tidak Yang Berhormat Petaling Jaya Utara?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ya, saya memang setuju dengan Yang Berhormat Beruas dan kita harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberikan jawapan yang wajar. Saya rasa kalau kerajaan akan dapat memberikan tumpuan yang lebih wajar kepada isu-isu jenayah kalau kerajaan tidak asyik *addicted to issues* politik dendaman.

Kita boleh lihat sekarang di Melaka di mana rakyat di Melaka di aniaya, Jonker Walk hendak ditutup. Pasar Jonker Walk hendak ditutup akibat kerana penduduk di kawasan bandar raya Melaka tidak memberikan sokongan kepada pihak Barisan Nasional. Saya hendak beritahu di sini bahawa arahan telah pun diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka kepada majlis bandar raya untuk supaya peniaga-peniaga di sana tidak dapat berniaga dan ini arahan yang ditulis di sini. Peniaga-peniaga tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di atas jalan kerana ia akan menghalang lalu lintas. Ini telah pun dinafikan oleh Ketua Menteri Melaka tapi jelas ada dokumen dari Kerajaan Negeri Melaka yang mengatakan bahawa mereka tidak dibenarkan untuk menjalankan perniagaan di atas jalan kerana ia menghalang lalu lintas.

Akan tetapi sekarang apa yang terjadi mereka kata; "*Oh, boleh niaga pada masa yang sama lalu lintas dibuka*". Kalau rakan-rakan yang ada dalam Dewan ini pernah pergi ke Jonker Walk, Jonker Walk bukan besar sangat, bukan luas sangat. Ada lebih kurang lapan kaki sahaja. Kalau buka untuk kereta, terus boleh niaga, ini akan menyebabkan kecederaan ataupun *accident* yang kita tidak ingini kepada sesiapa pun tidak kira sama ada sebelah sana ataupun sebelah sini. Saya rasa Jonker Walk merupakan satu tapak yang cukup penting dalam bidang pelancongan di Malaysia. Laman TripAdvisor iaitu laman yang paling terkemuka seluruh dunia untuk mengetahui mengenai pelancongan.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Boleh beri laluan?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Mengenai pelancongan ia telah pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 20 minutes.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Belum, pukul 12 baru start.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 11.57 so I give you dua minit untuk gulung.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey, tidak ada ruang ya? Ini merupakan satu *landmark* pelancongan yang diberikan tangga nombor tiga di Malaysia selepas Petronas Twin Towers, Kuala Lumpur Tower nombor tiga Jonker Walk. Kenapa kita hendak tutup satu Jonker Walk? So, kita minta supaya Kerajaan Negeri Melaka dan juga Yang Berhormat Menteri Pelancongan yang ada di sini, kita merayu kepada Kerajaan Negeri Melaka jangan tutup Jonker Walk kerana ini merupakan satu tempat yang cukup penting bukan sahaja untuk peniaga-peniaga tempatan, bukan sahaja untuk bidang pelancongan di negeri Melaka tetapi ini merupakan satu tempat yang berimpak tinggi kepada Malaysia.

Kita hendak bandingkan Jonker Walk bila ada warisan yang cukup baik dia hendak tutupkan pasar tapi Kuala Lumpur bila ada warisan dia kata warisan sudah mati, jadi kita hendak bina satu menara 118 tingkat bangunan mencecah langit. Katanya itu akan *preserve heritage* di Malaysia. Saya rasa tindakan-tindakan yang diambil sekarang macam tidak berapa wajar, tidak berapa masuk akal. Yang ada kita hendak musnahkan, yang tidak ada kita kata kita hendak bina 118 tingkat.

So, kita harap pihak kerajaan akan timbang semula perkara ini dan kita harap pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akan masuk campur supaya perkara ini dapat diperbetulkan. Alasan-alasan yang diberi seperti kesesakan trafik adalah langsung tidak berasas. Kita tahu Jonker Street hanya satu kilometer sahaja dalam bandar raya lama Melaka. Sekarang sudah ada jalan raya lingkungan di Melaka. Saya bukan dari Melaka pun saya tahu. Ada jalan Syed Aziz yang besar, jalan lingkungan yang dapat mengurangkan kesesakan trafik di bandar raya Melaka.

Akhir sekali saya ingin merujuk kepada tindakan surat khabar UMNO - *Utusan Malaysia* yang kerap kali minta supaya saya pindah ke negara lain. Sekarang dia minta saya pindah ke Hong Kong ataupun Taiwan atas sebab kata saya hendak tutup pasar Ramadan. Ini merupakan satu jenis pembohongan, putar belit yang selalu dilakukan oleh *Utusan Malaysia* yang telah pun dibuktikan kerana perlu bayar saman kepada Yang Berhormat Bagan, bayar saman kepada Yang Berhormat Seputeh dan bayar saman kepada Yang Berhormat Shah Alam.

So, saya minta supaya pihak kerajaan dapat mengambil tindakan yang tegas ke atas media-media yang mencetuskan sensitiviti.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Sedikit.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya hendak tambah sedikit pertanyaan kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, sama ada Yang Berhormat menyedari ataupun tidak semalam ada Ahli Parlimen Barisan Nasional dia mengatakan *Utusan Malaysia* ini suara orang Melayu. Saya hendak beritahulah kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sekiranya Yang Berhormat tidak tahu ianya suara UMNO dan memang sudah tidak laku. Diberi percuma pun orang tidak ambil. [Ketawa]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya hendak akhiri, gulung dengan *reference* dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan semalam di mana dia minta supaya CEO AirAsia X pindah juga. Dia itu Melayu tapi kerana dia kritik *Utusan Malaysia* dia dituduh sebagai bukan Melayu yang baik lagi tetapi Melayu yang biadab. Itu perkataan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Saya rasa saya ada

ramai rakan Melayu yang ada di sini. Mereka semua pun tidak baca, tidak setuju, tidak sokong kepada *Utusan Malaysia*.

■1220

Adakah Yang Berhormat Kinabatangan juga berkata bahawa semua Melayu yang ada di sebelah sini, dia orang bukan Melayu yang baik. Saya rasa ini merupakan satu perkara yang tidak betul. *Utusan* jelas terbukti bohong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kalau itu merupakan suara Melayu, saya tidak percaya bahawa semua Melayu bohong. Saya rasa bahawa apa yang betul perlu dipertahankan dalam Dewan ini dan saya rasa...

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat, masa sudah habis.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Saya tidak setuju yang dia kata *Utusan Malaysia*...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Masa sudah habis, *you* boleh ucap masa *you* sendiri.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Pertama, bukan *Utusan Melayu* tetapi *Utusan Malaysia*. Ia memang mewakili suara Melayu.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *You* boleh tanya kepada rakan-rakan yang ada di sebelah sini, semua tidak akan setuju. Kita harap tindakan yang tegas akan diambil ke atas media-media yang menyebarkan fitnah-fitnah pembohongan dan mencetuskan sentimen-sentimen perkauman antara rakyat yang meminta keamanan di negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bentong.

12.21 tgh.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih memberi saya peluang untuk menyertai Usul Menjunjung Kasih. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas isu nadir bumi Lynas yang menjadi perhatian awam dan juga telah diputar belitkan oleh pihak pembangkang menjelang Pilihan Raya Umum Yang Ketigabelas baru-baru ini. Walaupun kilang pemprosesan *Lynas Advanced Materials Plant* telah melalui proses penilaian yang ketat. Misalnya ia telah dikaji oleh Agensi Tenaga Atomik Antarabangsa (IAEA), dikawal dan dipantau oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom Malaysia (AELB) dan diteliti oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai LAMP. Namun pihak pembangkang masih terus mempermainkan isu ini dan menimbulkan berbagai-bagai keraguan di kalangan rakyat.

Mereka tidak yakin mengenai keselamatan dan manfaat ekonomi daripada kilang Lynas tersebut. Atas sebab-sebab itulah pihak pembangkang terus mengeksploitasikan isu ini dan sehinggakan ia mencetus kebimbangan di kalangan rakyat dan khasnya penduduk-penduduk di negeri Pahang. Sebagai Ahli Parlimen Bentong, saya pada ketika itu mewakili kawasan Bentong sebagai Menteri Kesihatan juga telah pun mewujudkan pasukan pemantauan bersama-sama dengan NGO-NGO di negeri Pahang untuk memantau perkembangan isu Lynas dan kilang Lynas.

Walaupun hari ini saya tidak menjadi ahli Jemaah Menteri tetapi saya juga akan terus memantau perkembangan dan menyusuli perkara ini. Untuk memastikan segala putar belit pihak pembangkang dan juga segala isu keselamatan rakyat dan pemprosesan kilang nadir ini dilaksanakan mengikut standard dan peraturan yang telah ditetapkan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Saya masuk dalam topik dahulu baru saya beri ya. Sejak Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Projek *Lynas Advanced Materials Plant* (LAMP) ini menyempurnakan laporannya dan diterima oleh Dewan ini. Saya ingin tahu apakah status pelaksanaan kesemua 31 syor yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut. Saya ingin menekankan bahawa kerajaan perlu melaksanakan semua syor-syor Jawatankuasa Pilihan Khas dengan sepenuhnya. Saya rasa laporan ini cukup jelas dan telah pun diberikan kepada semua Ahli-ahli Parlimen dan boleh kita melihat dan juga membacanya sendiri. Bahawa semua syor-syor ini adalah untuk memastikan keselamatan rakyat diutamakan.

Oleh itu, saya harap bahawa semua pelaksanaan syor-syor ini dimaklumkan kepada Dewan dan juga kepada rakyat dengan *transparent*, dengan jelas. Memastikan juga bahawa Syarikat Lynas juga dapat menepati semua syor-syor yang telah dicadangkan. Dalam menangani isu Lynas ini juga saya berpendapat bahawa maklumat terkini termasuk kemas kini dari pihak Lynas harus diumumkan dari semasa ke semasa demi meningkatkan tahap ketelusan. Dewan ini adalah Dewan yang kita mewakili rakyat maka adalah menjadi satu tanggungjawab untuk semua Ahli-ahli Parlimen memastikan bahawa isu ini tidak lagi diputarbelitkan oleh setengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Kita juga hendak pastikan bahawa isu keselamatan rakyat kita dijaga dengan baik.

Selain daripada syor-syor yang disarankan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas, saya ingin mengimbas kembali kenyataan pihak AELB sewaktu memberikan Lesen Kendalian Sementara (TOL) kepada Syarikat Lynas. Ia telah menyatakan bahawa pihak Lynas harus mematuhi beberapa syarat, antaranya ialah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom berhak melantik perunding bebas untuk menilai kepatuhan Syarikat Lynas terhadap peraturan dan standard yang ditetapkan. Adakah syarat tersebut telah dilaksanakan? Apakah maklum balas pihak perunding bebas dalam soal ini?

Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Lynas telah mula memproses nadir bumi dengan bahan mentah yang diimport daripada Australia. Apakah penilaian pihak AELB terhadap proses pengilangan tersebut? Adakah Syarikat Lynas mematuhi syarat-syarat dalam menangani *residue* nadir bumi? Apakah pandangan dan laporan AELB dalam soal ini? Ramai berpendapat...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Bentong, Yang Berhormat Bentong, boleh?

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Yang Berhormat Simpang Renggam.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenan dengan Lynas ini, saya pohon pandangan Yang Berhormat. Bolehkah tidak kita, sebab kilang sekarang dalam peringkat *dry run*. Kalau boleh, di setiap *main stream* surat khabar, tiap-tiap hari kita adakan bacaan radio aktif di Gebeng, dalam kilang dan juga ada bacaan sama ada ia selamat atau tidak. Tiap-tiap hari, biar semua rakyat jelata di Malaysia mengetahui tentang bacaan itu. Sekian terima kasih.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bentong. Saya masih ingat Yang Berhormat Bentong mempertahankan, yang selalu kata pembangkang memutar belit tetapi Yang Berhormat Bentong selalu mengatakan kalau pihak Lynas tidak mengimport keluar sisa ini dan Yang Berhormat Bentong mahu MCA mengatakan dia tidak setuju bagi lesen kepada Lynas. Adakah Yang Berhormat Bentong masih mempertahankan syarat ini? Sekarang Lynas sudah beroperasi lebih 10 bulan, yang telah dijanjikan untuk memastikan satu tempat untuk menyimpan sisa radio aktif ini. Akan tetapi sampai sekarang kita tidak nampak apa-apa pun tindakan yang diambil oleh Lynas. Saya mohon penjelasan.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Pendirian MCA dan juga pendirian saya sendiri memang cukup jelas bahawa isu sisa itu perlu dieksport keluar daripada negara ini.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Saya rasa ini bukan sahaja pendirian saya sendiri sahaja malah juga pendirian kerajaan termasuk Kabinet dalam negara ini. Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana nampaknya Yang Berhormat Bentong ambil berat dalam isu Lynas yang kebetulannya dalam kawasan saya Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Bentong sedar atau tidak bahawasanya AELB telah mensyaratkan agar Lynas menyediakan PDF seperti mana yang dinyatakan sahabat saya tadi iaitu *Permanent Disposal Facility* dalam tempoh masa 10 bulan. Sepuluh bulan, kalau tidak silap saya, sudah pun tamat dan syarat yang utama ini pun saya kira Lynas tidak dapat melaksanakan. Adakah Yang Berhormat Bentong bersetuju dengan saya? Kiranya satu atau dua syarat yang tidak dapat dilaksanakan oleh Lynas kerajaan dengan izin, *must be obligated to close down Lynas*. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Memang itu pun pendirian kerajaan dan juga pendirian saya bahawa semua syarat-syarat yang telah pun ditetapkan, pihak Syarikat Lynas perlu mematuhi. Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Simpang Renggam, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Simpang Renggam kerana itulah juga pandangan saya. Bahawa saya memang memuji pihak AELB dalam melaporkan data pemantauan sinaran radio aktif di Gebeng dan Kuantan di laman web rasminya.

■1230

Kalau kita lihat laman web AELB, tiap-tiap hari ada rekod sinaran di kawasan Gebeng dan juga Kuantan. Akan tetapi hanya di laman web dan juga *this is a raw data*. Ramai rakyat, orang ramai di Kuantan terutamanya di Pahang tidak dapat mengecapinya dengan secukupnya. Saya hendak cadangkan kepada AELB kalau boleh kita proses data ini dan juga bandingkan dengan sinaran biasa yang ada di sekitar kita dan juga paparkannya di semua akhbar-akhbar tempatan untuk memastikan bahawa rakyat tidak diputar-belit oleh mana-mana pihak.

Ramai rakyat yang takut bahawa ini adalah sinaran radioaktif yang kuat. *It solves that it is a new killer plant* tetapi kita tahu bahawa Lynas ini ialah *chemical plant* dan sisa-sisa sinaran yang dikeluarkan itu telah pun dibaca dan ditangkap melalui alat-alat yang telah dilengkapkan di sekitar kilang Lynas.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Temerloh Yang Berhormat.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, apa yang menjadi satu kebimbangan besar kepada rakyat setempat ialah sebagaimana yang telah disebutkan tadi ialah berkait dengan sisa radioaktif tersebut. Apa yang kita mahu ialah bukan pendirian, bukan hanya pendirian MCA ataupun pendirian kerajaan tetapi apa yang kita mahu lihat ialah apakah tindakan yang berkesan yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menghilangkan kebimbangan rakyat terhadap sisa radioaktif itu.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat, saya di sini ingin menyeru kerajaan agar memastikan kerajaan memberi maklumat yang jelas kepada rakyat. Oleh sebab itu kita menggesa kerajaan dan semua agensi-agensi yang berkaitan pastikan bahawa sistem pemantauan yang telah kita wujudkan dan juga cadangan-cadangan serta syor-syor yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dilaksanakan dan Syarikat Lynas perlu mengambil langkah-langkah tersebut dan pihak berkepentingan serta badan-badan NGO dimaklumkan dan juga diberikan ruang untuk mereka meninjau perkembangan yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soal pengurusan sisa yang kita memang amat ambil berat. Kabinet perlulah memastikan pemantauan pemprosesan dan pengurusan sisa ini sentiasa telus. Lynas perlu membuang sisa di luar negara seperti yang telah ditetapkan dan kita yakin Lynas juga telah pun mengambil maklum dan akan melaksanakan inisiatif dengan secepat mungkin. Lynas harus memaklumkan secara rasmi apakah produk sampingan daripada pemprosesan sisa dan siapakah pembelinya dan untuk tujuan apa? Maklumat laporan ini perlu dipantau oleh agensi kerajaan yang berkaitan dan diaudit oleh Jawatankuasa Pemantauan LAMP sebelum lesen operasi sepenuhnya dikeluarkan.

Sukacita saya mencadangkan di sini bahawa Jawatankuasa Pemantauan Lynas, LAMP yang diwujudkan oleh MOSTI seperti yang dicadangkan oleh PSC atau Jawatankuasa Pilihan Khas yang seharusnya dianggotai oleh ahli-ahli *independent* yang bebas, yang disanjung tinggi oleh masyarakat dan jawatankuasa ini perlu diberikan sokongan oleh kerajaan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan bebas.

Syarikat Lynas dan semua agensi-agensi pelaksanaan yang berkaitan seperti AELB, DOE dan DOSH perlu melaporkan semua aspek berkaitan dengan operasi kilang Lynas kepada jawatankuasa pemantau bebas ini. Pihak berkuasa dan juga AELB perlu mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa Pemantauan LAMP sebelum lesen operasi sepenuhnya diberikan.

Adalah penting bahawa jawatankuasa pemantau bebas ini dilihat beroperasi secara bebas dan tidak sepatutnya disalah anggap sebagai satu alat perhubungan awam oleh pihak berkuasa. Ini amat mustahak untuk meyakinkan orang ramai terhadap jawatankuasa pemantauan ini.

Saya juga difahamkan bahawa seorang ahli jawatankuasa ini telah dilantik sebagai jurucakap bagi jawatankuasa pemantauan untuk memberikan maklumat-maklumat terkini berhubung dengan perkembangan Syarikat Lynas kepada orang ramai. Akan tetapi malangnya hingga kini orang ramai masih lagi belum mendapat maklumat-maklumat perkembangan Syarikat Lynas dari semasa ke semasa.

Saya ingin menyeru pihak kerajaan dan juga pihak-pihak berkaitan untuk memastikan bahawa maklumat-maklumat terkini ini dapat disampaikan pada masa yang dijadualkan iaitu masa berkala setiap minggu ataupun setiap bulan agar dapat dipastikan bahawa informasi, maklumat-maklumat Lynas tidak dipesongkan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Saya tidak ada banyak masa.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Penjelasan sedikit.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Ya.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Setujukah Yang Berhormat Bentong, kalau mengikut undang-undang nasional tidak ada sesiapa pun yang boleh eksport sisa radioaktif dari sesebuah negara ke negara yang lain. So macam mana keadaan begini kata, Yang Berhormat kata MCA atau pendirian kerajaan yang mengatakan mesti memaksa Lynas untuk mematuhi peraturan ini dan juga memang dalam penghasilan Lynas proses bahan ini, sinaran atau radioaktif memang di tahap yang amat rendah tetapi kita hanya kluatir sisa. Macam mana kita hendak mengendalikan sisa pepejal pada jangka masa panjang. Kalau tidak ada satu tempat untuk kita menyimpan sisa radioaktif ini, kita kluatir sisa radioaktif ini akan meresap ke tanah dan akan membawa padah kepada penduduk sekitarnya. Bukan kerana sinaran radioaktif ini.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Saya telah jelaskan bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menjelaskan bahawa tidak ada undang antarabangsa yang menyekat penghantaran sisa-sisa tersebut. Ini kerana undang-undang tersebut hanya memastikan bahawa syarat-syaratnya, sekiranya memenuhi syarat maka sisa tersebut boleh diangkut keluar daripada negara. Saya harap Yang Berhormat boleh membaca dengan lebih teliti tentang syarat-syarat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu lagi perkara untuk memastikan transformasi kerajaan negara kita berjalan dengan baik.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Ada Yang Berhormat Indera Mahkota?

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Tidak mengapalah Yang Berhormat Indera Mahkota boleh berucap semasa peluang.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tak saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bentong. Nampaknya saya tidak payah cerita pasal Lynas lagi. Akan tetapi saya hendak tanya sedikit saja Tuan Yang di-Pertua kalau boleh Yang Berhormat Bentong bersetuju. Setuju kah Yang Berhormat Bentong dengan saya, bahawasanya baru-baru ini saya mendapat maklumat secara tidak rasmi bahawa ada sedikit *accident* di dalam kawasan pekerja dan kemalangan itu menyebabkan berpuluh pekerja menghadapi masalah pernafasan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bentong sama ada setuju atau tidak agar kerajaan menyiasat perkara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Ya memang sekiranya – sebab itu saya nyatakan di sini bahawa perkembangan terkini Lynas perlu dimaklumkan kepada orang ramai dari semasa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan transformasi kerajaan, saya mendapati bahawa kita telah melalui satu fasa transformasi yang pesat, di mana rakyat mahu melihat transformasi Malaysia berjalan dengan baik dan salah satu perkara yang penting adalah transformasi kerajaan iaitu kakitangan kerajaan dapat terus memainkan peranan yang penting untuk pembangunan negara ini.

Di sini saya ingin ucap terima kasih kepada semua kakitangan dan penjawat awam yang telah pun memainkan peranan yang baik dan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan transformasi negara kita. Saya ingin mencadangkan beberapa perkara agar kita dapat menambahbaikkan lagi transformasi kerajaan kita dan kita dapat lihat kesannya dengan lebih cepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan awam hendaklah mempunyai sikap yang fokus dan setiap penjawat awam perlu mempunyai kesungguhan dan minat untuk membantu menyelesaikan masalah rakyat dan memberi perkhidmatan terbaik. Penjawat-penjawat awam bukan diwujudkan untuk memberikan kesukaran kepada rakyat tetapi adalah untuk membantu rakyat menyelesaikan masalah rakyat. Sikap ini amat penting dan perlu disemai di sanubari setiap penjawat awam. Sekiranya penjawat awam tidak bersikap positif, komited untuk membantu rakyat maka apa jua KPI yang telah ditetapkan tidak akan mencapai matlamatnya.

■1240

Untuk melaksanakan transformasi kerajaan dengan berkesan, saya ingin mencadangkan bahawa penjawat pelaksana juga dapat memastikan salah satunya iaitu komposisi kepelbagaian kaum dalam pentadbiran negara dapat dipertingkatkan. Kita mendapati bahawa secara keseluruhannya terdapat kekurangan nisbah *representasi* komuniti Cina dan India dalam semua peringkat penjawat awam. Menurut data pengambilan penjawat awam sepanjang tahun 2012, hanya 2,630 orang daripada masyarakat Cina dilantik mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam daripada jumlah keseluruhan 47,335 orang yang dilantik.

Bilangan ini merupakan 5.56% daripada jumlah pengambilan. Keadaan ini akan menyebabkan pengurangan peratusan penjawat awam kaum Cina terus menurun pada masa akan datang. Dalam hubungan ini, saya ingin menarik perhatian kerajaan bahawa peratusan penjawat awam kaum Cina telah berkurangan dengan mendadak dalam tempoh empat dekad kebelakangan ini. Dalam tahun 1971, komposisi kaum dalam perkhidmatan awam adalah 60.8% kaum bumiputera Melayu, 20.2% kaum Cina, 17.4% kaum India dan 1.6% lain-lain. Pada tahun 2005, peratusan kaum Cina telah menurun kepada 9.3%, kaum India 5.12% dan lain-lain 7.7%.

Komposisi bumiputera Melayu telah meningkat kepada 77%. Keadaan ini terus menurun sehingga tahun ini. Tuan Yang di-Pertua, komposisi kaum dalam perkhidmatan awam telah menunjukkan bahawa kaum Cina telah pun menurun kepada 5.38% iaitu 72,809 orang daripada jumlah keseluruhan 1.354 juta orang. Kaum Melayu telah meningkat kepada 1.06 juta orang, 78.82% dan kaum India 50,857, 3.76%. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya trend pengambilan penjawat awam ini tidak diperbetulkan, kita bimbang perkhidmatan awam akan menjadi satu kaum dan tidak mencorakkan pentadbiran berbilang kaum dan tentu akan menimbulkan pelbagai masalah dan diskriminasi.

Ini adalah satu cabaran yang besar yang perlu diambil tindakan oleh kerajaan untuk memastikan keberkesanan, keadilan dan pentadbiran baik, *good governance* dapat dilaksanakan oleh kerajaan. Representasi sewajarnya kesemua kaum di perkhidmatan awam adalah penting untuk menonjolkan kestabilan nasional jangka masa panjang dan keharmonian sosial dalam negara ini. Di samping memupuk nilai kemanusiaan di dalam perkhidmatan awam seperti penumpuan kepada teras dan amanah, bertanggungjawab, jujur, dedikasi, rajin dalam suasana mempertikaikan ketelusan dan kebertanggungjawaban, kerajaan harus memastikan perkhidmatan awam mencerminkan masyarakat berbilang kaum. Maka usul memaksimumkan kapasiti sumber manusia adalah penting sebab itu kita menghala ke bidang perkhidmatan awam yang dinamik dan berprestasi tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Tidak cukup masa ya. Kesamarataan dan kepelbagaian dalam perkhidmatan awam mampu menarik bakat daripada semua komuniti ke pelbagai peringkat perkhidmatan awam. Saya ingin mencadangkan kerajaan mengambil tindakan yang segera untuk menambah penjawat awam bukan bumiputera dengan langkah-langkah yang berikut:

- (i) menambahkan bilangan penjawat awam bukan bumiputera ke pentadbiran perkhidmatan awam khasnya dalam bidang profesional dan teknikal;
- (ii) memastikan representasi yang lebih besar oleh bukan Bumiputera di dalam agensi utama pengambilan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga di peringkat jawatankuasa temu duga iaitu SPA dan sebahagian sumber manusia, agensi-agensi kerajaan dan juga jabatan-jabatan kerajaan;
- (iii) memastikan penjawat awam bukan bumiputera yang sedia ada mempunyai peluang yang sama untuk naik pangkat dan ruang yang sama dalam perkhidmatan;
- (iv) menyediakan biasiswa perkhidmatan awam yang secukupnya untuk pelajar-pelajar bukan bumiputera untuk melanjutkan pelajaran tinggi sama ada di dalam negara ataupun di luar negara dan apabila mereka lepas *graduate* balik ke negara kita, saya harap pihak JPA boleh memilih mereka dan tidak melepaskan mereka ke pasaran luar; dan,
- (v) menambah pengambilan bukan bumiputera ke bidang kemahiran tertentu seperti paramedik, jururawat, polis, pusat latihan guru dan pusat vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, transformasi kerajaan perlu ditingkatkan dan dipercepatkan, diperkukuhkan dan distruktur semula terutamanya untuk perkhidmatan-perkhidmatan di kawasan-kawasan bandar.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Boleh beri laluan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Kita telah mempunyai banyak agensi di kawasan luar bandar. Saya harap bahawa agensi-agensi di kawasan bandar dapat diwujudkan untuk membantu *migration* penduduk-penduduk dari luar bandar ke kawasan bandar dan ini dapat memastikan kita dapat meningkatkan perkhidmatan kerajaan dan transformasi kerajaan dapat di laksana dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

12.46 tgh.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua Dewan. *[Berucap dalam bahasa Arab]* yang bermaksud, “*Sesungguhnya Allah SWT memerintah kamu menunaikan amanah dan apabila kamu hukum, hendaklah kamu hukum dengan hukuman yang adil*”

Tuan Yang di-Pertua, menurut mantan Perdana Menteri, kemenangan Barisan Nasional ialah kerana berjaya mewujudkan budaya takut dalam kalangan pengundi terutama daripada kalangan orang-orang Melayu yang masih fakir daripada segi maklumat kerana mereka ini hanya berkiblat kepada televisyen. Barisan Nasional gagal mempengaruhi pengundi-pengundi yang sedar maklumat terutama mereka yang celik IT dan juga kesedaran media baru. Maka dengan sebab itu, *alhamdulillah* dengan kemudahan yang ada, sebab itu kita mengharapkan juga WiFi *free* diperluaskan sehingga seluruh pelosok alam termasuk di hutan belantara supaya mudah rakyat dapat *access* maklumat melalui media baru dan juga kesedaran *information technology*.

Cyber troopers Barisan Nasional tidak mampu untuk melawan sukarelawan *cyber troopers* Pakatan Rakyat, tanpa diupah dan dibayar. Oleh sebab itu kita boleh melihat kadang-kadang di dalam *Facebook* kita, apabila kita menulis dan ada beberapa orang yang komen daripada kalangan penyokong Kerajaan Barisan Nasional, kemudian apabila diluku kepala, terus keluar dan tidak masuk-masuk. Oleh sebab itu semua kerusi bandar jatuh ke tangan Pakatan Rakyat. Semua ibu negeri berada di tangan pembangkang kecuali Johor Bahru dan juga Kangar saja. Lain seluruhnya berada di bawah penguasaan Pakatan Rakyat.

Isu yang menakutkan pengundi Melayu terutama pengundi luar bandar berjaya menggambarkan Melayu bahaya jika UMNO kalah. Yang pelik ialah apabila calon yang lawan itu ialah PAS lawan UMNO tiba-tiba yang menang itu DAP. Pelik. Kelantan lawan Johor, yang menangnya Perak. Itulah yang mereka bawa kepada pengetahuan rakyat terutama pengundi-pengundi di luar bandar. Persoalannya, bilakah Barisan Nasional mampu untuk bertahan jika bermodalkan dengan sentimen begini? Mereka bercakap soal Melayu dalam dua musim. Satu ialah ketika Persidangan Agung UMNO. Kedua ialah ketika pilihan raya dan Kuala Besut nanti pun kita akan dengarlah ucapan-ucapan ‘Hidup Melayu!’.

■1250

Laungan hidup Melayu ini berkumandang di dua musim itu sedangkan kita kenal siapakah yang menyebabkan tanah rizab Melayu hilang. Siang hidup Melayu, malam jual tanah Melayu. *[Tepuk]* Realitinya banyak tanah rizab Melayu hilang. Persoalan, siapa punya angkara? Seperti mana pepatah menyebut, *[Berucap dalam bahasa Arab]* Bermaksud, “*Dia pukul aku, dia beritahu pada orang dia yang pukul aku. Dia maki orang, dia beritahu dia yang maki aku*”. Sebanyak 3 juta hektar tanah rizab Melayu ditinggalkan oleh penjajah pada tahun 1957 kerana penjajah tahu orang Melayu ini kena simpan tanah rizab Melayu. Dia tahu sebab itu banyak yang terlibat dengan skim Pak Man Telo, skim cepat kaya kebanyakan di kalangan orang Melayu. Dia kebanyakan terdiri dari kalangan mereka yang hendak cepat kaya. Maka dengan sebab itu penjajah ini dia tinggalkan tanah rizab Melayu. Mengikut peraturan tanah rizab Melayu tidak boleh dijual melainkan Ahmad kepada Dollah, Aminah kepada Rugayah. Dia tak boleh jual kepada Ahmad kepada Michael Jackson. Akan tetapi ertinya kita lihat 3 juta hektar pada tahun 1957.

Mengikut data yang ada kepada saya iaitu pada tahun 1995, sebanyak 1.3 juta hektar tanah rizab Melayu sudah hilang dan yang hanya berbaki hari ini ialah 1.7 juta hektar. Ini tuan-tuan, 18 tahun yang silam. Fakta tahun 2013 saya tidak tahu. Sekarang kemungkinan tanah rizab Melayu hanya tinggal sebanyak 1,000 ekar. Yang Berhormat Bukit Gantang hendak bertanya supaya mendapat penjelasan. Berapakah berbaki tanah rizab Melayu hingga terkini?

Selalu mereka membawa cerita-cerita di kampung-kampung yang mengatakan bekas Menteri Besar Perak memberi tanah kepada orang-orang Cina ketika 11 bulan memerintah di Perak. Faktanya, ini fakta ya. Memang betul! Datuk Seri Ir. Haji Mohammad Nizar beri tanah kepada orang Melayu dan orang Cina. Orang Cina yang diberi dan India. Orang Cina, bukan orang Cina Hong Kong tetapi orang Cina Lumut, Orang Cina Beruas dan orang Cina Taiping. Kemudian mereka lupa pula sebanyak 102,000 lot keluasanya sebanyak 7,000 ekar diberikan kepada orang-orang Melayu. Manakala 3,000 ekar lagi sebanyak 47,000 lot kepada orang bukan Melayu. 3,000 untuk orang bukan Melayu, 7,000 ekar untuk orang Melayu. Tujuh dengan tiga ini mana banyak?

Tuan-tuan yang saya kasihi sekalian, kalau betul berlaku tuan-tuan lihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ini bukan ceramah ini.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua. Maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya orang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tidak mengapalah.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Maafkan daku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas bangun, Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang saya ingin menjelaskan di sini, sebenarnya Yang Berhormat Bukit Gantang mengatakan tentang ekar ataupun kawasan yang diluluskan ini sebenarnya tidak diluluskan oleh kerajaan negeri. Sebenarnya hanya menukar status daripada kampung tersusun 99 tahun kepada tanah kekal dan begitu juga kampung-kampung baru Cina di mana pajakan 30 tahun ataupun 60 tahun kepada tanah kekal. Ini diputar belitkan oleh UMNO untuk mengelirukan orang-orang Melayu.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, masuk sebahagian daripada ucapan saya. Apa yang paling menyedihkan ialah pada tahun 1996, ada satu pondok nama Pondok Pak Teh. Mana Yang Berhormat Gerik? Mungkin ada. Kawan saya, adik-beradik saya. Tahun 1996 Tuan Guru Pak Teh, ini Ahli Majlis Fatwa Kerajaan Negeri Perak dan juga ahli orang alim ada pondok. Dia minta kepada tanah kerajaan sebanyak 45 ekar pada tahun 1996 kepada Barisan Nasional. Tidak lulus-lulus. Akan tetapi dalam masa 11 bulan, maka dia membawa fail ini ke atas. Tidak sampai dalam masa 15 minit, Exco meluluskan permohonan Pak Teh pada tahun tersebut. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Mohon dapat mencelah. Kita di DAP pun menyokong dalam Exco untuk tanah kepada sekolah agama.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih, penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saham bumiputera. Pada tahun 1985, terdapat sebanyak 54 bilion saham yang diperuntukkan khas kepada bumiputera. Tahun 1985. Sekarang, nilai saham bumiputera itu hanya tinggal sebanyak 2 bilion. Sebanyak 52 bilion lagi entah ke mana. Maka sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada topik lain kerana saya

hendak habiskan juga. Ini kerana selepas ini saya akan balik kerana surau di kampung rumah saya terbakar semalam.

Jadi tuan-tuan yang saya kasihi sekalian. Tuan Yang di-Pertua, Melayu merempat sebab itu jangan disalahkan orang lain. Sebab itu kita kena harapkan supaya apa yang tidak kena sehingga semakin parah. Sedangkan kita tahu Perdana Menteri orang Melayu, Timbalan Perdana Menteri orang Melayu, sebahagian besar Kabinet orang Melayu, Exco orang Melayu, pegawai orang Melayu, JKKK orang Melayu dan tiba-tiba Melayu tertinggal. Puncanya tidak lain dan tidak bukan kerana:

- (i) berlakunya diskriminasi ketika dalam soal bantuan yang hendak diberi. Kita lihat disebabkan berlainan ideologi, berapa ramai kontraktor 'Kelas F' yang terdiri di kalangan orang Melayu yang tidak dapat kontrak? Puncanya ialah kerana mereka itu berlainan ideologi;
- (ii) sifat tidak amanah menyebabkan wang tidak sampai ke sasaran. RM32 juta wang PPRT dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Miskin ini banyak orang Melayu tetapi wang itu tidak sampai kepada sasaran;
- (iii) apabila pemimpin yang bergelumang dengan rasuah. Akhirnya mereka takut dosa rasuah. Maka akan ketinggalan untuk mendapat projek kerana orang Melayu tidak sanggup untuk memberi rasuah; dan
- (iv) pemimpin tidak takut dosa sehingga sanggup khianat sesama agama dan bangsa. Mereka tidak fikir balasan yang akan diterima.

Isu yang kedua, mengenai USIM (Universiti Sains Malaysia) yang kita tahu ditubuhkan pada tahun 2000. Saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai rungutan mengenai kursus ijazah undang-undang yang ditawarkan oleh universiti tersebut. Sudah tiga graduan yang dikeluarkan oleh USIM, pengiktirafan terhadap sijil ataupun Ijazah Perundangan mereka tidak boleh praktis di dalam Mahkamah Sivil. Kenapa keadaan ini berlaku? Maka kita mengharapkan Kementerian Pendidikan khususnya Bahagian Pengajian Tinggi menyegerakan supaya mahasiswa tidak teraniaya.

Kedua, berkenaan dengan USIM juga iaitu berkenaan dengan asrama. Kenapa masalah asrama USIM di Nilai walaupun yang sudah berpindah di kampus tetap pada Ogos 2005 sedangkan masih ada lagi asrama yang jauh iaitu terdapat di Nilai Impian hampir 20 kilometer? Kenapa pembangunan begitu agak lembap? Kenapa asrama yang hanya siap hari ini untuk satu fasa sahaja yang boleh dimuatkan untuk 1,000 orang? Itu pun satu bilik dimaklum kepada saya empat orang? Seolah-olah macam standard sekolah asrama penuh. Maka dengan sebab itu...

Ketiganya isu USIM juga. Kecuaian pihak pentadbir sehingga pelajar yang sudah tamat pengajian mereka yang menjalani latihan industri untuk tahun akhir terpaksa kembali untuk menduduki peperiksaan kerana ada subjek yang mereka telah pun tidak lalui sebelumnya, satu subjek iaitu untuk subjek tahun dua yang mana kecuaiannya ini berlaku di pihak universiti iaitu tajuk Akhlak. Inilah yang perlu diselidik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak sambung petang lima minit Yang Berhormat?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Ya, saya habiskan sedikit. Sedikit sahaja sebab saya hendak balik selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jam 1 petang ini kita tidak boleh panjangkan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Sedikit sahaja. Penutup, penutup. Saya hendak tanya. Begitu juga soal berkenaan dengan pengangguran. Saya harapkan isu pengangguran sebanyak 75,800 pengangguran di kalangan siswazah dapat diatasi. Cadangan saya ialah umur persaraan hingga 60 tahun dikaji semula.

Kedua, hampir 17,000 di kalangan mereka yang ada Diploma Pendidikan hari ini tidak ada kerja. Maka sebab itu, perlu diambil kira dan pasaran-pasaran kursus yang ditawarkan sesuai dengan pasaran kerja. Pihak universiti perlu buat kajian terhadap pasaran.

Akhir sekali ialah berkenaan isu lambakan durian kerana Bukit Gantang terkenal sebagai durian. Kita harapkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat mengusahakan supaya ada nilai tambah agar durian hari ini yang kita lihat amat menyedihkan. Satu keranjang besar yang hanya RM20 sahaja. Sebab itu perlulah ada di sana, ada tindakan untuk dilakukan oleh pihak kementerian untuk ada nilai tambah supaya pekebun-pekebun kecil yang memiliki kebun durian tidak teraniaya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit.

1.02 tgh.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sambung petang Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.02 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

2.32 ptg.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama berbahas ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong, sempena pembukaan rasmi sidang Parlimen, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan dengan proses dan keputusan PRU Ke-13. Cuma saya ingin mengimbas kembali Titah Ucapan Tuanku Diraja yang menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat sekalian, supaya tidak lagi mempertikaikan keputusan PRU Ke-13 oleh sebab jelas bahawa parti Barisan Nasional sudah menang dengan *simple majority*, 133 Kerusi berbanding dengan 89 Kerusi oleh tiga buah parti pembangkang. Dengan *simple majority* ini, maka layaklah parti Barisan Nasional menubuhkan kerajaan mengikut sistem demokrasi dan perlembagaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mengalami keharmonian etnik lebih dari lima dekad yang lalu dan ini juga menjadi inspirasi kepada banyak negara. Kedudukan negara Malaysia di *Global Peace Index* meningkat setiap tahun dan sekarang ini kita di tangga 20 daripada jumlah 158 negara. Akan tetapi ada juga di kalangan rakyat yang cuma melihat kekurangan atau *shortcomings* dalam semua aspek kehidupan di negara ini. Contoh dari segi politik, pentadbiran, sistem sosial dan ekonomi, *human rights*, kebebasan kononnya dikongkong, erti kata lain, bagi mereka semua tidak adil.

Sebelum dan selepas PRU Ke-13, pihak pembangkang dengan berpaksi 'ultra' Demokrasi membantah kerajaan seperti memberi gambaran bahawa hak asasi di negara ini tidak diberi kepada mereka, diutarakan di media-media asing, tidak mengiktiraf kebebasan sistem kehakiman dan Suruhanjaya Pilihan Raya, memfitnah bahawa agensi kerajaan adalah *political tools* kepada Barisan Nasional, memburuk-burukkan sistem pentadbiran, bertindak sebagai NGOs atau menghasut rakyat berdemonstrasi di jalan raya bagi membantah keputusan PRU, dan menuntut kehendak melampau mereka. Semua ini memberi publisiti buruk bagi Malaysia.

Walaupun begitu, kita bernasib baik oleh kerana demonstrasi jalanan ini tidak menghasilkan *Malaysian Spring* seperti yang berlaku di negara-negara luar, seperti di *Middle East*, Mesir, Libya, Syria dan juga di *Philippines*, Thailand dan juga Rusia. *Malaysian Spring* tidak mungkin akan berlaku di Malaysia sebab kebanyakan rakyat kita tergolong

dalam *medium income group*. Peratusan rakyat miskin amat kecil. Oleh sebab itu majoriti rakyat kita mempunyai *value* atau nilai untuk sama-sama menjaga kedamaian negara dan terus maju ke hadapan.

Negara di mana *spring* ini berlaku, ia disebabkan peratusan rakyat miskin yang terlalu tinggi dibandingkan dengan yang kaya. Kemiskinan ini bukan sahaja dari segi wang ringgit tetapi dari segi ilmu dan pengetahuan mereka. Maka, mereka tidak mengerti dan peduli akibat dari rusuhan dan peperangan dalam negeri. Oleh sebab itu nilai dan harapan untuk masa hadapan tidak ada.

Bagi kita di...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat ada menyebut dan menghuraikan serta menceritakan mengenai kononnya ada satu fenomena *Malaysian Spring* sebagaimana *Arab Spring* yang berlaku di negara-negara *Middle East*. Boleh saya tahu atau Yang Berhormat boleh jelaskan, siapa sebenarnya yang memulakan istilah "*Malaysian Spring*" ini. Sama ada ia dimulakan oleh sebelah kerajaan, sama ada bekas-bekas pemimpin tertinggi kerajaan, bekas Perdana Menteri atau pun pihak mana, *Malaysian Spring* ini? Adakah ia benar-benar wujud fenomena seumpama ini? Terima kasih.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi saya itulah yang dilihat di sebelah ini adalah sebab, tujuan untuk mengadakan demonstrasi jalan raya ini adalah bertujuan untuk akhirnya, saya fikir akhirnya, sama seperti apa yang telah berlaku di negara-negara yang telah dilanda penyakit ini seperti *Middle East* dan di Thailand. Kalau kita lihat dahulu contoh di Thailand, mereka ada disuruh untuk memakai pakaian warna merah sahaja, datang beramai-ramai di jalan raya. Apabila mereka ini terlalu ramai, susah untuk dijaga dan tidak ada sebab. *No cause to be on the road*. Akan tetapi apabila rakyat begini yang tidak mempunyai matlamat, apabila dihasut dan kekacauan berlaku, maka keselamatan tidak dapat dikawal, maka jadilah rusuhan. Banyak juga perkara begini berlaku di tempat lain. Ini yang kita amat takut di negara ini. Seperti apa yang telah berlaku selama ini, Bersih 1.0, Bersih 2.0, Bersih 3.0, Kebangkitan Rakyat, *Blackout 505*, nasib tidak jadi, sebab rakyat kita di sini masih mempunyai nilai. Nilai sendiri sebab apabila perkara ini berlaku, yang menjadi mangsa adalah rakyat kita sendiri. Jadi, kita berterima kasihlah...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Cukuplah Yang Berhormat Batu. Saya akan teruskan, masa tak cukup. Sudah diterangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada kerajaan yang *perfect*. Memang tidak ada. Apa yang perlu kita buat adalah untuk melihat mana yang kita kurang, dan *plan* untuk yang lebih baik seperti apa yang telah Barisan Nasional lakukan di Malaysia ini. Kita memang menyambut baik Gagasan 1Malaysia dengan matlamat akhirnya untuk memberi semua rakyat Malaysia keperluan asas dalam kehidupan rakyat dan seterusnya negara dapat mencapai perpaduan yang berkekalan.

Pelbagai program transformasi telah dilaksanakan untuk rakyat seperti menaikkan taraf hidup lebih-lebih lagi kawasan di luar bandar yang telah lama ketinggalan dari segala segi pembangunan. Ia telah mencapai pembangunan yang amat pesat kepada kawasan luar bandar. Sesi soal jawab pagi tadi kita telah mendengar jawapan daripada Menteri Luar Bandar bahawa banyak projek-projek yang telah dilakukan oleh kerajaan mengikut apa yang telah tersenarai dalam program transformasi seperti di bawah program GTP, ETP, Pelan Transformasi Luar Bandar.

■1440

Ini jelas bahawa banyak perubahan terutama dari segi kemudahan *infrastructure* bekalan air dan elektrik, kegiatan ekonomi pada rakyat miskin terutama mereka yang di luar bandar. Bantuan perumahan juga, pembangunan modal insan juga, telah ditekankan supaya rakyat kita yang di luar bandar ini tidak ketinggalan. Maka kita sama maju ke hadapan menjurus kepada Wawasan 2020 di mana negara kita akan maju dengan berpendapatan tinggi.

Dalam hal ini saya mohon supaya program-program dan projek-projek yang telah dikenal pasti dapat diteruskan terutamanya di kawasan yang belum mendapat kemudahan tersebut. Di sini, Tuan Yang di-Pertua saya ingin tahu daripada kerajaan jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk jalan raya dari Kanowit ke Kapit yang begitu panjang dengan juga peruntukan untuk bekalan elektrik dan air di kawasan-kawasan Parlimen Kanowit terutamanya oleh sebab projek-projek ini ataupun pelaksanaan projek ini adalah menjadi isu di masa pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua isu lain juga yang selalu kita bangkitkan adalah prestasi murid sekolah di luar bandar yang jauh lebih rendah berbanding dengan sekolah di bandar-bandar. Semalam kita mendengar perbahasan daripada seorang Ahli Yang Berhormat bahawa prestasi murid ini dikaitkan dengan nisbah guru kepada murid. Berkenaan perbandingan diberi di antara sekolah-sekolah di Malaysia dengan sekolah di negara maju, di mana nisbah guru kepada murid di negara maju amat rendah dan menyebabkan prestasi atau pencapaian akademik mereka lebih tinggi. Mengikut falsafah ini, maka prestasi sekolah di luar bandar terutamanya di Sarawak dan Sabah sepatutnya tinggi. Oleh sebab ada di setengah-setengah sekolah mempunyai nisbah 1:1, 1:2, 1:5 kerana murid kurang, guru-guru ramai, tetapi yang menjadi isu adalah, mengapa pencapaian akademik sekolah di luar bandar ini tidak cemerlang seperti yang diharapkan? Soal ini saya beri kepada kementerian untuk dijawab dan dihuraikan.

Tuan Yang di-Pertua, kali ini juga kita telah didedahkan kepada Pelan Transformasi Pendidikan Malaysia yang menjurus kepada *quality education*. Pada matlamat dasar pendidikan dahulu dari tahun 2006 kepada tahun 2010, banyak belum dicapai di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya di Sarawak. Contoh, kekurangan keperluan asasi sekolah, keperluan untuk baik pulih bangunan yang sudah tua menjadi kegagalan dari segi akademik. Dalam pelan transformasi tersebut, satu daripada punca utama dikenal pasti yang menyebabkan prestasi lemah bagi murid-murid di luar bandar adalah tidak ada pendedahan awal anak-anak muda kepada pelajaran formal. Oleh sebab itu kerajaan mula menggalakkan banyak kelas prasekolah di sekolah-sekolah rendah dan kelas tadika di kawasan kampung dan rumah-rumah panjang.

Akan tetapi yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, apabila program tersebut tidak disusuli dengan peruntukan yang mencukupi sebagai contoh kelas tadika di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang bermasalah terutamanya apabila tiada bangunan atau bilik darjah tempat mengajar. Selepas itu, ketua kampung, tuai rumah memohon kepada wakil rakyat peruntukan untuk membina kelas sementara. Kejadian ini tidak sesuai dan suasana tidak selesa untuk murid-murid kecil bermain dan belajar. Jadi kalaulah kerajaan benar-benar ingin meningkatkan prestasi murid daripada luar bandar bagilah peruntukan dan tenaga kerja yang mencukupi supaya hasrat kerajaan ini tidak sia-sia.

Bagi sekolah-sekolah rendah di luar bandar juga masalah yang masih belum dapat diatasi adalah kekurangan tempat tinggal bagi guru dan murid sekolah. Banyak rumah guru dibina oleh ibu-bapa secara gotong-royong dengan peruntukan atau geran daripada wakil rakyat, maka rumah itu dibina untuk guna sementara. Dalam hal ini saya menyeru kepada kementerian untuk membuat *survey* ke sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak terutamanya, dan mengenal pasti sekolah yang memerlukan kemudahan ini. Ini oleh kerana kesemua ini akan menentukan prestasi guru dan juga pencapaian akademik murid di sekolah tersebut. Ini masalah lama dan bukan yang baru, tetapi kita perlu memperingatkan kementerian sebab ia masih belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua satu lagi isu yang sering timbul bagi rakyat di Parlimen Kanowit terutamanya adalah bantuan untuk baik pulih rumah rakyat miskin di bawah PPRT atau projek perumahan rakyat termiskin atau projek bantuan rumah. Yang menjadi isu adalah, bagaimana proses pemilihan si penerima itu ditentukan, *selection process*. Adakah ia semata-mata mengikut senarai nama dalam e-Kasih atau pun sebaliknya? Ini menjadi isu besar sebab kadangkala si penerima yang dipilih itu dari sesebuah kampung atau rumah panjang itu bukan benar-benarnya keluarga miskin tegar, yang benar-benar miskin tidak dapat. Ini yang menjadi masalah.

Keduanya, bukan semua rakyat miskin yang tersenarai dalam senarai e-Kasih, ramai yang belum mendaftar. Dalam hal ini, kita perlu memberi kepercayaan kepada wakil rakyat untuk menentukan rakyat yang benar-benar layak mendapat bantuan tersebut.

Masalah ketiga adalah daripada skop atau pun spesifikasi untuk membina atau baik pulih rumah-rumah itu. Manakala si penerima tidak diberitahu atau dibawa berbincang untuk apa akan dilakukan untuk membaik pulih ataupun membina rumah yang telah usang itu? Jadi dalam semua ini, saya mohon kepada kementerian yang berkenaan untuk menubuhkan juga satu jawatankuasa supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan telus dan memberi kepuashatian kepada mereka yang menerima.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, masalah besar bagi rakyat miskin adalah pemberian bantuan kepada rakyat miskin di bawah Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM). Beberapa perkara telah kita bincangkan dengan kementerian tetapi sebagai ingatan bahawa terutamanya isu kadar pemberian bantuan perlu diselaraskan oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Kedua, sebelum bantuan itu ditamatkan, si penerima perlu diberitahu sebab ia dihentikan. Kalau tidak, ia menjadi masalah besar kepada wakil rakyat. Ini kerana banyak kes ini berlaku, dan si penerima datang diharapkan untuk menerima bantuan tetapi dikatakan telah tamat pemberian tersebut dan ini amat menjadi isu atau pun menjadi masalah kepada mereka.

Ketiga, proses untuk permohonan baru perlu dipercepatkan sebab masih ramai di antara rakyat yang miskin di luar bandar ini masih memerlukan bantuan ini, dan kita telah difahamkan setiap kali, kita menanya kepada jabatan atau pun pegawai-pegawai berkenaan, maka alasan mereka adalah, mereka tidak mempunyai cukup tenaga, tidak mempunyai cukup bajet untuk *travel* ke luar kawasan di hulu-hulu sungai, atau di rumah panjang. Ini bukan alasan yang munasabah dan saya fikir, kementerian perlu melihat keadaan ini dan memberi peruntukan yang mencukupi bagi menyelesaikan perkara ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan BR1M, di mana yang menjadi isu sekarang ini adalah BR1M 2, sebab dalam ulasan yang diberi, sesiapa yang dapat BR1M 1 secara automatiknya mendapat BR1M yang kedua tetapi di kawasan Parlimen Kanowit, ramai di antara mereka yang telah mendapat BR1M 1 tidak dapat BR1M kedua, dan mereka telah pun berjumpa dengan saya, merayu supaya mereka juga sama-sama diberi kelayakan untuk BR1M yang kedua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dengan sekolah jenis kebangsaan Cina di kawasan Parlimen Kanowit, di mana tidak kurang sepuluh atau sebelas buah sekolah itu masih berada di kawasan Parlimen Kanowit dan mereka ini amat memerlukan bantuan untuk membina bangunan baru, untuk menambahkan bilik darjah, bilik guru, bilik makmal, dewan serba guna, gelanggang rekreasi, tempat letak kenderaan dan sebagainya. Satu daripada sekolah yang agak besar di Parlimen Kanowit adalah SJK(C) Yee Ting, di mana ramai murid-murid daripada kaum bumiputera, Iban atau Melayu pergi ke sekolah ini untuk belajar bahasa Cina. Jadi saya mohon kepada kementerian untuk melihat kes ini dan saya difahamkan bahawa permohonan untuk beberapa peruntukan telah pun dimajukan kepada kementerian dalam beberapa tahun yang lalu tetapi sekarang ini belum juga dapat kelulusan daripada kementerian berkenaan.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya ingin tahu daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berkenaan dengan projek benteng sungai dan *waterfront development* di kawasan Parlimen Kanowit yang telah diberi kelulusan oleh Perdana Menteri dalam tahun 2009. Projek-projek ini adalah di Pekan Ngemah, Pekan Dap, Pengkalan Semaram, kawasan Rantau Dilang, kawasan Batu Luking, sebab ini adalah kawasan yang amat teruk. Oleh kerana sungai ataupun tebing sungai di kawasan ini mengalami *erosion*. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Pandan.

2.50 ptg.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

Pertamanya saya alu-alukan kesediaan Ahli dari Pekan mengajak supaya kita mengadakan rekonsiliasi. Akan tetapi dalam apa-apa jua keadaan pun, rekonsiliasi itu mestilah bersyarat. Maknanya suara rakyat yang menuntut tiga perkara ini perlu didengar.

Pertama, perlu ada satu reformasi sistem pilihan raya yang menyeluruh terlebih dahulu supaya wibawanya diterima rakyat. Ini kerana cadangan-cadangan yang dibuat di Dewan ini, pun dalam sidang-sidang yang lepas sehingga sekarang masih lagi belum dilaksanakan oleh suruhanjaya tersebut.

Kedua, Perdana Menteri mesti memberikan komitmen untuk membebaskan media supaya media boleh memberikan liputan yang adil dan sama rata kepada semua.

Ketiga, supaya ada komitmen dari semua pihak untuk menolak politik perkauman yang mengadu-domba.

Kalau ada ketiga-tiga komitmen ini, saya sudah pasti bahawa rakan daripada mana-mana pihak, boleh mempertimbangkan apa bentuk tawaran rekonsiliasi yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa setiap Ahli Dewan berhak untuk mengulas dan menyatakan pandangan mengenai isu sesuatu kaum. Namun isu itu perlulah diolah dalam perspektif yang melibatkan kepentingan semua rakyat, bukan hanya kaum-kaum tertentu. Sebab itu, saya bersetuju bahawa ada isu-isu yang bersabit dengan orang Melayu yang wajar dibincangkan dan diperhalusi secara bersama, dan terbuka oleh Ahli-ahli Dewan. Contohnya, saya telah lama mengikuti statistik mengenai ketagihan dadah di Malaysia yang kebanyakannya melibatkan orang Melayu, yang pada pemerhatian saya, pada sidang-sidang yang lepas mungkin kurang diberi perhatian dan juga perbahasan di Dewan ini.

Ketagihan dadah membawa porak-peranda yang besar kepada keluarga dan masyarakat terutamanya apabila kebanyakannya itu datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Dalam keadaan negara juga berdepan dengan soal jenayah yang tinggi, ketagihan dadah juga mendorong kepada meningkatnya kegiatan-kegiatan jenayah. Akan tetapi, yang paling teruk adalah penderitaan yang ditanggung oleh ibu bapa dan keluarga yang terpalit dengan masalah ketagihan dadah ini seperti yang saya ulang, selalunya datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

Sebab itu saya mahu tarik perhatian Dewan untuk merujuk kepada Laporan Agensi Antidadah Kebangsaan. Masalah ini sebenarnya masih belum dihapuskan sepenuhnya. Jikalau tengok kepada perangkaan-perangkaan sebenarnya jumlah ketagihan dadah di Malaysia semakin meningkat. Dari tahun 2008 hingga tahun 2010, jumlahnya itu meningkat. Tahun 2008, 12,352 yang disahkan ketagih dadah. Tahun 2009, 15,736. Tahun 2010, 23,642 sebelum pada tahun 2012 angka itu turun kepada 9,015.

Kalau ada celah atau mohon penjelasan boleh bagi kalau tidak mengantuk..., tiada?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ya, Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Pandan. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan penagihan dadah. Sebenarnya, jumlah yang disebut oleh Yang Berhormat sebenarnya, realiti yang ada sebenarnya lebih empat kali ganda daripada jumlah yang ada. Jadi kita lihat di antara punca, sebab saya berada di kawasan sempadan yang setiap hari berdepan dengan isu dadah di sempadan.

Kita lihat antara punca kenapa dadah begitu berleluasa salah satunya ialah pihak keselamatan, salah satu punca. Apabila mereka menangkap penagih-penagih dadah tetapi

pengedar dadah ataupun pembekal dadah tidak ditangkap. Ada mereka yang ditangkap dan mereka disuap dengan wang yang begitu banyak. Saya dapat maklumat, ada yang dibayar berbelas ribu sebulan untuk memastikan perniagaan mereka dapat beroperasi dengan lancar. Apa pandangan Yang Berhormat dalam isu ini.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya sudah tentu bersetuju kerana kita rujuk kepada statistik pendakwaan di bawah kesalahan-kesalahan yang bersabit dengan pengedaran dadah, angkanya itu sebenarnya lebih tinggi daripada jumlah berdaftar penagih dadah. Jadi kalau yang didakwa atas tuduhan mengedar dadah itu lebih tinggi sudah tentu saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Rantau Panjang ada benarnya.

Mungkin angka sebenarnya adalah empat kali lebih tinggi daripada apa yang dilaporkan. Namun yang lebih malang daripada angka yang tinggi itu, 50% adalah yang berulang maksudnya tangkap, lepas, kembali kepada ketagihan dadah dan daripada berbelas-belas ribu itu, 78% adalah penagih dadah daripada kaum Melayu di luar bandar. Sebab itu saya minta supaya Dewan melihat bahawa soal membasmi ketagihan dadah ini adalah sebagai satu cabaran yang serius yang perlu kita ambil.

Saya seru supaya, bukan sahaja soal yang dibawa oleh *Utusan Malaysia* itu dikira sebagai agenda Melayu. Soal menghapuskan ketagihan dadah terutamanya di kalangan anak-anak muda Melayu sewajarnya juga diangkat menjadi agenda Melayu bersama di dalam Dewan ini. Sebab itu kalau belum ada *caucus* seperti itu, saya cadangkan supaya ada satu *caucus bipartisan* yang melihat kepada cara-cara untuk kita meletakkan sasaran dan jalan terbaik supaya kita boleh menghapuskan terus ketagihan tersebut.

Saya tidak nampak Yang Berhormat Tanjong Karang ataupun Yang Berhormat Tampin, tetapi jikalau Yang Berhormat Tanjong Karang dan Yang Berhormat Tampin ada, oleh kerana mereka banyak masa, sekarang bukan dalam Kabinet, kita jemput mereka untuk bersama-sama di dalam *caucus* seperti ini, supaya ada titik pertemuan, kalau hendak bercakap tentang membela nasib orang Melayu...

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: ...Mari kita bermula dengan kita sama-sama mencegah dan menghapuskan ketagihan dadah di kalangan anak-anak Melayu.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Minta laluan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya daripada Pandan. Saya berminat untuk mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat berhubung dengan isu yang pertama tadi iaitu *national reconciliation* atau rekonsiliasi kebangsaan. Sebagaimana yang kita tahu bahawa, *national reconciliation* ini adalah satu konsep yang diperkenalkan di banyak negara yang mempunyai masalah *unity* ataupun dia juga dipanggil sebagai *national unity*. Mengikut pembacaan saya, ia diamalkan pada tahun 1980-an di Afghanistan iaitu semasa Rusia menceroboh Afghanistan. Presiden Najibullah pada masa itu telah meminta supaya diadakan satu *national reconciliation* dengan pemerintah Rusia.

Kembali kita kepada Malaysia, keadaan di Malaysia ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Pandan, dalam suasana kerajaan yang memerintah di peringkat Persekutuan, mempelawa ataupun menjemput untuk diadakan satu *national reconciliation* ini. Akan tetapi, pada masa yang sama, amalan yang dibuat oleh kerajaan itu seolah-olah di sebalik daripada itu.

■1500

Contohnya diwujudkan suasana *fear culture* ataupun budaya takut di kalangan rakyat. Apabila disebut isu-isu seumpama 13 Mei, dianggap itu isu yang mengancam keselamatan negara, bukannya satu isu yang boleh dijadikan teladan kepada rakyat supaya tidak berlaku lagi di masa akan datang. Jadi, saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Pandan, adakah wajar kita mengadakan satu *national unity day or unity week* di Malaysia ini? Terima kasih.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya tegaskan tadi bahawa, setiap rekonsiliasi itu mesti bersyarat dan mestilah bermula dengan kedua-dua pihak, membayangkan kesediaan untuk menyatakan beberapa komitmen terhadap perkara tertentu. Saya bersetuju, contohnya kalau usaha dibuat dengan lebih khusus untuk kita memupuk, sama ada dalam bentuk hari tertentu, tetapi yang lebih penting, Perdana Menteri dan juga kerajaan mestilah nampak ikhlas dalam menawarkan tawaran tersebut.

Saya hendak beralih kepada isu yang seterusnya iaitu tentang keberkesanan SPRM...

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Pandan, minta laluan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya masuk yang ini sebentar. Soal tentang SPRM kerana saya merujuk kepada jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri mengenai jumlah-jumlah kes rasuah yang telah disabitkan dan dibawa ke mahkamah. Saya rujuk kepada laporan tahunan SPRM yang dibandingkan dengan laporan tahunan dengan izin, *Independent Commission Against Corruption* (ICAC) di Hong Kong kerana itu adalah suruhanjaya, menjadi tanda ukur di dunia mengenai keberkesanan melawan rasuah.

Kalau ikut ada beberapa maklumat dan data yang saya kira perlu dibahaskan dan diperhalusi oleh Dewan. Pertama ialah dari segi jumlah laporan yang dibuat oleh rakyat per kapita mengenai rasuah. Kalau ikut Laporan Tahunan SPRM 2011, dalam tahun 2011 ada 6,475 laporan mengenai rasuah yang dibuat kepada SPRM berbanding dengan di ICAC sebanyak 4,010 laporan diterima. Oleh sebab itu kita kena tengok peratusan laporan per kapita untuk menunjukkan bagaimana kesediaan rakyat di sesebuah negara itu melibatkan diri dalam hal-hal untuk mencegah rasuah.

Di Malaysia melalui SPRM maknanya peratusan itu hanya 0.02%. Di Hong Kong yang telah terbukti berkesan mencegah rasuah, angka itu tiga kali ganda, 0.06%. Maknanya kita ada masalah di Malaysia. Bila disebut tentang kegagalan kerajaan untuk meningkatkan indeks persepsi rasuah, ini ada kena mengena dengan jumlah laporan rasuah yang dibuat kepada SPRM. Ini kerana rakyat tidak yakin dengan SPRM, sebab itulah tidak ramai rakyat yang tampil untuk membuat laporan atau memberi maklumat kepada SPRM. Sebelum ada yang mohon saya bagi bukti, saya boleh bagi bukti yang seterusnya.

Ada sebab juga kenapa rakyat tidak yakin untuk tampil bagi maklumat kepada SPRM. Ini kerana laporan SPRM sendiri menunjukkan bahawa daripada 6,475 laporan dan maklumat yang diberi dalam tahun 2011, hanya 1,304 yang akhirnya dibuka kes jadi fail. Maknanya, setiap lima kes yang dilaporkan, setiap lima maklumat yang diberikan, hanya satu yang akhirnya fail dibuka. Yang lain, empat lagi Tuan Yang di-Pertua, klasiknya adalah *no further action*, tidak ada tindakan lanjut.

Bandingkan dengan prestasi di Hong Kong. Di Hong Kong daripada 4,010 laporan yang dibuat dalam tempoh masa yang sama, sebanyak 3,072 ataupun 77% berhasil dijadikan satu siasatan dan fail dibuka. Jadi, maknanya rakyat Malaysia, kita tidak boleh salahkan kalau dia meragui keberkesanan SPRM, kerana mengikut laporan SPRM sendiri, kalau kita buat laporan, lima lapor satu sahaja yang buka fail. Sedangkan di negara-negara lain lapor empat, tiga buka fail. Oleh sebab itu saudara saudari, saya minta Dewan...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Kali pertama, tidak apa.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Minta laluan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan supaya...

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Laluan Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab... Sebentar, saya habiskan yang ini ya.

Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya mengambil cabaran ini dengan serius. Mengatasi persepsi terhadap SPRM ini bukan semata-mata melalui iklan ataupun kempen jenama yang mahal, yang menelan wang rakyat. Ia perlu dibuktikan melalui bagaimana berhasilnya laporan-laporan dan berapa banyak fail dan akhirnya berapa banyak pendakwaan yang dibuat terutamanya kepada tokoh-tokoh besar negara, mestilah bermula dengan Ketua Menteri Sarawak Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh minta penjelasan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Beruas, ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pandangan Yang Berhormat Pandan mengenai cadangan saya supaya SPRM mesti memberitahu pengadu selepas siasatan, apa hasil siasatan mereka kepada pengadu. Kalau saya Ahli Parlimen membuat aduan pun dia tidak kisah, bagi tahu semua kes-kes negeri Perak, langsung tidak diberitahu apa-apa berita, siapa ada lagi keyakinan kepada SPRM, betul tidak?

Jadi, cadangan saya, kalau boleh Yang Berhormat Pandan masukkan ke dalam ucapan, SPRM diminta memberitahu semua pengadu hasil siasatan kepada semua laporan yang dibuat.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Tadi ada satu permintaan celahan daripada sana. Mungkin saya terima itu dulu sebelum saya habiskan. Silakan.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Pandan telah cuba membandingkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pandan ada masa lagi empat minit. Jadi kalau kasi laluan nanti mana tahu banyak lagi yang perlu. Ingatan juga kepada Ahli Yang Berhormat, *maiden speech* kalau boleh jangan ganggu, jangan celah. Ingatan kepada mereka yang belum berhujah. *Maiden's speech*. Sila teruskan.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Saya cuma hendak mencelah. Tadi Yang Berhormat Pandan menyatakan di Malaysia apabila laporan dibuat, statistik menunjukkan setiap lima laporan itu, satu sahaja dibuka fail, dan dibandingkan dengan Hong Kong 4,000 dibuat, 3,000 dibuka fail. Saya hendak tanya Yang Berhormat Pandan, adakah apabila kita membuat laporan mesti buka fail? Adakah di Hong Kong itu hendak dibandingkan dengan Malaysia, secara logiknya dia orang itulah sudah nyata ada masalah, sebab itulah fail dibuka. Jadi tidak bolehlah kita hendak samakan dan katakan di Malaysia ini tiada siasatan dibuat. Terima kasih.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Beruas dan sebentar tadi Yang Berhormat Jerlun ya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Beruas bahawa untuk kita meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keikhlasan dan kebebasan SPRM, rakyat perlulah diberi maklum balas tentang perkembangan kes-kes ini. Seperti mana, dengan izin, *standard operating procedure* yang diamalkan oleh badan-badan yang serupa di seluruh dunia.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat Jerlun, hanya Yang Berhormat Jerlun sahaja yang menganggap bahawa Hong Kong itu keadaannya lebih teruk rasuahnya daripada Malaysia. Mengikut indeks yang digunakan oleh kerajaan sendiri, kedudukan Hong Kong jauh lebih baik daripada Malaysia. [*Tepuk*] Bermakna ICAC lebih berkesan daripada yang ada sekarang.

Saya hendak tutup Tuan Yang di-Pertua, dua minit terakhir. Saya perlu bawa soal turun harga kereta ini. Saya sudah berhujah banyak di luar akan tetapi sekarang ini untuk direkodkan di dalam. Saya mahu memberi nasihat kepada Menteri yang terbabit bahawa jangan bermain-main dengan 'Aku Janji' untuk menurunkan harga kereta. Ini kerana yang

itu akan dituntut oleh rakyat. Itu satu permintaan rakyat yang cukup jelas. Turun harga kereta kerana ia dalam kemampuan kerajaan untuk membuatnya.

Kaedah yang cuba dipertahankan oleh kerajaan sekarang akan membawa masalah kepada golongan yang lain. Kaedah yang kerajaan pakai sekarang ialah untuk pujuk pengeluar-pengeluar kereta menurunkan harga kereta. Baik, memang dia akan turunkan harga tetapi dia turunkan harga model tertentu, dia akan naikkan harga model yang lain. Kalau dia turun model kecil, model besar naik kerana untung itu mesti dijaga. Itu yang pertama.

Kedua, apabila Yang Berhormat Menteri di dalam jawapannya kerap kali mengulangi potongan harga kereta ini ialah dengan pengeluar kereta, memotong kos, potong kos. Tanyalah mana-mana yang pernah mengendalikan kilang, perkara pertama yang akan dipotong adalah soal gaji, bonus, *overtime* dan kebajikan pekerja. Kaedah yang digunakan oleh kerajaan ini akan menyebabkan pekerja-pekerja sektor automotif terpaksa menanggung beban kerana kerajaan tidak mahu memotong cukai

■1510

Ketiga yang saya paling gusar apabila kerajaan minta syarikat pengeluar kereta memotong harga, itu secara tidak langsung akan mendorong syarikat-syarikat ini mengurangkan kualiti dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *they will cut corners* Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sebab itu untuk saya rumuskan, masa pun sudah tamat, saya minta kerajaan mempertimbangkan kembali kerana hujahnya jelas, hanya RM350 juta setiap tahun yang diperlukan untuk memotong 5% cukai setiap tahun. Sebanyak 5% cukai itu akan menghasilkan kuasa pasaran yang akan menekan harga kereta untuk turun keseluruhannya. Bila itu turun keseluruhannya, ia akan membantu semua. BN pun menang, Pakatan Rakyat pun menang. Dengan itu, saya mohon supaya kalau adalah sekali lagi cadangan untuk memotong cukai kereta supaya ia disokong secara bersama oleh kedua-dua belah pihak di dalam Dewan ini.

Jadi cukup setakat itu. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, lebih masa satu minit, *insya-Allah* selepas ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya juga ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Pandan. Saya ingat Yang Berhormat Parit Buntar telah set *benchmark*. Sekarang Yang Berhormat Pandan telah meningkatkan lagi *benchmark* itu dalam perbahasan... [Tepuk] Jadi saya memohon Ahli-ahli Yang Berhormat yang bahas pertingkatkan dari semasa ke semasa. Kita ubah.

Yang Berhormat Langkawi, sila.

3.12 ptg.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menyampaikan ucapan junjung kasih Ke Bawah Duli Tuanku 'Sultan' di atas titah ucapan pembukaan perasmian persidangan kali ke-13 tempoh hari, dan turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini. [Disampuk] Oh ya, minta maaf, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak jati negeri Kedah, saya ingin membawa dua masalah negeri Kedah dalam masalah perbahasan kali ini yang bersangkutan paut dengan Kerajaan Persekutuan. Bab pertama ialah tentang pembayaran Persekutuan RM10 ribu kepada Kerajaan Negeri Kedah untuk serahan Pulau Pinang. Negeri Kedah adalah sebuah negeri yang terlama di Malaysia yang wujud lebih 1000 tahun yang lalu dengan sembilan campur dua puluh tujuh lapis susur jalur keturunan Tuanku yang tidak ada putus-putus.

Empayar Kedah telah merentang dalam kawasan yang luas sehingga ke Selatan Thailand di utara dan sebahagiannya sampai ke Utara Perak. Kehadiran Francis Light pada tahun 1786 telah merubah landskap penguasaan Kerajaan Kedah ke atas Pulau Pinang dan perjanjian dengan Syarikat Hindia Timur pada tahun 1786 telah memberikan Francis

Light untuk membayar sebanyak RM10 ribu kepada Kerajaan Negeri Kedah sebagai bayaran pampasan mengambil Pulau Pinang, setiap tahun.

Isu yang saya ingin bawa di sini ialah bermula pada tahun 1957, kuasa untuk membayar RM10 ribu kepada Kerajaan Negeri Kedah telah berpindah tangan kepada Kerajaan Persekutuan dan sehingga kini RM10 ribu itu dimasukkan ke dalam bajet negeri Kedah tiap-tiap tahun. Saya bersama negeri Kedah selama sembilan tahun, tiap-tiap tahun saya tengok ada di dalam bajet.

Saya hendak bangkitkan perkara ini adalah kerana RM10 ribu pada 227 tahun yang lalu, iaitu pada tahun 1786 bukanlah bernilai sama seperti RM10 ribu pada tahun ini. Kalau kita mengambil formula *future value of money*, kita mengambil RM10 ribu sebagai nilai pada masa itu dengan 3.7% *interest* pada 227 tahun maka nilai itu adalah sebanyak RM38 juta, daripada RM10 ribu ke RM38 juta. Adakah patut sekiranya keadaan ini berterusan, Kerajaan Persekutuan membayar RM10 ribu lagi kepada Kerajaan Negeri Kedah dalam masa 200 tahun akan datang, nilai RM10 ribu itu akan hanya menjadi RM5.30 berbanding dengan masyarakat di negeri Kedah yang mempunyai seramai dua juta manusia dan sudah tentulah jumlah RM38 juta ini akan hanya dapat dalam RM19...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta laluan Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Baru, baru, saya ini baru ini.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya baru juga. *[Ketawa]*

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Kejap lagi, di hujung nanti saya beri.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini dari Penang ini.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Janji ditepati ya.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Walaupun penyerahan ini sekadar – walaupun keadaan ini nampaknya macam sedikit lucu tetapi saya rasa ianya merupakan satu imbuhan besar kepada Kerajaan Negeri Kedah kalau Kerajaan Persekutuan menggunakan formula yang sedemikian itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin menyentuh isu bayaran air Pulau Pinang kepada negeri Kedah...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, sebelum masuk isu lain, saya hendak tanya isu yang pertama tadi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tidak, tidak, sekejap lagi di hujung nanti saya beri *insya-Allah*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Di hujung beri ya?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Ya, di hujung. Tidak ini mengganggu, saya orang baru, berilah macam Tuan Yang di-Pertua kata tadi ,untuk ucapan ulung ini jangan kacau ya, lepas ini *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua ialah isu bayaran air Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri Kedah. Pulau Pinang tidak mempunyai sungai besar dan mengharapkan bekalan air daripada Sungai Muda yang merentangi lebih kurang 178 km dari tengah-tengah hutan simpanan Kedah ke hujung di hilir sungai. Apabila air ini sampai di hujung menghampiri Selat Melaka, air ini dipam atau digomba untuk diproses oleh Pulau Pinang bagi membekalkan 80% dari keperluan air harian mereka. Air ini pula diproses dan dijual kepada pelanggan-pelanggan yang terdiri daripada pelanggan domestik, pelanggan komersial, pelanggan industri dan juga pelanggan perkapalan.

Baru-baru ini kita terdengar perbalahan di antara kedua-dua kerajaan negeri tentang hal pembayaran air. Kerajaan Negeri Kedah mengatakan, oleh kerana air mengalir dari Kedah dan Kedah terpaksa mengorbankan peluang untuk memotong balak di kawasan tadahan dan membina Empangan Muda, maka sewajarnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu membayar harga air mentah kepada Kerajaan Negeri Kedah.

Jualan air mentah ini bukan sahaja kita lihat di Singapura mengambil air mentah di Johor. Malah dengan struktur perubahan bekalan air di negeri-negeri seluruh negara kita, termasuk Syarikat Air Kedah sendiri perlu membayar air mentah kepada Kerajaan Negeri Kedah, walaupun air ini diambil di dalam negeri Kedah.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengatakan, ia mengepam air dari sungai dalam jajahannya seperti negara-negara lain. Akan tetapi yang perlu kita lihat ialah, pengorbanan negeri Kedah yang perlu diberi pampasan di atas penjagaan dan pemeliharaan hutan di kawasan tanah air negeri Kedah. Di samping kos untuk menjaga kebersihan sungai, air yang mengalir bersih dan berkeadaan baik, ini semua menggunakan kos dan sudah pasti penerima air di hujung sungai patut bersama-sama menanggung kos-kos ini.

Nilai peluang ekonomi yang terlepas dari hutan simpanan ini perlu diambil kira dalam bentuk ekonomi dan pampasan setara patut dibayar. Di samping itu, Kerajaan Negeri Kedah juga mampu untuk melencongkan air ini ke Sungai Petani bagi keperluan bekalan air mentah dan masuk ke tanaman padi dan pertanian. Sudah tentunya kalau Kerajaan Negeri Kedah melakukan perkara ini, maka Pulau Pinang akan kekeringan air pada masa hadapan. Perlu kita ingat, Pulau Pinang mengepam air di negeri Kedah dengan pembayaran sifar tetapi pada masa yang sama mereka menjual air tersebut kepada pelanggan komersial seperti kilang-kilang gergasi seperti *Intel*, *Komag* dan sebagainya, 400 kilang berada di Pulau Pinang yang besar-besar belaka dan kapal-kapal dagang yang bertarif tinggi.

Kita tidak mempertikaikan bab air untuk dijual atau digunakan oleh rakyat biasa kerana rakyat Pulau Pinang berhak minum air. Akan tetapi kita mempertikaikan perbuatan mengambil untung yang besar dengan menjual air kepada kilang-kilang dan kapal dan sepatutnya sebahagian daripada keuntungan itu patut dikongsi bersama dengan negeri yang menjaga sumber airnya...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh beri laluan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Laluan.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Saya akan beri di hujung, *insya-Allah*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [*Menyampuk*]

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Contoh bila... [*Dewan riu*]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:Tidak bayar pampasan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

■1520

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, tidak apa. *Maiden speech*, tidak apa.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tidak, tidak. Ini *my floor*. Saya tidak bagi laluan. Ikut undang-undang. Contohnya Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *Domestic consumer 0.22...*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Langkawi, sama-sama Kedah ini.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Nanti 'sat', nanti 'sat'. Saya tahu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada dua. Dua...

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Saya tahu...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak sokong ini. Hendak sokong.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *[Ketawa]* Sokongan yang bahaya ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Ketawa]*

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya pun hendak sokong juga.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua bukan apa. Saya hendak sokong...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya hendak sokong juga Yang Berhormat.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohonlah. *This is my floor. I will go on.*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sokong supaya Perlis pun kena bayar juga. Bekas Menteri Besar Perlis kata, mana boleh bayar Perlis. Air Allah Taala punya, dia kata *[Ketawa]* Biar, dia tidak mahu bayar.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *[Ketawa]* Tidak apa. Daripada segi hukum, dia kena bayar *insya-Allah*. *Domestic consumer* contohnya 0.22 per 1,000 *litre*, 0.22 sen per 1,000 *litre* dibayar oleh pelanggan *consumer*. Akan tetapi, mereka menjual kepada kapal-kapal dengan harga RM2.54 per 1,000 *litre* bermaksud RM2.54 bahagi 0.22 kali dengan 100. Makna kata, dok ada 1,154% lebih mahal daripada harga yang dijual kepada *consumer* biasa, darab dengan penggunaan air yang sama.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, ini memberikan erti bahawa Pulau Pinang membuat keuntungan besar daripada sumber air yang nilainya kosong dari Kedah. Makna kata keuntungan infiniti. Kenapa infiniti? RM2.54 *divide by zero*...

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Minta laluan.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: ...Dan mendapat *yearly revenue* sejumlah RM245 juta Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Oleh itu, pinjaman yang bijak ini.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: ...Itu urusan negeri, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Sabar. Sabar.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Tidak adil tidak bagi Pulau Pinang jawab.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tidak, tidak. *[Ketawa]* Yang ini kita minta Kerajaan Pusat. Bukan masuk campur, bukan *state*. Oleh itu, di Dewan yang mulia ini, saya sebagai anak jati Kedah, macam dengan abang kita lah kan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Panggil abang, kena bagi lah.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: ...Mendesak agar Kerajaan Persekutuan dapat mengambil inisiatif...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia panggil abang dekat kita, adik kena hormat pada abanglah. Kena bagilah.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: ...Untuk campur tangan dalam pertikaian ini dan memberi inisiatif yang terbaik, *win-win situation* pada kedua-dua kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk sedikitlah tentang isu yang dibawa oleh pembangkang. Saya mohon maaf kepada Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Pandan, saya tidak kenal dia, dia tidak kenal saya. Akan tetapi, dalam Dewan ini baru tunjuk muka. Akan tetapi, saya kenal dia dalam *YouTube*.

Penurunan harga minyak. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang janji pembangkang dalam manifesto mereka sekiranya berjaya mengambil alih Putrajaya, mereka akan mengurangkan harga minyak. Cadangan Yang Berhormat Pandan dalam *YouTube* untuk menurunkan harga minyak daripada RM1.90 kepada RM1.50 sebaik sahaja PR mengambil alih Putrajaya.

Yang Berhormat Pandan memaklumkan setiap 10 sen turun harga, kita perlu ada RM1.7 bilion setahun untuk *cover* 10 sen. Makna kata, kalau kita hendak turunkan daripada RM1.90 kepada RM1.50 sekarang ini, kita memerlukan 40 sen penurunan dengan kehilangan kewangan kepada kerajaan sebanyak RM6.8 bilion setahun. Yang Berhormat Pandan juga menyarankan wang RM6.6 bilion ini dapat diambil daripada subsidi Petronas...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Pencelahan.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: ...Kepada IPP sebanyak RM1.5 bilion setahun.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya mohon penjelasan.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Yang ini daripada Yang Berhormat Pandan punya video, saya okey lah.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tidak Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucap terima kasih sahaja kepada Yang Berhormat Langkawi. Tolong sambung ucapan saya dalam Dewan sebab masa saya tidak cukup tadi. Boleh sambung lagi daripada video.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Okey, terima kasih. Saya setuju pengiraan Yang Berhormat Pandan mahu menurunkan harga 40 sen dengan kos RM6.8 bilion. Akan tetapi Yang Berhormat Pandan, saya tidak bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Pandan untuk mengubah subsidi Petronas dari diberi kepada IPP kepada dipindahkan kepada penurunan kos minyak ini atas sebab seperti di bawah.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: [Bangun]

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Di dalam perjanjian IPP dengan TNB, ada *clause*, "*fuel cost pass through*" yang mana sekiranya harga gas melebihi RM13.70 MMBtu, maka lebihan itu akan dipindahkan kepada TNB untuk membayarnya. Makna kata, ada satu...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Sabarlah Yang Berhormat Pandan. Bagi saya habiskan yang ini *and then* saya bagi Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ha, selepas itu saya jawab na.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Okey, sebab Yang Berhormat Pandan punya video, kita lawan. Tengok. Yang Berhormat Pandan kata, kalau kita hendak dapat duit RM8 bilion daripada subsidi Petronas ini, kita jangan bagi kepada IPP.

Apabila tidak bagi kepada IPP RM8 bilion ini, IPP terpaksa mencari RM8 bilion balik daripada untuk *cover cost* mereka. Ini kerana situ ada *fuel cost pass through agreement* IPP dengan TNB, maka kos ini akan *dipass* kepada TNB. TNB pula tidak mampu untuk menahan RM8 bilion setahun kerana keuntungan TNB hanyalah RM2 bilion, maka RM6 bilion lagi akan menyebabkan TNB bankrap. Jadi oleh kerana itu, TNB tidak ada pilihan. Mereka terpaksa *pass through to the consumer*. *Consumer* pula berapa ramai ada? Saya lihat TNB ada 8.3 juta pelanggan. Katakan lah kalau 8 juta...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Boleh sekarang Yang Berhormat Langkawi?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: RM8 bilion bahagi dengan 8 juta maknanya peningkatan tarif-tarif pelanggan akan melonjak RM1,000. Bermakna dengan cara demikian itu, tiap-tiap pelanggan TNB akan terpaksa membayar RM1,000 lagi. Jadi, hukumnya Tuan Yang di-Pertua, makna kata kita tidak mampu untuk menghilangkan

subsidi yang diberikan Petronas kepada IPP kerana itu adalah subsidi untuk mengurangkan tarif bukan subsidi untuk membayar kepada kroni. *[Tepuk]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Boleh penjelasan Yang Berhormat Langkawi? Penjelasan sekarang na, boleh?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Nanti, nanti. Satu lagi. Ada video satu lagi.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tidak ada masa sudah ini. Tidak ada. Saya jawab yang TNB itu dahulu.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Satu lagi. *This is my floor.* Tadi *I* tidak kacau *you* pun Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Bolehlah? Yang TNB, TNB ini. Yang Berhormat Langkawi ada sebut tentang *first*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Langkawi hendak beri laluan kah tidak?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, nanti sekejap. Saya tidak bagi. *I continue, sorry [Ketawa]* Sabar ya.

Kedua, yang ini pun Yang Berhormat Pandan juga. Yang Berhormat Pandan juga kata harga kereta turun. Tadi Yang Berhormat Pandan tarik perhatian. Dia marah Menteri kerana tidak mahu turun harga kereta di atas *tax*.

Okey, kita perhatikan apa video Yang Berhormat Pandan kata. Pembangkang berjanji akan menurunkan harga kereta sekiranya memenangi Putrajaya secara berperingkat-peringkat. Bagus, kerana tidak merudum harga kereta. Yang Berhormat Pandan memaklumkan dalam *YouTube*, harga kereta dikatakan menjadi mahal kerana kerajaan mengenakan cukai sejumlah RM7.6 bilion dikutip setiap tahun. Betul. Cadangan Yang Berhormat Pandan di dalam *YouTube* ialah mengurangkan secara berperingkat 20% setahun cukai kereta itu, kerugian sebanyak RM1.5 bilion setahun...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan. Tiga minit sahaja Yang Berhormat Langkawi, penjelasan. Bolehlah, penjelasan ya.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Habis ini *sat* Yang Berhormat Pandan ya. Bagi ini selepas itu saya *stop*, Yang Berhormat Pandan masuk.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Nanti saya buat video baru fasal Yang Berhormat Langkawi nanti.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *[Ketawa]* Jangan, jangan. Yang ini pasal apa? Saya bukan bergaduh dengan Yang Berhormat Pandan. *[Dewan riuh]* Saya hanya hendak lawan fakta. Kalau Yang Berhormat Pandan tembak Yang Berhormat Langkawi, tidak patutlah. Nanti saya tembak Yang Berhormat Pandan pula.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Sebab Yang Berhormat Langkawi tidak jadi lembu lagilah.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *[Ketawa]* Dalam masa lima tahun akan menghapuskan cukai kereta. Ini saya ambil semua *detail* daripada Yang Berhormat Pandan punya *YouTube*. Yang Berhormat Pandan juga mencadangkan agar kehilangan pendapatan akan dapat ditampung dengan lelong terbuka AP yang akan dapat meraih RM2 bilion setahun daripada hasil AP.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pengiraan ini ada sedikit masalah kerana Yang Berhormat Pandan hanya memberi pengakuan kepada tahun yang pertama. Selepas itu dia tutup video itu. Dia tidak meneruskan kepada tahun kedua, ketiga keempat, kelima dan keenam. Jadi, pada di Dewan yang mulia ini...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan. Itu tidak tengok video penuh itu.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk cerita saya punya data dahulu sebab itu Yang Berhormat Pandan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pandan mengambil kira kehilangan pendapatan negara RM1.5 bilion dalam tahun yang pertama. Akan tetapi, Yang Berhormat Pandan kata digantikan dengan AP lelong RM2 bilion hanya untuk tahun pertama...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan. Bolehlah kot na, ada dua minit lagi...

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: ...Satu yang pertama, tahun pertama betul...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan Yang Berhormat Langkawi [Ketawa]

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: ...Rugi, kerajaan rugi RM1.5 bilion tetapi dapat lelongan AP RM2 bilion. Pada tahun yang kedua, turun cukai ialah 40%. Cukai yang rugi ialah RM3 bilion. Akan tetapi, pada masa yang sama, kita lelong AP dapat RM2 bilion. Maknanya, tahun kedua minus RM1 bilion, tahun ketiga minus RM2.5 bilion, tahun keempat minus RM4 bilion, tahun kelima minus RM5.5 bilion dan keenam, ketujuh, kelapan semua minus RM5.5 bilion.

Kalau kita mengambil dua kes ini, minus RM5.5 bilion dengan tadi minus RM6.8 bilion, maka kerajaan ini tidak akan ada duit sebanyak RM12.3 bilion setahun. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini tidak akan...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan. Boleh dah kah?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Boleh, boleh. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, beri masa sedikit boleh?

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Langkawi sebut berpuluh-puluh kali nama saya tetapi saya hendak minta penjelasan satu sahaja tentang TNB. Oleh sebab Yang Berhormat Langkawi saya dimaklumkan ada latar belakang TNB. Bila kita bercakap tentang menghapuskan subsidi IPP, bukan kita bermusuhan dengan TNB. Ini kerana perjanjian yang dimasuki dengan pemegang konsesi menetapkan TNB terpaksa membayar bayaran tetap kepada pemegang-pemegang konsesi ini sampai satu, dua bilion tiap-tiap tahun.

■1530

Kalau jalan pun kena bayar, kalau tidak jalan pun kena bayar. Sebab itulah apabila TNB kena bayar jumlah ini yang besar, TNB tidak ada untung untuk membayar kos bahan api. Sebab itu kita minta bersetuju atau tidak, Yang Berhormat Langkawi sebagai ahli asalnya daripada TNB, kalau kita rombak semula perjanjian IPP supaya kita hapuskan bayaran-bayaran tetap macam ini supaya TNB ada duit. [Tepuk]

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titivangsa]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Okey, saya tahu hal itu tetapi saya rasa yang itu sudah termaktub dalam perjanjian.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua lagi yang bangun, Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Itu kita serahkan kepada Menteri [Dewan riuh]

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Walau bagaimanapun, walau bagaimanapun [Dewan riuh]

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Sabar, sabar, sabar!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat jangan ganggu. Sila.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Walau bagaimanapun, perkara yang sama tidak dimaklumkan oleh video.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Apa yang saya kata ini video Yang Berhormat Pandan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Sekiranya kita hilangkan... Okey, okey boss.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Langkawi, saya hendak menyentuh pasal IPP tadi. Sebenarnya apa Yang Berhormat Pandan sebut tadi, Yang Berhormat Pandan sebut satu *angle*. Dia tidak sebut berapa banyak syarikat swasta yang berhutang iaitu hampir RM26 bilion untuk mengeluarkan pinjaman, untuk mewujudkan 15 IPP.

Jadi kita tidak boleh cerita *one side*, *another side* kita tidak cerita. Akan tetapi sebenarnya dengan adanya IPP, ia membantu menyediakan keperluan elektrik yang mencukupi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pandan bahawa tarif ini pada mulanya kalau kita ingat mula-mula IPP diwujudkan, tarif kita ini begitu tinggi kerana waktu itu kerajaan tidak ada pengalaman untuk mengenakan tarif yang bersesuaian tetapi lama-kelamaan apabila kita mencapai satu tahap di mana kita faham soal kepentingan janakuasa elektrik kepada negara ini, maka kita memerlukan IPP ini supaya penyampaian *power* ini dapat dilakukan dengan secepat yang mungkin.

Tidak macam mana di Indonesia yang mana mereka mengambil masa yang begitu lama kerana tidak ada *private sector* yang hendak terlibat untuk *supply* kuasa tenaga elektrik ini. Sebab itu dalam negara kita, kita tidak ada masalah mengenai *power supply*. Ini kerana apa? Ini kerana kita mempunyai *supply* IPP yang begitu banyak untuk menampung perkembangan ekonomi dalam negara kita. Kita tidak boleh cerita macam Indonesia, hotel pun hendak kena pakai generator. Jadi kita kena ingat ini Yang Berhormat Pandan. Sebab apa? Syarikat-syarikat yang terlibat dalam IPP ini, mereka juga mempunyai tanggungjawab iaitu untuk menyelesaikan pinjaman-pinjaman mereka. Apa yang kita anggap *profit* itu sebenarnya adalah *paper profit*, *that is not cash profit*. Akan tetapi kalau kita tengok waktu zaman Ketua Pembangkang meluluskan IPP ini, yang itu saya hendak sebut tiga kali ganda... [*Dewan riuh*] Tiga kali ganda daripada *rate* yang ada dalam Barisan Nasional sekarang ini... [*Tepuk*]

Seorang Ahli: Betul, betul.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Okey Yang Berhormat Titiwangsa, saya bersetuju dan masuk dalam ucapan saya [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan sedikit, saya hendak sentuh sikit...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Langkawi, hujung dah kot, hujung dah kot?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Ada sikit sahaja, saya tidak bagi peluang sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri peluang sudah Yang Berhormat. Dia hendak menggulung ini Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Langkawi, hujung dah ini. Berilah laluan.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Sekejap, sekejap. Tidak habis lagi.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tadi janji.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Saya kata tadi di hujung, bukan?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Belum hujung lagi?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Sabar, sabar. Kelmarin saya terkejut, beberapa hari yang lepas Ketua Pembangkang ada menyebut bahawa roti *Gardenia* telah naik harga sebelum pilihan raya dan selepas pilihan raya. Akan tetapi apabila saya balik tanya kawan-kawan saya, dia kata roti *Gardenia* tidak naik harga. [*Dewan riuh*]

Saya tanya kawan-kawan saya di dalam *Facebook*, mereka kata pun tidak naik harga juga. Selepas itu saya minta kawan saya tolong cari sekejap, adakah benar? Selepas itu kita ada surat daripada *Gardenia* mengatakan tiada sebarang kenaikan harga produk *Gardenia* yang dibuat oleh *Gardenia*. Jadi saya rasa kenyataan daripada Ketua Pembangkang kemungkinan dia tersilap ataupun ada sedikit agenda untuk marah kepada *Gardenia* ini kemungkinan. Saya tidak tahu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan pada hari yang berbahagia ini di Dewan yang mulia ini untuk menyentuh sedikit tentang permasalahan di kawasan saya. Saya di Pulau Langkawi ini, *alhamdulillah* kerajaan bagi sumbangan yang baik untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai pusat pelancongan yang terbaik di rantau ini. Saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang memberi satu bajet yang tinggi untuk menjadikan Langkawi sebagai salah satu daripada sepuluh pusat pelancongan terbaik di rantau ini. Oleh itu, ada beberapa perkara yang perlu kita beri perhatian daripada kementerian dan kerajaan.

Saya banyak sangat menerima aduan dan rungutan bahawa feri Pulau Langkawi ini servisnya kurang memuaskan Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua ditakdirkan pergi Langkawi, kalau naik feri itu pun saya rasa kalau ketika musim cuti agak sedikit tidak berapa baik, tidak berapa selesa. Dengan keadaan feri yang tidak selesa, kadang-kadang *aircond* boleh rosak tetapi jalan juga, *schedule* atau jadual untuk perjalanan tidak tepat, pembayaran tiket yang mahal dan banyak lagi perkara yang bersangkutan paut dengan feri ini. Oleh yang demikian itu, saya memohon daripada kementerian agar tolong membuat satu jawatankuasa khas bagi mengatasi masalah perkhidmatan feri ke Pulau Langkawi kerana kehadiran pelancong daripada 87,000 orang pada tahun 1987 kini sudah mencecah 3.1 juta orang dan akan mencapai ke tahap 5 juta orang pada tahun 2015. Dengan keadaan feri yang demikian itu, sudah tentu ia akan melambangkan imej yang tidak baik kepada para pelancong yang datang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Penutup, menggulung.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: [*Bangun*]

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Saya hendak beri, saya hendak beri. Sedikit lagi. [*Ketawa*] Okey, okey sila.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Langkawi ini. Saya tertarik dengan satu fakta sejarah yang dibawa oleh Yang Berhormat Langkawi tadi iaitu mengenai penyerahan Pulau Pinang kepada British satu masa dahulu. Kemudiannya diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan...

Seorang Ahli: Atas pajakan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Hah! Atas pajakan, betul. Atas pajakan dengan harga RM10,000 setahun zaman British dahulu dan sehingga sekarang ini dan saya difahamkan bahawa pajakan ini diteruskan oleh Kerajaan Persekutuan. Persoalannya di sini, kalau kita melihat saranan daripada Persatuan Sejarah Negeri Kedah, pengerusinya Cikgu Dato' Haji Wan Shamsudin Mohd. Yusof mengatakan bahawa, sepatutnya Pulau Pinang ini dikembalikan kepada Kedah selepas merdeka. Akan tetapi

bagi pandangan saya, itu mungkin tidak munasabah kerana Pulau Pinang sudah menjadi satu buah negeri dalam Persekutuan.

Jadi persoalan di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Langkawi, adakah Yang Berhormat berpandangan, wajar Kerajaan Negeri Kedah membuat satu tuntutan, kalau tidak berjaya tuntutan biasa itu, saman Kerajaan Persekutuan untuk mendapat pampasan yang sewajarnya? Ini kerana perkara ini adalah hak Kerajaan Negeri Kedah. Kalau di Kelantan, apabila TNB kerana Yang Berhormat Langkawi pun bekas TNB, TNB mengambil tanah untuk membuat empangan di Pergau, mungkin Yang Berhormat Gua Musang lebih maklum benda ini. TNB membayar RM4.9 juta setahun, satu kawasan kecil sahaja untuk buat empangan di Pergau. Tidak mungkinlah satu buah Pulau Pinang ini RM10,000? Jadi persoalannya, adakah Yang Berhormat Langkawi hendak cadangkan kepada Kerajaan Negeri Kedah sekarang ini saman Kerajaan Persekutuan? Kalau itu cadangan Yang Berhormat, saya pun sokong juga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Langkawi...

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjangkan sangat.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Okey, sudah habis Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya dalam serba salah. Orang baru sama orang baru, saya tegur susah [*Ketawa*] Jadi itulah sebab saya beri laluan sedikit. Jawab sahaja itu selepas itu gulung. Sila.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas kebaikan itu. Kawasan mana? Minta maaf, *spectacles* tidak cukup *power*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kota Bharu.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Oh! Yang Berhormat Kota Bharu. Saya kalau hendak dikatakan dalam banyak perkara, kita bertentangan pendapat tetapi dalam perkara ini saya seia sekata dengan Yang Berhormat Kota Bharu. [*Tepuk*] Saya mengharapkan supaya Kerajaan Pusat mengambil inisiatif untuk melihat. Kalau pun tidak boleh memberi RM38 juta seperti mana *calculation* tadi, mungkin satu nilai yang sesuai yang difikirkan. Ia bukan RM10,000 kerana RM10,000 itu 200 tahun akan datang hanya tinggal RM5.30. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Raub.

3.39 ptg.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, saya menyertai rakan-rakan lain dalam merafakkan sembah, menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyampaikan Titah Diraja tempoh hari. Saya terus kepada perkara yang hendak saya sentuh iaitu *moving on* dan perdamaian nasional. Kita dengar orang ramai menyebut mengenai perdamaian nasional dan *moving on*. Secara prinsipnya kita pun berfikiran serupa tetapi berbeza daripada pendekatan. *Moving on* menuntut kita buka mata, pasang telinga dan berlapang dada.

■1540

Jangan kita tergolong dalam golongan yang pekak telinga, tertutup hati dan buta mata. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Kita tidak dapat bersikap demikian, yakni kalau pekak telinga, tertutup hati dan buta mata melihat keadaan penipuan, penyelewengan, salah guna kuasa berlaku. Lebih baik kita *move on* atas landasan yang benar dan prinsip-prinsip serta nilai-nilai yang mulia.

Kalau di Afrika Selatan, di Kerajaan Mandela, apabila dia melakukan *national unity government* selepas itu disusuli dengan penawaran kepada yang melakukan rasuah

mengembalikan wang dan harta yang dicuri, bermakna 'Tuan-Tuan... Minta maaf! Bermakna Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, *national reconciliation* bersyaratkan kita melakukan satu pembedaan ke atas perkara-perkara salah laku yang dilakukan dahulu. Itu syarat yang pertama. Jadi, saya mencadangkan baik kita *move on*. Kalau kita betul-betul hendak *move on*, baik kita memperakui pentingnya konsep akauntabiliti, pematuhan undang-undang, tadbir urus yang baik dan integriti seperti yang terkandung di dalam Titah Diraja.

Ini bererti Tuan Yang di-Pertua, Tuanku Yang di-Pertuan Agong faham *message* di dalam Titah Diraja tersebut, dan soalan yang bertanya kepada satu pihak untuk mengesahkan sama ada Tuanku Yang di-Pertuan Agong faham atau tidak Titah Diraja yang disediakan, itu satu soalan yang provokatif dan buruk sangka. *Moving on* bukan bererti kita menerima penyelewengan, rasuah, tadbir urus yang buruk dan penyembunyian tata selia yang baik.

Oleh sebab itu hari ini, apabila orang bercakap mengenai perdamaian nasional, ianya satu yang berlaku jika ada kedua-dua pihak sama ada daripada Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat mengiktiraf kedua-dua pihak sebagai setara atau *equal*. Perdamaian yang dicadangkan seperti yang kita dengar selama kita bersidang ini berbentuk *submission* kepada telunjuk Barisan Nasional dan UMNO. Jawapan daripada pihak Pakatan Rakyat, kalau itulah yang dimaksudkan seperti orang Inggeris kata, "*No can do*". Perdamaian nasional memerlukan kerendahan hati daripada kedua-dua belah pihak. Pihak yang menang 133 Kerusi Parlimen, menang dengan 47% undi popular. Menang 89 Kerusi Parlimen, menang dengan undi popular 51%. Keputusan PRU Ke-13 memberi pengajaran kepada kedua-dua pihak yang bertanding. Yang menang 47% dari undi popular harus sedar bahawa mereka tidak boleh memenangi hati rakyat hanya dengan membeli kesetiaan dan keyakinan. Menang 47% dan 133 Kerusi ini diperolehi dengan perbelanjaan wang yang banyak, janji kebendaan yang menggunung. Keputusan PRU sebetulnya membuktikan ternyata walau kita belanja banyak mana pun, kalau kita belanja seluruh kekayaan yang kita ada ini, maka kita tidak dapat menyatupadukan rakyat. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ni ramai..., ustaz-ustaz dari PAS ada, boleh mengesahkan. Dengan izin, *we can't buy allegiance and loyalty and we can't force people to be a pliant party*. Tidak boleh.

Bandingkan dengan Pakatan Rakyat. Pakatan tidak ada wang. Tadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara berkata DAP hanya belanja RM5 juta untuk Pilihan Raya Ketiga Belas ini keseluruhannya. Apa yang kita tawarkan kepada rakyat? Gigi dan lidah yang terkandung dalam manifesto pakatan. Kita menawarkan kerajaan yang lebih baik, yang mengamalkan nilai-nilai sejagat, akauntabiliti, integriti, pematuhan kepada *rule of law*, tatasusila, tata selia dalam berkerajaan. Ternyata nilai-nilai ini difahami oleh Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Rakyat pun lebih mengutamakan nilai. Oleh sebab itu mereka memberi kita 51% undi popular. Sehubungan dengan itu konsep 1Malaysia adalah menjadi konsep yang kosong. Kalau konsep tersebut tidak ada isian nilai-nilai sejagat, kita mesti mula dengan memperakui bahawa semua ada peranan dalam pembentukan negara dan matlamat kita akan *di-ill-served* jika kita mula dengan menyalahkan satu sama lain. Maka, saya berpandangan agak kurang sopan apabila dikatakan keputusan PRU diakibatkan oleh tsunami Cina.

Perhatikan statik ini. Melayu – 65% dalam negara kita ini. Cina dan India, bakinya yakni bukan Melayu, 35%. Kedudukan dominasi Melayu tidak akan tergugat. Orang-orang Cina tidak boleh memerintah jika semua Cina di Malaysia ini bersatu padu. Mereka hanya 25% daripada penduduk. Lihat pada perangkaan. Di negeri majoriti Melayu–Kelantan, Terengganu dan Kedah di mana penduduk Melayunya 80% ke atas, maka PAS dan UMNO mempunyai harapan yang sama untuk menang – 50/50. Sebaik sahaja peratusan kaum Melayu menurun, kedua-dua PAS dan UMNO menurun peratusan peluang untuk menang. Ini membuktikan bahawa PAS dan UMNO perlu meningkatkan keyakinan di kalangan bangsa bukan Melayu untuk menang. Jika UMNO dan Barisan Nasional tidak mahu belajar, saya yakin orang-orang PAS di pihak PAS tidak ada masalah untuk berdekatan dan berurusan dengan bukan Melayu. Ia juga pengajaran.

Saya pernah bercakap mengenai pakatan juga. Ia juga pengajaran kepada parti bukan Melayu. DAP sebagai contoh, pun sama dan kita akui perkara ini. Sebaik sahaja peratusan penduduk bukan Melayu menurun, peluang kita menang pun turun.

Pengajarannya ialah kita hanya akan menang dan berjaya jika kita berjaya meningkatkan keyakinan di kalangan orang Melayu. Kita dalam DAP sebetulnya tidak mahu kalah dengan orang Melayu. Kita mahu ramai lagi orang Melayu masuk DAP. [*Tepuk*] Kita bukan musuh Melayu. Kita bukan musuh Raja-Raja Melayu dan kita bukan musuh perlembagaan. Musuh Islam pun kita boleh bicara.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada rakan dalam DAP suruh saya berhenti jadi Islam. Saya baru tadi baca ayat al-Quran membuktikan saya Islam lagi...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat boleh?

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: *Maiden speech.* Saya hendak teruskan. Saya tidak bagi. Saya hendak sebut satu perkara. Teriakan Melayu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya sebagai orang bukan Melayu.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Selama kita bersidang, teriakan Melayu itu dan Melayu ini lantang kita dengar. Kadang-kadang dalam nada yang *bellicose* dan mengajak kita bergaduh. Yang berteriak Melayu itu dan Melayu ini lupa bahawa lebih ramai orang Melayu menolak mereka. Dari jumlah 11.23 juta yang keluar mengundi, jumlah Melayu ialah 65% atau 7.3 juta. UMNO dan Barisan Nasional mendapat 3.4 juta undi Melayu. Ini bererti 3.9 juta orang Melayu telah menolak Barisan Nasional berbanding dengan 3.4 juta. [*Tepuk*] UMNO sendiri secara keseluruhan hanya mendapat 3.2 juta undi, yakni sama dengan jumlah ahli UMNO...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh, boleh, Yang Berhormat boleh?

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: ...Mereka yang menjerit Melayu itu dan Melayu ini menjerit atas autoriti apa? Majoriti Melayu tidak bersama kamu. Kita hendak tanya apa parti Melayu yang terbesar lakukan selama mereka memerintah? Sejak tahun 1955 hingga hari ini yang memerintah Kerajaan Persekutuan ialah Perikatan dan Barisan Nasional yang dikepalai oleh UMNO. Pendapatan purata orang kampung yang majoriti Melayu sekitar RM3,000 sebulan. Kebetulan itulah tahap kelayakan menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia.

Pendapatan purata orang Melayu, saya hendak sebut ini, biar orang Melayu dengar. Pendapatan purata orang Melayu 70% daripada pendapatan purata orang Cina dan 85% pendapatan purata orang India. Ini bermakna yang paling miskin ialah orang Melayu setelah berbilion dibelanjakan dan setelah puluhan dasar dijalankan, 7.2 juta orang Melayu berpendapatan kurang daripada RM1,700 sebulan. Sebanyak 8.7 juta hanya dengan pendapatan RM1,500 sebulan. Pekali Gini, atau *Gini coefficient* Melayu sekitar 0.421 di kalangan Melayu menunjukkan perbezaan pendapatan antara orang Melayu miskin dan orang Melayu kaya.

■1550

Ia masih meluas walaupun ada kebaikan daripada pembaikan, daripada tahun 2009 sebab pekali *Gini coefficient* untuk Malaysia adalah 0.431 dan *incident of poverty* di kalangan orang Melayu jauh dan jauh yakni orang Melayu yang jatuh di bawah garis kemiskinan ialah 2.2% yang menerpa kita kepada kita memohon bantuan kebajikan ialah orang Melayu. Manakala yang menerjah kita apabila ada malapetaka dan bencana alam. Hendak bela atap, hendak bela dinding, hendak bela rumah ialah orang Melayu yang memohon bantuan kewangan untuk menghantar anak-anak dan kaum keluarga untuk mendapatkan *treatment specialist* ialah orang Melayu. Jika emak dan bapa bermula sebagai penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) anak pun mewarisi status tersebut. Bermakna mereka tidak keluar daripada kepompong kemiskinan setelah 50 tahun lebih diperintah oleh UMNO. Yang meraung, yang meraung tidak dapat hak milik yang...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Minta laluan.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: ...Meraung tidak dapat hak milik tanah yang diusahakan 30 tahun, 40 tahun ialah orang Melayu. Jadi Melayu yang macam mana BN tolong? Ketua Eksekutif?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Raub.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Ketua eksekutif, ketua eksekutif yang mempunyai pendapatan *RM1.2 million* sebulan, RM400,000 atau RM500,000 sebulan? Yang sudah jadi Menteri pun ada. Tahun lepas mendapat bonus dan emolumen enam hingga tujuh *million* setahun. Ha, ini orang Melayu yang UMNO tolong...

Seorang Ahli: FELDA banyak.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: FELDA pun sekarang harga dia meraung oleh orang FELDA. Jadi jeritan Melayu itu, dan ini yang berkumandang dalam Dewan ini hanya hipokrasi. Hendak menunjuk-nunjuk. Si penjerit menjuarai kepentingan Melayu. Bagaimana teriakan yang kuat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, bagi laluan sikit Yang Berhormat. Raub, Raub.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Menyelesaikan masalah kemiskinan dan keterbelakangan orang Melayu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub, Lenggong, Lenggong.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Jeritan, Tuan Yang di-Pertua, jeritan bukan ganti kepada integriti, kepada tata selia yang baik...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub bagi laluan.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Kepada kerajaan yang bersih dan cekap. Pematuhan kepada pemerintahan ikut undang-undang dan akauntabiliti. Jeritan dan pekikan bukan ganti kepada dasar yang jujur dan ikhlas.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub, Lenggong.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut lagi satu sebab ramai orang sebut ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub, Lenggong, Lenggong...

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Sebab saya lihat kita pun naik hendak muntah, kemakmuran negara.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub, bagilah.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Negara kita ini masih lagi okey bukan disebabkan..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub sini Lenggong, Lenggong...

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Oleh pengurusan dan pentadbiran politik, luar biasa politiknya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagilah peluang, Lenggong.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Cerdik dan bijaksana mana sangatlah..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau hendak suruh...

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Pemimpin Barisan Nasional. Akan tetapi walau macam mana pun, tidak dapatlah saya hendak menolong...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jauh lagi..

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Kalau ada sesetengah pihak mendapat mimpi basah bila memuji dan memuja...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub, bagi Lenggong Raub.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: ...Kepimpinan PM Najib. *I think I can't help if somebody get wet dream...*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub, Lenggong, Lenggong, Lenggong.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: *Describing the leadership of Prime Minister Datuk Najib...*

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, *point of order...*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub, Raub. Negara kita selamat lagilah.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Saya tak bagi laluan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini, ini, ini Lenggong, Lenggong, Lenggong..

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Negara kita selamat *[Dewan riuh]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub, kalau betul...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Negara kita selamat.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, duduk dahulu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya cabar kalau berani bagi Raub, kalau berani bagi! Saya cabar kau kalau berani bagi. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Lenggong duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hai Lenggong duduklah. *[Ketawa]*

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*, Indera Mahkota.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, bertenang Ahli-ahli Yang Berhormat. Secara *conventionnya* apabila seorang Ahli Yang Berhormat baru memberi *speech*, bagilah laluan untuk berhujah.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: *Let them speech* lain kali.

Tuan Yang di-Pertua: Itu secara konvensyen Yang Berhormat. *[Tepuk]* Sudah saya sebut tadi..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tak, dia hina kaum dia, bangsa dia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan ganggu, jangan ganggu. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub juga mendapat nikmat..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Negara tidak selamat. Kerana Malaysia dianugerahkan Tuhan....

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jangan cakap banyak lah!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Lenggong, awak itu masa bagi ucapan tak bagi orang bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Raub juga mendapat nikmat dari perjuangan. Ini Melayu yang lupa daratan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk dahulu Ahli Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Lenggong masa bercakap, tak bagi orang laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, duduk dahulu, duduk dahulu.

Seorang Ahli: Duduklah!

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sama sini, serupa sahaja. Ini semua Melayu lupa daratan.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk, Ahli Yang Berhormat..

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu, Raub duduk dahulu. Raub, Raub, duduk dahulu Raub. Duduk dahulu. Tarik nafas, tarik nafas dulu, Lenggong tarik nafas, Arau tarik nafas, semua kita, Sepang tarik nafas dulu. [*Sambil menarik nafas*] [*Ketawa*]

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, duduk dahulu, duduk dahulu Yang Berhormat. Duduk dahulu, nanti saya jemput. Ahli-ahli Yang Berhormat, senarai saya ada 44 orang lagi yang hendak bercakap.

Sebentar tadi ada saya dapat memo daripada seorang Ahli Yang Berhormat, dia kata kalau hendak semua bercakap 44, kalau boleh beri lima minit kerana semua pun mahu bercakap. Akan tetapi ditetapkan 20. Kalau suasana seperti ini berterusan, barangkali empat, lima orang sahaja boleh bercakap. Kita cuma ada jam 9 malam ini, esok tiada sambung. Jadi terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana saya boleh gunakan kuasa. Saya kata ada dua minit. Nah! Dengan cara kamu berhujah, mukadimah sahaja mahu dua jam [*Ketawa*] Belum lagi sampai kepada isi. Itu baru kulit-kulit. Jadi apa macam? Macam mana, kita *limit* ataupun...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kita *limit*. Saya kira Lenggong harus diberikan amaran. Dia yang mengganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat Pokok Sena..

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Masa dia berucap, kita minta laluan pun dia tak bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena, duduk dahulu Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, janganlah dia..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena..

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mengganggu orang.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk..

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia mengganggu orang, dia yang merosakkan dan menyebabkan Tuan Yang di-Pertua sudah naik..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu samseng Pokok Sena.

Tuan Yang di-Pertua: *Fifteen minutes.* Saya cuba hendak *divert* tadi itu, Yang Berhormat Pokok Sena lagi unkit balik. *[Ketawa] [Tepuk]*

Sila Yang Berhormat Raub teruskan.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Boleh ya, boleh saya sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi lebih kurang lima, enam minit.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila jangan ganggu, sila.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Sebelumnya negara kita selamat kerana Malaysia dianugerahkan Tuhan sebagai negara yang kaya. Tanahnya subur untuk pertanian, logamnya banyak. Minyak dan gas ada, dan rakyat bekerja dan berusaha kuat walaupun dicabuli oleh penipuan, rasuah, pengurusan yang tidak cekap, negara kita tetap okey. Akan tetapi lama mana kita boleh bertahan dengan kebejatan-kebejatan ini kalau ia tidak diberhentikan? Gunung pun akan terhakis dengan pembaziran, rasuah, salah guna kuasa dan sebagainya. Jadi kalau perdamaian nasional, itu mensyaratkan kita berhenti daripada berlawan dengan fitnah...

Seorang Ahli: *Unparliamentary.*

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: ...Kemungkaran dan kezaliman. Kenyataan kami ialah kami mohon. Jemputan itu kita tidak dapat terima. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Selagi ada kezaliman, kita tetap lawan. *[Tepuk]*

Jadi berhentilah bersikap hipokrit, menjerit sana-sini, mengenai Melayu itu dan Melayu ini. Jeritan tidak membuktikan bahawa kamu lebih menjuarai kepentingan Melayu tanpa melaksanakan dasar dan bermula dengan niat yang jujur dan bersih. *[Tepuk]* Lagi lima minit lagi Tuan Yang di-Pertua? Saya hanya sentuh satu lagi.

Penambahbaikan proses pilihan raya. Ini satu poin yang dibangkitkan. Apa yang menyelamatkan ialah nombor satu, persempadanan yang bersifat *gerrymandering*. Nombor dua, kepadatan jumlah pengundi yang tidak adil. Sebagai contoh, lihat angka kepadatan penduduk dalam lima kerusi Parlimen yang BN menang di Selangor. BN menang dalam lima kawasan yang jumlah pengundi yang boleh mengundi ialah 322,000. Kepadatan purata ialah 54,000. Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjong Karang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor. PR menang 17 buah kerusi, jumlah orang yang boleh mengundi dalam 17 tempat ini ialah 1.777 juta orang. Kepadatan purata ialah 105,000 orang. Kesan kepadatan atau *malapportionment*, dan *gerrymandering* amat ketara di negeri Selangor.

Perkara yang serupa kita lihat dalam negeri-negeri lain walaupun tidak seketara seperti Selangor. Di Kelantan misalnya, di Tumpat, di Kota Bharu, dan di Bachok mempunyai kepadatan pengundi yang tinggi. Ini dimenangi, ada yang dimenangi oleh BN. Di Sarawak, Stampin, di Kedah - Kuala Kedah, di Pendang, di Pokok Sena, di Merbok, Sungai Petani, mempunyai kepadatan yang tinggi dan Baling juga mempunyai kepadatan yang tinggi dan beberapa tempat yang ini dimenangi oleh BN. Di Terengganu kita ada Kuala Terengganu, di Kemaman dan di Marang. Di Pekan tuan-tuan, di Pekan Tuan Yang di-Pertua, tempat kelahiran saya.

Jadi saya ada *authority* hendak bercakap mengenai Pekan. Paling menakjubkan jumlah pengundi mencecah 80,000 orang. Dengan jumlah ini jika sama-sama kita keluar mengundi, kita tidak ada ruang berjalan dalam Bandar Pekan. Hendak sampai ke pusat mengundi pun akan mengambil masa berjam-jam lamanya. Maka kalau kita inginkan perdamaian nasional, kita mesti beri suara kepada mereka yang terperangkap dalam kawasan yang mempunyai kepadatan yang tinggi tetapi mendapat khidmat daripada seorang wakil Parlimen sahaja. Mari kita duduk semeja dan bincang mengenai persempadanan dan *malapportionment*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sudah habis? *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Belum habis lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Lagi satu saya hendak sentuh sikit mengenai Petronas.

■1600

Tuan Yang di-Pertua: Sila, gulung Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Akauntabiliti, integriti, kepatuhan kepada undang-undang dan tata selia yang baik dan pengurusan sumber kekayaan. Rakyat gelisah membaca penilaian Petronas yang dibuat oleh pertubuhan kajian seperti *Revenue Watch Institute*. Ianya mendedahkan kepada rakyat bahawa prinsip, nilai-nilai akauntabiliti, integriti, tata selia yang baik yang disebut di dalam Titah Diraja tidak kelihatan pada pengurusan aset dan sumber hasil negara seperti Petronas. Kajian oleh *Revenue Watch Institute* melalui terbitan laporan *Resource Governance Index* (RGI) meletakkan Malaysia di tempat ke-34 daripada 58 negara dan dari sudut Pengurusan Sumber Minyak dan Gas Negara. Negara seperti Timor Leste, Filipina dan Indonesia, semua berada dalam kedudukan yang lebih baik daripada Malaysia. Punca ini semua ialah kekaburan dan kerahsiaan pengurusan Petronas.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Masanya tiba untuk Akta Pembangunan Petroleum 1974 digubal semula dan Pengurusan Sumber Kekayaan Negara diawasi oleh Parlimen. Petronas berbelanja antara RM35 hingga RM40 bilion setahun tetapi kita tidak tahu butiran dan perincian pelaburan tersebut. Kita cadangkan prestasi dan keputusan-keputusan yang dilakukan oleh Petronas diletakkan di bawah *oversight* Parlimen kerana Petronas adalah penjaga kepada penyumbang pendapatan negara yang paling besar. Hendak gulung dah.

Rakyat hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, di mana Majlis Penasihat Petroleum Negara? Dalam PDA 1974, ada memperuntukkan penubuhan Majlis Penasihat Petroleum Negara iaitu seksyen 5(1) dalam PDA menyebut penubuhan MPPN yang dianggotai oleh individu termasuk perwakilan dari negeri yang berkaitan. Sehingga hari ini kita tidak tahu sama ada *National Petroleum Council* ini wujud dan sama ada wakil-wakil dari negeri yang berkaitan dipanggil untuk menasihati Perdana Menteri dalam urusan minyak dan gas negara, itu satu.

Kedua, kita hendak tahu, rakyat juga hendak tahu atas *authority* apa seorang penasihat individu, bukannya majlis atau *council* yang jawatan penasihat Petronas diwujudkan yang sekarang ini diisi oleh bekas mamanda Perdana Menteri.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya hendak minta jalan, sedikit sahaja kalau boleh. Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap ya. Masa sebenarnya dah habis, saya minta selepas pada Yang Berhormat Indera Mahkota diberi lalu, terus gulung. Terima kasih.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Raub sama ada dia sedar atau tidak, PDA dulu disediakan oleh seorang tokoh yang ada dalam Dewan ini iaitu Yang Berhormat Gua Musang? Saya pohon setujukah Yang Berhormat Raub kiranya pencerahan diberikan oleh Yang Berhormat Gua Musang di satu masa yang sesuai?

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Saya sungguh setuju tetapi tokoh yang mewujudkan PDA itu dilupakan oleh UMNO sendiri. *[Tepuk]*

Akhir sekali, kita hendak tahu akhir-akhir ini, kita ingin bertanya sama ada Perdana Menteri telah menggunakan kuasa mutlaknya untuk memberikan hak mencari gali kepada syarikat milik individu selain daripada Petronas. Adakah ia telah melakukan tersebut dan ini bertentangan dengan deklarasi akauntabiliti, integriti *rule of law and good governance*. Perkara-perkara ini seperti kita tahu baru-baru ini satu kawasan telaga minyak yang begitu luas, 25,000 km persegi telah diberikan kepada Taxco. Taxco ini syarikat berkaitan dengan Usaha Tegas, syarikat yang dimiliki oleh Ananda Krishnan. Kita hendak tahu, adakah Perdana Menteri sebagai ketua negara ini telah melakukan satu *back door dealing*? Ini kita hendak tahu.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Berapa kali akhir ini?

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Ini akhir sekali.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tukar namalah, *sign off*.

Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]: Seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu,

Daun selasih ikan puyu,

Terima kasih, thank you.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong yang bangun, sila Yang Berhormat Parit Sulong, yang lain tidak bangun. Terima kasih. Senyum sedikit Yang Berhormat Parit Sulong, wanita sejati.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Walaupun wanita sejati, budi pun....

Seorang Ahli: *Sexist!*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Sexist* juga? Saya hadkan 15 minit sahaja selepas ini.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Oh dah 15 kah, bukan setengah jam?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa 15 minit sahaja.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Oh! Cuma 15 minit sahaja, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

4.04 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi *Alhamdulillah* saya dapat bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini.

Jadi ini ada beberapa perkara yang akan saya bawa, yang saya rasa perlu diberi penekanan yang sewajarnya kerana isu-isu ini telah dibangkitkan berulang kali. Saya harap pihak Kementerian yang akan saya sebutkan nanti dapat menerima isu ini dan saya berharap pelaksanaannya akan dapat dipantau dan dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Pertamanya saya hendak membawa mengenai isu wanita. Jadinya Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang telah lama mengiktiraf peranan wanita, peranan yang dimainkan oleh wanita di negara ini. Jadinya kaum wanita memang memainkan satu peranan yang sangat penting sama ada peranan itu di belakang tabir iaitu sebagai tonggak kepada pembinaan keluarga yang bahagia mahupun

sebagai anggota yang bekerja baik di sektor awam ataupun swasta. Dalam perbahasan Bajet 2013 yang lepas, saya ada bangkitkan mengenai beberapa langkah yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Antaranya ialah mengenai Program Pengarah Wanita, Program Inkubator Keusahawanan Wanita dan Ibu Tunggal dan juga program *Get Malaysian Business Online* ataupun GMBO. Saya hendak mendapat penjelasan mengenai perkara-perkara seperti ini.

Pertamanya mengenai GMBO ataupun *Get Malaysian Business Online*. Saya difahamkan bahawa sungguh pun kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta untuk membantu 50,000 usahawan untuk memasarkan barangan mereka secara atas talian, saya dimaklumkan bahawa sasaran untuk mencapai 50,000 ini belum lagi tercapai. Jadi saya cuma hendak tahu mengapakah ini terjadi, adakah kerana kurangnya promosi yang menarik untuk peserta usahawan ini menyertai program GMBO ini. Ataupun mungkin program ini kurang berkesan sehingga tidak ramai yang mahu menyertainya. Bolehkah SKMM memberikan satu penjelasan mengenai perkara ini ataupun memberi satu statistik mengenai bilangan yang telah menyertai program GMBO ini dan kesannya kepada peningkatan jualan mereka setelah mereka menyertai program GMBO ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kongsi beberapa *feedback* daripada peserta-peserta yang aktif menjalankan aktiviti di atas talian ini. Kita pun tahu tujuan GMBO ini adalah untuk membantu mengembangkan pasaran melalui atas talian. Walau bagaimanapun, kita juga maklum bahawa ramai usahawan tersohor yang masih belum lagi celik IT tetapi berminat untuk memohon dan mengembangkan pasaran kepada perniagaan mereka. Cuma permohonan di dalam talian ini mungkin agak sukar kepada peserta-peserta ini.

Seterusnya *feedback* yang saya terima adalah mengenai tempoh untuk menunggu kelulusan bagi mendapatkan geran RM1,000. Ini dikatakan mengambil masa yang agak lama iaitu dari tiga hingga enam bulan. Bagi apa-apa juga perniagaan, dalam masa tiga hingga enam bulan itu, selalunya mereka akan ketinggalan kalau kita bandingkan apabila kelulusan itu dibuat secara serta-merta. Saya juga dimaklumkan bahawa *website* GMBO ini sangat terhad, kurang menarik dan tidak mempunyai banyak fasiliti lain termasuklah e-mel yang tidak disediakan oleh pihak kementerian untuk peserta GMBO ini. Dimaklumkan juga bahawa kerjasama di antara GMBO dan juga *Google* telah ditamatkan dan pemohon yang tiada *website* perlu pula untuk menggunakan perkhidmatan penyediaan domain persendirian yang sebahagiannya tidak mesra pengguna. Maka ramai yang terus menggunakan medium seperti *Facebook*, *Instagram*, *Pinterest* dan lain-lain yang lebih mudah dan setengahnya adalah percuma Tuan Yang di-Pertua.

■1610

Jadinya, Program GMBO ini yang tujuan asalnya adalah baik, yang dibuat oleh kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan terutamanya usahawan-usahawan wanita yang mahu memasarkan perniagaan mereka di atas talian ini, saya kira keluar daripada sasaran. Selepas itu, saya tengok pula bahawa GMBO ini hanya menekankan satu aspek sahaja iaitu aspek pemasaran. Saya berharap dalam usaha untuk kita memperkasakan wanita melalui keusahawanan ini, aspek-aspek lain juga perlu diambil kira untuk memastikan kejayaan program dalam pembangunan usahawan ini.

Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa di bawah MOSTI terdapat satu program yang dinamakan *1nita.my* sebagai satu program yang memupuk minat wanita berniaga di atas talian yang telah dilancarkan oleh Menteri yang terdahulu, yang juga berada di dalam Dewan hari ini pada 9 Mac 2010...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun. Hendak bagi laluan atau tidak pada Yang Berhormat Bukit Mertajam?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Bagi *chance*.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Belum habis lagi satu topik ini, tunggu dahulu sekejap.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tidak apa sebab tadi..., berucap sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak bagi laluan. Sila duduk. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Sila duduk. Seramai 199 peserta telah dilatih. Jadinya, saya cuma hendak tahu status kesinambungan Program 1nita ini dan adakah program ini ada kaitan juga dengan Program GMBO? Saya juga hendak tahu apa terjadi dengan program-program yang berkaitan ataupun yang hampir sama dengan program-program ini supaya program-program ini semua tidak bertindih kerana apabila dia bertindih kira merugikan duit kerajaan juga.

Tuan Yang di-Pertua, di samping daripada isu-isu wanita itu saya hendak minta penjelasan juga mengenai satu perkara iaitu mengenai pendaftaran ibu-ibu tunggal yang ada dekat negara ini? Saya tidak berapa pasti agensi mana sebenarnya yang bertanggungjawab untuk mengurus program-program yang berkaitan dengan ibu tunggal ini. Kadang-kadang apabila kita di kawasan, kita ditanya mengenai pendaftaran ibu-ibu tunggal ini terutamanya apabila adanya pelancaran, satu program iaitu Kad Diskaun 1Malaysia untuk ibu-ibu tunggal. Jadinya, ramai yang berminat, yang bertanya mana hendak mendaftar.

Jawapan yang diberikan itu agak keliru. Kadang-kadang JKM ataupun bolehkah Kementerian maklumkan agensi kerajaan yang sebenarnya bertanggungjawab, mungkin di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang kita tahu apabila ditanya mengenai pendaftaran ibu-ibu tunggal, kita terus boleh tujukan mereka kepada agensi ini. Di samping itu, saya juga hendak bertanya mengenai bentuk maklumat yang disimpan di bawah pendaftaran ibu-ibu tunggal ini sekiranya ada? Apakah proses yang terlibat untuk mendaftar seseorang sebagai ibu tunggal?

Tuan Yang di-Pertua, saya terus hendak beralih kepada topik yang seterusnya iaitu Program Transformasi Luar Bandar. Ini salah satu daripada perkara yang sentiasa saya bangkitkan...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Minta laluan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Bukit Mertajam hendak tanya pasal apa?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Isu wanita.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Isu wanita?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ya tadi. Bolehlah.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Isu wanita. Ya, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila, sila.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pendek sahaja ya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tadi Yang Berhormat Parit Sulong mengatakan tentang usaha kerajaan untuk menambahkan usahawan wanita. Jadi, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Parit Sulong bersetuju bahawa bukan semua wanita yang hendak jadi usahawan hendak memulakan perniagaan sendiri. Malah, ramai yang ingin masuk ke dalam pasaran kerja. Jadi, saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Parit Sulong setuju jika kita tanya status kerajaan ataupun strategi kerajaan untuk meningkatkan kadar penyertaan buruh wanita di pasaran kerja? Terutamanya, apabila sekarang kadar penyertaan buruh wanita sudah 20 tahun terbantut pada 46%. Jadi, kita hendak minta jugalah strategi yang jelas daripada kerajaan untuk mencapai ataupun meningkatkan kadar penyertaan buruh wanita di pasaran kerja. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Lelaki kalau bertanya pasal isu wanita, saya suka sangat. Lepas itu mengenai perkara ini, terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi mencelah. Salah satu daripada dasar kerajaan adalah untuk menggalakkan wanita untuk sama-sama bekerja. Itu yang sangat ditekankan oleh kerajaan dalam usaha untuk menggalakkan mereka. Saya tengok banyak yang telah dibuat untuk memberi ruang dan peluang kepada mereka.

Seterusnya saya percaya Menteri yang akan bertanggungjawab itu akan sama-sama menjawab apa yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam mengenai isu yang sentiasa juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen Wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong, tinggal lima minit lagi.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ya kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey. Ini pasal transformasi luar bandar. Tadi Yang Berhormat Bukit Mertajam dia ambil masa saya. Jadinya mungkin...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila teruskan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey. Mengenai transformasi luar bandar ini.

Dalam Titah Yang di-Pertuan Agong, Baginda ada menyentuh mengenai Program Transformasi Luar Bandar yang menyarankan dipergiatkan pembangunan ekonomi berdaya saing dan maju di luar bandar. Ditambah lagi bilangan Pusat Transformasi Luar Bandar dengan disokong oleh penyediaan infrastruktur untuk penduduk.

Jadinya, saya hendak menyerulah kepada KKLW untuk memberi perhatian yang serius kepada isu yang sentiasa dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen terutamanya wakil-wakil rakyat daripada luar bandar yang sentiasa menanti kepada perubahan, pada kualiti infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar. Saya tidak mahu pandang jauh Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bandingkan. Saya hendak beri contoh terutamanya di kawasan saya mengenai kualiti dan kelebaran jalan-jalan kampung yang masih lagi ditakuk lama. Kita tidak nampak banyak perubahan yang dilakukan oleh kementerian terutamanya kualiti. Sebagai contoh, apabila ada lopak-lopak, ada lubang-lubang, bila dibetulkan, seminggu kemudiannya ia pun sudah berlubang balik. Jadinya itu berkait rapat dengan kualiti.

Kelebaran jalan-jalan pula terutamanya di kawasan luar bandar ini, kalau satu kereta lalu tidak boleh berselisih. Kalau berselisih pun terpaksa pergi ke tepi jalan, ke baju jalan. Sesetengahnya pula tidak ada *side table*. Boleh menyebabkan kemalangan. Jadinya, itu antara perkara asas yang perlu diambil tahu oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Itu kita tidak masuk lagi mengenai kemudahan lain seperti parit dan juga lampu-lampu jalan yang perlu ditingkatkan, yang agak mendesak. Kita jangan apabila ada aduan, baru pegawai hendak turun. Akan tetapi saya kadang-kadang *confused* sedikit, dengan izin.

Saya hendak tahulah sama ada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini, dia ada pegawai atau tidak di peringkat daerah? Apabila ada pegawai ini, sekiranya mereka ada, diharapkan mereka dapatlah membuat satu pemantauan secara berskala. Bukan hanya duduk di pejabat dan kemudian bila ada aduan baru hendak turun padang. Jadi, perkara itu telah berlalu. Saya berharap dapatlah dibuat satu pembaharuan. Saya juga ingin mencadangkan kepada KKLW, mungkin boleh senaraikan pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar ini mengikut negeri dan daerah. Selepas itu senaraikan mengikut keutamaan pembangunan setiap kawasan mengikut keperluan. Saya maklum mungkin pelaksanaan ini mengambil masa panjang.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Parit Sulong mohon mencelah.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Akan tetapi saya sudah tidak ada masa lagi. Minta maaf. Saya kira memerlukan perbelanjaan yang besar dan bergantung

pada peruntukan yang boleh dibelanjakan oleh kerajaan. Akan tetapi penyediaan senarai ini sangat penting bagi kita untuk sama-sama membantu kerajaan, menerangkan kepada rakyat mengapa pembangunan infrastruktur di kawasan mereka masih belum dilaksanakan.

Kami ingin membantu dan jadinya kita harap KKLW melalui pegawai-pegawainya dapatlah terus menjaga mengenai pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar ini terutamanya bagi kami yang sama-sama di dalam Barisan Nasional ini Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tentang kawasan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Mengenai pendidikan. Pendidikan luar bandar ini memang...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Parit sulung, mohon mencelah.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak banyak masa dah ni.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Akan tetapi sudah tidak ada masa saya. Saya minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah tidak ada masa.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sebab ada kaitan dengan jalan tadi Tuan Yang di-Pertua.

■1620

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Nanti karang, macam ini... Oleh sebab asas utama mengenai pembentukan negara maju ini supaya ada *balance* di antara sekolah-sekolah bandar dengan luar bandar. Jadi saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Pendidikan yang menjawab soalan mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan juga Pelan Strategik Pembangunan Tinggi Negara. Jadinya saya cuma merasa tidak puas hati sedikitlah, sebab bagi kami yang kawasan luar bandar ini terutamanya kawasan Parlimen Parit Sulong ini, kalau kita bercakap mengenai isu memperkasakan pendidikan di tempat saya ini, Tuan Yang di-Pertua, betul memang banyak bantuan yang diberikan oleh kerajaan tetapi saya rasa ia masih kurang mencukupi dan saya kira faktor utama untuk meningkatkan mutu pendidikan adalah untuk mungkin membawa satu sekolah berasrama penuh contohnya ke kawasan Parlimen Parit Sulong.

Jadinya apabila kita ada asrama penuh, dapatlah kita lakukan ataupun mengekalkan pelajar-pelajar cemerlang di kawasan Parlimen Parit Sulong ini supaya mereka ini tidak payah pergi jauh. Mereka hanya bersekolah asrama penuh di kawasan Parit Sulong. Sekarang ini tidak ada apa pun pembangunan seperti ini di kawasan Parlimen Parit Sulong. Jadinya saya harap ia dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong. Terima kasih banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya mempersilakan Yang Berhormat Pasir Mas. 15 minit juga ya.

4.22 ptg.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya

sukacita untuk turut mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Seri Paduka Baginda Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai orang baru menikmati perbahasan daripada Ahli-ahli Dewan sama ada daripada pihak kerajaan dan rakan-rakan daripada pembangkang yang telah menampilkan hujah, karakter dan akhlak masing-masing. Ia adalah warna-warni peringkat tertinggi, budaya hidup masyarakat negara kita.

Saya semestinya berhak untuk memilih yang baik dan berhak untuk tidak memilih yang tidak baik. Yang menarik yang saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu suasana keadilan yang telah diperoleh oleh Ahli-ahli Dewan, di dalam menyatakan hak masing-masing dan ia adalah peranan yang baik yang telah dimainkan oleh Tuan Yang di-Pertua memberi hak kepada masing-masing. Itulah yang sepatutnya dikecap oleh rakyat di seluruh negara kita. Hak mereka mesti didengari. Hak mereka untuk bersuara, dan memilih.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka untuk membacakan suatu ayat daripada Al-Quran Nur Karim yang Allah SWT gambarkan kepada kita betapa harmoninya kehidupan, apabila neraca keadilan itu ditegakkan di muka bumi. Daripada surat Ar-Rahman. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Dan langit itu Allah SWT angkat ia tinggi dan jauh daripada bumi dan Allah SWT letakkan neraca untuk mengimbangi agar kamu wahai manusia tidak melampau di dalam memberi neraca ataupun mengimbang." "Waaqimul wazna",* iaitu maka tegakkanlah neraca itu dengan penuh keadilan dan jangan sekali kamu mengurangkan neraca tersebut. Ini Allah SWT gambarkan kepada kita bagaimana langit yang kita tengok di atas sana, cemerlang dari sudut harmoni. Ia adalah 'tangan' Allah SWT. Allah SWT sebutkan bahawa ia bermula daripada sistem perimbangan neraca yang Allah SWT letakkan agar manusia melihat kesempurnaan langit. Lalu Allah Taala 'turun ke bumi' memberitahu manusia, *"Wahai manusia, aku memerintah langit. Kamu diberi peluang untuk memerintah muka bumi. Maka tegakkanlah keadilan di muka bumi agar bumi dan langit saling merasai kenikmatan hidup yang harmoni"*.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka untuk menyebut mengenai demokrasi dan keadilan seperti yang dibincangkan banyak oleh Ahli-ahli Dewan. Keadilan hanya mampu ditegakkan melalui demokrasi yang matang. Ia bermaksud hak untuk semua rakyat melibatkan diri di dalam menentukan sesuatu perkara dan bersepakat mengenainya. Jika tidak kerosakan akan berlaku. Ada dua syarat utama untuk keadilan itu berjaya ditegakkan.

Pertama, rakyat mesti diberi hak untuk mendengar dan memperoleh maklumat yang betul. Dalam Al-Quran, Allah SWT menyebut, *"...Menyekat rakyat daripada jalan Allah, mendengar yang hak itu adalah satu fitnah dan fitnah itu lebih bahaya daripada membunuh."*

Kedua, adalah hak rakyat untuk memilih secara adil. Suka saya membawa satu cerita pada zaman Sayidina Umar r.a. yang telah menghukum anak gabenor dia sendiri. Anak Gabenornya, Amru Ibn al'Ash yang telah memaksa rakyat di bawahnya memilih caranya. Dia bertanding berlumba kuda dan dia mahu dia menang. Akhir sekali rakyat bukan Islam, rakyat di bawahnya menang. Dia memukul rakyat tersebut. Akhir sekali rakyat bukan Islam ini mengadukannya kepada Umar r.a. Maka Umar r.a. telah menghukum anak gabenornya sendiri dan mengatakan satu kata-kata yang menjadi asas kepada perundangan Islam *[Berucap dalam bahasa Arab] "Wahai Amru Ibn al'Ash, sejak bila kamu memperhambakan manusia, sedangkan Allah Taala telah melahirkan mereka daripada perut ibu-ibu mereka dalam keadaan bebas"*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut dua asas ini. Hak rakyat untuk mendengar dan hak rakyat untuk memilih, inilah yang menjadi isu yang besar dalam perbahasan kita pada kali ini.

Suka juga saya hendak sebut mengenai undi popular. Rakyat telah mendengar dan dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 baru ini, Pakatan Rakyat untuk kali yang pertama memperoleh undi popular. Saya bukan hendak berbahas sebagaimana sebelum ini, cuma saya hendak sebut ini adalah satu arus, suara rakyat yang telah memilih Pakatan Rakyat di dalam menggambarkan betapa mereka tidak puas hati terhadap kerajaan. Jadi saya mengharap kerajaan yang telah kembali memerintah untuk mendengar suara rakyat ini. Ini kerana tidak mendengar ataupun melawan balik suara rakyat ini akan mendatangkan masalah dan bala kepada pihak kerajaan sendiri. Jadi ini permintaan saya.

Kedua, secara ringkasnya saya sebut, Islam adalah agama yang universal. Rahmatnya adalah untuk sekalian alam [*Berucap dalam bahasa Arab*] Umat Nabi Muhammad SAW adalah seluruh manusia selepas lahirnya Rasulullah SAW. Kita mesti memahami, ulama kita menyebut umat Nabi Muhammad SAW bukan hanya umat Islam, bahkan juga umat bukan Islam yang dipanggil *ummatul ijabah* dan juga *ummatul dakwah*. Yang telah memeluk Islam adalah *ummatul ijabah* dan yang masih belum memeluk Islam itu adalah umat dakwah. Jadi di dalam kita memahami Islam ini Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah melihat bahawa pembinaan sebuah negara kita dalam masyarakat majoriti Muslim, hendaklah difahami bahawa negara ini bukan negara umat Islam tetapi sebuah negara rakyat yang meliputi Islam dan bukan Islam. Justeru, kesaksamaan Islam boleh dilaksanakan di dalam negara kita yang bersifat majmuk agama, bangsa dan budaya.

Tuan Yang di-Pertua, Islam menawarkan dua perkara yang perlu difahami oleh kita semua. Pertama, Islam menawarkan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Caranya mudah iaitu apabila manusia memperakui Allah SWT sebagai Tuhan Yang Esa dengan memeluk agama Islam ataupun mengucapkan kalimah syahadah. Ini adalah pilihan untuk manusia.

Kedua, Islam menawarkan kebahagiaan di dunia sahaja. Dia tidak perlu memeluk Islam tetapi untuk hidup bahagia di dunia dan harmoni, Islam menawarkan kaedah-kaedah, asas-asas yang membawa kebahagiaan kepada manusia di dunia sebelum mereka kembali ke hari akhirat. Justeru, Islam menganjurkan negara sivil bukan negara untuk umat Islam sahaja. Negara Madani dengan kewarganegaraan, semua menikmati hak-hak yang sama. Dalam Piagam Madinah yang menjadi piagam pertama hak asasi manusia semenjak 1,400 tahun yang lepas yang dibina di negara Kota Madinah oleh Rasulullah SAW. Nabi telah menyebut [*Menyebut sepotong hadis Nabi*] "*Untuk orang bukan Islam, hak mereka sama dengan hak yang diperolehi oleh umat Islam dan untuk orang bukan Islam mereka mesti menunaikan hak yang sama seperti yang mesti ditunaikan oleh umat Islam*". Jadi, inilah asas yang mesti dibina dalam sebuah negara.

■1630

Saya hendak sebut di sini dalam satu isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan dalam beberapa hari lepas. Misalnya isu sekolah jenis kebangsaan. Sebenarnya, kita kena faham bahawa ini adalah hak untuk semua rakyat untuk sama-sama membangunkan negara dengan cara masing-masing yang tidak melanggar perlembagaan negara. Bahkan Islam bukan hanya mengharuskan pembinaan sekolah-sekolah bukan Islam, sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan sebagainya, bahkan sekolah-sekolah Arab, bahkan Islam menggalakkan penubuhan sekolah-sekolah ini untuk sama-sama membangunkan negara seperti yang disebut oleh agama kita sendiri.

Saya difahamkan satu lagi Tuan Yang di-Pertua, Islam adalah Agama Persekutuan. Maka hendaklah pihak kerajaan memberikan satu tumpuan yang sebaiknya untuk menerapkan nilai-nilai Islam, pengajaran Islam di dalam pentadbiran negara. Saya difahamkan, dalam soal hak asasi yang saya sebutkan tadi bahawa hak asasi manusia ini telah dibina semenjak 1400 tahun lepas oleh Baginda Rasulullah SAW. Saya difahamkan daripada sumber yang tidak rasmi bahawa pihak kerajaan telah menerima tekanan daripada pelobi-pelobi hak asasi luar negara yang menuntut pelaksanaan hak-hak asasi manusia yang nyata bertentangan dengan Islam seperti hak untuk menukar agama orang Islam, berpindah agama ataupun murtad ataupun hak untuk mengamalkan amalan-amalan yang tegas dilarang oleh agama seperti isu LGBT.

Saya mendapat sumber yang ini bahawa kerajaan menerima tekanan, dan saya hendak ingatkan umat Islam dan masyarakat negara kita, menuntut supaya kerajaan jangan tunduk kepada tuntutan ini yang nyata. [*Tepuk*] Kita tidak mahu melihat Islam sebagai Agama Persekutuan yang tercemar. Kita harap pihak kerajaan mengambil perhatian dan kami daripada pihak pembangkang sentiasa mahu melihat pihak kerajaan apabila kita menuntut hak-hak asasi itu dilaksanakan di negara kita, hendaklah menjadikan isu hak asasi ini berteraskan agama Islam sebagai Agama Persekutuan.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal pembangunan belia negara. Belia seperti yang kita tahu telah banyak dibincangkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat adalah pengenalan terbaik untuk kita mengenali masa depan negara kita. Pembinaan negara boleh diringkaskan sebagai pembinaan belia negara. Rasulullah SAW di

dalam sabdanya apatah lagi al-Quran Nur Karim sentiasa memuji belia negara dan menghangatkan mereka agar melakukan kecemerlangan. Itulah harapan yang mesti kita sematkan di dalam menentukan Dasar Belia Negara kita.

Isu belia Tuan Yang di-Pertua, begitu rumit. Daripada soal pendidikan sampailah isu sukan negara, kita berhadapan dengan bahaya keruntuhan moral belia dan isu dadah yang membunuh belia sehingga negara dilihat bukan membina pejuang berani mati tetapi negara kita dilihat membina perompak berani mati. Ini masalah yang berlaku dalam negara kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Mas, dua minit lagi ya.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: ...Apabila ia melibatkan isu dadah yang membahayakan negara. Pembinaan belia mestilah dalam kerangka Islam kerana nilai utama belia Muslim hendaklah dibina dengan cara Islam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ini adalah kewajipan negara, kewajipan pemerintah yang memerintah.

Dalam pembinaan negara, Allah Taala telah sebut dengan jelas di dalam al-Quran bahawa pembinaan budaya Muslim hendaklah bermula dengan perkara yang asas iaitu hubungan mereka dengan Allah SWT iaitu membina mereka dengan solat. Jangan kita kata solat ini adalah kewajipan ibu bapa. Di dalam al-Quran menetapkan kewajipan menyuruh anak-anak belia Muslim ini solat adalah kewajipan sebuah kerajaan.

Kedua, barulah bermula dengan pembinaan ekonomi negara. Kita binakan nilai dalam diri belia negara dengan nilai agama, kemudian baru kita fikir. [*Menyambung potongan ayat berkaitan*] Menunaikan zakat yang terlibat dalam soal ekonomi, memberi kerja kepada belia negara.

Ketiga dan keempat ialah... [*Menyambung potongan ayat berkaitan*] Memperkenalkan belia dengan perkara-perkara yang baik dan memperkenalkan belia agar menjauhi perkara-perkara yang mungkar. Saya menyeru pihak kerajaan mengislamkan dasar belia. Maaf saya sebut perkataan "*mengislamkan dasar belia negara*", agar tidak *contradict* dengan Islam. Pihak kami daripada PAS dan daripada Pakatan Rakyat bersedia untuk memberikan kerjasama daripada sudut kepakaran dan ilmu, demi ingin melihat pembangunan belia negara yang berjaya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, isu Kelantan sedikit...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Agak sentimental sebab ayah saya pernah menjadi Menteri Besar Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon dalam ucapan yang ringkas ini, mintalah sangat agar kerajaan memberikan hak kepada Kelantan menikmati apa yang telah dinikmati oleh negeri-negeri lain dan saya kongsi bersama dengan negeri Sabah dan Sarawak. Setiap kali saya pergi ke Sabah dan Sarawak, saya akan tanya diri saya..., saya tidak kata, "*Mengapalah Kelantan jadi macam Sabah dan Sarawak?*", tetapi saya kata, "*Mengapalah Sabah dan Sarawak jadi macam Kelantan, dianaktirikan?*"

Jadi saya ingin berkongsi dengan negeri Sabah dan Sarawak, agar kerajaan mengambil satu inisiatif yang khusus untuk membangunkan tiga negeri yang telah dianaktirikan. Minta maaf kalau kita bersengketa dalam soal negeri Kelantan, daripada pihak pembangkang. Akan tetapi saya yakin rakyat Kelantan seluruhnya merasai keperitan dianaktirikan. Jadi saya menuntut itu semua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]: Akhir sekali, saya hendak baca satu sahaja [*Berucap dalam bahasa Arab*] Saidina Muawiyah r.a. di awal pemerintahan, dia merasakan apabila dia jadi khalifah, maka dia layak untuk menggunakan harta yang sampai dalam perbendaharaan negara dengan kehendak dia sendiri. Dibahas

oleh sahabat Abu Dzar Al-Ikari mengingatkan Muawiyah, "*Wahai Muawiyah, harta itu bukan harta engkau, engkau boleh beri kepada siapa yang engkau mahu tetapi harta itu adalah harta rakyat. Berilah kepada rakyat yang berhak*". Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya jemput Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Sila, 15 minit.

4.38 ptg.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat mengambil bahagian dalam menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyokong-penyokong saya di Kulim-Bandar Baharu dan *insya-Allah*, saya akan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada mereka. Kepada mereka yang tidak menyokong saya, saya juga ingin mengaku janji di sini bahawa saya tidak akan sekali-kali menganaktirikan mereka tetapi pada masa yang sama memohon agar saya diberi peluang untuk berkhidmat sebagai wakil rakyat di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat bertuah kerana telah memilih sistem demokrasi dalam negara kita ini. Dalam sistem demokrasi, ia ada dua komponen yang paling penting. Pertama, seperti mana yang kita bahaskan daripada awal Parlimen ini bersidang iaitu hak kebebasan untuk kita semua tetapi kita semua yakin dan kita semua percaya bahawa hak kebebasan ini mestilah dibataskan supaya ia tidak memudaratkan negara dengan satu sistem perundangan yang cukup baik.

Saya hendak ambil kesempatan ini hendak menyentuh sedikit jiran saya Yang Berhormat Parit Buntar semalam yang menyentuh bahawa Yang Berhormat Husam Musa kononnya ditahan hanya kerana membaca hadis Rasulullah SAW yang berkata, Saidina Hamzah itu adalah bapa kepada syuhada.

■1640

Saya yakin penuh bahawa Yang Berhormat Dato' Paduka Haji Husam Musa tidak mungkin akan ditangkap kalaulah hadis ini dibaca waktu kenduri kahwin. Akan tetapi apabila hadis ini dibaca di hadapan generasi muda yang bersemangat untuk bergerak menggulingkan kerajaan, sudah tentu ia memberi satu gambaran bahawa perjuangan mereka itu adalah perjuangan sebagai satu jihad yang besar. Saya juga Tuan Yang di-Pertua, rasa-rasanya macam hendak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Gelang Patah bahawa ada *selective prosecution* dalam negara kita ini. Ini kerana saya rasa dalam kes Yang Berhormat Dato' Paduka Haji Husam Musa ini mungkin bukan beliau seorang sahaja yang sepatutnya diproses. Mungkin dalang yang lebih besar, dalang yang menggerakkan inilah sebenarnya sepatut kita *prosecute* seperti Yang Berhormat Permatang Pauh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Marang kerana bukan sahaja telah menerima keputusan pilihan raya tetapi mengajak semua untuk menghormatinya. Terima kasih juga saya kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor kerana seperti Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Bukit Gelugor juga dengan terang-terang menerima keputusan pilihan raya dan dengan sekeras-kerasnya menentang apa sahaja bentuk gerakan untuk menggulingkan kerajaan secara keganasan. Inilah semangat demokrasi yang sebenarnya. Macam saya katakan tadi, dalam demokrasi kita bukan sahaja dibenarkan bebas untuk bercakap tetapi kita juga mesti belajar untuk menerima keputusan. Oleh kerana inilah...

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: ...Yang akan membawa demokrasi itu...

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tadi sebut Parit Buntar, tidak boleh hendak duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Buntar bangun. Hendak beri laluan?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *[Bangun]*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Boleh, orang Sik, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya Yang Berhormat Parit Buntar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Buntar kah, atau Yang Berhormat Kota Bharu?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Mana-mana boleh.

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tadi ada sebut nama Yang Berhormat Parit Buntar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Buntar ya. Sila.

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey, terima kasih. Pertama hadis tidak dibaca pada majlis perkahwinan sahaja *[Ketawa]* Hadis dibaca sebagai satu panduan hidup. Sebesar-besar hadis yang dibaca ialah tentang pemerintah. Itu satu kena perbetulkanlah. Kedua, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu saya minta penjelasan. Apa yang disebut guling kerajaan cara kekerasan ini, apa ini? Kami berhimpun untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkaskan ya.

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Untuk membuat satu hak kami menyatakan pilihan raya itu kami menganggap berlaku berbagai-bagai penyelewengan. Jadi tidak timbul soal menggulingkan kerajaan dengan kekerasan tetapi apa salahnya kalau Kerajaan Barisan Nasional kalah melalui peti undi? Ia tidak ada masalah. Jadi saya harap jangan kelirukan Dewan, kalau tidak saya kena baca peraturan mesyuarat nanti.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Boleh sambung terus Yang Berhormat?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kulim-Bandar Baharu. Satu negeri, ya.

Tadi Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sebut kita perlu terima keputusan pilihan raya dan disebutkan sebahagian besar daripada kita menerima keputusan pilihan raya ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, bersetuju tidak dengan saya bahawa menerima keputusan pilihan raya ini ada dua pendekatan. Satunya kita terima apa juga keputusan yang dibuat oleh rakyat dalam pilihan raya umum. Keduanya, kita menerima keputusan pilihan raya ini dengan cara kita mengiktiraf orang yang menang dalam pilihan raya ini.

Sebagai contohnya kalau negeri Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang, iktiraf kerajaan di negeri-negeri ini dengan memberikan haknya. Misalnya Menteri Besar negeri-

negeri ini menjadi Pengerusi Keselamatan Negeri. Menteri Besar dan Ketua Menteri negeri-negeri ini juga dijemput dalam Mesyuarat Menteri Besar-Menteri Besar dan Ketua Menteri yang sebelum ini tidak pernah diberi. Itu bermakna seolah-olahnya yang menang tidak mengiktiraf kemenangan orang lain. Terima kasih.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Untuk Yang Berhormat Parit Buntar, saya setuju. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Bermaksud, “*Segala-galanya bergantung kepada niat*”, bukan? Jadi kalau niat kita baca hadis memang bukan waktu kenduri sahaja tetapi dia bergantung kepada niat. Yang Berhormat Parit Buntar lebih mengetahui. Jadi saya serah kepada Yang Berhormat Parit Buntarlah untuk menilai sendiri. Cuma saya hendak betulkan kerana saya takut inilah yang akan dibawa oleh PAS terutamanya dan pembangkang ke seluruh pelosok rakyat bahawa polis menahan Yang Berhormat Dato' Paduka Haji Husam Musa kerana baca hadis. Itu sahaja saya hendak betulkan.

Kedua, saya amat bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Kota Bharu bahawa kita mesti mengiktiraf. Kita mesti mengiktiraf kemenangan Kelantan, kemenangan Pulau Pinang dan kemenangan Selangor. Soal pengurusan kerajaan saya pun tidak pandai, baru masuk hari ini. Jadi itu saya serah kepada Perdana Menteri. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, sistem dua parti ini memang cantik dan sistem dua parti ini saya rasa akan berjalan jauh. Kita mesti matang untuk menghormati mandat rakyat. Hari ini rakyat membuat keputusan. Saya percaya tahun 2008 rakyat membuat keputusan untuk mengurangkan Kerusi Barisan Nasional. Jadi tubuhlah satu pembangkang yang kuat, itu yang rakyat mahu. Cuma apa yang jadi ialah ia telah diambil kesempatan oleh pemimpin-pemimpin yang berkepentingan untuk memudaratkan keadaan. Hingga mandat rakyat tadi yang mahu pasukan pembangkang yang kuat untuk *check and balance* Barisan Nasional ini akhirnya membawa satu kestabilan politik yang amat-amat tergugat yang membawa juga keadaan negara kita ini dalam keadaan yang cukup kalut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam kekalutan inilah saya cuma hendak ajak kita semua hari ini melihat kembali asas penubuhan negara kita ini supaya lagi lama kita jalan ke hadapan lagi jauh kita berjalan, kita tidak akan lupa asas penubuhan kita ini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Celah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat, Ampang bangun.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Boleh tambah masa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa termasuk masa celahan ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Okey, satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Demokrasi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tinggal lima minit lagi Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kulim Bandar-Baharu menyebutkan bahawa rakyat mengalu-alukan pembangkang yang kuat untuk *check and balance*. Adakah Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu memaksudkan bahawa setakat ini rata-rata telah menjalankan tugas yang hebat dalam Parlimen ini? Maka kita lihat banyak program-program yang kita hendak lakukan, hendak laksanakan, Barisan Nasional pun menjiplak dan mengambil alih program-program tersebut. *[Dewan riuh]*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Kehebatan pemimpin ini dia ambil semua benda yang baik walaupun datang daripada orang yang tidak ikhlas. Itu pemimpin yang baik. Akan tetapi kalau pemimpin yang hendak jadi popular, dia akan menentang apa sahaja walaupun baik kerana dia tahu dia akan mengurangkan

popularitinya. Barisan Nasional ini hebat. Barisan Nasional ini memang hebat pemimpin dia hebat sebab itu kita tidak rasa malu kalau pembangkang mengatakan kita jiplak. Oleh kerana itulah tugas kita bersama.

Contohnya kita dalam ini, ini Dewan Rakyat. Ini bukan Dewan Barisan Nasional ataupun Dewan Pakatan Rakyat. Ini Dewan Rakyat yang kita semua sepatutnya bersatu hati untuk bersetuju apa sahaja yang baik untuk rakyat. *[Tepuk]* Ini patut yang kita bawa, inilah Dewan yang mulia ini. Akan tetapi kalau dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Kita masih lagi bawa topi kita, kita masih bawa ideologi kita, kita masih bawa sikap kita...

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jejebu]: *[Bangun]*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: ...Bahawa walaupun tidak betul kita hendak tunjuk kata kita betul, walaupun betul kita hendak tunjukkan kata kita tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar bangun.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jejebu]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Kapar kawan hendak buat macam mana *[Ketawa]* Muka lebih kurang.

■1650

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu mengatakan tahun 2008, rakyat menolak Barisan Nasional wujudnya pembangkang yang kuat dengan 82 Kerusi Parlimen dan 2013 pembangkang ada 89 Kerusi Parlimen. Adakah ini bermaksud 2013 rakyat menolak Barisan Nasional dengan lebih banyak berbanding dengan tahun 2008. Terima kasih.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Betul itu, angka tidak silap. Jumlah 82 naik 89 lebihlah tetapi saya juga hendak ingatkan sahabat-sahabat saya sebelah sini kadangkala pilihan raya kita ini ia lebih berbentuk *referendum*, ia lebih berbentuk pungutan suara. Pilihan raya ini adalah kita pilih antara dua yang lebih baik tetapi apa yang berlaku hari ini ialah macam *referendum*. Mana yang tidak bersetuju dengan Barisan Nasional ambil mana sahaja wakil rakyat yang ada sebaiknya itu.

Jadi, saya hendak beritahu kepada wakil rakyat di sini, tugas Yang Berhormat ini dua. Satu, kita datang di sini kita bawa suara rakyat. Tugas yang kedua, kita mesti berkhidmat kepada rakyat. Cuba tanya Yang Berhormat Gelang Patah, 31 tahun dia jadi wakil rakyat, berapa tempat dia pergi? Dia tahu tak kampung-kampung yang ada itu? Dia tidak tahu, cuma nasib pembangkang ini macam saya katakan tadi, di antara pilihan. Dia letak topi yang bukan Barisan Nasional, maka menanglah dia ini. Ini juga kerana kejayaan mereka. Tidak mungkin kerajaan yang bertapak 50 tahun ini tidak buat silap. Cuma saya hendak beritahu, banyak juga yang kita buat.

Saya hendak tegur sedikitlah sahabat Yang Berhormat Raub baru kita ini, tadi dia bawa *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Jangan Allah tutupkan hati kita, telinga kita ini. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Raub, sebagai orang Melayu, Yang Berhormat Raub mesti menerima hakikat bahawa dia telah mendapat terlampau banyak manfaat sebagai orang Melayu di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Cuma tidak mungkin Kerajaan Barisan Nasional boleh selesaikan semua masalah, tidak mungkin. Ini dunia yang dipimpin oleh manusia, tidak mungkin.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Ketereh bangun.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Janganlah kerana kita marah, kita kecewa tidak ada tempat, akhirnya bangun. Konon-kononnya dialah pejuang, dia menidakkan segala manfaat yang dia dapat. Inilah Melayu yang kufur dengan nikmatnya. Sila Yang Berhormat Ketereh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau tadi dibandingkan kononnya, lamanya Barisan Nasional memerintah seolah-olah tidak ada apa yang dibuat. Setuju kah Yang Berhormat kalau saya katakan, di Kelantan pihak pembangkang memerintah lebih daripada 40 tahun tetapi mereka juga tidak berupaya buat apa-apa pun di Kelantan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Masuk dalam ucapan sayalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sila gulung.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Okey, jadi penggulungan saya ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ajak kita semua hari ini kita ketepikanlah ideologi kita, kita ketepikanlah pendapat peribadi kita. Kita jadilah pengamal demokrasi yang sebenarnya. Kita berhak bercakap, kita berhak bersuara tetapi kita mesti menerima keputusan. Keputusannya di sini. Apa saja rang undang-undang yang kita bincang, apa saja keputusan yang kita buat bersama, kita mesti bawa keputusan itu untuk sampai ke akar umbi supaya matlamat utama kita menjadi pemimpin ini dapat diterjemahkan dengan memberi manfaat kepada rakyat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Indera Mahkota sila.

4.54 ptg.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana saya ini orang baru dan yang keduanya, masa pun tidak cukup, 15 minit dan perkara ini banyak yang hendak dibicarakan saya pun maklum kepada Tuan Yang di-Pertua *giving notice*, dengan izin, agar tidak ada gangguan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua,

*Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,
Memberi izin kepada Yang Berhormat Indera Mahkota
Mengambil bahagian dalam Titah Diraja,
Dalam Dewan Parlimen yang mulia.*

*Dari Pahang datangnya saya,
Mewakili rakyat yang berbilang bangsa,
Menjunjung kasih kepada Paduka Baginda,
Di atas titah yang padat dan bermakna.*

Tuan Yang di-Pertua,

*Titah seorang Raja dalam negara demokrasi,
Mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan,
Apabila dibahaskan tidak sekali ia menderhakai,
Asalkan berhujah, bersantun, bersopan.*

*Derhaka itu seperti peristiwa,
Tidak dapat dihajati, dihamburkan natang,
Atau mengguna media durjana,
Raja dituduh arak dan tuak ia berdagang.*

*Kami Melayu yang tidak mudah lupa,
Peristiwa di negeri Cik Siti Wan Kembang,
Raja yang berdaulat dipersenda, dihina,
Raja yang lain ditabal, ditatang.*

Tuan Yang di-Pertua,

*Tidak sama pendapat bukannya derhaka,
Kerana melihat dari kaca mata berbeza,
Ke Bawah Duli Tuanku dari singgahsana takhta ,
Kami melihat dari rakyat yang melata.*

*Nabi Ibrahim dalam al-Quran,
Terpapar kisahnya memohon Tuhan,
Agar Kota Mekah dikurniakan keamanan,
Penduduk yang beriman, tidak mati kelaparan.*

*Jika sedemikian, Rasul doa meminta,
Begitu juga harapan Baginda,
Kehendak yang sama dari rakyat jelata,
Kita tidak sama tetapi serupa.*

*Walau tidak sama namun serupa,
Idamkan negara yang aman, rakyat yang sejahtera,
Hasrat Baginda dan itu juga hasrat kita,
Raja dan rakyat berpisah tiada.*

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di antaranya yang saya hendak sentuh yang pertama ialah memohon agar kita menerima keputusan pilihan raya. Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita mahu menerima satu keputusan sekiranya SPR sendiri telah mencemarkan diri mereka sendiri. Contoh, dakwat yang kekal tidak kekal. Contoh yang ditunjukkan oleh wakil Yang Berhormat Kuantan, pengundi yang mengundi lebih sekali. Contoh tong undi yang bertukar tong di dalam peti yang disimpan oleh SPR. Contoh rasuah politik yang berleluasa yang tidak diambil tindakan oleh SPR.

Tuan Yang di-Pertua, SPR, dengan izin, *must be clean and must be seen to be clean, must be fair and must be seen to be fair, must be efficient and must be seen to be efficient, must be impartial and be seen to be impartial.* Kalau kita melihat kepada Pengerusi SPR yang mengaku bahawa ada permasalahan pentadbiran. Apa juga yang menyebabkan dakwat kekal yang tidak kekal. Apabila Pengerusi SPR mengatakan masalah pentadbiran. Apa juga alasan, tidak boleh diterima kerana ia mencemarkan integriti SPR sendiri. Apabila tercemar integriti SPR, bagaimanakah rakyat boleh meyakini di atas apa yang dilakukan oleh SPR.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Timbalan Pengerusi SPR lebih politik daripada orang politik seperti mana kata Churchill, dia kata orang ini, dengan izin, *“He has the ability to foretell what is going to happen tomorrow, next week, next month, next year and to have the ability afterwards to explain why it didn’t happen.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada perkara yang kedua dan menjunjung kasih di atas Titah Tuanku mengajak kita *move*, dengan izin, *move forward* dan saya dengar daripada rakan-rakan saya dalam Dewan ini kebanyakannya bersetuju

bahawasanya kita lupakan yang lalu dan kita bina satu negara yang rakyatnya sejahtera dan aman.

Tuan Yang di-Pertua, *we are blessed*, dengan izin, kita bersyukur kepada Allah SWT. Allah telah memberikan kita negara, sebuah negara yang saya telah menjelajah hampir seluruh dunia, tidak didapati negara seperti Malaysia.

■1700

Kita tahu bahawa daripada ulama-ulama yang kita kenal dan yang kita tidak kenal telah mendoakan kepada Allah SWT dalam solat-solat Duhanya agar, *“Ya Allah Ya Tuhan, Kaulah maha pemberi rezeki. Kurniakan negara Malaysia ini rezeki yang meruah yang tidak tahu daripada mana datangnya kecuali daripada Mu Ya Allah. Kiranya rezeki ku dari langit turun akan ia bagi ku, kira ianya di bumi, keluarkan ianya bagi ku, kiranya di laut, mudahkan ia bagi ku...”*

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia adalah negara yang paling beruntung yang diberi nikmat daripada Allah SWT yang melampau-lampau. Dari langit turunnya hujan, tidak setitik kurang dan tidak setitik lebih. Ianya membasahi bumi Malaysia dari puncak air meleleh di gunung ganang hingga ombak memukul pantai di kuala-kuala. Tanam apa pun semuanya tumbuh. Tanam lada, lada tumbuh, kunyit, kunyit tumbuh, kelapa sawit, kelapa sawit tumbuh, getah, getah tumbuh, tidak tanam apa lalang pun tumbuh.

Dari bumi, korek di sana ada emas, korek di sini ada timah, korek di sana bijih besi, ada alumina, bauksit dan berbagai-bagai. Di lautan, ada gas, ada minyak. Ertinya nikmat yang Allah kurniakan ke negara Malaysia tidak ada tandingan dalam seluruh dunia. Akan tetapi persoalannya mengapa Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan dengan Jepun, semasa kita mencapai kemerdekaan, ekonomi Jepun apabila dikenakan bom Hiroshima dan Nagasaki, ekonomi Jepun merudum ke bawah. Jauh lebih teruk daripada negara Malaya ketika itu. Akan tetapi akhirnya setelah beberapa tahun, 50 tahun kemudian, Jepun menjadi ekonomi dunia, nombor dua dan hari ini nombor tiga daripada Amerika dan China.

Begitu juga negara Korea, semasa kita mencapai kemerdekaan, negara Malaysia, *income per capita*, dengan izin pendapatan per kapita negara kita, Malaya ketika itu adalah tiga kali ganda lebih daripada negara Korea. Hari ini negara Korea, pendapatan per kapita mereka adalah tiga hingga empat kali ganda daripada negara kita. Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak ada nikmat yang dicurahkan oleh Allah SWT kepada mereka. Tanam kelapa sawit, tanam getah di Korea, di Jepun *“mishmaul”* tidak mungkin ia tumbuh tetapi negara sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Tuhan dia memberi manusia dan negara dengan dua cara. Satu diberi kesenangan agar manusia itu bersyukur. Keduanya diberi kesusahan agar manusia itu bersabar. Lebih mudah manusia menghadapi kesusahan dan sabar di dalam kesusahan tetapi jarang sekali bersyukur di dalam kesenangan.

Tuhan menjanjikan kiranya diberi nikmat pada kamu, kamu gunakan ke arah mungkar dan maksiat, percayalah akan turun satu ketika bala yang akan menimpa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita dianugerahkan sebuah negara yang nikmat melampau-lampau. Apakah yang boleh memajukan, tidak memajukan negara kita? Dari sudut Islam kita ingin iktiraf tiga “U”.

Adanya “umat” rakyat biasa, adanya “umara” pemerintah yang berkuasa dan satu lagi adanya “ulama” yang meletakkan hala tuju dan agama. Saya percaya bahawasanya peranan untuk membawa negara pada tahap yang maju seperti mana di suarakan, dititah oleh ke Bawah Duli Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan izin, *move forward*. Kita boleh lakukan kiranya pemimpin-pemimpin kita bersih, sebab Tuan Yang di-Pertua keruhnya kuala ini datangnya daripada hulu. Rosaknya seorang bapa, maka rosaklah satu keluarga. Rosak seorang Menteri Besar mungkin rosak satu negeri tetapi rosak kepimpinan di peringkat pusat, akan rosaklah negara.

Kita melihat bahawasanya yang diperlukan oleh negara bukan sahaja pemimpin yang berilmu. Kita tahu bahawasanya di dalam al-Quran ada menyebut, setiap kita adalah pemimpin, dan pemimpin wajib memiliki dua, satu *al-quwah*, yang kedua *al-amanah*. *Al-quwah* itu bererti bahawa dengan izin, *the capacity of the mind, of the head, of the intellect*. Akan tetapi tidak mencukupi setakat itu kerana manusia yang bijak, pintar dan pandai

akhirnya menjadi pemutar belit nombor satu, tanpa yang dikatakan amanah. Amanah *is of the heart*, dengan izin. Bererti bahawasanya pemimpin kalau ada *al-quwah*, *ada al-amanah*, saya yakin kemungkinan kita untuk mencapai kejayaan adalah lebih besar daripada biasanya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mengajak kita semua memikirkan bahawasanya dalam kita hendak mengejar ke arah negara yang membangun, minta maaf negara yang maju, kita sekarang lebih membangun. Dengan nikmat Allah yang telah dikurniakan kepada kita saya percaya bahawasanya kalau kita menzahirkan umat yang berilmu dan beramanah, pemimpin yang berilmu dan beramanah, saya percaya bahawasanya pencapaian kita mudah, lebih mudah kita kecapai.

Tuan Yang di-Pertua, bab amanah. Amanah ini bukan hanya pada Allah SWT, amanah sesama manusia tetapi amanah dalam alam sekitar. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada tajuk yang kedua di mana negara kita seperti mana yang dinyatakan oleh beberapa sahabat-sahabat kita dalam Ahli Dewan ini menumpukan sepenuh masa, sebanyak masa, kewangan dan selainnya, *resources*, dengan izin, dalam membina masyarakat yang cemerlang dengan melalui gerakan belia dan orang-orang mudanya. Saya bersetuju dengan pendapat beberapa orang tadi termasuk daripada kerajaan dan juga pembangkang bahawasanya belia ini tidak hanya diberi termasuk orang miskin Tuan Yang di-Pertua. Hanya diberi umpamanya BR1M. Kalau kita lihat pada zaman Rasulullah SAW, nabi hendak menolong orang, dia bagi dua. Kalau boleh saya katakan, 2K. Apa 2K? Dia bagi kurma dan dia bagi kapak.

Ada seorang hamba Allah yang datang berjumpa dengan Rasulullah yang tiap-tiap minggu minta duit, minta makanan. Rasulullah bagi duit, bagi makanan, minggu depan datang lagi. Akhirnya Rasul memberi dia, ringkaskan cerita, dia bagi dua riyal, satu untuk membeli makanan, kurma, yang satu lagi untuk beli kapak. Hamba Allah ini bertanya dengan Rasulullah: "*Ya Rasullulah mengapa kamu bagi aku kapak, suruh beli kapak?*" Kata Rasulullah, "*Dekat dengan rumahmu ada hutan belantara, kau potong kayu, jual. Kalau susah datang balik jumpa*". Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini...

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Laluan.

Timbalan Yang diPertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila gulung ya. Tadi tidak dibenarkan laluan.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya sudah tetapkan, terima kasih. Jadi kalau masa sudah suntuk, saya hendak berhenti setakat itu sahaja. Saya hendak beritahu begini sajalah, maknanya Orang Putih ada katakan, *give the fish and the fishing rod, teach them how to fish*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua minta saya menggulung, saya ada empat, lima perkara lagi. Tidak apalah saya berhenti setakat ini. Lain kali *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua boleh bagi masa yang lebih. Saya memahami bahawasanya ramai yang hendak bercakap. Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua hendak menutup, hendak menggulung, meminta izin untuk hendak bercakap sikit dalam bahasa Inggeris tapi hendak membaca *poetry*.

Tuan Yang di-Pertua dengan izin, "*When Malaysia is wrong, let's put it right*".

*This country is ours, wrong or right,
That nobody can deny,
When she is wrong, we'll put it right.
When she is right, we'll keep it tight,
Then there will be no sigh!*

*Diverse as we are, united we ought to be,
As we aspire to live in harmony,
Malaysia indeed a blessed country,
Let's march towards a common destiny.*

*This, a blessed country, I'll say it again,
Prosperous and wealth aplenty,*

*God gave us sunshine and the rain,
Enriching our soil's fertility.*

*And from this earth, wealth is mined,
And 'black gold' off the shore,
A gift from God, "Search and you will find",
Malaysians just can't ask for more.*

Tuan Yang di-Pertua,

*God endows yet thanksgiving lacking,
That's near selfishness and greed,
We must learn to live a life of sharing,
Lest readjust a useless breed.*

*When evil combine, the good must unite, (Saya ulang)
When evil combine, the good (from both divide) must unite,
Or will be pushed down the drain,
When the country is wrong, let's put it right.
Putting Humpty and Dumpty together again.*

*Thank you Tuan Yang di-Pertua for lending me your ears,
Pardon me for one slip or two,
May you be blessed in all coming years,
With good health and good fortune too.*

Akhir kalam...

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk sekejap ya, belum habis lagi.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Akhir kalam, apabila Hitler dan konco-konconya membunuh berjuta-juta Yahudi di Jerman, seorang pendeta Yahudi yang terselamat telah ditanya, "Wahai pendeta, apakah Hitler ini manusia yang terkejam? Apakah kita boleh salahkan Hitler di atas matinya berjuta-juta orang Yahudi?". Jawab pendeta bahawa dia menyalahkan bijak pandai dan pemimpin-pemimpin Yahudi sendiri.

Tuan Yang di-Pertua dengan izin Tuan Yang di-Pertua, jawabannya, "*The only thing necessary for the triumph of evil is for good men to do nothing*". Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Ramai lagi ya. Kita ada lebih kurang 38 orang lagi. Tadi sudah hadkan 15 minit. Jadi saya jemput Yang Berhormat Lipis. Selepas itu Yang Berhormat Sungai Siput, ya.

5.11 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa 15 minit, kalau boleh 10 minit lagi bagus. Sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya bersyukur kepada Allah SWT dengan berkat hidayah dan inayahnya, saya diberikan kesempatan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk sama turut serta dalam perbahasan dalam Titah Diraja pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Ke-13.

Tuan Yang di-Pertua, hari Rabu sampai hari Khamis setengah jam. Hari Isnin setengah jam. Hari ini hari Rabu turun 15 minit. Maka kita sudah susun ini untuk setengah jam Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi tidak mengapalah, masa yang diberikan untuk 30 minit. Kita kena campak-campak sedikitlah *point* ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya juga saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana dapat menerajui semula negara walaupun banyak rakan-rakan dari sebelah sana mempersoalkan tentang undi popular. Akan tetapi walau bagaimanapun, kita tetap dapat menerajui negara dan juga dapat mengambil kembali negeri Kedah. Apa harapan saya kita semua harus terus berbakti kepada rakyat dan negara yang tercinta. Saya cuba dalam ucapan saya ini supaya hanya sekadar memberi pandangan dan tidak menyentuh perasaan sama ada orang Melayu, orang Cina ataupun orang India. Ini kerana kalau menyentuh ini nanti 15 minit tidak habis.

Tuan Yang di-Pertua, seperti perlembagaan yang telah digunakan selama ini, saya juga rasa bangga kerana pembangkang juga ada memainkan peranan untuk memberi pandangan-pandangan sama ada pandangan yang bentuk mungkin boleh membina membaik pulih kembali semasa waktu kita menghadapi apa juga cabaran sama ada dalam masa pilihan raya, kita akan menjadi walaupun pembangkang kita juga menganggap mereka menjadi salah satu *check and balance*, dengan izin di dalam Dewan ini.

Kita tahu Pilihan Raya Ketiga Belas adalah pilihan raya yang tersengit yang pernah berlaku di Malaysia. Jadi sudah pasti perasaan terguris, perasaan tersentuh hati mereka semua dan kita semua sudah pasti akan berlaku. Akan tetapi walau bagaimanapun, kita mesti mengorak langkah menuju ke hadapan memikul tanggungjawab sebagai amanah yang telah diberikan oleh rakyat kepada kita seramai 222 orang.

Setiap daripada kita ini bertanggungjawab untuk berganding bahu memastikan Malaysia terus berubah menjadi negara bertambah maju, menyediakan peluang pekerjaan, menaikkan taraf hidup rakyat sejajar dengan taraf negara sebagai negara perindustrian, moden, berpendapatan sederhana tinggi yang kini sedang menuju ke arah sebuah negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan negara amat penting untuk memastikan pelabur luar, untuk menyediakan keadaan sekeliling yang kondusif bagi pelabur-pelabur. Oleh sebab itu negara kita disenaraikan negara yang ke-12 paling mesra perniagaan dan menduduki tangga ke-10 sebagai destinasi pilihan pelaburan asing dalam Indeks Keyakinan Pelabur Asing pada tahun 2012.

Pada awal Februari tahun ini, kita telah dikejutkan satu peristiwa iaitu krisis pencerobohan Lahad Datu mengaitkan insiden bersejarah apabila orang Sulu, Filipina yang sebahagiannya bersenjata mendarat di Kampung Tanduo di Lahad Datu. Maka kumpulan tersebut telah berlaku pertembungan dengan angkatan tentera kita. Maka sudah berlaku juga pengorbanan jiwa. Ada yang antaranya telah terkorban dan mereka ini gugur adalah sebagai pahlawan dan sesungguhnya jasa mereka ini terus terpahat dikenang selamanya.

Saya ingin mengucapkan takziah kepada ahli keluarga dan sama-sama lah kita mendoakan supaya pahlawan-pahlawan kita ini akan sentiasa terpahat di jiwa kita dan menjadi satu harapan mereka ini merupakan pejuang yang sebenar. Ini bukan satu sandiwara, ini adalah pengorbanan yang melibatkan nyawa, meninggalkan keluarga yang tercinta. Kalau terjadi pada keluarga kita, sudah satu perasaan yang cukup sedih dan kita merasa cukup terharu dengan pengorbanan mereka itu.

Jadi untuk meringkaskannya, saya mencadangkan supaya angkatan tentera perlu memikirkan, perlu meneliti sama ada ditambahkan anggota-anggota untuk demi keselamatan negara. Saya minta agar satu kajian sama ada bilangan anggota tentera kita mencukupi untuk menghadapi ancaman anasir-anasir luar pada masa akan datang. Kedaulatan negara ini perlu diberikan perhatian khusus bukan sahaja di Sabah yang mana kita telah menubuhkan kawasan keselamatan khas Timur Sabah (ESSCOM) dan Zon Selamat Sabah Timur (ESSZON) tetapi juga perhatian di tempat-tempat panas perlu diberi perhatian.

Oleh sebab itu, kita mencadangkan supaya Angkatan Tentera Malaysia ataupun Polis Diraja Malaysia menjadi satu pasukan yang bertambah kuat baik dari segi imbuhan kewangan ataupun pengalaman yang perlu kita berada di dalam tahap yang baik. Pada hemat saya, di mana-mana insiden melibatkan pertempuran, pengalaman-pengalaman anggota yang terlibat adalah amat penting dan yang tidak boleh dijual beli. Kita telah berakhir zaman *Cold War* ataupun pertelingkahan bersenjata di rantau ini dan ramai tidak

dapat lagi pengalaman-pengalaman yang berharga seperti berlaku di kawasan tersebut.

Maka saya merasakan perkhidmatan mereka ini kita perlu mengambil kembali mereka-mereka yang cukup berpengalaman, mereka-mereka yang masih ada pengalaman, mereka-mereka yang masih boleh memberi perkhidmatan supaya diambil kembali sekurang-kurangnya memberi tunjuk ajar ataupun memberi latihan kepada anggota-anggota kita yang baru.

Saya mencadangkan supaya kelengkapan tentera adalah sangat penting untuk negara kita menjamin keselamatan. Oleh sebab itu, kita perlu sejajar dengan pendapatan negara kita ini. Kita perlu yakinkan pihak Kementerian Pertahanan agar dapat mencari satu formula terbaik ataupun *win-win solution*. Terdapat kelengkapan yang betul-betul *fit for purpose*, bersesuaian untuk negara kita dan pada harga yang berpatutan untuk membeli peralatan-peralatan yang mungkin lebih canggih dan yang lebih penting.

■1720

Akan tetapi, yang lebih pentingnya kita juga perlu perkongsian pintar dengan syarikat-syarikat di luar untuk menzahirkan pelan perpindahan teknologi. *Technology transfer* di peralatan tentera jika perlu diperhalusi. Ini adalah penting untuk memastikan kita mampu di masa hadapan menjadi kuasa serantau pembuatan alatan-alatan ketenteraan, di samping menjanjikan keseimbangan penyelenggaraan dalam alat-alat tentera.

Adalah diharapkan kita boleh berdikari, menampung keperluan kita sendiri. Kita boleh bermula dengan alat-alatan tentera dan polis yang kecil hinggalah ke yang lebih besar. Sudah semestinya ia tidak akan memerlukan masa dan ia tidak akan dapat dicapai secara sekelip mata. Walau bagaimanapun, kita perlu bertindak cepat untuk bertapak. Tanpa kita bertindak setapak, kita tidak mungkin akan dapat berlari.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis. Ada empat minit lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Allahu Akbar*. Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Diraja, perkara *research* ataupun R&D telah pun beberapa kali diutarakan oleh Baginda di dalam beberapa topik berlainan. Saya juga ingin menyentuh sedikit soal R&D di dalam topik yang khusus. Ianya penting di dalam hampir semua bidang yang Malaysia telah dan akan terokai. Pertumbuhan yang pesat dalam bidang teknologi, persaingan antarabangsa dan juga perubahan kehendak pelanggan mewajibkan negara kita untuk terus berusaha meningkatkan keupayaan inovasi. Ini semua hanya boleh dilaksanakan melalui proses R&D yang menyeluruh dan efektif.

Sekiranya kita lihat pengalaman Jepun dalam memajukan negara, mereka telah mengembangkan usaha-usaha R&D semenjak tahun 1970-an di mana ekonomi mereka telah mula mengembang ketika itu. Mulai sekitar 1986 hingga sekarang, Jepun telah memperuntukkan 2.6% ke 3.7% pada tahun 2010 daripada KDNK negara untuk R&D. Peratusan ini juga jelas lebih tinggi daripada Amerika Syarikat dan China. Dalam 1989 sahaja, seramai 700,000 orang Jepun terlibat dalam R&D. Angka yang terbukti lebih besar sekiranya nombor yang sama dikumpulkan dari Perancis, Britain dan Jerman. Hasilnya adalah yang kita lihat sekarang. Jepun maju dalam acuan mereka sendiri dan tidak bergantung dengan mana-mana kuasa besar.

Jika dilihat pengalaman Malaysia pula, kita berada di tempat ke 36 dunia dengan hanya 0.36% daripada tahun 2010, KDNK Malaysia dibelanjakan di arena R&D. Sekiranya kita melihat keadaannya di serantau Asia, Malaysia berada di tempat kedua di belakang Singapura yang membelanjakan 2.2% dari 2010, KDNK. Walaupun di tempat kedua selepas Singapura, jurangnya masih tinggi di antara dua negara. Walau bagaimanapun, saya juga dapat melihat peluang Malaysia untuk berjaya ke hadapan dengan lebih maju dengan negara-negara lain, ASEAN. Perbelanjaan R&D masih ke belakang.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis. Untuk kawasan tidak ada Yang Berhormat Lipis? Tinggal satu minit lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Ada sedikit lagi. Saya sedikit untuk habiskan baris sahaja untuk kesinambungannya.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sekiranya kita terus meningkatkan pelaburan dalam R&D dalam bidang yang strategik, kita boleh membina asas pembuatan dan ekonomi yang lebih baik daripada negara-negara jiran di rantau ini dengan kelebihan kita di banding inovasi hasil R&D cemerlang. Tuan Yang di-Pertua, terpaksa saya masuk ke dalam kawasan.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Ini sebab kawasan, orang kampung hendak dengar juga. Dia sudah beri mandat dekat kita, kita kena beritahu juga. Saya sebenarnya ucapan ini lebih kurang setengah jam, ada kaitan termasuk ke dalam kawasan saya sendiri. Sebenarnya saya hendak mengaitkan R&D itu adalah salah satunya saya hendak cadangkan sama ada daripada pusat-pusat pengajian tinggi, universiti-universiti yang berada di dalam negara kita ini supaya membuat satu kajian, contohnya kalau dahulu kita pernah menyebut tentang biodiversiti.

Di Kuala Lipis masih banyak tempat-tempat yang boleh dibuat kajian tentang biodiversiti. Kita ada kawasan taman negara. Kalau kawasan saya sendiri di Merapoh itu merupakan salah satu laluan untuk ke Taman Negara. Maka, ini kita boleh wujudkan melalui R&D, mewujudkan sebuah universiti di dalam kawasan Parlimen Lipis yang mana tapaknya pun kita sudah sediakan seluas 1,020 ekar yang telah diluluskan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah menyatakan hasrat untuk membina sebuah pusat pengajian tinggi di Lipis.

Akan tetapi, dalam usaha ini kita belum masih kesampaian. Jadi, seperti perkara-perkara yang disebutkan kaitan tersebut, saya menyeru agar salah satu untuk mempercepatkan proses-proses ini, saya menyokong apa yang dikatakan oleh wakil daripada Yang Berhormat Ketereh iaitu menyegerakan pembinaan jalan lebuhraya.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sekarang ini, sedikit lagi seminit, dua minit lagi. Sekarang ini jalan tersebut *two carriageway* tanpa tol sedang dibina daripada Merapoh sehinggalah ke Kuala Lipis. Sambungannya pula daripada Kuala Lipis akan ke Raub, Bentong, Pelangai. Rakan saya pula dari Yang Berhormat Jelebu juga minta sambungan sehingga ke kawasannya. Saya menyokong semua saranan mereka ini.

Akan tetapi, setakat ini hanya sampai di Kuala Lipis sahaja. Saya dimaklumkan, baru-baru ini saya nampak respons daripada Kementerian Kerja Raya untuk membantu pula di dalam kawasan Ketereh. Saya sokong kawasan Ketereh. Akan tetapi, yang dari Rantau Panjang itu saya tidak tahulah sebab dia mungkin hendak usaha dengan lebuhraya rakyatnya sendiri. Jadi, saya kira dari segi pembinaan jalan tersebut, untuk memastikan kita dapat membina banyak perkara-perkara yang mana saya juga sama seperti rakan saya Yang Berhormat Jelebu. Kita kuasa beli di Kuala Lipis ini, di Parlimen Lipis ini masih amat rendah sekali.

Dengan cara ini sahajalah yang boleh membantu dalam kawasan kita untuk membangun lebih pesat lagi daripada yang kita ada, yang saya kira sudah baik kepada yang bertambah baik. Salah satu permintaan saya juga, Lipis mempunyai hasil mineral yang begitu tinggi sekali. Pernah dalam surat khabar *Utusan Malaysia* saya baca, yang dikatakan oleh pembangkang surat khabar UMNO. Tidak apalah, dia hendak khabar apa pun tetapi saya pernah baca 95% hasil emas datangnya daripada Daerah Lipis.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sebenarnya hasil mineral ini sangat banyak di dalam kawasan Lipis sehinggakan setiap hari lori 120 tan membawa bijih timah ke Kuantan, ke pelabuhan, sehingga tidak terkira berapa banyak lori tersebut membawa hasil tersebut menyebabkan jalan yang mereka guna adalah untuk 40 tan sahaja. Jalan daripada Lipis ke Jerantut, menyebabkan jalannya amat rosak teruk sekali. Saya menyeru kepada...

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis. Gulung ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang ini gulung dah ni. Saya menyeru kepada...

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada empat minit lebih ini. Ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya minta Kementerian Kerja Raya bertindak seberapa segera untuk melihat jalan Lipis-Jerantut yang digunakan oleh lori 120 tan membawa bijih besi yang telah hancur lebur, yang mungkin satu hari tidak boleh digunakan oleh masyarakat di kawasan tersebut. Jadi, saya minta kalau boleh bukanlah panjang sangat jalan tersebut yang persekitaran 48 kilometer...

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lipis dahulu dan Yang Berhormat Lipis sekarang tidak ada beza. Susah juga hendak berhenti ya [*Ketawa*]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Dahulu dalam DUN tidak dapat bercakap macam ini Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini Parlimen, sebab JKR ada. Dahulu *JKR State*, duit tidak banyak. Sekarang *JKR Federal*, duit banyak.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lima minit sudah ni.

■1730

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Apalah sangat demi kebaikan masyarakat, RM100 juta peruntukan untuk membina jalan tersebut, lebarkan sikit untuk mengelakkan kemalangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Panjang lagi masa kita?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: ...Kurangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: ...Kita ini empat tahun lebih, lima tahun. Banyak peluang nak berucap lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Esok kita bawa yang lain pula Tuan Yang di-Pertua, kita bawa yang lain lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Sila Yang Berhormat Sungai Siput.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya menyokong usul Titah Tuanku.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya. Kawan-kawan juga tapi jangan kawan makan kawan. Terima kasih. Yang Berhormat Sungai Siput, sila.

5.30 ptg.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong. Antara nasihat yang terkandung dalam Titah Diraja adalah nasihat untuk bertindak demi kepentingan negara dan rakyat. Di mana kita dinasihatkan mengelak daripada politik sempit, politik partisan dan *move on* untuk memantapkan prestasi Parlimen, membahaskan isu-isu yang penting untuk meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat biasa.

Saya harap Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU) akan mengambil berat akan nasihat Yang di-Pertuan Agong apabila mengendalikan permohonan peruntukan khas kawasan oleh Ahli-ahli Parlimen daripada pihak pembangkang dan juga

saya minta Menteri yang berkenaan daripada Jabatan Perdana Menteri memberitahu kami sama ada, ada prosedur tertentu seperti borang-borang khas dan pada siapa kita tujukan apabila dia memberikan jawapan pada minggu depan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem demokrasi adalah amat penting rakyat yang mengundi ada keyakinan terhadap ketelusan sistem pilihan raya, barulah mereka boleh menerima apa yang diberitahu oleh SPR selepas pilihan raya. So, isu dakwat kekal telah dibahaskan dan saya tidak akan sentuh itu tapi saya rasa satu lagi isu ialah senarai pengundi yang kita ada sekarang di mana ada banyak nama pengundi yang tiada alamat penuh. So ini telah mewujudkan persepsi ada usaha nak tipu, mungkin tak ada apa di situ tapi ada persepsi.

Jadi saya rasa sekarang SPR ada empat tahun untuk mengemaskinikan serta kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran untuk memastikan sejauh mana yang boleh semua nama di situ ada alamat yang penuh. Jadi ini akan *clear the doubt*. So, saya harap ini akan dibuat kerana ini penting. Ini kerana jika kita mahu rakyat kita percaya sistem pilihan raya, *be clear, be transparent*. Jadi apa sebabnya kita mesti ada 30%, 20% tidak boleh cari nama. Jadi orang itu ada mempunyai keraguan.

Satu lagi ialah masalah di mana terdapat terlalu ramai orang di dalam satu alamat. 20 orang pun ada, 30 orang pun di dalam satu alamat dan dengan nama-nama yang berbeza. Jadi ini saya rasa kita kena buka ruang untuk ini dibantah dalam sistem SPR. Dalam sistem SPR ini, dalam Pendaftaran Pemilih 1971, *Election (Registration of Electors) Regulations 1971*, seksyen 10 iaitu memberi ruang untuk isu ini di bantah. Saya pernah pakai ini dalam tahun 1999 selepas saya kalah di Sungai Siput pada kali pertama. Saya telah membawa isu di kepada SPR dan selepas *public inquiry* atau pendengaran terbuka, 300 pengundi di Sungai Siput dikeluarkan dan dihantar balik kepada kawasan sebenar mereka. Digugurkan daripada senarai ini dan ditukar ke kawasan yang lain. Akan tetapi selepas kes itu, di mana 300 orang pengundi ditukar keluar, ini regulasi 10 ini diubah. Di mana sekarang ini kita tidak boleh lagi membantah nama-nama dalam senarai induk. Kita hanya boleh membantah nama-nama yang baru dimasukkan dalam penggal itu, ia diketatkan.

Satu lagi yang diubah ialah subseksyen 10. Ini berkaitan dengan pampasan gaji yang harus dibayar kepada orang yang kita bantah. Katakan kita salah, dia boleh buktikan dia orang Sungai Siput dan saya sudah bantah dia, pada masa itu saya hanya kena bayar RM50 untuk seorang jika saya salah. Akan tetapi selepas bantahan yang saya buat itu, undang-undang itu ditukar di mana pampasan ialah RM1,000 untuk seorang. Perubahan yang dibuat di dalam subseksyen 10 sekarang menjadi amat sukar untuk menyoal dan membersihkan senarai induk. Jadi saya rasa ini tidak perlu. Jika tak ada niat untuk menipu, apa salahnya membuka ruang jika ada keraguan, bagi mereka membantah dan jika mereka boleh membuktikan orang itu bukan dari situ kemudian hendak dipindahkan ke tempat lain, pindahlah. Akan tetapi saya rasa ini harus dilakukan agar kita boleh meyakinkan rakyat bahawa senarai kita telus, *transparent*, betul dan tidak ada unsur penipuan.

Syor terakhir saya berkenaan dengan SPR ialah bolehkah kita mewujudkan satu jawatankuasa bebas yang dianggotai oleh beberapa pihak termasuk Ketua Hakim Negara, wakil daripada Perdana Menteri, wakil Ketua Pembangkang dan Presiden Jemaah Peguam. Kita boleh wujudkan itu untuk memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong mengenai komposisi SPR ini. Jawatankuasa seperti ini wujud di beberapa negara dan kita boleh belajar bagaimana mereka menguruskan perkara ini. Ini akan mengurangkan persepsi bahawa pelantikan SPR ini bersifat politik.

Saya hendak berpindah kepada isu kedua iaitu jerebu. Saya ingat jerebu telah bersama kita sejak 15 tahun lebih dan setiap tahun kita masih menghadapi masalah ini. Pada pemahaman saya, satu aspek yang penting dalam isu ini ialah ada penurunan paras air dalam tanah, *ground water level* telah diturunkan. Kerajaan Indonesia telah membuat projek-projek yang dahulunya kawasan paya, dibanjiri air. Jadi kita potong longkang-longkang besar untuk mengurangkan paras air supaya dapat menggunakan tanah tersebut untuk tujuan pertanian.

Masalahnya ialah apabila paras air turun terlalu banyak, lapisan gambut itu menjadi sangat kering dan pada masa musim panas, ia senang terbakar. Jika inilah isu

yang sebenar, apa yang harus dibuat ialah kita kena membuat tadahan, *block* dalam semua *irrigation canal* atau dalam longkang-longkang besar itu dari tempat ke tempat supaya paras air tidak dibenarkan turun begitu banyak dan mungkin kita pun perlu membuat satu *reservoir* air di kawasan hulu untuk *charge the system* pada masa musim panas. Saya rasa kita perlu mengendalikannya mengikut cara ini. Bukan sahaja kita buat *fire fighting* semasa dia datang. Saya harap kita boleh mengendalikannya isu ini.

Satu lagi isu, kita katakan *contention* syarikat-syarikat kita, syarikat kita mengatakan kita tidak buat *open burning* dan saya percaya itu. Saya rasa syarikat *plantation* kita tidak begitu bodoh untuk meneruskan ini. Akan tetapi isu pekebun kecil di situ yang membuat *open burning* dalam pertanian kontan, mungkin mereka buat itu. Bolehkah kita membeli sisa pertanian mereka untuk guna pakai sebagai biomas bagi menjana *electricity*? *We buy from them. Don't do open burning, sell to us.* Kita buat *facilities* di situ, kita boleh menggunakannya untuk membuat baja atau untuk membuat generator bagi menjana *electricity* kah. Oleh itu saya berharap negara-negara di ASEAN seperti Malaysia, Singapura dan Brunei membantu Indonesia, kerana ini semua memerlukan duit.

Jika nak buat tadahan air, nak buat *reservoir* di hulu, nak beli barang sisa ini untuk dibakar dalam fasiliti yang terkawal, ini semua memerlukan duit. *But things are worth it.* So saya harap kerajaan kita akan mengambil serius mengenai perkara ini dan saya rasa rakyat Malaysia tidak akan marah dengan kerajaan apabila kita mengatakan kita menggunakan duit dalam perkara ini. Ini adalah kerana satu isu *health* yang begitu penting dan serius.

Sekarang saya hendak beralih kepada isu pelaksanaan gaji minimum, RM900. Ini harus dilaksanakan di semua syarikat pada bulan ini, bulan Jun. Akan tetapi sekarang SME diberi kelonggaran sehingga Januari 2014. Dahulu dikatakan untuk firma-firma dengan lima pekerja ke bawah sampai bulan Jun ini baru kena *start* tetapi itu pun diberi tempoh yang lebih lama dan juga saiz firma juga telah dilonggarkan dan begitu juga SME yang mempunyai 20 hingga 50 orang pekerja juga. Hampir 60% daripada pekerja di sektor swasta adalah dalam SME.

■1740

Satu lagi perkara yang mengecewakan ialah pekerja migran dikecualikan sekarang. Jika hilang atau migran, tidak perlu bayar gaji minimum. Ini akan membawa kesan buruk kepada pekerja tempatan. Pemuda kita yang bersaing untuk kerja yang sama, sekarang akan diketepikan kerana lebih murah untuk bos mendapatkan pekerja migran. Tidak perlu bayar gaji minimum. Ini bukan satu idea yang baik. Ini akan mengetepikan.

Saya hendak mengesyorkan beberapa langkah untuk menggalakkan syarikat SME. Kerajaan harus timbangkan, bolehkah kita bagi mereka rebat cukai ataupun bolehkah kerajaan membayar sebahagian daripada caruman KWSP untuk SMEs yang laksanakan gaji minimum ini? Akan tetapi, jangan tangguh-tangguh lagi. Laksanakan sekarang tetapi bagi bantuan dalam corak lain kepada firma-firma kecil SME. Rebat cukai dan bantuan bayar caruman KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita menaikkan gaji atau pendapatan untuk lapisan pekerja yang miskin, ini bukan sahaja membantu pekerja miskin itu tetapi juga membawa faedah kepada peniaga-peniaga kecil di bandar-bandar kita. Mereka mendapat pasaran yang lebih besar. Program gaji minimum ini akan bantu pekerja miskin dan juga akan membantu peniaga-peniaga kecil. *It is a very good anti-poverty program.* Saya harap ini tidak akan ditangguhkan lagi tetapi laksanakan dengan bantuan yang saya sebutkan tadi.

Saya rasa ada satu isu yang dapat kita pelajari daripada isu ini. Sekarang Malaysia adalah satu negara yang mempunyai banyak perniagaan antarabangsa. Ini telah menyekat kemampuan kita untuk membela nasib kaum pekerja kita. Sekarang kita ada mendengar hujah jika kita menaikkan gaji untuk pekerja miskin, kita tidak dapat bersaing, tidak dapat jual barangan kita di luar negara. *So something you got to look at, you know.* Kita katakan kita merdeka. Akan tetapi walaupun merdeka 50 tahun, kita tidak boleh menaikkan gaji minimum kita ke RM900 dan apa erti merdeka itu? Ada tiga juta pekerja di kilang-kilang SME ini. *Something is wrong with our kemerdekaan.* Kita bangga tetapi *our hands are tight.*

Saya rasa ini kita kena kaji. Sistem yang kita *integrated* dengan *international system* yang mana kita katakan tarif untuk kemasukan import mesti kosong. *We have*

accepted that. Kita turunkan tarif. Oleh kerana tarif kita diturunkan, masalah kita di kilang kasut, kita bagi *minimum wage* yang tinggi, kilang kasut dari Vietnam akan masuk *market* kita, kita akan hilang *market* dan kilang kasut kita akan tutup. Mungkin isu ini tarif kosong kenapa itu jadi satu keutamaan dalam polisi kita. *I think you got to think about this, you know.* Saya tahu orang cakap tidak bagus kita cakap *protectionism* tetapi macam ini, *it really limits us.* Kita tidak dapat bantu pekerja kita yang miskin oleh kerana kita *tight into the zero tariff...*

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Minta mencelah.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *Sure.*

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Saya setuju soal isu gaji minimum RM900 ini tetapi kalau kita lihat, kebanyakan daripada masalah yang timbul ialah bukan kerana kerajaan tidak berani untuk *implement minimum salary.* *Minimum salary* telah diimplement oleh kerajaan tetapi kita menerima protes daripada syarikat-syarikat yang beroperasi dalam Malaysia. Kalau kita lihat, syarikat-syarikat yang beroperasi dalam Malaysia ini yang protes adalah *local industry, not the MNC* ataupun syarikat-syarikat besar. *I think they have no problem* untuk melaksanakan *minimum salary.*

Akan tetapi untuk syarikat-syarikat yang kecil ataupun SME, kebanyakan daripada mereka ini datang melalui persatuan-persatuan perniagaan, berjumpa dengan kerajaan untuk memprotes ataupun memohon supaya ditangguhkan. Ini masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkaskan. Masa Yang Berhormat Sungai Siput sudah habis Yang Berhormat.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Saya rasa ini satu isu dan mungkin kita kena bincang apakah cara lain yang mana kita boleh bantu lapisan miskin. Satu ialah kita boleh beri dia gaji minimum yang lebih tinggi tetapi jika kita disekat oleh sistem perdagangan ini, mungkin kita kena tengok isu subsidi perumahan atau subsidi pendidikan. So kemudahan asas menjadi lebih murah untuk mereka. Kita kena bincanglah apakah caranya kita boleh *transfer the wealth of the country, share* dengan lapisan-lapisan miskin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey, saya gulung sekarang. Tiga *points* sahaja. *Trans-Pacific Partnership Agreement* akan disetujui pada bulan Oktober. Saya hendak minta kerajaan mungkin pada masa perbincangan ini dirahsiakan tetapi selepas habis perbincangan, tolonglah bentang di sini. Bagi Parlimen bincang dahulu. Teliti dahulu, baru sains. Jangan sains dahulu selepas itu bagi tahu sahaja. Jika ini begitu baik, saya ingat yang baik sekali kita buat referendum. Bagi tahu rakyat sekali, kita bincang, bagi mereka undilah. Itu yang baik sekali jika demokratik tetapi jika tidak sampai itu juga, *at least* bentang di sini, bagi Ahli Parlimen bahas dahulu sebelum sains.

Last point, saya hendak minta kerajaan kaji isu graduan jururawat daripada kolej-kolej swasta. Sekarang ada beribu-ribu yang tidak mendapat pekerjaan. Apakah cara kita kendalikan isu itu? *Last,* ada satu rumah pangsapuri kos murah di Taman Pertama, Dengkil yang dibina oleh Putrajaya Holdings lebih kurang 10 tahun dahulu yang sekarang oleh kerana pemendapan tanah, ada retakan yang serius. *Structurenya* tidak begitu baik. Kerajaan Negeri Selangor telah kenal pasti tanah kosong kerajaan untuk membangunkan rumah-rumah teres. Mereka sekarang sedang menunggu Kerajaan Persekutuan untuk membuat projek itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dalam perbahasan pada kali ini dan sebagai Ahli Parlimen Tenom dalam Dewan Rakyat yang mulia ini bagi Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Terima kasih juga Tuan Yang di-Pertua kepada rakyat yang mengundi dan meyakini saya sebagai wakil rakyat mereka bagi tiga penggal berturut-turut di kawasan Parlimen Tenom untuk membawa setiap isu rakyat di Dewan Rakyat ini.

Sempena Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ke-13, saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia memperlihatkan kerajaan pimpinan Barisan Nasional terus memerintah negara di peringkat nasional dan negeri Sabah Tuan Yang di-Pertua, sebagai kubu kuat Barisan Nasional dan penyumbang kerusi yang penting bagi kemenangan Barisan Nasional. [*Tepuk*] Setiap kali pilihan raya umum yang diadakan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Tuanku Agong ada menyentuh tentang soal taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara serta sentiasa memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Janganlah berbuat sesuatu perkara yang boleh memusnahkan negara. Sebuah negara yang musnah akibat persengketaan atau mengalami kejatuhan ekonomi belum tentu dapat bangkit semula dalam tempoh yang singkat. Inti pati Tuanku Agong ini perlu kita fikirkan secara mendalam maksud yang tersirat dan juga tersurat.

Kalau kita lihat perkembangan-perkembangan mutakhir, gerakan-gerakan reformasi jalanan banyak dilakukan seperti Bersih 1.0 dan sebagainya, cubaan *Malaysian Spring*, pencerobohan di Lahad Datu dan percubaan untuk menimbulkan huru-hara sewaktu Pilihan Raya Ketiga Belas dan siri bangkitan rakyat yang kononnya dikenali sebagai *Blackout 505* yang bukan sahaja diadakan di negara tetapi telah diadakan secara tersusun di luar negara.

Apa maknanya? Tuanku Agong sendiri pun pohon semua pihak menghormati keputusan PRU ke-13. Jadi kita kena terimalah sebagai pemimpin, rakyat berhak memilih atau menolak. Itu sahaja isu pokoknya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak baru-baru ini telah mencadangkan penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional bagi mencapai matlamat perdamaian yang dimahukan pihak pembangkang dengan syarat mereka menerima keputusan pilihan raya umum baru-baru ini secara muktamad.

■1750

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, boleh?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Nanti Yang Berhormat Seputeh. Nanti, nanti Yang Berhormat Seputeh..

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tanya, tanya.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Nanti, nanti, duduk dahulu. Kata Perdana Menteri, "*Pembangkang patut menghentikan perhimpunan membantah keputusan PRU Ke-13 yang telah dilaksanakan mengikut perlembagaan dan juga peraturan*". Melalui penyatuan nasional itu, ia akan berteraskan kepada tiga asas penting iaitu mencapai kaedah menangani soal polarisasi kaum, memupuk keharmonian dan agama dan dasar kerajaan berbentuk *inclusive social*. Oleh sebab itu saya berani mengatakan bahawa pembinaan bangsa amat penting bagi negara kita yang berbilang kaum dan agama.

Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme. Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Jangan lama-lama, ya. Jangan lama-lama.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, sikit sahaja. Yang Berhormat Tenom sudah banyak kali kata minta Pakatan Rakyat terima keputusan pilihan raya. Akan tetapi

kenapa Barisan Nasional juga fail *election petition*, 51, tahu? Ada 51 kes. Ini menunjukkan BN juga tidak setuju dengan keputusan pilihan raya.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya lah Yang Berhormat Seputeh, betullah. Ya, itu keputusan, Yang Berhormat Seputeh [*Ketawa*] Ya lah, keputusan. Kita sudah terima 133 Barisan Nasional memenangi pilihan raya yang lalu tetapi pada hari ini pihak pembangkang cuba memutarakan keputusan yang kami terima. Bagi saya, saya menerima hakikat di kawasan saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [*Bangun*]

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Seputeh nanti dahulu, Yang Berhormat Pokok Sena nanti dahulu. Saya menerima keputusan. Tahun 2008, saya menerima 6,000 lebih majoriti. Kali ini saya dapat 3,000 lebih majoriti. Akan tetapi itu tidak bermakna rakyat berdasarkan kepada yang seperti mana pihak pembangkang cakap populariti ini boleh...

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Nanti dahulu, nanti dahulu. Sabarlah dahulu Yang Berhormat Pokok Sena. Okey, terima kasih. Saya lihat Yang Berhormat Seputeh, saya menerima dengan hati yang ikhlas. Apa yang penting Yang Berhormat Seputeh hari ini ialah kita menghormati keputusan rakyat...

Seorang Ahli: Betul.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Kita mesti menghormati keputusan rakyat [*Dewan riuh*] Bagi saya rakyat di Tenom memilih saya. Kita sebagai wakil rakyat di Dewan yang mulia ini, kita sebagai *law maker*, dengan izin. Kedua, pada pandangan saya untuk menjaga kebajikan rakyat. Hari ini bagi saya, saya percaya rakyat di Tenom itu tidak perlu membincangkan isu-isu *ink kekal*. Bagi mereka saya lihat adalah untuk meneruskan pembangunan-pembangunan yang telah dirancang dalam Kerajaan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Nanti dahulu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta sekejap sahaja.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Nanti dahulu, jangan bagi dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Nanti dahulu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sekejap sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Member* lama.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Tenom.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa berjalan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Nanti dahulu, masa berjalan ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap, sedikit sahaja, sedikit sahaja Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya ingin sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Tenom, sedikit, sedikit sahaja.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ia amat, nanti dahulu saya beri ruang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit sahaja, boleh?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sahabat, tidak apalah. Nanti dahulu, ada sini lagi. Ia menjadi semakin penting apabila lagi dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia tetapi juga sistem nilai budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara.

Hasrat untuk membentuk sebuah negara bangsa dalam konteks Malaysia, saya petik daripada kata-kata mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang keempat, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir, "*Membentuk sebuah negara yang bersatu padu serta menyanjung masa depan yang dikongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, berintegrasikan wilayah-wilayah dan kelompok-kelompoknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan membentuk sebuah bangsa Malaysia dan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bahagi terhadap bangsa tersebut*". Okey Yang Berhormat Pokok Sena. Sedikit sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Tenom. Kita bersetuju bahawa Titah ke Bawah Duli Tuanku iaitu untuk semua orang terima keputusan pilihan raya. Akan tetapi ada satu perkara yang kita tertinggal iaitu Tuanku tidak bertitah bahawa rakyat semua pihak hendaklah terima penipuan yang dilakukan oleh Barisan Nasional, dia tidak kata, dia tidak kata.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tidak.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia kata terima keputusan. Penipuan dia tidak kata.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena silap.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sebab itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: BN pun bantah, BN pun buat petisyen, Pakatan pun buat petisyen sebab apa?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Pokok Sena, kita membuat petisyen...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada penipuan pilihan raya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena silap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan lagi Yang Berhormat?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat-Kulim Bandar Baharu, Yang Berhormat Shah Alam..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Shah Alam tadi...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Banyak sangat ini. Kita beri sahabat, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Oh! Sahabat. Ini tidak sahabat kah?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sahabat juga, tetapi berilah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sahabat juga. Dia dahulu, dia dahulu.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sahabat dalam parti BN, UMNO.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia dahulu, dia dahulu, dia dahulu.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Kita sama, dia dahulu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat setuju atau tidak kita sudah lima hari bincang benda yang sama ini? Buang masa. Keputusannya mudah sahaja. Kita sudah kata bahawa pilihan raya ini Barisan Nasional menang [*Dewan riuh*] Mana yang tidak bersetuju pada peraturan-peraturan, yang juga mengambil kira konon-kononnya kepincangan SPR, bawa pergi mahkamah. Tidak mungkinlah tidak faham. Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, Yang Berhormat Tenom. Tidak sampai seminit, tidak sampai seminit. Sekejaplah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, okey sekejap.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih, lama-lama habis masa saya [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Masukkan dalam ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nyatakan bahawa negara bangsa mempunyai beberapa faktor sebagai pemangkin. Pertama, *lingua franca*. Bahasa yang dikongsi bersama oleh rakyat dalam penubuhan rasmi dan kehidupan masyarakat. Dalam konteks negara bangsa Malaysia, bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang menjadi alat perpaduan dan juga selaku sebagai bahasa perhubungan utama dalam masyarakat kita. Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua pun berasal dari Sabah. Saya melihat di negeri Sabah mempunyai berpuluh-puluh etnik, lebih kurang 30 lebih etnik dan suku yang mempunyai bahasa masing-masing. Akan tetapi masih boleh berinteraksi atas dasar *lingua franca* itu. Kedua, integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu entiti nasional antara kumpulan-kumpulan daripada segi sosial, wilayah, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan juga politik.

Pada hari ini saya mendapat jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri yang menyatakan soalan yang sama berasaskan kepada integrasi kita. Saya meneliti jawapan yang diberi. Keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional saya lihat telah memperkukuhkan juga peranan untuk mengeratkan lagi integrasi nasional yang saya lihat dalam jawapan ini telah juga untuk memperkukuhkan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang mewujudkan Jawatankuasa Rukun Tetangga (JKRT) sebanyak 6,288 sebagai ejen perpaduan di negara kita.

Saya berharap pihak kerajaan boleh memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti yang boleh mengujudkan integrasi yang begitu rapat di kalangan kaum di dalam negara kita. Ketiga Tuan Yang di-Pertua, kewarganegaraan membentuk entiti rakyat dalam negara, semangat bersatu-padu dan rasa kesepunyaan dan dalam budaya pendidikan, bahasa, ekonomi dan politik boleh menyatupadukan rakyat. Keempat Tuan Yang di-Pertua, patriotisme merupakan perasaan cintakan tanah air yang mendalam berasaskan kesedaran seseorang terhadap kewarganegaraannya dan kesetiiaannya teragung sehingga sanggup berkorban nyawa untuk tanah airnya menerusi patriotisme bangsa akan menjadi kuat, berani mempunyai ketahanan mental, emosi dan juga fizikal dalam bentuk ketahanan rasional dalam menghadapi cabaran mendatang.

Kita lihat sahaja di Lahad Datu apabila telah dicerobohi dan saya dapati kenyataan Yang Berhormat Batu yang mengatakan bahawa itu cuma sandiwara UMNO.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Satu sangkaan jahat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, *which point of order* Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Peraturan Mesyuarat 36(6), sangkaan jahat dan juga mahkamah sudah membincangkan perkara ini.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ini bukan sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, sebentar.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Perkara ini didakwa di dalam mahkamah.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Batu, ini bukan sangkaan jahat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dan juga ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya dimaklumkan perkara ini dalam pertimbangan mahkamah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini merupakan sifat peribadi saya...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Oh! Dalam pertimbangan mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, dalam pertimbangan mahkamah tidak boleh disentuh dalam perbahasan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Okey, saya minta maaf. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa yang merujuk kepada Yang Berhormat Batu itu tidak boleh sentuh. Lahad Datu itu boleh.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya tarik balik. Boleh Yang Berhormat Batu? Okey, tetapi dalam saya meneliti jawapan lisan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang, PAS pada 26 Jun yang menyatakan kos yang ditanggung oleh kerajaan dalam menangani isu pencerobohan di Lahad Datu dan bertanyakan berapa ramai yang terkorban dan juga kerugian harta benda.

■1800

Jadi, saya lihat satu pandangan yang berbeza. Bagi saya melihat apabila ditanya oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, mungkin beliau merasakan kerisauan. Akan tetapi di sebaliknya ini, saya lihat kenyataan-kenyataan yang dibuat sebelum Yang Berhormat Batu dibawa ke mahkamah, mempunyai satu pandangan yang berlainan. Jadi, bolehlah saya katakan, 'tidur sebantol tetapi mimpi lain-lain'. Ya, banyak bantal tetapi mimpi lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima ialah demokrasi. Ia merupakan pemberian hak kepada semua warganegara dalam memilih pemerintahan negara. Ia merupakan alat mewujudkan keutuhan pentadbiran. Negara bangsa wujud apabila terdapat kesefahaman mendalam tentang demokrasi yang memberikan peluang dan ruang kepada rakyat terlibat dalam pentadbiran negara...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Tenom.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Tenom, boleh?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Masalahnya sekarang demokrasi yang dibawa oleh pembangkang ini...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Tenom, ini soal demokrasi.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Nanti dulu Yang Berhormat Putatan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Seminit sahaja.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Selalu dibawa demokrasi jalanan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Shah Alam itu ada demokrasi.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Bila ada demokrasi jalanan, ganggu orang berniaga.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Orang meniaga seronok, ramai orang.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Menyusahkan orang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Untung besar [*Ketawa*]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini soal demokrasi.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Pemandu-pemandu teksi pun susah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak ada, ramai naik teksi.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Mengganggu keselamatan awam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ramai naik teksi pergi Padang Merbok.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Tenom, sedikit.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ini dapat dilihat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat, boleh beri seminit?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: ...Aktiviti haram seperti *flash mob*, *blackout*, seperti mana awal saya katakan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ramai naik teksi.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Putatan. Nanti dulu, Yang Berhormat Shah Alam macam Yang Berhormat Pokok Sena tadi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Siapa panggil Yang Berhormat? [*Ketawa*]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya terpanggil apabila sahabat saya dari Tenom menyebut tentang demokrasi ini. Saya hendak minta penjelasan atau pandangan daripada Yang Berhormat Tenom soal pemilihan dalam DAP itu. Adakah ia demokrasi? Yang saya tahu Yang Berhormat Bukit Gelugor semestinya melalui calon-calon yang bertanding dalam DAP itu melalui Yang Berhormat Bukit Gelugor. Juga pertandingan dalaman dalam parti PKR.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, apa kena mengena ini, merepek sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Apa ini?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Duduklah Yang Berhormat Putatan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ini *floor* saya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya minta penjelasan betul atau tidak.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ini *floor* saya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tidak ada kena mengena.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Duduklah! Saya mahu tanya Yang Berhormat Tenom.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *You* sentuh DAP apa hal? *You* jangan sentuh pemilihan parti. Apa kena mengena? Duduklah!

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi, saya mahu tanya juga tentang pemilihan dalam parti PKR yang mana dipertikaikan ramai antara...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, ini patut *stop*, ini tidak ada kena mengena.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Ahli-ahli Yang Berhormat dari PKR itu lompat masuk pembangkang pada satu ketika.

Seorang Ahli: Siapa ini?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ini tidak ada kena mengena, duduklah. Yang Berhormat Putatan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ini *floor* Tenom.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya tahu.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Duduklah, ini *floor* Tenom, duduklah. Nanti dulu. Yang Berhormat Putatan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Janji ditepati ya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: [*Bangun*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Kalau ikut kata pembangkang soal populariti ini, saya rasa Yang Berhormat Seputeh lagi populariti tetapi saya hairan dia tidak duduk di Ketua Pembangkang. Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya tanya?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh tolong Yang Berhormat Tenom, tanya Yang Berhormat Putatan sama ada Presiden APCO dulu kalah dalam PRU-13 itu.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Demokrasi, demokrasi. Kalah, menang, biasalah. Okey, Yang Berhormat Shah Alam, sedikit.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Tenom, demokrasi ini maknanya *rule by the majority* dan mekanisme untuk melaksanakan prinsip *rule by the majority* ini ialah dengan dipertandingkan kerusi-kerusi. Apabila Barisan Nasional menang 47% dan Pakatan Rakyat 51%, tidakkah bererti bahawa mekanisme yang digunakan telah pun dicabuli oleh kepentingan-kepentingan politik Barisan Nasional.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tidak betul.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sehingga diadakan apa yang dikatakan sebagai *gerrymandering*.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tidak betul itu, tidak betul itu Yang Berhormat Shah Alam [*Dewan riu*]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mekanisme yang digunakan telah gagal, telah gagal...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tidak betul, tidak gagal!

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Kerana *it did not..*, dengan izin, *allow the majority to rule* sedangkan prinsip demokrasi, *the government by the majority*. Maknanya, mekanisme itu *failed*. Kenapa mekanisme itu *failed*? Mekanisme itu *failed* kerana...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tidak gagal, tidak gagal.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Telah dicabuli oleh Barisan Nasional melalui SPR yang menjadi sebagai alat untuk memenangkan Barisan Nasional.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya rasa Yang Berhormat Shah Alam ini patut sekolah dahulu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Tenom, saya minta komen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tiga minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *What is the principal of democracy, rule by majority*, betul atau tidak, Yang Berhormat Tenom?

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Kita telah...

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Yang Berhormat Tenom, saya tolong sedikit.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Apa kata Yang Berhormat Shah Alam, tidak betul, populariti tidak betul. Kita sudah gunakan sistem majoriti, kiraan majoriti...

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Tenom, bagi saya tolong.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *[Bangun]*

Datuk Raime Unggi [Tenom]: ...Sistem perwakilan kawasan tanpa mengambil kira peratusan undi popular, kita gunakan sejak daripada pilihan raya tahun 1969, sudah lama.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu mekanisme untuk mencapai prinsip itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenom, hendak bagi jalan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *That is the mechanism to achieve that principal.*

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya menghormati Yang Berhormat Ketereh, saya bagi Yang Berhormat Ketereh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, yang lain itu duduklah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Setujukah Yang Berhormat kalau saya katakan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Shah Alam itu dia tidak faham. Majoriti yang memerintah berdasarkan kepada majoriti kerusi dalam Parlimen, bukan di luar.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kerusi adalah mekanisme.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Betul itu, Yang Berhormat Shah Alam duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Prinsipnya ialah *rule by majority*.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Shah Alam tidak minta laluan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak, fasal saya kena perbetulkan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Inilah gaya pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduklah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia tidak faham, tidak faham antara prinsip dan mekanisme.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah seminggu kita bercakap fasal perkara ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Ketereh tidak faham di antara prinsip dan mekanisme. *The mechanism has failed, the principal is ruled by majority.*

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Duduklah Yang Berhormat Shah Alam, duduk-duduk, buang masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenom, sila habiskan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Mechanism failed* kerana Barisan Nasional yang rosakkan. Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tidak, tidak betul itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh, cantik.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Yang Berhormat Labis boleh?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Shah Alam itu bagus pergi sekolah balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada masa Yang Berhormat.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Yang Berhormat Labis, boleh?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Okey.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Tenom. Saya hendak tambah di sini bahawa banyak pihak tertentu yang mengatakan haruslah *one person one vote* di mana adalah harus setanding. Akan tetapi jikalau ia dilaksanakan, ia sebenarnya menghakis kuasa-kuasa atau perwakilan Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak. Kenapa saya mengatakan begitu? Sebagai contoh, kalau kita lihat kawasan Hulu Rajang di mana saiznya adalah sebesar negeri Pahang. Mereka hanya mempunyai pengundi sebanyak 22,000.

Kalau mengikut apa yang diperkatakan oleh pihak pembangkang seperti di kawasan-kawasan Seputeh, mungkin mereka boleh dibahagikan dengan lima kawasan *Member of Parliament*. Akan tetapi kawasan Hulu Rajang yang begitu besar hanya diwakili oleh satu *Member of Parliament*. Bagaimana mereka boleh menyuarakan isu-isu di luar bandar. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya, bijak, itu baru bijak, bukan macam Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta maaf kerana masalah perbezaan luas kawasan ada cara untuk atasinya.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Duduk Yang Berhormat Shah Alam, ini *floor* Tenom, hormatlah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, minta duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak, fasal Yang Berhormat Tenom sebut Shah Alam. Kalau Yang Berhormat Tenom tidak sebut Shah Alam, saya tidak bangun.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Shah Alam duduklah, duduk-duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya terpanggil macam Yang Berhormat Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi yang panggil saya Yang Berhormat Tenom, dia sebut Shah Alam.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk. Yang Berhormat Tenom, habiskan Yang Berhormat, masa sudah habis.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya. Kalau dilihat, ada saya dapat sedikit maklumat ini. Saya ingin kongsi bersama dalam Dewan yang mulia ini, *popularity vote* lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada kena mengena.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sebanyak 47% Barisan Nasional, 2.9% undi rosak. 49.9% pembangkang. Sembilan negeri popular atas *vote* Barisan Nasional menang dan lima negeri sahaja yang mereka menang seperti Kelantan, Selangor, Pulau Pinang, Perak dan Wilayah Persekutuan. Okeylah itu. Saya ingin menyambung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habislah Yang Berhormat, tidak payah sambung, tutuplah Yang Berhormat, tutup.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Saya gulung, saya gulung.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Tenom, *your result* tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Gulung pun tutuplah Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Apa pun Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi kalau hendak dijadikan contoh, rakyat Sabah adalah rakyat yang terbuka dalam hal demokrasi. Ada masanya kita boleh berpolitik dan ada masanya kita perlu bekerja. Rakyat Sabah mahukan pembangunan dan juga sudah tiba masanya negeri ini terus diberikan perhatian dan juga keutamaan oleh Kerajaan Persekutuan. Soal undi popular seperti mana yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang sejak beberapa hari yang lalu memperlihatkan keketekan pihak pembangkang dalam hal itu. Giliran kita Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat habiskan, Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin sentuh sedikit soal kawasan. Akhirnya, sedikit sahaja. Saya harap kepada pihak kerajaan kita hari ini dengan perancangan yang begitu elok diolah dan saya mengharapkan bukan reformasi, transformasi, *transform*.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1810

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Gombak, jangan begitu. Yang Berhormat Gombak datang Tenom pun sampai hotel di Perkasa sahaja. Tidak masuk kampung. Saya harap keprihatinan kerajaan di bawah Kerajaan Barisan Nasional, kawasan saya haruslah dilancarkan soal-soal pembangunan yang saya kira amat penting untuk rakyat di Tenom. Bagi saya ...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sama. Bagi saya yang penting ialah pembangunan untuk rakyat saya. Bukan soal *ink*. Kalau *ink* tidak kekal saya boleh beri cat Yang Berhormat Gombak. *Ink* itu RM7.1 *million*. Itu yang pembangkang mahu buat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itulah masalahnya sebab *ink* itu spend RM7.1 million.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: ...Dalam penambahbaikan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sepatutnya dekat Tenom sudah macam-macam dah boleh buat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Menambahbaikan suruhanjaya hari itu diterima pakai. *Ink* itu kekal. Cuma pihak pembangkang cuba memperlekehkan soal *ink* itu cakap tidak kekal. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya gulung. Saya harap kelancaran pembangunan-pembangunan di kawasan saya harap dapat diteruskan dan dapat dilancarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Oh! Tidak ada yang bangun. Seorang yang bangun. Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

6.11 ptg.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih. Selamat datang ke Kota Kinabalu. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak jemput orang pergi Kota Kinabalukah Yang Berhormat?

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Kota Kinabalu? Ini Parlimen bukan KK.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Saya rasa amat syukur dan berterima kasih kerana diberi peluang membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini. Sebagai ahli baru Dewan Rakyat ini, saya ingin ucapkan salam kenal kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Setelah menjadi DUN Sri Tanjung sejak 2008, kini rakyat di Parlimen Kota Kinabalu pula telah memberi mandat kepada saya mewakili mereka untuk menyuarakan apa sahaja masalah yang berlaku. Terima kasih diucapkan. Ahli-ahli Dewan semua, saya ingin mengulas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mahu semua pihak menerima dan menghormati keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga Belas yang lalu. Jika dilihat mengikut jumlah kerusi, Barisan Nasional memanglah berjaya membentuk Kerajaan Pusat. Akan tetapi kalau kita melihat undi popular atau *popular vote* dengan izin... [Dewan riuh] [Tepuk]

Hakikatnya Kerajaan Barisan Nasional yang dibentuk sekarang ini kurang legitimasi atau kurang mandat... [Tepuk] Ini kerana Barisan Nasional hanya diterima 47% jumlah undi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah turun lagi, 40% tinggal. [Ketawa]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Berbeza jika dibandingkan dengan 51% yang memilih pakatan rakyat. Oleh sebab itu, dengar ya...

Dato' Joseph Salang anak Gandum [Julau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Julau bangun Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Sampai sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Julau bangun di belakang. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jangan kacau kerana dari jauh. [Ketawa] Masa tidak banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan, tidak bagi jalan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Banyak urusan di Sabah. Minta duduk dahulu, nanti saya bagi kopi 'o' di luar supaya kita bincang baik-baik.

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]: Yang Berhormat Kota Kinabalu jangan sombong.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Banyak petisyen yang difailkan terhadap keputusan pilihan raya lalu. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mahu bangkitkan isu kesihatan di negeri Sabah. Amat sedih sampai sekarang hanya ada satu mesin radioterapi di Sabah untuk merawat pesakit kanser. Sedangkan negeri Sabah adalah lebih tiga juta penduduk. Kalau setiap 300 orang penduduk perlukan sebuah mesin, ini bermakna Sabah mesti ada sekurang-kurangnya mahu sepuluh mesin Tuan Yang di-Pertua. Jauh bezanya dengan Kuala Lumpur yang ada 20 mesin radioterapi di mana penduduknya seramai lima juta hingga enam juta orang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, boleh beri laluan?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Duduk dahulu Yang Berhormat Putatan, ini untuk Sabah, untuk Sabah ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya bantu, saya bantu. Kita berdekatan. Saya Putatan, Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan. Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tidak boleh, tidak boleh.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kawanlah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tidak boleh, tidak boleh.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini cari makankah...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Diam-diam dahulu, duduk dahulu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat yang kita mahu cari makan. Saya minta penjelasan, cari makan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, Putatan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tunggulah. Nanti tidak cukup masa.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kawan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Itu...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Masa tidak cukuplah. Jangan kacaulah, ini orang baru juga. Orang Sabah bah, sahabat kita.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Apa ini? Kawan punya pasal pun tidak bagi kah?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tidak banyak masalah. Jauh bezanya dengan Kuala Lumpur. Kita mahu mesin radioterapi ini ditambah di Sabah. Harganya pun tidak mahal dengan yang lain. Lebih kurang RM4 juta hingga RM6 juta sebuah.

Seorang Ahli: Murah sahaja.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ianya adalah rawatan yang paling murah untuk pesakit kanser. Untuk maklumat semua, sebuah mesin hanya mampu merawat sampai 15 hingga 17 orang pesakit setiap hari. Oleh itu, saya menyeru agar pihak kerajaan khususnya Menteri Kesihatan memandang serius masalah ini. Kita mahu lebih ramai pesakit kanser dirawat dan diselamatkan Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Selain masalah itu, Sabah juga berdepan dengan masalah-masalah berikut. Pertama, masalah kurang doktor pakar di hospital-hospital besar di Sabah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, itu Yang Berhormat Sungai Petani punya teks ucapankah itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jangan tambah cerita Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Teks tadi itu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kacau lagi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Betulkah Yang Berhormat Kota Kinabalu punya atau Yang Berhormat Sungai Petani punya?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kalau Yang Berhormat tiada soalan dia punya hal. Kalau saya ini hal untuk kita semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, duduk Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tarik balik kau. Dia sebut kau.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, selain di Kota Kinabalu, ia juga melibatkan daerah seperti Sandakan, Keningau dan Tawau. Begitu juga dengan daerah yang lebih kecil seperti Saratok, Ranau, Kudat dan Beluran. Saya mahu bertanya apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah ini?

Kedua, masalah kekurangan doktor berpangkat MO dengan izin, *medical officer* di klinik-klinik di kawasan pedalaman. Saya difahamkan bahawa kerajaan mewajibkan doktor yang baru tamat belajar berkhidmat di kawasan pedalaman setiap tahun. Namun, isu kurang *medical officer* ini tetap berlaku. Adakah faktor kekurangan doktor di pedalaman ini ada kaitan dengan elaun yang diberi tidak mencukupi? Harap pihak kementerian dapat jelaskan.

Ketiga, ini ketiga yang penting. Masalah kurang peralatan perubatan dan kurang peruntukan untuk membeli ubat-ubatan berlaku hampir setiap tahun di Sabah. Saya mohon...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Nanti tercabut mikrofon itu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya mohon Menteri Kesihatan jelaskan kenapa bajet ubat-ubatan di Sabah tidak mencukupi?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kerana Sabah *fixed deposit* agaknya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *[Bangun]*

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ubat-ubatan di Sabah bukan sahaja digunakan untuk orang Malaysia tetapi juga digunakan untuk pendatang asing tanpa izin (PATI).

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Bharu bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kita juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi, tidak bagi.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kita juga dapat tahu...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kawan...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Nanti dahulu, nanti dahulu. Ini penting. Lihat ini! Ia penting. Mahu lihat. Kita juga dapat tahu....

■1820

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kawan pun tidak berikah?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Bahawa parti yang ramai jugalah yang telah berhutang...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh saya bantu? Saya sokong, saya sokong.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Berhutang dengan hospital kerajaan sebanyak RM22 juta dari tahun 2007...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Hingga tahun 2012. Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: RM22 juta.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: RM22 juta kerana berhutang.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kawan, kawan, kawan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Apakah tindakan kerajaan untuk...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kota Bharu, Kota Bharu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada kawan, Yang Berhormat. Tidak beri jalan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kota Bharu, Kota Bharu. Kawan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Nanti dahulu, nanti.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Sedikit sahaja. Sedikit. Setengah minit sahaja.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey, okey, okey.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu yang amat prihatin dengan masalah rakyat Sabah terutamanya masalah kesihatan. Adakah Yang Berhormat Kota Kinabalu sedar sebelum ini, pada penggal lepas, Timbalan Menteri Kesihatan adalah orang Sabah. Kenapa masalah kesihatan begini sekali berlaku di Sabah? Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Mungkin tiada kerjalah. [Ketawa] Mungkin saya tidak nampak dia kerja. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Bharu jawapan itukah yang dijangkakan itu? *[Ketawa]*

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya mahu tanya Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan kerajaan untuk selesaikan masalah hutang parti ini? Ini isu amat serius kerana menjadi antara sebab utama ubat-ubatan di Sabah kurang.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda ada menyebut mengenai kepentingan keluarga dalam kestabilan sosial. Jadi saya mohon semua ambil perhatian statistik ibu tunggal di Sabah sudah hampir 15,000 orang. Di daerah Tenom sahaja, 2,000 kes ibu tunggal dikesan. Kita boleh terima kalau ia berlaku sebab kematian suami tetapi apa yang banyak berlaku ialah kerana kes cerai. Apakah tindakan kerajaan untuk turunkan kadar kes cerai ini?

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh penggerak sekretariat Jaringan Orang Asal Se-Malaysia (JOAS), Jannie Lasimbang di dalam satu seminar di Kuala Lumpur minggu lalu. Pakatan Rakyat boleh menang di empat lagi kerusi Parlimen di Sabah jika tiada pengundi meragukan dalam daftar pemilih. Jannie Lasimbang berkata, "*identiti mereka yang ada MyKad dengan izin meragukan, dubious IC*". Terdapat di Beaufort, Tawau, Kota Marudu dan Batu Sapi memiliki majoriti yang dimenangi Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Termasuk Kota Kinabalu, Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: Tidak. Tidak.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Contohnya di Beaufort. Ada 1,061 didakwa sebagai pemegang MyKad meragukan (*dubious IC*) tetapi majoriti Barisan Nasional di situ hanya 673 undi. Di Tawau pula, ada 7,472 orang berbanding majoriti sebanyak 4,947 undi sahaja. Maklumat ini adalah dari analisa Projek Analisis Daftar Pemilih Malaysia (MERAP) Sabah Sarawak serta pengakuan Penolong Ketua Bahagian Jabatan Pendaftaran Negara, Roslan Alias dalam Suruhanjaya Siasatan Diraja. Kawasan-kawasan Parlimen di mana jumlah pengundi meragukan ini paling ramai ialah di P.188 – Silam. Sebanyak 7,934 orang di mana pencerobohan Sulu berlaku. Adakah ini cuma secara kebetulan?

Masa depan negara mestilah ditentukan oleh rakyat tempatan dan bukannya oleh pendatang tanpa izin yang mendapat hak mengundi secara haram. Inilah sebabnya Pakatan Rakyat bangkitkan isu masalah pilihan raya negara kita. Siapa-siapa pun tidak kira fahaman politik tidak boleh sifatkan sesebuah kawasan sebagai *fixed deposit* atau simpanan tetap kecuali memang ada sesuatu yang diatur dengan begitu rapi. Jadi kalau ia berlaku, perubahan tidak dapat terjadi dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah habis, Yang Berhormat. Boleh gulung ya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Gulung ya. Tambah lagi dua minitlah, jauh ini. *[Ketawa]* Sebagai contoh, lihatlah P.187 – Kinabatangan. Jumlah pengundi baru ialah 24,747. Kalau kita rujuk statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2010, terdapat 31,603 warganegara Malaysia dan 115,384 warga asing tinggal di daerah Kinabatangan sahaja. Ini bermakna bilangan warga asing ialah empat kali ganda berbanding warga Malaysia di Kinabatangan. Saya amat kasihan terhadap Yang Berhormat Kinabatangan kerana beliau sendiri pun tidak dapat tahu sama ada beliau wakil rakyat tempatan atau pendatang asing di kawasannya. *[Tepuk]* Apakah Yang Berhormat Kinabatangan ini wakil rakyat tempatan ataupun wakil rakyat warga asing? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk pastikan tiada lagi masalah antara parti-parti politik terhadap keputusan pilihan raya, saya cadangkan supaya senarai pengundi haruslah diberikan sebaik sahaja prosiding Suruhanjaya Diraja Pendatang Tanpa Izin selesai. Saya tidak sampai hati melihat Ahli-ahli Dewan Rakyat UMNO dari Sabah, selalu disebut orang Sabah sendiri sebagai wakil warga asing. Saya mahu isu warga asing di Sabah dapat selesai dengan segera oleh kerajaan. Kita mahu demokrasi negara kita berdaulat. Kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dua minit pun sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Habis sudah. Habis sudah. Satu minit sahaja. Satu minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tambah dua minit pun sudah habis.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya, kita mahu demokrasi negara kita berdaulat. Kita tidak mahu pendaatang asing tentukan masa depan kita, generasi akan datang. *Last* ya. *Last, last*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, setiap undi itu mestilah dari warganegara yang tulen supaya kita menjadi wakil rakyat yang bermaruah dan bukannya wakil rakyat hasil projek IC. Sekian dan terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Gudang.

6.29 ptg.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Assalamualaikum dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ke-13 pada 25 Jun 2013 yang lalu.

■1830

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kaum wanita mampu menyahut cabaran dan terus meningkatkan potensi diri untuk memberi sumbangan lebih besar dalam semua sektor demi kecemerlangan masa depan negara. Melalui perkongsian pintar dengan pihak kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan untuk meningkatkan ekonomi keluarga seterusnya negara. Tentunya wanita amat teruja untuk turut merencanakan lagi inisiatif untuk mencapai sasaran 30% pembuat keputusan daripada kalangan wanita sama ada di sektor korporat dan seterusnya menarik lebih ramai wanita profesional kembali ke pasaran pekerjaan dan membantu mencapai penyertaan 55% wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2015. Persoalannya, bagaimanakah kita akan mencapai perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini kuota untuk pencapaian 30% wanita di tempat pembuat keputusan mestilah diperkukuhkan dengan undang-undang, bukan lagi dengan budi bicara. Kerajaan juga mestilah melihat secara serius di dalam pelaksanaan undang-undang waktu kerja anjal dengan izin, *flexi work hours* dengan kadar segera. Kerajaan juga mestilah melihat kepada sistem sokongan yang meluas melalui penubuhan Taska 1Malaysia secara agresif. Ini ingin saya kaitkan dengan kos pengambilan kos pembantu rumah yang baru-baru ini telah ditetapkan sebanyak RM8,000. Jika kita mengambil perkiraan RM8,000 selama dua tahun secara kontrak, campur gaji bulanan dan juga tempat tinggal mereka, makan dan peralatan lain. Duit yang harus diperuntukkan untuk membayar pembantu rumah melebihi tahap gaji minimum iaitu sekitar RM1,000 ke RM1,200 tidak termasuk lagi perkara-perkara seperti levi dan *medical*, jika mereka sakit harus diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon juga kementerian memberikan ruang latihan kepada ibu-ibu tunggal yang boleh membuat pekerjaan seperti ini. Kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak sahaja memberi ruang dan peluang latihan kepada ibu-ibu tunggal di dalam usaha meningkatkan ekonomi. Ibu-ibu tunggal perlu juga diberi perhatian dan suri rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat secara serius melihat kepada pindaan undang-undang supaya undang-undang dan peraturan gangguan seksual diperbaiki, yang mana sekarang ini undang-undang ini mengatakan bahawa mereka yang membuat tuduhan perlu membuktikan kepada yang dituduh. Akan tetapi kita mohon dengan sikap wanita yang terkenal dengan sifat malunya supaya *the burden of prove* dengan izin, diberikan kepada mereka yang dituduh.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga memohon supaya melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dipercepatkan kes-kes permohonan cerai untuk membolehkan wanita-wanita yang malang ini meneruskan kehidupan mereka.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk meneliti perkara ini dengan sedalam-dalamnya isu kontrak kepada subkontrak. Cuba kita fikirkan, jika semua pekerjaan dijadikan subkontrak apa akan jadi kepada tenaga kerja di masa hadapan, terutama sekali anak-anak kita? Mereka tidak akan mempunyai satu ketetapan untuk masa depan pencarian mereka. Kerajaan juga melalui caruman SOCSO dicadangkan untuk memperkenalkan *national insurance* untuk membantu kos-kos perubatan yang semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat beberapa cadangan kepada Kementerian Kesihatan agar diteliti perkara ini dengan sebaik mungkin. Kita sedar bahawa kos perubatan sangat tinggi sekarang ini tetapi dengan Kerajaan Barisan Nasional kita masih mampu pergi ke hospital-hospital kerajaan, dengan bayaran seringggit kita boleh mendapat ubat yang banyak. Tambahan lagi kalau mereka mempunyai penyakit darah tinggi dan sebagainya. Jauh beza beratus kali ganda dibandingkan jika mendapat ubat-ubatan di hospital swasta.

Justeru itu, untuk kita mempertahankan agar warga Malaysia terus mendapat kemudahan ini, kita mohon Kementerian Kesihatan untuk menilai semula kos perubatan yang dikenakan kepada warga asing yang dikira sangat murah. Saya tinggal di Johor. Banyak juga laporan tidak rasmi saya terima daripada doktor-doktor bertugas. Bila bangsa-bangsa asing datang, termasuk daripada negara jiran datang ke hospital untuk mengambil ubat kerana ubat di negara kita ini sangat murah.

Dalam usaha untuk meningkatkan kesihatan, kita tidak bolehlah hanya bergantung kepada kempen demi kempen tetapi perlulah kita melihat kepada pelaksanaan apa yang harus kita lakukan. Kita patutlah mencontohi negara-negara lain di mana dalam memastikan rakyat mereka terus sihat salah satu usahanya ialah mereka mengadakan laluan berbasikal. Kita lihat kepada negara-negara ini, dalam jarak yang dekat dengan laluan berbasikal yang ada maka lebih ramai rakyat boleh menggunakan basikal untuk ke kawasan-kawasan atau ke tempat-tempat yang mereka ingin pergi.

Untuk mengurangkan kemalangan, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak JKR melihat kepada perkara ini. Kita bercakap soal kemalangan, kita mempamerkan data kemalangan maut dan sebagainya. Akan tetapi adakah ini memberi kesan? Yang perlu kita lihat ialah bagaimana langkah yang patut kita ambil untuk mengurangkan kemalangan ini. Antara cadangan yang kerap saya terima ialah untuk kita membuat laluan motosikal kerana motosikal adalah mangsa yang paling dekat sekali apabila kemalangan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar pihak Kementerian Kewangan meningkatkan pelepasan cukai individu kerana kos kehidupan yang meningkat. Sekarang ini di tahap RM8,000 sudah bertahun-tahun tidak ada langsung kenaikan. Mohon diperhalusi perkara ini kerana sebagai seorang bekas pekerja saya merasakan begitu bebannya hanya dengan sekadar pelepasan individu sebanyak RM8,000 dan anak-anak sebanyak RM800 ataupun RM1,000 sahaja, sangat rendah. Mana mungkin cukup untuk orang-orang bekerja mendapat pelepasan sebanyak ini. Kos tuisyen anak pun sebulan kadang-kadang boleh cecah RM1,000 kalau kita hendak kemajuan yang sangat baik untuk anak-anak kita.

Saya juga ingin mencadangkan sebagai majikan, mereka yang mengambil pembantu rumah diberi pelepasan kerana mereka ini majikan. Jadi sewajarnya mereka diberi pelepasan kerana membayar gaji pembantu rumah dan levi juga diberi pelepasan kepada mereka, sebagaimana syarikat-syarikat diberi pelepasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga kerana sebagai rakyat Malaysia yang sayangkan negara, saya kasihan termasuk juga anak-anak saya suatu hari nanti. Sekarang ini negara kita diperintah oleh kerajaan kita. Adalah menjadi sedih jika kita memerintah tetapi kita tidak dapat melakukan sesuatu. Fikirkanlah apa yang patut kita buat kepada harga-harga rumah yang tidak mempunyai kawalan langsung. Saya sedia maklum

pihak kementerian memberi jawapan bertulis kepada saya dengan mengatakan bahawa ini pasaran bebas.

Saya sama sekali tidak menafikan soal pasaran bebas tetapi sebagai orang yang mempunyai kuasa apakah kerana pasaran bebas kita tidak boleh mengawal? *[Tepuk]* Adakah kita menggalakkan sahaja? Kita hanya mengiakan sahaja bahawa orang yang tidak mampu duduk jauh, duduk jauh-jauh jangan duduk dekat-dekat bandar, kawasan bandar hanya untuk orang kaya. Paling menyedihkan lagi kawasan bandar pun dihuni oleh warga asing yang kaya daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pekerja, saya juga ingin menyampaikan hasrat mereka terima kasih kepada kerajaan dengan pembelaan penetapan gaji minimum. Akan tetapi yang menyedihkan, saya faham saya juga telah diberikan jawapan bertulis soal ILO, konvensyen ILO. Saya mengerti dan faham sangat soal konvensyen ILO tetapi yang ingin saya sampaikan di sini ialah takkanlah kita tidak boleh terfikir mekanisme bagaimana gaji minimum itu dapat dikurangkan dan dirangkumkan kepada pekerja-pekerja asing. Ini kerana kita sedia maklum setiap pekerja asing ini rumah perlu disediakan, pengangkutan juga disediakan. Jadi tidak bolehkah kita memasukkan semua mekanisme supaya mendapat sedikit perbezaan dengan orang-orang tempatan.

Penat anak-anak kita pergi sekolah, paling rendah pun hendak cari Darjah Enam susah sekarang, Tingkatan Tiga ataupun SPM. Dibandingkan dengan pekerja asing ini tulis ada yang hendak tulis 'A' pun tidak tahu. Akan tetapi mereka mendapat apa yang sama dengan orang kita. Jadi kita kena mencari mekanismenya dan kita tidak boleh mengatakan ini adalah konvensyen ILO. Kita berkuasa, ini negara kita, kita yang tentukan yang terbaik. Kerajaan sudah buat banyak yang baik untuk rakyat. Mohon diperhalusi agar lebih baik, lebih banyak lagi perkara-perkara baik dapat dinikmati oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan pesanan daripada orang kampung saya. Tidak sedap pula kalau tidak disampaikan. Orang kampung saya meminta, saya dari kampung Pasir Gudang tetapi bandar juga, kawasan industri. Kawasan industri Pasir Gudang ini tetapi maklumlah apabila kata kawasan industri tetapi pendapatannya tidak besar, yang besar tidak ramai kerana majoritinya berpendapatan rendah. Senang cerita di bawah RM3,000 secara majoriti. Pesanan daripada mereka supaya disegerakan pembinaan hospital. Mohonlah, apa yang ada di kawasan kami ini hanyalah hospital swasta. Diluluskan hospital kerajaan tetapi belum dibina. Jadi mohon diperhalusi untuk dibina hospital kerajaan dan mohon juga dipercepatkan pembinaan Lebuhraya Pasir Gudang.

Sudah dibuat separuh jalan, berhenti. Kemudian separuh jalan lagi, berhenti. Jadi mohon cepat-cepatlah. Jalan hendak pergi Pasir Gudang, terima kasihlah sekarang sudah ada ERL itu, kalau tidak itulah satu-satunya jalannya. Hendak pergi dan hendak balik jalan itu, ada kereta rosak di sebelah sana, sini pun sama *jammed*nya. Maklumlah orang Malaysia punya prihatin, bukan jalan dia yang ada kereta rosak dia tengok sebelah sana sama naik *jammed*, tidak payah kira lagi kalau musim hujan. Jadi kita mohonlah. *[Disampuk]* Adalah kadang-kadang *accident* tidak payah hendak ceritalah, hanya itulah jalan. Apa yang membahayakannya kalau jalan di sebelah sana *jammed*, kita hendak pergi hospital yang paling dekat Hospital Sultan Ismail di Taman Mount Austin, kalau ada *jammed* tidak boleh lepas. Hendak ikut jalan mana? Tidak ada jalan itu sahajalah jalan yang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya boleh gulung Yang Berhormat.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan pesanan mereka supaya dibina rumah mampu milik di Parlimen Pasir Gudang. Anak-anak mahasiswa juga memohon supaya dihapuskan kos pentadbiran 1% PTPTN. Mereka sanggup hendak bayar hutang itu tetapi kos pentadbiran itu. Saya menyampaikan amanah yang lain, saya serahkan kepada kementerian.

Sebelum saya mengakhiri kata, saya pun hendak ikut undang-undang juga. Saya ingin menyampaikan sedikit pesanan yang bersesuaian dengan nasihat Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu pesanan saya buanglah yang keruh ambil yang jernih. Hapuskan dendam dan benci di hati baru teguh peribadi kita.

Dengan itu, mengakhiri ucapan saya dan mengajak diri saya dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat berdoa semoga negara yang tercinta ini akan terus maju dan makmur dengan rakyatnya sejahtera, bersatu padu dan hidup aman sentosa di bawah lindungan Allah SWT. Itu sahaja ucapan dari saya, sekian, *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berhormat Pasir Gudang mohon menyokong. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

6.45 ptg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjunjung kasih di atas Titah Baginda Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sudi menyebut tentang pentingnya kemantapan institusi keluarga untuk kestabilan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ucapan saya ini banyak juga persamaan dengan Yang Berhormat Pasir Gudang kerana mungkin wanita memikirkan perkara yang sama. Saya menyokong penuh apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Yang di-Pertua, wanita seperti juga lelaki mempunyai *potential* untuk membangun diri dan dengan ini membangunkan negara. Lebih kurang 50% rakyat negara dan kita adalah wanita 46% tenaga kerja negara ini juga adalah wanita. Lebih daripada 60% hingga ke 70% penuntut di institut pengajian tinggi juga adalah juga wanita. Namun, Tuan Yang di-Pertua, peratus wanita dalam jawatan pembuat keputusan masih jauh ketinggalan. Dalam Parlimen ini sahaja wanita hanya dalam 10% sahaja, 22 orang. Jika sistem pemilihan wakil rakyat masih lagi menggunakan *first-past-the-post system*, maka jumlah wanita di dalam kepimpinan politik akan terus tercorot. Sampai bila-bila pun kita tidak akan sampai kepada kuota 30% wanita di dalam membuat keputusan. Daripada 27 kementerian kita hanya ada dua menteri wanita dan lima Timbalan Menteri wanita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa sistem pemilihan wakil rakyat dikaji untuk mewujudkan sistem kuota khusus untuk pelantikan wakil rakyat wanita. Mungkin mengikut sistem *proportionate* untuk membawa isu berkenaan dengan wanita. Saya fikir kalau semua wakil rakyat wanita bercakap hari ini pun tidak habis isu yang menyentuh wanita akan dapat disebut. Desakan dan tekanan kepada pimpinan negara tidak begitu kuat. Jumlah perwakilan wanita terlalu sedikit untuk mengemukakan isu-isu wanita.

Walaupun kita mengiktiraf kemampuan wanita namun wanita mempunyai tanggungjawab biologi yang lebih berat yang tidak ditanggung oleh kaum lelaki. Kalau kita mengharapkan wanita turut membangunkan negara tanpa mengorbankan institusi keluarga kerajaan perlu memastikan kewujudan sistem sokongan terutamanya untuk penjagaan anak-anak.

Sistem *flexi hours* telah disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang yang sekian lama diperjuangkan oleh wanita tetapi belum lagi digunakan dengan meluas. Sistem sokongan yang ada sekarang sangat lemah kepada wanita yang bekerja dan menimbulkan *stress* kepada wanita yang bekerja. Kerajaan perlu mewajibkan persediaan nurseri dan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja dan kerjasama pihak korporat dan CSR mereka kepada kakitangan mereka.

Kadang-kadang pihak korporat lebih mementingkan *corporate social responsibility* mereka kepada rakyat di luar sana. Akan tetapi mereka lupa tentang tanggungjawab mereka kepada kakitangan mereka sendiri. Insentif perlu diberikan kepada majikan dan juga wanita yang bekerja dalam bentuk rebat atau pelepasan cukai.

Saya fikir Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu memperketat syarat-syarat kelulusan merancang bagi semua bangunan dan kompleks supaya menyediakan prasarana untuk pusat jagaan kanak-kanak dan nurseri seperti mana

mewajibkan pembinaan surau dan kemudahan awam yang lain di dalam pembinaan bangunan-bangunan.

Saya mendapat maklum balas daripada pengusaha-pengusaha ataupun pemilik-pemilik bangunan. Apabila kita bertanyakan mengapa tidak diwujudkan nurseri sedangkan pekerjaannya ramai wanita, di *supermarket*, di pusat-pusat membeli belah, kalau kita pergi mana-mana hampir 80%, 90% adalah jurujual-jurujual wanita. Katanya sebenarnya kami hendak buat, tetapi *requirement* ataupun syarat yang ditetapkan tidak boleh buat di tingkat atas mesti daripada di tingkat bawah. Sekiranya bangunan ini tidak dirancang daripada awal untuk menubuhkan satu pusat penjagaan kanak-kanak, kami tidak dapat kelulusan daripada pihak bomba.

■1850

PBT juga tidak akan meluluskan sehinggalah kerajaan menetapkan bahawa menyediakan pusat-pusat jagaan ini mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan, barulah pemaju-pemaju, barulah pemilik-pemilik akan membina prasarana ini.

Jadi, kita perlu undang-undang di sini untuk menyokong wanita. Saya harap selepas ini ada pindaan-pindaan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang mewajibkan supaya ada pusat-pusat jagaan komuniti seperti tadika-tadika perpaduan ini dengan pembayaran yang minimum, RM50 mungkin untuk keluarga berpendapatan rendah dan sederhana. Taska-taska yang disebut tadi 1Malaysia dan sebenarnya tidak mencukupi dan kadang-kadang kedudukan tempat-tempat ini tidak strategik, tidak mudah untuk ibu-ibu pergi menghantar anak dan kemudian menjenguk anak mereka dalam waktu rehat.

Semua kawasan pekerjaan sama ada kawasan kilang, pusat membeli-belah, pejabat perlu diwajibkan dengan kemudahan ini. Setiap pusat penjagaan kanak-kanak juga perlu menyediakan seorang jururawat atau doktor yang melawat. Ini semua perlu dijadikan polisi jika kita mahu wanita terbabit dalam sektor ekonomi dan pada masa yang sama, memastikan generasi akan datang mendapat penjagaan kesihatan, fizikal dan emosi yang seimbang. Seperti kata Yang Berhormat Pasir Gudang tadi, kita ada kuasa tetapi kita tidak menggunakan kuasa kita dengan sebaiknya untuk manfaat rakyat. Kerajaan juga perlu memberi bantuan kepada inisiatif mewujudkan pusat-pusat jagaan kanak-kanak kepada majikan dan mana-mana pertubuhan NGO untuk mendirikan pusat jagaan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pembantu rumah. Tadi telah disebut bahawa sekarang ini hendak membawa masuk pembantu rumah adalah RM8,000. Jadi kalau tadi Yang Berhormat Pasir Gudang telah mengira kalau gaji mereka di antara RM700 atau RM900, maka sebenarnya gaji yang dibayar adalah di antara RM1,300 sehingga RM1,500 termasuk dengan semua kemudahan yang perlu disediakan kepada pembantu rumah yang tinggal serumah dengan majikan.

Kita sebenarnya telah tidak mengambil satu inisiatif untuk mengangkat pekerjaan pembantu rumah kepada satu status yang boleh dihormati. Stigma menjadi pembantu rumah ini menyebabkan anak-anak muda dan orang tempatan tidak mahu menjadi pembantu rumah kerana mereka merasakan menjadi pembantu rumah itu kuli. Mereka sedia bekerja di kedai-kedai, mereka sedia bekerja di kilang dan kita tahu apabila mereka bekerja di luar rumah, maka kalau *net pay* ataupun gaji bersih yang dibawa balik adalah kurang daripada RM700 atau RM800. Sedangkan kalau mereka kerja di rumah-rumah, bukan sahaja mereka mendapat gaji, mereka juga mendapat kemudahan-kemudahan lain malah gaji yang mereka dapat adalah gaji bersih.

Jadi langkah pertama kerajaan patut buat ialah untuk menarik minat orang tempatan kepada profesion pembantu rumah ini dengan pertama awal kalam mengubah persepsi atau mengubah nama itu sendiri. Kalau kita kata *maid*, kita kata pembantu rumah, kita kata pengasuh, mungkin tidak ada orang muda hendak jadi pembantu rumah. Apa kerja kamu? Aku pembantu rumah. Dia rasa kerja itu hina tetapi kalau kita jenamakan, kita *rebranding* nama pembantu rumah sebagai pengurus domestik seperti mana kita *rebranding* pekerjaan-pekerjaan lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingat tidak satu masa dahulu kita memanggil pelacur tetapi sekarang ini kita panggil *sex worker*. Jadi nampak *sex worker* itu Oh! Dia bekerja untuk sara hidupnya. Ia telah menjadi satu - itu sebabnya saya pun sendiri rasa janggal

hendak guna perkataan *sex worker* kerana kita memberi pengiktirafan. Apabila kita memberi pengiktirafan, penerimaan sosial meningkat. Jadi kalau kita boleh mengubah persepsi masyarakat tentang kerja pembantu rumah ini, maka rakyat kita sendiri yang akan mendapat manfaat pada duit negara kita yang mengalir berjuta-juta setiap tahun keluar negara.

Serupa juga dahulu orang panggil *you* kerja apa? *Salesman*, jurujual tidak *best*. Siapa hendak jadi *salesman* tetapi apabila dikatakan saya seorang *sales executive*. Jadi rasa bangga. Penjual insurans dulu jual insurans tetapi sekarang dipanggil konsultan kewangan. Jadi ini adalah persepsi yang kita bina dan kita perlu mengubah persepsi ini kerana kita hendak kerja ini dipandang mulia kerana ia sebenarnya membantu negara kita mendidik anak-anak kita. Kita tidak mahu anak-anak kita dididik oleh orang yang tidak tahu latar-belakang dan kita tidak tahu apa penyakit yang dibawa walaupun dibuat saringan dan sebagainya.

Kita perlu bertegas bahawa kerja ini perlu dimasukkan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Sekarang ini pekerja domestik tidak dikira, tidak dilindungi. Kita tidak ada *job description* ataupun keterangan kerja kepada seorang pembantu rumah. Hampir semua benda dibuatnya. Maka itulah yang menyebabkan orang tempatan tidak mahu menjadi pembantu rumah. Daripada membasuh kereta, ada yang kena mandikan anjing, ada yang kena cebokkan majikannya yang sakit. Jadi semua kerja dilonggokkan. Sepatutnya kita mendefinisikan kerja dan kita kategorikan kerja-kerja mereka supaya ia dipandang lebih baik dan lebih mulia. Kita tidak mahu kita dengar pelbagai apabila kita ambil pembantu rumah. Ia tidak akan menyelesaikan masalah kita.

Pembantu rumah yang lari setelah tidak sampai lagi dua tahun, majikan bayar RM8,000, enam bulan dia sudah 'cha, alif, ba, ta,', dia sudah cabut. Apa yang dapat majikan buat? Balik kepada agensi, Oh! Agensi kata kita sudah lebih daripada *period warranty*. Jadi tidak boleh dapat pembantu rumah lagi. Ini adalah perkara-perkara dan lagi satu kerana hendak mewujudkan satu status kepada pengurus domestik ini, kita perlu memberi hak pekerja kepada mereka. Masa kerja mereka perlu didefinisikan, perlu ada perlindungan KWSP, perlu ada PERKESO. Barulah ada masa depan apabila seseorang itu bekerja sebagai pembantu rumah.

Saya minta pihak kerajaan tidak kiralah sama ada Kementerian Sumber Manusia ataupun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sosial untuk mewujudkan institusi latihan. Saya tahu FELDA ada mewujudkan satu sekolah untuk pembantu rumah tetapi ini tidak mencukupi, dia menjadi begitu eksklusif kepada anak-anak FELDA sahaja, mungkin. Akan tetapi dengan mewujudkan institusi latihan yang dikelolakan oleh institusi kerajaan seperti sekolah-sekolah vokasional, dengan menambah kursus-kursus bidang pengurus domestik ini, kalau boleh saya panggilkan.

Juga membenarkan mereka menubuhkan badan setelah mereka bekerja dan ada KWSP, ada SOCSO nya, mereka perlu diberi kebenaran untuk menubuhkan *union* badan profesional untuk memperjuangkan kepentingan mereka. Mungkin dalam jangka masa pendek kita nampak ini menyusahkan rakyat Malaysia tetapi rakyat Malaysia sendiri tidak boleh dengan izin, *take things for granted that a servant is there to serve you all time* tetapi ia hanyalah membantu kita di mana kita tidak boleh melakukan kerana kita perlu keluar bekerja.

Dalam jangka masa panjang, kita mahu jumlah pembantu rumah dari negara asing diminimumkan. Kementerian Pembangunan Wanita ataupun Kementerian Sumber Manusia perlu ada sasaran. Sekarang ini kita ada berapa ribu orang pembantu rumah? Dalam berapa tahun yang akan datang, jumlah ini perlu kita turunkan sehinggalah kepada satu tahap yang tidak membebankan negara. Mereka ini manusia dan apabila mereka datang ke Malaysia, mereka bukan sahaja bekerja, mereka juga bersosialisasi dan mereka juga sesetengahnya menjadi mangsa *sexual harassment* ataupun penderaan seks. Mereka juga ada yang apabila tamat sahaja permit mereka lari dan mereka tinggal dengan tidak ada visa yang sah, dokumen yang sah dan akhirnya mereka juga terjebak di dalam perhambaan seks dan sebagainya.

Jadi kita harap, janganlah wanita perlu bercakap berkali-kali lagi tentang perkara ini. Saya harap kita dapat melihat pelan tindakan ini. Sekarang ini nampaknya wanita dari

sebelah sini dan sebelah sana boleh bersatu dalam hal dan isu ini. Kementerian tidak ada halangan untuk melaksanakannya. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Kangsar.

■1900

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bagi membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pertamanya saya ingin merafak sembah dan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah mencemar duli bagi merasmikan Penggal Pertama Sidang Dewan Rakyat yang Ketiga Belas. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Rakyat dan juga rakyat Malaysia bukan sahaja untuk menghayati dan memahami Titah Yang di-Pertuan Agong tetapi turut akur dengan segala saranan dan nasihat baginda Tuanku. Dalam sistem *Westminster* yang diamalkan di United Kingdom, *the queen speech* dengan izin juga menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang telah digariskan.

Di *Westminster* juga pembangkang-pembangkang memberi hujah-hujah dan cadangan-cadangan yang bersifat konstruktif, bukan hanya sekadar mengkritik serta menuding jari kepada pihak yang lain. Saya menyeru kita sama-sama dapat mempraktikkan budaya politik matang seperti mana yang diuar-uarkan oleh pihak pembangkang mengikut contoh *Westminster* ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang kempen PRU ke-13 ini, kita sentiasa fokus kepada perspektif yang membeza-bezakan masyarakat. Perkara-perkara seperti perkauman dan agama sering menjadi perkara-perkara yang di jaja dan akhirnya memisahkan masyarakat Malaysia menjelang PRU ke-13 yang lalu.

Keadaan ini amat berbahaya kepada keutuhan dan kedaulatan serta masa depan negara ini yang memiliki masyarakat yang majmuk. Namun begitu dalam kehairahan kita meraih sokongan politik, kita seharusnya sedar bahawa sebenarnya kepelbagaian masyarakat Malaysia yang berbilang etnik, budaya dan kepercayaan adalah satu keunikan yang tidak terdapat di mana-mana negara di dunia ini. Ungkapan *unity in diversity* dengan izin atau perpaduan dalam kepelbagaian telah lama digunakan untuk menggambarkan sikap unggul masyarakat Malaysia.

Asimilasi dan pertumbuhan budaya dan adat resam yang pelbagai telah membawa Malaysia ke tahap kesepaduan berdarjah tinggi dan ini merupakan satu aset kepada negara kita yang amat penting. Inilah integrasi nasional. Namun demikian, kesepaduan sosial yang dinikmati Malaysia pada masa ini tidak boleh dianggap sebagai sesuatu yang boleh diambil ringan kerana ia tidak berlaku secara automatik. Perpaduan sebenarnya yang kita idamkan itu dalam bentuk kerja di dalam progres iaitu *work in progress* dengan izin yang sukar diukur bila masanya akan lengkap.

Pada tahun lalu, Malaysia menduduki tangga yang ke 20 daripada 158 buah negara di dalam ranking indeks keamanan global 2012. Keadaan ini meletakkan Malaysia berada di tangga pertama di rantau ASEAN mendahului Singapura dan Vietnam. Kehebatan kerajaan dalam mengekalkan keamanan dalam keadaan terdapatnya perbezaan faktor demografi, telah melayakkan Malaysia untuk menggunakan slogan "*Malaysia Truly Asia*" dalam mempromosikan industri pelancongan. Sejarah keruntuhan tamadun dan bangsa telah banyak disebabkan oleh para pemimpin yang menekankan perubahan antara kelompok sendiri dan kelompok yang lain. Kemelut-kemelut seperti demonstrasi yang seperti sudah menjadi *trend* di merata-rata dunia dan adalah hasil mencari perbezaan yang ekstrem. Sekiranya kita lihat apa yang terjadi di negara-negara jiran seperti di Selatan Thailand dan Myanmar, keadaan aman seperti ini tidak mampu dirasai. Disebabkan perbezaan agama dan kaum mereka membunuh sesama sendiri.

Namun kita di Malaysia ini, kita sentiasa boleh melawat rakan-rakan dan bangsa lain meraikan perayaan-perayaan bersama-sama dengan menolak perbezaan budaya serta mampu untuk menghormati kepercayaan etnik-etnik lain dengan menyanjung konsep kebebasan untuk mengamalkan anutan masing-masing. Oleh itu saya menyeru *unity in*

diversity ini yang kita nikmati selama ini tidak boleh dipandang mudah dan kita seharusnya bekerja keras secara terus menerus untuk mempertahankannya.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran dari keunikan masyarakat dan warisannya, Malaysia mempunyai potensi yang sudah terserlah sebagai antara destinasi utama bagi para pelancong terutamanya pelancong dari negara Timur Tengah yang beragama Islam. Kita harus berinovasi dalam usaha kita menarik lebih ramai pelancong dari negara-negara Islam yang mempunyai saiz pasaran yang besar serta rakyatnya mempunyai kuasa membeli yang begitu tinggi. Dalam usaha untuk kita memenuhi tuntutan semasa, prasarana lengkap perlu menjadi keutamaan kita. Antara perkara-perkara asas yang perlu diberi perhatian adalah berkenaan dengan prasarana ibadah ataupun tempat bersuci yang disediakan di gedung-gedung membeli belah yang terkenal dan bangunan-bangunan awam.

Inilah rungutan-rungutan mereka yang melawat di sini. Amat mengecewakan terdapat segelintir ahli masyarakat yang memandang enteng tentang pengurusan dan penyelenggaraan tempat ibadah. Boleh dikatakan kebanyakan tempat ibadah tidak memenuhi standard yang diharapkan dan lokasinya yang tidak begitu sesuai. Seharusnya keuntungan komersial yang perlu dilaburkan sedikit untuk menaik taraf dan meningkatkan tahap penyeliaan tempat ibadah selari dengan imej Malaysia sebagai destinasi pelancong Islam untuk seluruh dunia. Hal ini mungkin kelihatan kecil tetapi kita perlu sedar setiap pelancong yang berkunjung di Malaysia merupakan duta-duta kecil dan promosi dari mulut ke mulut atau *word of mouth* ini dengan izin merupakan kaedah promosi yang terhebat dalam mempromosikan industri pelancongan. Oleh itu kita perlu memastikan bahawa pelancong mendapat pengalaman yang terbaik dan indah di Malaysia untuk dibawa pulang ke negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan kemahiran adalah menjadi satu asas penting bagi negara yang membangun seperti Malaysia untuk membina modal insan yang berkualiti dan berdaya saing untuk memenuhi tuntutan pasaran kerjaya dalam industri. Kita lihat kerajaan memperuntukkan wang yang besar untuk membina modal insan. Namun ada yang masih beranggapan selepas keluar dari pusat pengajian tinggi, kerja pun tidak ada dan jalan mudah adalah untuk menyalahkan kerajaan kerana tidak menyediakan kerja untuk mereka. Ini adalah amat dangkal sekali dan orang yang berilmu sepatutnya tidak sahaja mencari kerja tetapi mencipta kerja. Ekonomi yang akan lebih cepat berkembang dan negara akan lebih cepat mencapai taraf ekonomi yang berpendapatan tinggi.

Kerajaan menyediakan segala kemudahan dan prasarana untuk menimba ilmu dan kemahiran-kemahiran baik yang kecil mahupun kemahiran-kemahiran tinggi dan juga kemahiran-kemahiran yang khusus. Saya ingin berkongsi realiti yang melibatkan pendidikan kemahiran. Seorang pekerja mahir, mahir mengikat besi dan dawai di tapak pembinaan, berpendapatan lebih daripada jurutera atau arkitek yang mengawasinya. Seorang penguasa kedai kek dan roti lulusan kolej komuniti mampu mendapat pendapatan yang sama dengan seorang doktor yang memiliki klinik di sebelah kedainya. Seorang juruteknik atau mekanik yang bekerja di pelantar minyak Petronas berpendapatan lebih tinggi dari pegawai kanan yang beribu pejabat di Menara KLCC.

Realiti kini, pendidikan berasaskan kemahiran tidak boleh lagi dipandang sebagai pilihan kedua. Kejayaan seseorang tidak lagi ditentukan sama ada latar belakang pendidikan bersifat profesional ataupun tidak. Peluang yang disediakan perlulah dipromosikan agar hasilnya dapat dinikmati oleh rakyat khususnya di pembangunan luar bandar. Pembangunan luar bandar perlu diperkasakan pada infrastrukturnya dan juga fizikalnya malahan yang lebih penting adalah pembangunan insan yang sentiasa direkayasa dengan kehendak semasa dan persekitaran iaitu peningkatan pengetahuan dengan kemahiran mengenai kursus-kursus pendek di pusat latihan. Usaha-usaha *networking* dan pemasaran kepada produk dan hasil luar bandar dibantu selia oleh agensi-agensinya berwajib.

Skim-skim industri kotej, '1Produk 1Kampung' seperti di Kuala Kangsar, labu sayung dan tekat, keropok lekor di Pantai Timur dijayakan secara rancak dan mampu berdaya saing ke tahap antarabangsa. Pengurusan dan perancangan kewangan yang efisien, memajukan aspek-aspek pelancongan yang berpaksi di luar bandar seperti *leisure*

tourism, heritage tourism, eco tourism, rural and culture tourism, adventure tourism dan lain-lain sebagai sasaran dan juga usaha baru di peringkat luar bandar. Dicadangkan juga di sini, diwujudkan satu usaha Program Balik Kampung di setiap daerah di mana dikenal pasti anak-anak kampung yang telah berjaya pulang kembali ke kampung mereka sebagai mentor ataupun ikon untuk membangunkan aspek-aspek kepakaran dan kejayaan mereka.

Ini boleh dirangsang dengan insentif-insentif permulaan yang menarik. *Tax incentive, sit capital*, pemberian kontrak untuk mewujudkan kejayaan untuk anak-anak kampung dan menjayakan konsep “21st Century Village” yang telah diilhamkan oleh Kementerian. Satu rakan agensi tetap perlu diwujudkan untuk kejayaan program ini.

■1910

Tuan Yang di-Pertua, isu perumahan. Permintaan untuk mempunyai rumah sendiri di kawasan bandar dari harga RM100,000 hingga RM120,000 adalah menjadi permintaan yang sangat tinggi. Pemaju perumahan lebih cenderung membina rumah sederhana tinggi dan rumah mewah untuk dijual, maka segmen ini telah tertinggal dan terlepas pandang oleh pemaju-pemaju.

Hari ini lebih daripada 800,000 kakitangan sokongan kerajaan yang bertanggung gred 40 ke bawah merupakan golongan yang sukar untuk memiliki rumah yang selesa. Mereka ini perlu diberikan perhatian khusus agar dapat memiliki rumah yang mereka mampu beli. Satu mekanisme perlu dibuat agar tulang belakang kerajaan ini dapat bersama-sama merasai faedah dan nikmat kerajaan agar mereka juga dapat tidur lena di rumah mereka sendiri.

Pada hemat saya, sebenarnya kita boleh memajukan perumahan segmen ini yang bersaiz 850 kaki persegi dengan harga jualan RM120,000 ke bawah dan masih boleh membuat keuntungan. Antara cadangan-cadangan dan kaedah-kaedah pengurangan kos dan *cost effectiveness* dalam sesebuah projek itu adalah seperti berikut:

- (i) tanah-tanah dalam bandar ataupun pinggiran bandar yang sesuai khususnya milik kerajaan dan agensi dapat dibina tanpa kos tanah ataupun premium yang minimum sebagai token;
- (ii) agensi-agensi kerajaan atau badan-badan yang berdaya maju dan berkeupayaan memajukan sendiri untuk kakitangan dan ahli-ahlinya dan kepada awam selebihnya. Saya mengalu-alukan baru-baru ini Koperasi Hartanah Putrajaya telah mengumumkan untuk membina 20,000 unit rumah untuk segmen ini di serata negara kita;
- (iii) melonggarkan syarat-syarat keperluan jumlah letak kereta satu *plus* 20% mengikut unit kepada 70% keseluruhannya dalam bandar-bandar besar khususnya Kuala Lumpur. Ini maksudnya kalau kita ada 100 unit, satu *plus* 20% kita perlu 120 unit letak kereta.

Akan tetapi kalau kita longgarkan kepada 70% maknanya kita perlu hanya 70 letak kereta yang mana kita dapat menjimatkan kos pembinaan sebanyak 50 ruang tempat letak kereta. Ini juga dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam daripada perumahan di sini.

Ahli-ahli Yang Berhormat apabila ada keuntungan pemaju di segmen ini saya percaya pihak swasta pun akan berlumba-lumba menjayakannya. Saya di sini ada membawa satu perkara mewakili profesion saya yang ingin menyentuh kepada satu akta yang dinamakan sebagai Akta Persaingan 2010 (*Competition Act 2010*). Akta ini sebenarnya telah digazet pada 10 Jun 2010 dan diimplementasikan pada Januari 2012. Persoalannya, tidak jelas sama ada profesion arkitek termasuk di dalam akta tersebut atau tidak.

Menurut peguam yang dilantik oleh Persatuan Arkitek Malaysia (PAM), profesion arkitek tidak termasuk di bawah akta tersebut tetapi pengesahan daripada *Competition Commission* diperlukan. Sekiranya profesion arkitek termasuk di bawah akta tersebut, *scale*

of *minimum fees* yang termasuk dalam Akta Arkitek 1967 tidak boleh dikuatkuasakan lagi disebabkan ianya bertentangan dengan *Competition Act*.

Scale of minimum fees diperkenalkan supaya arkitek bersaing menerusi kualiti perkhidmatan mereka dan bukan melalui nilai fi mereka. Jadi, kita mohon kepastian dan pohon ketetapan rasmi bahawa profesion arkitek tidak termasuk di bawah Akta Persaingan 2010 ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin membawa kepada kawasan saya di Kuala Kangsar. Saya rasa bertuah mewakili rakyat Kuala Kangsar. Kuala Kangsar adalah Bandar Diraja dan merupakan salah sebuah bandar yang tercantik di Malaysia ini. Ianya berpotensi untuk menjadi bandar ikon pelancongan yang terulung. Oleh yang demikian saya pohon penekanan dan penilaian khusus kepada pembangunan pelancong yang bersepadu dan menyeluruh untuk bandar dan daerah ini termasuk peruntukan kewangan yang sewajarnya.

Keduanya, besarlah harapan saya sekiranya pihak kerajaan iaitu Kementerian Kerja Raya mengutamakan dan mempercepatkan pembinaan Jambatan Manong yang telah ada di dalam perancangan. Terdapat keperluan yang mendesak kerana mobiliti penduduk-penduduk di kedua-dua belah tebing sungai dan juga keselamatan anak-anak sekolah yang menyeberang Sungai Perak setiap hari. Jadi, kepada pihak kementerian dan pihak JKR saya dahului dengan ucapan terima kasih. Sekian, terima kasih. Dengan ini Kuala Kangsar menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong.

7.15 m.m.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dengar Perdana Menteri bercakap berkenaan dengan isu *reconciliation*. Beliau merujuk kepada pilihan raya umum baru-baru ini dan beliau menyatakan bahawa selepas pilihan raya adalah perlu untuk adanya *reconciliation* supaya negara ini dapat maju ke hadapan.

Walaupun begitu Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat apa yang sebenarnya berlaku adalah berlainan. Di mana Perdana Menteri sendiri boleh mengeluarkan kenyataan di mana beliau seolah-olah menuding jari terhadap sesuatu pihak. Beliau kata apa lagi orang Cina mahu dan sebagainya. Perkara-perkara sebegini dibawa dalam surat khabar seperti *Utusan Malaysia*. Ianya dibesarkan, *published*. Semua dapat membaca. Walaupun terdapat pihak-pihak yang menimbulkan perasaan tidak puas hati, pihak-pihak yang menyatakan bahawa seharusnya tidak berlaku keadaan-keadaan sebegini.

Akan tetapi kita lihat bahawa tidak ada sebarang tindakan diambil terhadap *Utusan Malaysia*. Ini adalah realiti di Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Terdapat beberapa pihak yang dilihat seolah-olah dilindungi oleh kerajaan. Bukan sahaja *Utusan Malaysia* yang menyatakan berita-berita sedemikian, dalam Dewan pun kita lihat terdapat Ahli Parlimen yang boleh menyatakan bahawa sekiranya seorang itu tidak setuju dengan apa yang berlaku di negara ini beliau boleh keluar daripada negara ini.

Saya lihat bahawa tiada tindakan diambil oleh Speaker. Dibenarkan beliau melakukan sedemikian. So, ini adalah satu perkara yang kita perlu ambil serius. Apa yang berlaku di luar kita menyatakan *reconciliation*. Akan tetapi apabila kita menyatakan *reconciliation*, ini adalah apa yang berlaku bukan sahaja di luar, di sini. Dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang akan diambil terhadap surat khabar *Utusan Malaysia*. Apakah tindakan yang diambil terhadap kumpulan-kumpulan seperti Perkasa, Dato' Ibrahim Ali dan sebagainya.

Banyak laporan polis dibuat. Laporan polis ini dibuat kita lihat tidak ada tindakan langsung. Kenapa? Kenapa tidak ada tindakan Tuan Speaker? Saya ingat saya ingin tahu. Bukan sahaja itu Tuan Speaker, kita lihat apabila laporan polis dibuat terhadap sesetengah pihak yang lain langsung tidak ada tindakan yang diambil. Langsung tidak ada sebarang berita berkenaan dengan siasatannya.

Sebagai contoh Tuan Speaker, saya memetik. Ada dalam Malaysia Kini dan saya juga ada di sana. *I can confirm this*. Satu laporan polis dibuat oleh Pengerusi Kebangsaan DAP, Yang Berhormat Karpal Singh, di mana beliau membuat laporan polis terhadap Deepak Jaikishan, seorang peniaga. Dalam perkara yang dinyatakan oleh Deepak Jaikishan ini sangat serius. Beliau menyatakan bahawa mempunyai maklumat berkenaan dengan kontroversi yang melibatkan seorang wanita Mongolia. Laporan polis telah dibuat. Kenapa tidak ada tindakan diambil berkenaan dengan laporan polis ini Tuan Speaker. Saya hendak tahu.

Saya hendak tahu daripada kementerian, daripada Pejabat Perdana Menteri, kenapa dalam kes ini walaupun ada orang yang menyatakan ada maklumat yang baru, kenapa tidak ada sebarang tindakan diambil. Sekiranya tidak benar, kenapa tidak ada tindakan diambil terhadap Deepak Jaikishan ini.

Tuan Speaker, ini adalah perkara yang serius kerana rakyat melihat, mereka melihat pada sistem perundangan kita. Mereka lihat kepada sistem kepolisan kita. Apabila rakyat membuat laporan polis Tuan Speaker, bukan sahaja tindakan tidak diambil tetapi ada keadaan di mana orang yang mana terhadap mana laporan polis tersebut dibuat, beliau pula diberi kenaikan pangkat.

Baru-baru ini Tuan Speaker, ada laporan polis yang dibangkitkan sekali lagi. Laporan polis yang dibuat dalam tahun 2006 berkenaan dengan seorang yang masa itu menjadi Timbalan Menteri. Apa yang berlaku di situ Tuan Speaker, laporan polis itu jelas menyatakan bahawa beliau dipukul. Bukan sahaja dipukul akan tetapi kalau kita baca Tuan Speaker, maklumat dalam laporan polis tersebut sangat mengerikan. Maklumat itu menyatakan beliau dipukul. Memang diberikan deskripsi. *Detail description about the assault*.

Selepas daripada itu ada juga dikatakan bahawa beliau diugut, diugut akan dimasukkan dalam guni, akan ditanam dan sebagainya.

■1920

Ini jelas menjadi perkara-perkara yang menjadi jenayah. Kenapa tidak dikenakan tindakan? Saya hendak tahu daripada Jabatan Perdana Menteri bukan sahaja tidak dikenakan tindakan tetapi Menteri tersebut sekarang dinaikkan pangkat menjadi Menteri dan Menteri Dalam Negeri. Jadi bagaimana kita dapat – *how do we have confidence* Tuan Yang di-Pertua *in the system* di mana ada satu laporan polis terhadap Menteri Dalam Negeri?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu kes ini kes sivil. Ada memang kes sivil yang berlangsung *and I do not wish to go into it*. Akan tetapi yang saya soalkan Tuan Yang di-Pertua, hanya berkenaan dengan laporan polis. Kenapa tidak ada tindakan? Kenapa boleh berlaku sedemikian? Jelas seorang itu beliau menyatakan apa yang beliau menyaksikan beliau dikenakan sebegitu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat. Hendak bagi?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Just a moment*. Beliau dipukul. Selepas itu ada Tuan Yang di-Pertua, laporan perubatan. Bukan sahaja laporan perubatan. Kalau kita lihat wajah. Kalau kita lihat kepada mangsa Tuan Yang di-Pertua, kita boleh lihat kesan kecederaan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Don't go into the details* Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *I won't go into the details. There is a whole book* Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak saya akan bagi buku ini supaya Tuan Yang di-Pertua juga dapat baca. Ini diserahkan kepada saya di dalam mahkamah. Ini adalah apa yang diserahkan di luar. Saya Tuan Yang di-Pertua sebagai Ahli Parlimen *I am concern. I am concern* kerana sesiapa yang menjadi ketua satu kementerian, *that person must be beyond complaint, that person must be beyond suspicious*. Tidak macam ini di mana ada

satu laporan polis, polis seharusnya ambil tindakan tetapi beliau menjadi ketua atau pun menjadi Menteri dalam kementerian itu.

Jadi saya hendak satu penjelasan. Pihak yang memang melantik Menteri adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya hendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab kenapa ini boleh berlaku? Kenapa – Walau pun beliau tahu orang ini ada laporan polis dan kes itu masih di mahkamah, kenapa dalam masa ini beliau boleh dijadikan Menteri Dalam Negeri?

Yang Berhormat Kapar, silakan.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 2 Julai 2013, saya telah meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang diambil terhadap akhbar *Utusan Malaysia* melalui tulisan mereka bertarikh 7 Mei 2013 bertajuk “*Apa lagi Cina mahu?*” yang jelas menghasut emosi perkauman.

Jawapan yang saya terima adalah pihak PDRM telah menerima sejumlah empat laporan polis dan kertas siasatan telah dijalankan mengikut seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan serta rakaman percakapan telah diambil terhadap pihak-pihak yang berkenaan. Kertas siasatan ini telah diserahkan kepada pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. Jadi kes ini berlaku 7 Mei. Sampai hari ini tidak ada apa-apa tindakan. *So is this* dengan izin, *double standard and selective prosecution* apabila mereka menggunakan Akta Hasutan 1948. Yang Berhormat sila beri penjelasan. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Tuan Yang di-Pertua, saya berani mengatakan di sini bahawa kemungkinan besar tidak ada sebarang tindakan yang akan diambil. Kita semua tahu. *We have been here long enough. We have seen this happen many times. Too many times.*

Akan tetapi persoalannya itu polis. Laporan polis dibuat dan ada siasatan seksyen 4. Tuan Yang di-Pertua, apabila pihak pembangkang menjadi suspek, *they are very fast*. Semua dituduh, ditangkap tetapi apabila kita lihat kes-kes sebegini tidak kena tindakan. *This is not the first time* Tuan Yang di-Pertua.

Isu yang saya bangkitkan di sini adalah seperti berikut. Bukan sahaja kuasa dalam tangan pendakwa raya. Kuasa juga dalam tangan Kementerian Dalam Negeri kerana permit *Utusan Malaysia* itu adalah satu perkara yang di bawah bidang kuasa kementerian. Jadi kenapa tidak boleh diambil tindakan? Tuan Yang di-Pertua, *I say it generally*. Saya rasa tidak ada seharusnya berlaku keadaan ini. Tidak seharusnya ditanya soalan itu kepada mana-mana. *Not only the Chinese. It is not supposed to be asked to anyone. All Malaysian!* Jadi saya hendak tahu kenapa tidak ada tindakan? Kalau Jabatan Peguam Negara tidak ambil tindakan, saya hendak tahu daripada Kementerian Dalam Negeri kenapa walau pun tahu berkali-kali perkara ini berlaku tetapi kita lihat tidak ada tindakan? Malah mereka pula dibenarkan berterusan. *So I want an answer. Hopefully from the Prime Minister himself*. Saya harap dia datang ke Dewan untuk menjawab soal sebegini supaya beliau dapat faham *the frustration*. Orang biasa buat laporan polis tidak ada tindakan. Bila kita lihat kesalahan yang jelas *like this, no action as well*.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih. Kita selalunya menyebut berkenaan dengan pihak polis. Ramai yang menyatakan bahawa pihak polis tidak mengambil tindakan dan sebagainya seperti mana saya katakan tadi. Akan tetapi baru-baru ini kita baca dalam surat khabar berkenaan dengan pindaan undang-undang di mana...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sebentar ya. Di mana ada apa yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan *Emergency Ordinance* bahawa dalam tahun 2011 kita lihat Dewan yang mulia ini telah memansuhkan *Emergency Ordinance*. Yang Berhormat Tanjong Karang isu apa?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Repot polis.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Silakan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya dengar ucapan Yang Berhormat. Yang Berhormat kena adil. Kalau Yang Berhormat hendak cakap mengenai *frustration, report* polis telah diambil, kami pun boleh cakap. Berapa banyak laporan polis yang kita buat termasuk kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kita pernah membuat laporan. Beratus, beribu kita buat laporan. Adakah ini *double standard*? Jadi kalau kita hendak persoalkan satu kes, hendak bawa dalam Dewan ini semua orang boleh cakap banyak *report* yang belum dimaterai.

Jadi Yang Berhormat kena adillah di dalam memberikan ucapan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sudah? Terima kasih. Kamu tidak fahamkah? Kamu tidak boleh lihat, tidak boleh buka mata? *You don't read the papers is it?* Tindakan telah diambil bukan terhadap Yang Berhormat Bukit Gelugor? Tidak ada tindakan? Ada bukan? Soalan saya balik kepada kamu sekarang. Kenapa untuk pihak di sana tidak ada tindakan? Tun Dr. Mahathir Mohamad berapa banyak kali dia buat kenyataan-kenyataan? *Clear cut sedition. Why no action?* Kenapa langsung tidak ada sesiapa berani termasuk Tuan Yang di-Pertua untuk ambil tindakan?

Tidak faham? Dia di mahkamah sudah berapa lama? *How many cases?* Orang kita kena caj *all the times*. Yang Berhormat Tanjong Karang, *when you talk about being fair*, kalau *you* hendak tekan berkenaan dengan laporan polis, saya setuju. *Go ahead but look at what is happening. Reality.* Pihak Peguam Negara. Tindakan diambil berat sebelah. Kita yang kena. Pegang lilin dekat padang pun kena ambil tindakan. *So please* Yang Berhormat Tanjong Karang. Bila kita buat ini kenyataan, *open your eyes. Don't talk blindly* Yang Berhormat Tanjong Karang. Ini masalahnya yang saya lihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu berkenaan dengan *Emergency Ordinance. Emergency Ordinance* itu dalam tahun 2011 dimansuhkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa beliau sebagai seorang Perdana Menteri mendengar rintihan orang. Apa yang berlaku beliau menarik balik Akta Keselamatan Dalam Negeri. Beliau juga ingin menarik balik *Emergency Ordinance*. Selaras dengan itu Tuan Yang di-Pertua, apa berlaku? Saya terima satu jawapan daripada kementerian. Seramai 1,476 orang tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dibebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat keputusan itu, saya di Dewan ini ada bangkitkan juga. Isu yang saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua. *You want to release 1,476 persons. What are the steps that you take to make sure that they are controlled?* Apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa orang-orang yang dikatakan *harden criminals* ini apabila mereka dibebaskan, mereka dipantau? Apakah jaminan yang kita sebagai rakyat Malaysia boleh dapat bahawa mereka ini tidak akan mengancam keselamatan negara ini?

I have asked. Tidak ada. Jawapan sekali lagi sesi ini saya tanya. Jawapannya begini Tuan Yang di-Pertua. *This is what he says:*

"Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia telah diarah membuat pemantauan secara rapi ke atas individu-individu yang telah dibebaskan. Ini bagi tujuan untuk mengetahui sama ada mereka ini terlibat semula dalam kegiatan jenayah dan keganasan atau sebaliknya".

Tuan Yang di-Pertua, *what are the steps?* Tidak mungkin kita bebaskan 1,500 – *I just use it loose, about 1,500* dan kita kata kita hendak pantau. Pantau sahaja! Jadi ini adalah satu perkara yang membawa masalah yang cukup besar. *What are we going to do now?* Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dalam surat khabar *Star* hari ini dibangkitkan isu berkenaan saman atau pun tidak kita kena menggubal satu rang undang-undang seperti *Emergency Ordinance*. Membawa kembali *Emergency Ordinance*. *But the first thing that the government should do* Tuan Yang di-Pertua adalah untuk menerima, *to accept, to concede that what the Prime Minister did* dengan izin, *at that point of time was it prepared. A populist decision taken once to win support*, hendak menang dari segi hati, *support but not proper care taken, no proper caution. No steps taken to make sure that there is control over this person.*

Jadi saya nak tahu daripada Perdana Menteri ataupun Kementerian Dalam Negeri, apakah tindakan yang telah pun diambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, saya akan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk pastikan bahawa mereka yang telah pun dibebaskan ini dapat dipantau. *I want detail* kalau boleh dan sekiranya mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dikatakan berlaku sebelum daripada itu, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka?

Sebagai gulung Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebagai soalan as *general questions*, saya hendak tahu daripada Menteri Kerja Raya apakah tindakan yang akan diambil berkenaan dengan isu tol di Puchong. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bangkitkan ini sudah lima tahun. *No answers but I see different Minister now. Hopefully different Minister but got different ideas and can find a solution for us.*

Kedua isu berkenaan dengan banjir di Sri Serdang Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu apakah tindakan yang diambil berkenaan dengan banjir Sri Serdang. Tiga tahun saya tanya soalan ini, mereka kata mereka tahu masalah dia tetapi tidak ada dana Tuan Yang di-Pertua untuk selesaikan masalah ini. Malaysia ini negara yang cukup kaya. Kita dapat lihat. Takkan tak ada dana yang sedikit sahaja untuk kita selesaikan masalah banjir di Sri Serdang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh satu soalan diajukan kepada Kementerian Pertahanan. Ini berkaitan dengan satu laporan polis yang dibuat iaitu Tun H.S. Lee Report 032767/10. Tarikh laporan polis ini 5 Oktober, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Oktober tahun 2010 di mana dinyatakan terdapat satu percubaan untuk meniru satu surat daripada Kementerian Pertahanan Malaysia.

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Surat ini ditulis Tuan Yang di-Pertua, saya ada suratnya di sini. Tulis di mana dinyatakan bahawa kementerian akan meluluskan satu pembayaran kepada satu individu untuk bayaran sejumlah RM26 juta. Ditulis di sini nama juga Menteri pada masa itu iaitu Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi. Akan tetapi selepas daripada itu difahamkan bahawa surat ini adalah satu surat tiruan. Saya hendak tahu bagaimanakah surat tersebut ini dapat dikeluarkan oleh kementerian dan saya hendak tahu apakah status siasatan pihak polis berkenaan dengan laporan polis ini.

Setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya juga mengambil bahagian dalam ucapan petang ini. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Puchong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pembangkang ramai lagi tak? Cuba berdiri sekejap, bangun. Satu, Yang Berhormat Padang Serai sudah? Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas, dua belas, tiga belas. Kalau 10 minit, 130 minit.

Seorang Ahli: Tak habis.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita ada dua jam. Dua jam, 120 minit. Setuju kalau 10 minit saya hadkan sebab boleh bagi semua yang hadir yang berdiri hari ini boleh terus sama-sama berucap dan saya percaya yang tiada dalam Dewan pun masih lagi berminat untuk berucap esok. Jadi setuju dengan saya? Boleh? 10 minit ya?

Seorang Ahli: 7 minit.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih, terima kasih semua.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ruang sedikit untuk wanita. *Because* banyak isu wanita tidak dapat dibangkitkan, saya minta kelonggaran sedikit.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, walaupun 10 minit, saya bagilah kecederaan satu, dua minit ya?

Seorang Ahli: Okey.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, terima kasih. Saya nampak Yang Berhormat Tanah Merah. Terima kasih.

7.33 mlm.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih lah Timbalan Tuan Yang di-Pertua kerana bagi saya peluang. Daripada tengah hari lagi menunggu ini. Tak apalah, dapat waktu Maghrib pun *alhamdulillah*. *Insyallah* saya akan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak sesi perbincangan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berlangsung, kita telah mendengar berbagai-bagai hujah khususnya berhubung pilihan raya umum ke-13. Sudah pastilah antara yang menjadi tumpuan utama Ahli-ahli Yang Berhormat ialah berhubung Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) khususnya mengenai penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya yang berkenaan.

Walaupun saya sedikit sebanyak akan menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan pilihan raya, namun saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengingatkan kita semua mengenai titah ucapan Seri Paduka Baginda pada muka surat 13, para 31. Antara lain Seri Paduka Baginda mengingatkan kita Ahli di Dewan yang mulia ini agar menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara serta sentiasa memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Malahan Seri Paduka Baginda juga mengingatkan kita...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanah Merah, selepas ini Yang Berhormat Ampang. Selepas Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Jerlun ya. Yang belum solat itu bolehlah secara bergilir.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Ya, terima kasih atas nasihat Tuan Yang di-Pertua. Tak ingat dah mana dah. Malahan Seri Paduka Baginda juga mengingatkan kita janganlah membuat sesuatu perkara yang boleh memusnahkan negara. Titah Seri Paduka Baginda, sebuah negara yang musnah akibat persengketaan atau mengalami kejatuhan ekonomi belum tentu dapat bangkit semula dalam tempoh yang singkat. Sehubungan itu seri paduka mahu kita supaya merapatkan saf, berganding bahu membangun dan memajukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh apa yang diperingatkan oleh Seri Paduka, maka saya bimbang dengan corak perkataan politik yang diamalkan oleh pakatan pembangkang yang tidak henti-henti terus mempertikaikan keputusan yang dibuat oleh rakyat dalam pilihan raya umum lalu. Pada pandangan saya, tindakan pembangkang terus menyerang SPR dan cuba menanam dalam fikiran rakyat bahawa berlaku penipuan dan penyelewengan dalam pilihan raya yang lalu adalah satu tindakan politik yang cukup bahaya pada masa depan dan negara. Ia memandangkan jika rakyat mempercayai diayah yang ditaburkan oleh pembangkang, ia akan mewujudkan satu suasana yang tidak tenteram di dalam negara. Apatah lagi, pembangkang juga menghasut rakyat untuk turun ke jalanan bagi melakukan protes hingga ia boleh menggugat ketenteraman awam.

Apa yang saya bimbang ialah tindakan mengadakan demonstrasi haram ini akan menjejaskan kedudukan ekonomi Malaysia yang ketika ini kukuh dan mampan. Ia kalau kita tengok sudah berlaku di Thailand dan keadaan itu tidak mustahil boleh menimpa

negara kita kerana ekonomi Malaysia kini bergantung kepada pertumbuhan domestik ekoran kemelesetan ekonomi global. Kerajaan berusaha melakukan berbagai-bagai program termasuk melaksanakan transformasi kerajaan dan ekonomi untuk menarik kemasukan pelaburan domestik dan asing. Akan tetapi kalau pihak lain tidak habis-habis memburukkan imej negara seperti melakukan demonstrasi, Malaysia akan boleh menjadi seperti Thailand. Ekonomi Thailand kini terjejas akibat pelbagai demonstrasi. Peniaga tempatan sukar untuk berniaga. Pelabur asing tidak mahu melabur kerana ketidakpastian politik dan ekonomi. Kita berharap perkara begini tidak berlaku secara berterusan di Malaysia.

Begitu juga dengan kehadiran pelancong. Kita tidak mahu pelancong asing terjejas kerana perbuatan segelintir antara kita Yang sanggup menggadaikan segala-galanya demi meraih kuasa. Begitu juga gesaan Majlis Perundingan Ekonomi Melayu Negara (MAPEN) pada 25 Jun lalu meminta pembangkang menghentikan tindakan mengadakan perhimpunan haram, membantah keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga Belas demi kelangsungan pembangunan negara. Gesaan ini memandangkan tindakan tersebut menghalang banyak pihak khususnya golongan peniaga melakukan aktiviti mereka dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Malah tindakan itu turut menyebabkan kerajaan tidak dapat memberi fokus sepenuhnya terhadap pelaksanaan dasar negara untuk manfaat rakyat keseluruhannya.

Dalam memperkatakan soal itu, kita jangan lupa apa yang berlaku pada tahun 2008 apabila tamat sahaja Pilihan Raya Umum Kedua Belas, pembangkang telah mewujudkan impian 16 September dengan andaian kononnya Kerajaan Barisan Nasional akan tumbang. Ketika itu kita saksikan selama enam bulan, kedudukan ekonomi negara berada di dalam keadaan yang tidak stabil. Keyakinan pelabur tergugat dan jumlah pelancong asing yang masuk ke negara ini merosot. Keadaan ini berlaku kerana mereka ternanti-nanti apakah benar tarikh berkenaan akan berlaku perubahan kerajaan. Akan tetapi nyata keadaan itu tidak berlaku. Namun kesan akibat mainan politik tidak bertempat itu, sedikit sebanyak menjejaskan ekonomi negara dan kehidupan rakyat.

Bagi saya, tindakan pembangkang yang terus mengamalkan politik meracuni fikiran rakyat melalui penyelewengan fakta berhubung pilihan raya adalah suatu yang tidak sihat dan sama sekali tidak selari dengan Titah Seri Paduka yang mahukan kita tidak melakukan tindakan yang boleh memusnahkan negara. Sepatutnya pakatan pembangkang menerima keputusan yang dibuat oleh rakyat dalam PRU-13 dengan hati yang terbuka. Sudah tentulah mana-mana pilihan raya di dunia ada yang menang dan ada yang kalah. Dalam PRU-13 kita saksikan pembangkang bukannya kalah semua. Mereka berjaya mengekalkan kuasa di Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor serta menafikan hasrat Barisan Nasional untuk merasai majoriti dua per tiga di Dewan Rakyat ini.

Namun kemenangan dan kekalahan ini tidak mahu diterima secara terbuka. Sebaliknya SPR menjadi mangsa sasaran mereka. Lebih malang mereka mempengaruhi sebahagian rakyat turut ke jalanan untuk melakukan protes hingga boleh menggugat keselamatan negara.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Penggunaan dakwat kekal dan kononnya berlaku bekalan elektrik terputus di pusat pengiraan undi menjadi senjata utama kepada pembangkang untuk meracuni fikiran.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Boleh tak saya hendak habiskan. Nanti *last* sekali saya bagi peluang ya.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Nanti tak sempat.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila duduk.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Maghrib tak sembahyang lagi ini.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Sila.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, jadi sudah pasti tindakan ini amat berbahaya kerana ia sekali gus boleh mewujudkan persepsi dalam kalangan rakyat bahawa proses pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR tidak boleh dipercayai.

Dalam isu lampu terpadam ataupun *blackout*, hakikatnya hanya propaganda pembangkang semata-mata. Ia memandangkan mengikut laporan polis dan SPR, tidak ada satu pun laporan yang diterima pada hari pengundian atau keesokan harinya daripada mana-mana pihak berhubung kenyataan berkenaan.

■1940

Dakwaan kononnya berlaku lampu padam di kawasan Parlimen Bentong dan Gelang Patah terbukti tidak benar. Terdapat satu sahaja *blackout* iaitu kejadian di Serdang. Itu pun hanya digembar-gemburkan selepas tiga minggu pilihan raya berlangsung. Walau bagaimanapun calon PAS di situ yang menang, mengakui kejadian tersebut tidak menjejaskan pengiraan undi. Jadi lanjutan daripada itu, dari semasa ke semasa kita terus melihat arena politik negara tidak pernah tenang biar pun pilihan raya umum sudah berakhir. Atas sebab itulah demi menyahut seruan Titah Seri Paduka Baginda, saya ingin menyeru kepada rakan-rakan dalam pakatan pembangkang, hentikanlah politik meracuni fikiran rakyat kerana kesannya amat buruk terhadap kestabilan negara.

Kewujudan tentera siber, *Red Bean Army* yang diperkatakan oleh ramai Yang Berhormat, tadi pun Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ada menyentuh tentang *Red Bean Army* ini, yang tingkah laku mereka yang tidak henti-henti didedahkan oleh rakan-rakan saya, juga akhbar *Utusan Malaysia*, yang perlu dibanteras sama sekali. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi ada menyentuh tentang *Utusan Malaysia*. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan akhbar *Utusan Malaysia* sememangnya mewakili suara orang Melayu. Mereka yang menuduh akhbar *Utusan Malaysia* tidak mewakili orang Melayu atau bersedia menjadi penyokong kepada kenyataan songsang ini adalah kelompok yang tidak tahu bersyukur serta tidak memahami susur jalur terwujudnya *Utusan Malaysia* yang bermula dengan penerbitan akhbar *Utusan Melayu* di Singapura.

Saya sebenarnya tidak merasa hairan dengan serangan bertubi-tubi pembangkang terhadap akhbar *Utusan Malaysia* kerana sejak dulu, kini dan selamanya, *Utusan Malaysia* menjadi benteng yang mempertahankan hak-hak orang Melayu dan bumiputera seperti mana terkandung dalam perlembagaan. Perjuangan *Utusan Malaysia* telah banyak menyelamatkan orang Melayu daripada terpengaruh dengan diayah pemimpin-pemimpin pembangkang yang ada di antaranya bertujuan mengganggu gugat apa yang sudah termaktub dalam perlembagaan.

Selain itu, *Utusan Malaysia* juga bertindak mendedahkan tindakan-tindakan biadab dan tidak bertanggungjawab sesetengah pihak yang cuba mencemar kesucian Islam seperti mana yang dilakukan oleh tentera siber *Red Bean Army*.

Dalam soal saman, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara juga mengatakan *Utusan Malaysia* kalah dalam beberapa kes tetapi jangan kita lupa, lidah rasmi PAS *Harakah* dan suara rasmi Parti Keadilan Rakyat turut berhadapan dengan tindakan mahkamah dan kalah. Janganlah menjadikan ukuran kekalahan di mahkamah sebagai alasan untuk menuduh *Utusan Malaysia* sebagai menipu dalam laporannya. Ia memandangkan kalau dikaji lidah pembangkang khususnya, *Suara Keadilan* sudah terang-terang hanya menyebarkan fitnah. Oleh sebab itulah lidah rasmi PKR turut disaman. Contohnya dalam kes mendakwa FELDA bankrap dan kononnya Menteri Besar Perak, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir dilarang masuk ke Amerika.

Jadi, balik semula kepada *Red Bean Army*. Ia memandangkan tentera siber ini menggunakan pendekatan politik yang cukup bahaya bagi meracuni fikiran rakyat. Mereka bukan sahaja bersedia melakukan fitnah terhadap Kerajaan Barisan Nasional, menyerang

institusi-institusi kerajaan seperti SPR dan PDRM tetapi juga sanggup menggugat perkara yang termaktub dalam perlembagaan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *[Bangun]*

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Sebagai contoh, *Red Bean Army* ini juga menghina agama Islam...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ketereh bangun. Yang Berhormat Tanah Merah, saya ingatkan dua minit lagi ya.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Bolehkah, *last* ini Yang Berhormat. Itulah, masa dah terhad. Okey, bolehlah Tuan Yang di-Pertua, silakan Tan Sri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bukan Tan Sri ya, Yang Berhormat Ketereh.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Ya Tuan Yang di-Pertua, maaf ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Setujukah Yang Berhormat Tanah Merah kalau saya katakan akhbar *Utusan Malaysia* atau *Utusan Melayu* adalah antara akhbar yang tertua dalam negara ini. Mempunyai sejarah perjuangan bukan sahaja untuk kepentingan orang Melayu, bagi kepentingan kemerdekaan negara secara keseluruhannya dan mempunyai rekod antara akhbar yang paling lama bertahan dalam negara kita.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu zaman Said Zahari.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Saya setuju, saya setuju *Utusan Melayu* adalah...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu zaman Said Zahari.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: ...Yang merupakan lidah yang memperjuangkan kemerdekaan waktu dulu, terima kasih. Okey, boleh saya beri laluan kepada Yang Berhormat Kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Pendek ya, boleh Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, memang pendek pun. Saya hendak buat satu isu di sini, tempoh hari pada 27 Jun saya telah membuat satu soalan kepada Perdana Menteri, meminta langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen anggota polis mengenai hak asasi manusia memandangkan peningkatan kes penindasan hak asasi manusia di kalangan anggota polis. Jawapan yang saya terima daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Paul Low. Perenggan dua ya, dia kata di sini, "*Berpandukan aduan yang diterima oleh suruhanjaya dan juga pemerhatian di dalam siasatan awam yang dilakukan oleh suruhanjaya seperti perhimpunan awam Bersih 2.0 dan 3.0 ...*" Di sini, jawapan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan perhimpunan awam Bersih 2.0 dan 3.0. Dia tidak mengatakan pun perhimpunan ini adalah haram.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Saya...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak sambung juga. Hindraf pada tahun 2007 haram, kini...

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Kapar, boleh tidak saya hendak habiskan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kini tidak haram.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Kasihan dengan saya, nanti tidak habis, orang lain pula.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Gulung sebenarnya Yang Berhormat Tanah Merah ya.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, bagi saya sedikit lagi ya. Oleh itu Dewan yang mulia ini, saya menggesa pembangkang khususnya DAP memandangkan mereka menyatakan *Red Bean Army* tidak ada kaitan dengan mereka. Kalau benar tiada kaitan, nyatakan sokongan terbuka untuk sebarang usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi menghapuskan *Red Bean Army* ini melalui Kementerian Dalam Negeri kerana kegiatan mereka boleh menggugat kestabilan negara. Okey, saya hendak sentuh fasal tempat saya, Tanah Merah.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Mohon mencelah Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Tidak apalah, saya hendak habis dah ini.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya *just* hendak menjemput, minta laluan.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Kalau ada peluang boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia tidak bagi laluan ya.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Minta laluan. Hendak menjemput Yang Berhormat Tanah Merah ke Hotel Concorde untuk tengok *Red Bean Army* malam ini.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Malam ini ada program lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan, tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Oleh itu pada kesempatan ini, saya ingin menyatakan mengenai hal kawasan saya. Saya ingin meminta Kerajaan Pusat membina jejantas menyeberangi lintasan kereta api di tengah-tengah bandar Tanah Merah, yang mana masalah lintasan ini yang sejak tahun 1917 lagi menghantui penduduk Tanah Merah.

Jadi, saya juga memohon jasa baik Kerajaan Pusat untuk membina hospital baru di Tanah Merah. Hospital sedia ada bukan sahaja tidak mampu lagi menampung jumlah pesakit tetapi juga berada di lokasi yang tidak sesuai iaitu di atas bukit, yang di mana kemudahan kereta tidak cukup. Kasihanlah orang-orang tua terpaksa naik bukit, orang-orang yang uzur. Jadi, saya memohon kalau boleh diadakan hospital baru. Saya juga minta mohon MARA mempertimbangkan mewujudkan Maktab Rendah Sains MARA di Tanah Merah, yang mana tanah untuk pembinaan bangunan ini sudah dibeli, hanya menanti ia dibina sahaja. Begitu juga dengan IKBN yang sudah terbengkalai, harap dapat diteruskan.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang keadaan di Kelantan, di mana saya mengharap Kerajaan Pusat akan dapat meneruskan komitmen bagi membangunkan Kelantan walaupun Kelantan di bawah pemerintahan pembangkang. Ia termasuklah meneruskan projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, membina Lebuhraya Kota Bharu–Kuala Krai dan apa juga projek pembangunan yang bertujuan membawa kesejahteraan kepada rakyat Kelantan. Cuma kepada rakan-rakan saya, saya memuji rakan-rakan saya Ahli Parlimen daripada Kelantan, saya tengok cukup sopan, tertib dan cukup tamakninah dan tawaduk.

Inilah contoh-contoh yang saya rasa harus kita ikuti. Sikap yang mereka tunjukkan juga saya harap dicontohi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Undangan Negeri Kelantan di mana dalam persidangan Dewan Undangan baru-baru ini, begitu mudah pihak PAS melemparkan pelbagai tohmahan kepada Kerajaan Pusat. Kita kesal apabila ada ADUN PAS, antara mereka yang menuduh kononnya Barisan Nasional memenangi kerusi di Kelantan kerana memberi air ketum dan pil kuda kepada golongan muda untuk mengundi Barisan Nasional. Ini tuduhan yang saya rasa tidak masuk akal.

Saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat PAS dari Kelantan di Dewan yang mulia ini boleh menasihatkan sahabat-sahabat mereka di Dewan Undangan Negeri supaya tidak mudah melemparkan fitnah kepada Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Jadi, terima kasih di atas peluang yang diberikan. Dengan ini, Yang Berhormat Tanah Merah menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Sila Yang Berhormat Ampang.

7.48 mlm.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri laluan untuk saya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lepas kita tengok Dewan ini hangat diperbahaskan isu angkat sumpah di kalangan Ahli Parlimen Pakatan Rakyat, penggal tiga belas di kalangan wakil rakyat Barisan Nasional. Adakah wakil rakyat Barisan Nasional mengharap untuk berbahas dalam Dewan ini dengan dinding-dinding atau bahas syok sama sendiri atau takut hendak berdepan dengan wakil-wakil rakyat yang berkaliber terutama di kalangan yang muda dan baru dalam penggal ini dari Pakatan Rakyat. Bagaimana hendak menjadi pemimpin negara maju berpendapatan tinggi kalau setakat isu angkat sumpah pun sudah teruja. Berapa dangkal dan sempit pemikiran wakil rakyat Barisan Nasional ini? Ini perkara asas, mana mungkin kami abaikan tanggungjawab kami yang telah diberi mandat oleh rakyat di kawasan-kawasan kami untuk berbahas dan memperjuangkan hak mereka yang selama ini telah di manipulasi dan diselewengkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Apatah lagi undi popular yang kita terima lebih daripada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh isu-isu wanita yang kurang dibawa dalam Dewan ini. Pencapaian wanita, perkhidmatan 30%. Kita lihat Kerajaan Barisan Nasional sampai sekarang masih gagal untuk melaksanakan, untuk mencapai 30% penglibatan wanita di semua peringkat. Akan tetapi Perdana Menteri berdegar-degar menceritakan bahawa hendak meningkatkan penglibatan wanita tetapi sampai sekarang ini kita lihat, tidak mampu untuk memantau peningkatan dari tahun ke tahun dan malah ada tahun yang menurun Tuan Yang di-Pertua.

■1950

Jadi, ini kalau seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang wanita berkaliber saya bersetuju. Akan tetapi kenapa Kerajaan Barisan Nasional sampai sekarang masih gagal untuk melaksanakan dasar ini. Sudah 50 tahun Barisan Nasional dan UMNO berada dalam negara ini tetapi masih lemah, gagal untuk mengangkat martabat wanita. Jadi, saya juga hendak menyokong apa yang dikatakan oleh mantan Timbalan Ketua Wanita UMNO, Datuk Kamillah Ibrahim yang telah keluar dari UMNO dengan lantang menyuarakan ketidakadilan dan diskriminasi yang berlaku ke atas kepimpinan Wanita UMNO selama ini.

Beliau dengan tegas berpendapat bahawa UMNO gagal mengangkat peranan wanita di tempat yang sewajarnya. Saya harap Yang Berhormat Pengerang yang *insya-*

Allah bertanding Ketua Wanita UMNO akan dapat melaksanakan dasar ini dengan kebolehan beliau untuk menarik ramai lagi wanita masuk ke dalam Barisan Nasional, UMNO. Wanita berkaliber seperti beliau.

Isu mengenai wanita juga dalam Dewan ini. *Gender Responsive Budgeting* yang juga gagal untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama memerintah negara ini. Beberapa kali kita telah bawa isu ini dalam Dewan. Jadi, saya minta pada Bajet 2014 ini, belanjawan negara supaya ada kesungguhan untuk melaksanakan *Gender Responsive Budgeting*. Satu *gender framework* jelas dengan hala tuju pembangunan gender secara holistik dibentangkan. Jangan sekadar hangat-hangat tahi ayam.

Satu lagi perkara yang saya lihat yang diangkat oleh kementerian. Baru-baru ini Kementerian Wanita melancarkan Program Hormat Wanita. Saya amat mengalu-alukannya kerana inilah yang dibawa oleh Dasar Wanita Pakatan Rakyat dalam Agenda Wanita Malaysia iaitu membudayakan falsafah hormat wanita. Akan tetapi saya cuma hendak memperingatkan agar Program Hormat Wanita ini jangan sekadar membuat program keraian dan majlis-majlis tetapi ia adalah satu pendekatan yang baru dengan *substance*, dengan pengisian program yang dibuat dari peringkat kecil sehingga dewasa. Di mana prinsip-prinsip Falsafah Hormat Wanita itu diterapkan daripada anak-anak kecil sehingga dewasa. Daripada sistem persekolahan tadika, taska, sekolah rendah dan menengah sehingga ke peringkat universiti.

Kalau ini mampu dilakukan oleh kementerian, maka kita akan dapat *insya-Allah*, dapat memastikan bahawa orang perempuan itu dihormati dalam negara kita. *Insya-Allah* ianya juga akan mengangkat martabat wanita. Membangun wanita bererti membangun generasi. Saya pasti sidang Dewan bersetuju dengan saya hari ini bahawa kita menginginkan generasi yang berkualiti dan bersahsiah tinggi demi masa depan yang lebih baik dan ia perlu bermula dari sekarang.

Isu gadis Penan. Sampai sekarang tidak lagi, masih belum lagi, tidak mampu untuk ditangani, untuk diatasi. Saya minta Menteri baru yang datang daripada Sarawak agar bersungguh-sungguh menangani isu gadis Penan yang sudah lama dibawa dalam Dewan ini dan tidak diselesaikan. Jadi, saya harap nasib gadis Penan yang dirogol, yang telah dibuat dalam laporan *taskforce* pada tahun 2009 tolong diteliti semula. Perogol-perogol, penjenayah-penjenayah itu tolonglah dibawa ke mahkamah, tolonglah dibawa ke muka penghakiman dan baru lah kita dapat membawa keadilan kepada gadis-gadis Penan yang telah dirogol ini. Kita sudah buat siasat sudah ada *report* tetapi masih lagi gagal untuk melaksanakannya. Saya tidak tahu mungkin hendak melindungi pihak-pihak yang tertentu di negeri Sarawak itu. Jadi, ini mengenai gadis Penan.

Satu lagi isu, isu kes Nor Fadilah iaitu kes *landmark* yang mana seorang wanita mengandung yang ditolak permohonannya menjadi guru, telah dibuat satu keputusan *landmark* oleh Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Zaliah Yusof yang mana telah memenangkan Nor Fadilah di dalam kes ini. Kemudian, Mahkamah Rayuan memaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran juga telah menarik rayuan ke atas keputusan kes ini. Jadi, *Alhamdulillah* tetapi apa yang penting ialah kementerian harus membuat satu dasar agar semua pihak, semua sektor awam dan swasta tidak mendiskriminasikan wanita yang mengandung dalam memohon pekerjaan. Termasuk industri penerbangan yang banyak wanita telah ditindas, telah dianiaya kerana mengandung.

Kes baru-baru ini iaitu kes Chee Gaip Yap. Baru-baru ini Mahkamah Alor Setar telah memutuskan bahawa tertuduh, Shahril Jaafar dibebaskan. Kes ini berlaku tujuh tahun lepas, gadis ini dirogol dan dibunuh. Enam tahun Shahril lari ke Australia. Baru-baru ini dibuat keputusan, sedangkan bukti yang kukuh, spesimen sepadan menunjukkan ada di badan mangsa. Adakah kerana ini anak seorang Datuk, maka beliau dibebaskan. Saya harap keadilan harus dilaksanakan bagi pihak Chee Gaip Yap dan keluarganya tidak kira kaum, bangsa mahu pun pangkat. Sama ada anak Datuk, anak Menteri, suami Menteri atau Menteri sendiri, kita harus bawa ke muka pengadilan.

Guru Kafa. Saya hendak minta Kementerian Pendidikan agar memastikan bahawa gaji guru Kafa ini tidak dikategorikan di bawah elaun. Apabila di bawah elaun, maka guru-guru Kafa ini tidak dapat membuat pinjaman bank. Mereka perlukan pinjaman

bank untuk rumah, kereta dan penghidupan mereka. Jadi, tolong kaji semula kedudukan gaji guru Kafa.

Sekolah menengah agama Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan saya Ampang ada beberapa sekolah rendah agama. Akan tetapi kita perlukan sekolah menengah agama di sekitar kawasan Ampang, Pandan dan Gombak yang mana anak-anak ini sudah belajar agama tetapi tidak ada tempat untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat menengah. Mereka harus pergi ke jurusan kebangsaan. Jadi, saya mintalah dipertimbangkan agar sekolah menengah agama dibangunkan di kawasan saya untuk menampung Pandan, Gombak dan Ampang.

Ini di kawasan saya, isu kawasan saya. Di Bukit Antarabangsa berapa kali telah saya bawa di dalam Dewan ini untuk membina sekolah di kawasan Bukit Antarabangsa, yang mana kerajaan negeri telah memberikan tanah tetapi Kerajaan Pusat masih gagal untuk membina. Dalam sesi yang lepas Yang Berhormat Menteri kata, dia akan buat kerana tidak ada prioriti. Kali ini saya minta agar Yang Berhormat Menteri masukkan dalam Bajet 2014 satu bajet untuk membangunkan sekolah rendah dan menengah di kawasan Bukit Antarabangsa.

Isu yang baru-baru ini juga penyelenggaraan cerun. Ampang merupakan satu daerah banjaran. Jadi, kita lihat ada berapa tragedi yang terjadi dalam tanah runtuh. Terdapat lebih 400 cerun di kawasan Ampang. 10% daripadanya adalah cerun berbahaya. Memandangkan kedudukan geografi Malaysia yang berbukit bukau, kejadian tanah runtuh tidak dapat dielakkan. Jadi, saya minta unit cerun dalam Kementerian Kerja Raya harus dipertingkatkan martabatnya kepada bahagian cerun agar dapat menggubal polisi-polisi yang lebih holistik dalam pembinaan dan pembangunan kawasan-kawasan lereng bukit dan cerun.

Kalau kita mampu melakukan ini Tuan Yang di-Pertua, maka kita akan membuat kawasan cerun ini satu kawasan perumahan elit yang mana ia akan dapat meningkatkan cukai tanah dan membawakan hasil kepada kerajaan. Satu peruntukan berbentuk pelaburan awal dengan menubuhkan satu bahagian khusus pembangunan di lereng bukit dan cerun di Kementerian Kerja Raya disegerakan agar ada satu panduan holistik untuk pembangunan di kawasan-kawasan ini. Satu dasar yang harus dipatuhi pemaju dan agensi-agensi kerajaan dalam kelulusan projek perumahan dan lain-lain. Jadi, pembangunan ini kita lihat contohnya di Hong Kong dan *Switzerland*. Ia menjadi kawasan yang disebut tadi dan mampu menampung kos penyelenggaraan dan juga membawa unsur pendapatan kepada negara.

Kes *Highland Towers*. *Highland Towers* sudah 20 tahun tragedi ini terjadi di kawasan Ampang. Saya minta tapak bangunan yang terbiar ini masih lagi berdiri sepi dan merosakkan mata dan memberi ancaman kepada rakyat Ampang khususnya penduduk berdekatan dengan tapak tragedi. Bangunan yang lagi satu menjadi sarang penagih, penyamun, perogol, peragut dan secara macam dan mungkin juga sarang pengundi hantu.

Satu pendekatan baru harus dikaji dan dasar-dasar baru harus menggantikan dasar lama yang tidak progresif di tempat berhantu itu. Dasar yang lebih efektif iaitu mempercepatkan perobohan, mempercepatkan pengambilalihan, mempercepatkan tempoh terbengkalai. Dalam kes *Highland Towers* satu pendekatan khusus harus dipertimbangkan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tolong gulung Yang Berhormat Ampang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Gulung.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: ...Untuk memberi penyelesaian kepada semua pihak agar lokasi ini di baik pulih dan dibangunkan semula dan dijadikan model baru dalam pembangunan di lereng bukit.

Seorang Ahli: Pencilahan sedikit.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tidak ada masa. Permasalahan pelarian Rohingya. Di Ampang ini Tuan Yang di-Pertua, *is the second*

higher dengan izin. Selepas Pulau Pinang adalah Ampang yang paling tertinggi jumlah pelarian. Jadi, saya minta agar kerajaan membuat satu pendekatan yang lebih jelas. Sama ada kalau mereka ini hendak dibawa masuk, kita siapkan satu sistem, satu mekanisme, satu peraturan agar mereka ini boleh dikawal dan tidak menjejaskan hidup atau pun *life style* rakyat kita khususnya di Ampang. Jadi ini harus dilakukan, kalau tidak mahu, *then* kita jangan terima mereka masuk walau apa pun atas dasar kemanusiaan, kita harus prihatin pasal mereka lari daripada negara dan perlukan bantuan dan kebanyakan mereka adalah orang Islam.

■2000

Mereka mengharapkan Malaysia yang negara Islam ini untuk membantu mereka. Akan tetapi hidup mereka terbiar dan ia menjejaskan orang-orang kita sendiri dalam kawasan Ampang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ya apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Gulung, gulung.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey. Sebelum itu, satu lagi kes yang saya hendak bawa, kes yang *famous* iaitu NFC. Yang Berhormat Tanjong Karang sudah bebas daripada tanggungjawab hendak jawab ini. So jadi saya minta kes NFC. Apa kedudukannya sekarang? Di mana kedudukan wang sebanyak RM250 juta? Adakah perancangan untuk mendapatkan balik wang itu dan apakah program baik pulih mengenai *National Feedlot* ini? Saya ingin dapatkan jawapan daripada menteri.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen di penggal kedua, saya ucapkan terima kasih dan saya harapkan Parlimen ini lebih matang. Walaupun Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu tadi memang menyokong. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu kalau Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu untuk memberi undi sekiranya demi kepentingan rakyat, mengikut prinsip dan bukan ikut parti. Kalau itu mampu dilaksanakan, maka kita sudah sampai satu tahap kematangan politik dalam Dewan ini. Kita berdasarkan kepentingan rakyat dan bukan berdasarkan kepentingan parti iaitu *politic by partisan*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *That shows how mature we are and how we are ready for a more advance country*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, gulung, gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Gulung. Okey.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Akhir kata saya mengharapkan Ahli-ahli sidang Dewan kali ini lebih matang dan profesional. Kita seharusnya menggunakan Dewan ini untuk membawa dasar yang memberikan kesejahteraan kepada rakyat secara umum tanpa hanya menguntungkan sesetengah pihak sahaja. Kita juga perlu lebih berani untuk tidak bersetuju sesama kita. Janganlah kita menjadi seperti lembu yang dicucuk hidung dengan mengangguk setuju setiap dasar yang diperkenalkan walaupun hakikatnya dasar tersebut akan memberi implikasi buruk terhadap rakyat. Nasib rakyat tidak akan terbela jika di dalam Dewan takut, menikus. Di luar Dewan menunjuk bagus.

Saya juga mengharapkan agar Ahli-ahli Dewan kali ini tidak terbuai-buai dengan kemenangan yang sementara ini dan mendabik dada dengan kuasa yang ada. Pihak yang sombong ini mungkin terlupa bahawa satu ketika dahulu, beliau juga seorang yang hina kerana tiada kuasa. Kata-katanya tidak dipedulikan, pandangannya dibenci dan dirinya

dihindari. Namun setelah diberi kuasa pada hari ini, jadilah dia seorang yang meninggi diri menongkat langit sedangkan amanah kemenangan ini adalah ujian untuk melihat sejauh mana kita bersyukur atau takbur, Yang Berhormat Ketereh ya. Tindakan memperkecilkan pihak tewas adalah sikap sombong yang cuba ditunjukkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Kalah dalam memperjuangkan hak dan membela nasib rakyat bukanlah sesuatu yang hina.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak hendak tanya, Yang Berhormat Gombak?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ia mungkin hina di mata insan namun bukan di sisi Allah. Sesungguhnya hari ini...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Gombak kenapa ini?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: ...Kita berada di antara dua persimpangan. Kemenangan yang tertangguh dan kemenangan yang angkuh. Pihak yang sombong dengan kemenangan ini perlu segera muhasabah diri supaya tidak termasuk dalam golongan yang kufur nikmat setelah kuasa diberi seperti yang tercatat dalam surah Luqman yang membawa makna... *[Dewan riuh] "Dan janganlah engkau memalingkan mukamu kerana memandang rendah kepada manusia".*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Minta laluan sikit sebab sebut Yang Berhormat Ketereh ini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *"Dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong, takbur lagi membanggakan diri".*

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Sendiri sombong. Sendiri sombong.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, Yang Berhormat Jerlun, sila. Terima kasih Yang Berhormat Ampang.

8.03 mlm.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya bersyukur kerana dapat turut serta berada di dalam Parlimen ini untuk kali pertama dan juga dapat turut serta berpeluang untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, ada? Selepas ini. Okey, okey.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: ...Baginda merasmikan sidang Dewan pada 25 Jun yang lalu. Banyak perkara yang telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, namun oleh kerana kekangan masa, saya hanya akan menyentuh beberapa perkara yang saya kira penting untuk diambil perhatian oleh kementerian yang berkenaan.

Pertama, berkenaan dengan Kementerian Pendidikan. Kita menyokong penuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang akan menyediakan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan dapat membantu untuk menyumbang ke arah kesejahteraan diri, keluarga dan juga masyarakat. Namun, seperti biasa, isu yang sering timbul dengan kementerian kita ini adalah apabila sampai bulan Julai dan juga Januari, isu penempatan guru sama ada guru baru ataupun yang baru berkahwin, tidak habis-habis.

Jadi saya minta untuk *once and for all*, kementerian dapat memastikan bahawa isu-isu penempatan guru ini dapat dibuat dengan baik, dengan harapan semoga tidak ada guru yang suaminya di Kedah, isterinya di Selangor dan sebaliknya. Jadi ini adalah sebahagian daripada usaha kementerian untuk memperkasakan guru itu sendiri malahan juga memperkasakan institusi latihan guru yang dapat melahirkan guru-guru yang dapat ditempatkan di mana jua. Oleh kerana mereka juga adalah manusia biasa, mereka perlu diberi perhatian atas dasar kemanusiaan.

Selain daripada itu, Kementerian Pertanian. Tuanku telah menitahkan bahawa Malaysia perlu menjamin untuk menjadi negara yang bekalan makanannya terjamin untuk setiap masa. Jadi beberapa jelapang padi baru akan diwujudkan di negara ini dan juga di Sabah dan Sarawak. Namun, isu yang sentiasa timbul terutama sekali bagi MADA di Kedah dan juga Jerlun sendiri adalah isu-isu yang berkaitan dengan perparitan di mana ketika ini rata-rata di Kedah, di kawasan MADA, *density* ataupun kapasiti perparitan adalah sekadar 18 meter setiap hektar. Maka, ini perlu ditingkatkan dan kita harapkan kementerian dapat memberikan tumpuan khusus dan juga dalam usaha untuk mendalamkan lagi sungai ataupun tali air yang semakin cetek di mana ia telah dibina sejak dari tahun 1970 yang lalu.

Selain daripada itu juga, kita juga menghadapi berbagai-bagai penyakit yang tidak pernah kering-kering, tidak pernah putus-putus sama ada karah padi, siput gondang dan sebagainya. Ia juga melibatkan masalah bekalan benih padi bermutu tinggi yang sentiasa menjadi isu dalam kalangan petani-petani ketika ini.

Berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang melibatkan infrastruktur luar bandar sama ada jalan, bekalan air luar bandar, lampu jalan dan aktiviti orang-orang kampung. Kita menyedari bahawa ketika ini Kementerian Luar Bandar diletakkan di bawah NKRA dan memberi tumpuan khusus, tumpuan yang lebih di Sabah dan Sarawak. Namun, kita juga inginkan supaya kementerian juga memberi tumpuan kepada negeri-negeri di Semenanjung yang masih lagi memerlukan bantuan umpamanya di kawasan Jerlun sendiri.

Kalau diukur jalan-jalan kampung, ban-ban MADA yang memerlukan turapan dan sebagainya, melibatkan sejauh 400 kilometer. Jadi kita harapkan ada NBOS ataupun Strategi Lautan Biru di antara kementerian sama ada Kementerian Pertanian, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga ICU serta NCIA untuk melihat bahawa kawasan-kawasan MADA di luar bandar ini dapat diselesaikan masalah-masalah jalan kampung, ban MADA dan sebagainya.

Selain daripada itu, kita juga sedar, di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kerajaan meneruskan usaha mengurangkan kadar kemiskinan termasuk juga hal-hal yang berkaitan dengan bantuan rumah rakyat sama ada perumahan baru mahupun memperbaiki rumah. Jadi banyak dalam kalangan penduduk luar bandar sedang menanti bantuan daripada kementerian untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi. Kita juga sedar bahawa di bawah kementerian, diwujudkan *Rural Transformation Centre* (RTC) yang menjadi satu ikon yang baru dan kita harapkan ia betul-betul dapat digunakan dengan sepenuhnya bagi memastikan ia juga akan menjadi satu saluran kepada orang-orang kampung untuk menjana pendapatan ekonomi.

Selain daripada itu, Kementerian Pelancongan. Kita tahu bahawa Malaysia menjadi sebuah negara yang hebat dan didatangi oleh pelancong-pelancong asing yang meningkatkan lagi pendapatan negara. Namun, kita juga sedar bahawa Kementerian Pelancongan perlu memberi tumpuan semula kepada Program Homestay di mana orang-orang kampung juga dapat turut serta meningkatkan pendapatan mereka di dalam sektor pelancongan ini. Kita harapkan Program Homestay ini diperkasakan dengan adanya infrastruktur yang lebih baik, latihan pengurusan dalam kalangan peserta terutama sekali dari sudut jualan dan pemasaran serta pendedahan sama ada melalui internet dan sebagainya. Ini kerana kita tahu bahawa banyak produk yang ada di luar bandar menarik minat pelancong-pelancong asing. Namun apa yang menjadi masalah hanyalah daripada segi jualan dan pemasaran.

Selain daripada itu, sebagai orang Kedah, kita juga mengharapkan Kementerian Pelancongan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan melihat semula aspek berkaitan dengan *connectivity* ataupun berkaitan dengan pengangkutan udara di mana

Langkawi yang menjadi destinasi pelancongan antarabangsa yang tersohor ketika ini menghadapi masalah berkaitan dengan *connectivity* ini.

■2010

Selain daripada itu, rakan saya daripada Langkawi tadi juga terlepas oleh kerana masa yang terhad, terlupa untuk meminta Kementerian Kerja Raya untuk melihat jalan-jalan antara Bandar Kuah ke jeti di Langkawi di mana ketika cuti, jalan-jalan tersebut menjadi *congested*, *jammed* dan sebagainya dan kita harapkan ianya dapat dinaiktarafkan dalam kadar yang segera.

Selain daripada itu kita juga melihat kerajaan memberi tumpuan tentang perumahan rakyat. Ini juga termasuklah Rumah Mesra Rakyat di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad. Apa yang kita hendak sarankan kepada kerajaan ialah kita hendakkan supaya permohonan rumah ini dapat diproses dengan cepat dan kita hendak supaya dengan kadar harga yang ditetapkan ketika ini, kita hendak supaya rumah-rumah ini dapat dibeli ataupun diberikan kepada rakyat dengan bayaran yang telah ditetapkan. Apa yang menjadi masalah ialah kelulusan itu hendaklah dipercepatkan.

Berkaitan dengan belia. Kita tahu bahawa belia kini adalah 40% daripada rakyat di negara kita. Kita juga tahu bahawa kerajaan memang meningkatkan pelbagai prasarana sukan. Jadi apa yang menarik perhatian saya kita tahu bahawa banyak persatuan sukan hari ini yang menjadi pengurus tadbir sukan-sukan tertentu. Namun apa yang menjadi masalah kepada kita ialah mereka mewakili negara di peringkat antarabangsa. Jadi negara kita ini telah pun melangkah maju, lagi tujuh tahun hendak menjadi negara maju berpendapatan tinggi, tapi kalau dalam bidang bola sepak dengan Bangladesh pun kita masih kalah. Dengan Sri Lanka pun kita kalah.

Jadi apa yang cuba saya hendak cakap di sini ialah kita tidak mahu persatuan sukan itu menentukan segala-galanya tetapi maruah negara itu tercemar oleh kerana kelemahan persatuan itu. Maka kita hendak supaya Menteri Belia dan Sukan campur tangan menggunakan akta yang ada supaya mungkin pemegang-pemegang jawatan dalam persatuan sukan itu dihadkan penggal-penggal tertentu kerana ada juga mereka yang telah terlalu lama berada sama ada dalam persatuan sukan malahan juga dalam Majlis Olimpik itu sendiri.

Kita berbangga dengan badminton hari ini tapi apa hendak jadi selepas kehilangan Datuk Lee Chong Wei. Kita berbangga dengan Datuk Nicol David tapi ke mana selepas ini apabila beliau bersara. Kita pernah berbangga dengan boling tapi di mana ketika ini? Kita boleh berbangga dengan lumba basikal sama ada trek ataupun lebuhraya tetapi ke mana lepas ini? Kita juga pernah berbangga dengan *lawn ball*. Kita juga berbangga dengan *diving* tetapi sukan-sukan lain sama ada bola sepak, sepak takraw, olahraga kita sedang berada dalam keadaan yang agak tenat dan memalukan negara. Ini yang menjadi persoalannya. Jadi kita harapkan supaya Menteri Belia dan Sukan menggunakan akta atau klausa tertentu dalam akta sukan untuk memastikan imej negara tidak tergadai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, Jerlun. Saya minta kepada Kementerian Kerja Raya untuk melihat, memastikan kilometer 15 Jalan Putera antara Bandar Alor Setar ke Kangar. Jalan ini menjadi jalan utama tetapi yang peliknya jalan ini dinaiktarafkan daripada Alor Setar sampailah sempadan Kota Setar dan Kubang Pasu. Antara kilometer 15 ke kilometer 25, sepuluh kilometer ini jalan biasa. Tidak dinaik taraf, tidak ada lorong motosikal. Jalan ini telah menjadi kalau dari segi bahasa trafik, bahasa JKR dia kata sudah *over capacity*. Jadi kita minta supaya jalan ini juga dinaik taraf dengan segera kerana hanya sepuluh kilometer yang terlibat.

Selain daripada itu, untuk mengatasi masalah *traffic congestion* dengan izin, kita minta supaya kementerian mengkaji semula pembinaan jalan pantai antara Kuala Kedah ke Kuala Sanglang. Kuala Sanglang-Kedah dan Kuala Sanglang-Perlis sepanjang lebih kurang 30 kilometer telah pun dimulakan pada tahun 2005/2006 yang lalu tetapi terbengkalai sampai hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Saya yakin bahawa jalan ini juga dapat membantu menyelesaikan masalah *traffic congestion* di situ. Yang ketiganya minta disegerakan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Jerlun di Padang Sera, Kota Siputeh kerana ianya telah diluluskan namun belum *take off* lagi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong rakan saya Yang Berhormat daripada Langkawi tadi berkaitan dengan air antara Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Sudah tiba masanya Kerajaan Pusat tolong campur tangan supaya isu ini dapat diselesaikan tidak kiralah sama ada Kerajaan Pulau Pinang bayar terus kepada Kedah ataupun Kerajaan Perlis tolong bayar terus kepada Kedah. Tapi kalau Kerajaan Pusat kata tidak apalah *we take care of that portion*, dengan izin tidak apa bagilah ruang dan peluang sedikit kepada Kedah untuk mendapat hasil *revenue* melalui air mentah ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: ...Sama ada untuk kegunaan domestik atau untuk bendang dan sebagainya kerana Kedah memang sebuah negeri yang miskin. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Jerlun mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Lepas itu wanita ada? Yang Berhormat Kota Samarahan. Ya, sila.

8.17 mlm.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Dan janganlah sekali-kali kebencian kamu kepada sesuatu puak atau sesuatu kaum mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Berlaku adillah kerana adil itu dekat dengan takwa. Bertakwalah dan sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang kamu lakukan."*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Titah Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sudah banyak perkara yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Dewan. Hampir keseluruhan ucapan titah telah pun dibahaskan. Saya ingin mengambil dua perkara. Yang pertama seruan supaya kita menerima keputusan PRU Ke-13 dan yang kedua ialah berganding bahu membangunkan negara dan berkhidmat bersungguh-sungguh kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya kalau kita melihat bukan sahaja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengajak kita menerima keputusan pilihan raya malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pembahas-pembahas daripada Barisan Nasional dan juga daripada pembangkang semuanya mengajak supaya kita menerima keputusan PRU Ke-13.

Tuan Yang di-Pertua, menerima keputusan pilihan raya dengan menerima kepincangan sistem pilihan raya adalah dua perkara yang berbeza. Bagi kita, bagi PR melihat kepincangan pilihan raya dalam perspektif yang berbeza dengan apa yang dilihat oleh pihak kerajaan. Pada kami SPR, JPN (Jabatan Pendaftaran Negara), media adalah menjalankan kerjanya dengan tidak adil. Bagi Barisan Nasional ketiga-tiga agensi ini berjalan dengan begitu baik dan sempurna. Kami mempunyai alasan yang agak kuat untuk mengatakan bahawa ketiga-tiga agensi ini telah membuat kerja yang tidak adil.

Kalau saya mengambil contoh SPR, dakwat kekal. Untuk menjadi dakwat kekal kandungan *silver nitrate* mesti mempunyai paras lebih daripada empat peratus dan di negara-negara yang menggunakan dakwat kekal mereka menggunakan dakwat kekal yang kandungan *silver nitrat*nya antara tujuh hingga lapan peratus.

■2020

Ertinya Suruhanjaya Pilihan Raya telah tahu daripada awal lagi. Saya difahamkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya menempah dakwat kekal yang kandungan *silver* nitratnya hanya 1%. Saya difahamkan begitu. Begitu juga dengan persempadanan. Pada kami kelihatan tidak adil, juga dengan daftar pemilih yang tidak dibuat pemutihan kepada senarai yang meragukan. Begitu juga dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Kami melihat pemberian kad pengenalan begitu berleluasa dan media. Jadi, tiga asas ini kami ada asas untuk mengatakan bahawa sistem pilihan raya ini tidak berlaku dengan adil. Namun begitu pihak Barisan Nasional memuji memuja bahawa tiga agensi ini berlaku adil dan ia sangat-sangat munasabah.

Ini kerana ketiga-tiga agensi ini merupakan murid kepada Barisan Nasional. Sewajarnya mereka memuji tiga agensi ini kerana agensi ini bekerja dengan baik, patuh, dengar kata, begitu taat kepada suruhan-suruhan ketuanya ataupun cikgunya. Jadi, macam mana? Apa sudahnya? Sudahnya, saya rasa untuk memberhentikan polemik ini tubuhlah sahaja suruhanjaya ataupun tribunal untuk menyiasat sama ada sistem pilihan raya ini adil atau tidak. Kita noktah di situ. Saya menunggu untuk itu, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah mengajak kita berganding bahu membangun negara, bekerja sebaik mungkin untuk kepentingan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional telah diberi mandat selama lebih 56 tahun dan sesi ini lengkap untuk 60 tahun saya jangkaan. Dalam sepanjang-panjang ini, sepanjang tempoh pemerintahan mereka saya lihat mereka mengajar pembangkang ini seperti ketam yang mengajar anak berjalan betul. Dari dahulu hingga kini dalam keadaan menyuruh, mengajak kita bekerja untuk menjaga rakyat tetapi kita dinafikan hak-hak kita untuk menjalankan kerja dengan baik. Saya yang sudah itu sudahlah, saya berharap dalam sesi yang baru ini Kerajaan Barisan Nasional berlaku adil dan memberikan peruntukan-peruntukan yang sewajarnya untuk kami bekerja seperti mana yang disarankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kalau kita lihat ke dalam Dewan ini juga hampir separuh pembangkang walaupun bilangan kerusi 89 dan 133 tetapi kelihatan seperti sama ramai di dalam Dewan ini, jadi janganlah nafikan. Ini kerana kami bukan wakil rakyat untuk warga asing. Kami adalah wakil rakyat untuk negara Malaysia yang dicintai ini. Kami bekerja untuk negara Malaysia, untuk rakyat Malaysia dan kami dipilih oleh rakyat Malaysia dan kami digaji oleh rakyat Malaysia. Justeru itu, berilah apa-apa yang sepatutnya kepada kami dan berikanlah juga kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang kalah dalam pilihan raya. Berilah apa-apa, kami tidak marah, beri. Cuma bagilah untuk kami demi untuk kami bekerja untuk rakyat. Janganlah kerana kamu, kami tidak dapat berkhidmat dengan baik wahai pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, hendak diingatkan, tidak apalah yang itu tidak payah ingat kerana Barisan Nasional sudah tahu, sudah dua penggal dia tidak dapat majoriti dua pertiga dan sokongan rakyat semakin berkurangan. Saya memberi ingatan supaya dia berlaku adil, semoga dia dapat memerintah dengan lebih lama. Walaupun kami tidak akan berdiam diri, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membangunkan negara ini saya berharap Perdana Menteri sebagai seorang negarawan membangunkan negara ini dalam bentuk sebuah negara yang lengkap. Bukan membangunkan negara ini mengikut sempadan geografi sampai ke satu tempat boleh tidak meneruskan. Sebagai contoh Lebuh Raya Pesisir Pantai berhenti setakat Terengganu. Begitu juga Lebuh Raya Gua Musang ke Kuala Krai daripada tahun 70-an tidak dinaiktarafkan.

Saya membangkitkan perkara ini dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tanah Merah tadi kerana telah menyebut bahawa dan juga telah dijawab bahawa kerajaan telah meluluskan untuk pembesaran jalan, penaiktarafan jalan daripada Wakaf Che Yeh ke Kuala Krai. Namun begitu ianya proses terlalu lambat kerana jalan-jalan yang disebutkan ini adalah jalan-jalan penghubung antara bandar ke bandar. Tuan Yang di-Pertua, Kelantan sebuah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dua minit lagi.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Tidak apa, tidak apa. Kelantan sebuah negeri di Pantai Timur yang berpotensi untuk menjadi sebuah negeri yang maju. Seperti mana Johor, Selangor dan Pulau Pinang, mereka mempunyai sistem jalan raya yang baik, mempunyai sistem udara yang baik dan juga mempunyai pelabuhan yang baik. Kesemua potensi ini ada di Kota Bharu. Saya mencadangkan kepada kerajaan untuk menyoerakan kesemua yang saya sebutkan tadi demi untuk pemangkin kepada pembangunan ekonomi negeri Kelantan dan juga hasilnya nanti kepada rakyat dan negara yang tercinta ini. Untuk pengetahuan, saya di Pengkalan Chepa dan rumah saya di hujung lapangan terbang. Tanah-tanah keluarga diambil tahun 70-an semasa saya berumur belasan tahun. Sebahagiannya telah meninggal dunia sebelum melihat penaiktarafan lapangan terbang. Sangat berharap agar ketiga-tiga yang saya sebutkan tadi disegerakan oleh pihak kerajaan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkhidmatan hospital. Dalam perbincangan ini telah banyak disebut untuk memohon hospital di situ dan sini. Semua orang hendak kepada perkhidmatan hospital. Namun begitu, *efficiency* perkhidmatan hospital ini sentiasa dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Dewan. Lama masa menunggu untuk pesakit luar, lama menunggu untuk mendapatkan rawatan di klinik-klinik pakar, lama menunggu untuk pembedahan, lama menunggu untuk rawatan hemodialisis. Dari dahulu perkara ini berbangkit sehingga kini, cuma dulunya hospitalnya ada doktornya tidak cukup. Sekarang ini, *alhamdulillah* negara kita punya pakar-pakar yang boleh dikatakan mencukupi, namun infrastrukturnya sangat teruk. Sebagai contoh, di Hospital Kota Bharu, Jabatan Ortopedik satu masa saya masuk, pakar Jusa berkongsi bilik kecil bersama dengan pesakit, pembantu seperti sardin. Doktornya ada tetapi biliknya tidak ada.

Bayangkan sebuah Hospital Pulau Pinang dan Kota Bharu yang pernah saya pergi, bilik bedahnya hanya empat. Kita ada pakar kardiologi, kita ada pelbagai pakar operasi, kita ada pelbagai pakar dalam ortopedik, kita ada pelbagai kepakaran dalam ENT, tidak cukup. Jadi, saya ingin menyarankan kepada kementerian untuk melihat perkara ini dan seterusnya perbaikilah kerana itulah satu-satunya tempat rakyat miskin mendapat rawatan.

Seterusnya, sekali lagi ialah pendidikan. Disebut dalam sistem pendidikan ini anak-anak keciciran, anak-anak terlibat dengan dadah, anak-anak terlibat dengan keruntuhan akhlak. Saya mencadangkan agar Kementerian Pendidikan melihat dari sudut kurikulum sekolah dan juga melihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, masa sudah cukup sebenarnya.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Sikitlah *reserved*. Hendak perabis ayat sahaja. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila habiskan ayat.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Kalau kita ingat daripada umur tujuh tahun hingga dua belas tahun, apa yang kita hendak? Kita bebaskan anak dengan pelajaran yang begitu teruk sehingga tidak dapat dibina kreativiti anak, begitu juga tidak sempat kita membimbing. Jadi, oleh yang demikian saya harap kita melihat pertingkatkan kualiti kurikulum, terutamanya kurikulum agama dan juga kurikulum moral. Guru-guru juga mesti dipertingkatkan dari sudut moral dari sudut akhlak dan sebagainya. Ini kerana Allah SWT berfirman, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Pada diri Rasulullah itu adalah contoh yang baik. Jadi, kita sebagai pemimpin dan guru untuk menghasilkan anak-anak yang baik ini seharusnya kita dahulu yang mempunyai akhlak yang baik. Terima kasih, saya mohon menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Saya jemput Yang Berhormat Kota Samarahan. *Insyaa-Allah* semua dapat berucap hari ini.

8.29 mlm.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■2030

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih kerana diberi peluang dan ruang untuk sama-sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas.

Sememangnya Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika pembukaan sidang Dewan Rakyat pada kali ini pada hemat saya amat bermakna dan membawa teguran serta nasihat yang harus kita ikuti. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengajak kita bersatu padu, taat setia kepada negara dan yang paling penting sekali agar kita menerima keputusan pilihan raya umum yang lepas dan maju terus ke hadapan.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana berjaya membentuk Kerajaan Malaysia sekali lagi selepas PRU Ke-13 yang lepas. Samasamalah kita berdoa agar segala usaha baik kerajaan sebelum ini dan selepas ini dinikmati oleh rakyat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan adalah tunjang negara kita. Malaysia berdiri antara negara yang paling pesat pembangunannya kerana kita mengutamakan perpaduan dan mengetepikan perbezaan. Kita rakyat Malaysia dari pelbagai asal usul, agama, bangsa dan keturunan berbeza dari segala segi tetapi selama ini kita mengutamakan persamaan di antara kita. Bukannya perbezaan yang mampu memecah-belah. Inilah kelebihan kita dari negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, berpolitik harus ada hadnya. Menjunjung Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saya menyokong agar kita Ahli Dewan yang mulia ini mengorak langkah menunjukkan teladan yang baik dengan mempamerkan rasa hormat sesama sendiri. Lebih dari itu kita harus menghormati Dewan yang mulia ini pada waktu dan ketika sebagai wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat. Biarlah kita jadikan Dewan yang mulia sebagai wadah untuk kita berbakti kepada negara dan rakyat dan bukannya untuk kita bercakaran atas kelangsungan politik semata-mata. Usaha perpaduan Tuan Yang di-Pertua haruslah bermula daripada kita yang telah diberi kepercayaan dan amanah untuk menggalas tanggungjawab menjaga rakyat dan negara ini. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa amat terhad, saya akan terus kepada kawasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Kota Samarahan adalah tuan rumah kepada kampus pendidikan tinggi dan latihan khusus seperti UiTM, UNIMAS, institut perguruan, INTAN dan ILP. Saya mencadangkan agar penubuhan MRSM dan politeknik juga pasti dalam perancangan kerajaan untuk melengkapkan hala tuju Kota Samarahan sebagai kota ilmu menjelang 2015.

Sesungguhnya kita rakyat Sarawak amat bangga dengan kemampuan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan yang telah dapat menjalinkan kerjasama yang erat untuk membangunkan tahap dan kualiti hidup rakyat di Sarawak. Pelbagai dasar dan usaha tersusun telah dipelopori oleh kerajaan dengan penglibatan kementerian dan agensi yang berkaitan. Usaha menyejahterakan rakyat adalah satu usaha yang berterusan namun pelaksanaan hasrat kerajaan ini perlu diteliti dengan lebih dekat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Negara dan pendidikan asas amat penting dalam kita membangunkan masyarakat yang berilmu. Saya pasti kita sedar akan pentingnya pendidikan di peringkat pra sekolah, sekolah rendah dan menengah sebelum anak-anak kita melangkah ke kolej dan universiti. Dalam isu ini saya memohon jasa baik Kementerian Pendidikan melihat keperluan Kota Samarahan dalam aspek pendidikan.

Di Kota Samarahan masih ada lagi bangunan-bangunan sekolah yang uzur, masih ada lagi bangunan-bangunan kayu yang usang yang menempatkan bilik darjah dan bilik guru, masih ada lagi kediaman guru-guru yang sebenarnya tidak layak didiami. Malah saya ingin menyeru kepada Kementerian Pendidikan kita amat memerlukan pembinaan sekolah baru iaitu Sekolah Kebangsaan St Martin Merdang memandangkan sekolah ini menumpang di sekolah lain iaitu di Sekolah Kebangsaan Jalan Muara Tuang yang sudah pasti mempunyai masalah kesesakan tersendiri.

Saya pasti situasi sedemikian tidak terbatas di Kota Samarahan sahaja. Kita tidak harus membiarkan keadaan ini berterusan. Adalah amat tidak wajar jika kualiti serta infrastruktur pendidikan asas tidak diselaraskan di semua peringkat masyarakat mahupun di bandar, pinggir bandar atau pun di kawasan luar bandar. Usaha meningkatkan sekolah sedia ada kepada sekolah berprestasi tinggi mestilah diperhebat lagi bagi melahirkan generasi yang lebih cemerlang.

Pengumuman terkini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin tentang pelantikan guru besar yang akan diberikan penelitian khusus adalah satu langkah yang amat baik dan harus disokong oleh semua pihak kerana guru yang bertanggungjawab dapat membimbing anak-anak kita ke jalan yang baik dan betul.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan pesat telah membawa pelbagai manfaat kepada rakyat. Peluang pekerjaan di negara kita begitu luas sehingga terdapat lebih kurang dua juta orang pekerja asing yang mencari nafkah di bumi kita. Hakikatnya pengangguran bukanlah satu masalah. Jika ada pengangguran pun di kalangan masyarakat kita, itu adalah pilihan mereka sendiri dan bukannya ketiadaan peluang pekerjaan.

Namun pembangunan juga mewujudkan pelbagai cabaran. Penyediaan infrastruktur utama seperti jalan raya, sistem perparitan yang sesuai serta bekalan elektrik dan air lebih konsisten amat penting dan menjadi permintaan utama di kawasan Kota Samarahan pada masa ini. Kawasan pinggir bandar sering terperangkap dengan pembangunan fizikal yang begitu pesat sehingga kemudahan asas seperti perparitan dan jalan raya terabai.

Kota Samarahan juga tidak terlepas dengan masalah ini. Jalan raya utama Samarahan Asa Jaya, Sadong Jaya amat memerlukan naik taraf memandangkan jalan ini merupakan salah satu laluan jalan pesisir pantai di negeri Sarawak. Sistem perparitan dan tambatan banjir adalah amat diperlukan di kawasan Samarahan kerana kali hujan lebat, pasti saja ada kawasan ditenggelami banjir. Banjir ini bukan saja kerana tengkujuh tetapi kerana kurangnya sistem perparitan yang terancang. Oleh itu kita memerlukan penambahbaikan sistem pengairan yang juga boleh memecutkan ekonomi khususnya dalam bidang pertanian di kawasan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah jelas menampakkan hasil menerusi penambahbaikan dasar, perancangan dan program-program kementerian serta agensi kerajaan. Bantuan Rakyat 1Malaysia adalah satu usaha murni kerajaan yang patut dihargai oleh setiap penerima yang berpendapatan kurang daripada RM3,000. Golongan yang berada mungkin memperlekehkan pemberian RM500 tetapi saya tahu penduduk kampung dan penduduk luar bandar amat menghargai pemberian ini. Pendekatan menyalurkan bantuan terus kepada rakyat layak dan harus diteruskan kerana kerajaan dapat mengurangkan ketirisan sistem subsidi sebelum ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya gulung.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Tuan Yang di-Pertua, salah satu komponen utama dalam Pelan Transformasi Kerajaan ialah usaha memperbaiki cara dan kaedah pelaksanaan ataupun *delivery system*. Segala Pelan Transformasi, dasar dan perancangan kerajaan tidak mungkin mendatangkan hasil yang diharapkan jika kita gagal dalam pelaksanaan.

Rancangan jangka panjang kerajaan tidak akan memberi apa-apa makna kepada rakyat jika pelaksanaan dasar kerajaan itu tidak diurus mengikut keperluan setempat. Oleh itu keperluan sebenar rakyat di sesuatu kawasan, rancangan kerajaan dan pelaksanaannya harus dilaksanakan agar pendekatan *one size fits all* dengan izin, tidak lagi ditunjangkan dalam proses pelaksanaan. Rakyat kini lebih matang. Kerajaan yang dipilih rakyat juga seharusnya matang dan lebih bijak mendekati sanubari rakyat terutama golongan belia yang akan memimpin negara kita di masa akan datang.

Ada di kalangan kita yang menanggap golongan belia sebagai golongan yang bermasalah ataupun golongan yang senantiasia tidak memahami hasrat kerajaan. Golongan belia sering dilabel sebagai *rebels*. Rata-rata belia dikatakan tidak bersetuju dengan dasar-dasar kerajaan. Apakah itu sebenarnya menunjukkan kegagalan kita untuk mendekati golongan belia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini agar program-program khas untuk golongan belia dan beliawanis tidak tertumpu kepada perkumpulan ala karnival sahaja. Belia-belie kita memerlukan bimbingan yang lebih khusus. Kita harus mewujudkan program bimbingan belia yang lebih menyeluruh dan tidak tertumpu kepada pakaian seragam, logo, lagu kumpulan semata-mata. Program sehari tidak mungkin menampakkan apa-apa perubahan.

Kita harus merancang program yang benar-benar dapat membimbing anak-anak kita bermula di peringkat sekolah menengah lagi. Program khususnya untuk lepasan sekolah sesuai dengan hasrat dan aspirasi mereka boleh diwujudkan agar pendekatan *one size fits all* atau *top down* dapat dikurangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa cukup.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Tuan Yang di-Pertua, oleh itu satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Di kesempatan ini saya ingin juga merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada kerajaan yang ditunjangi oleh Barisan Nasional kerana telah memberi ruang dan peluang yang luas kepada golongan wanita. Memandangkan tidak ada masa, saya menyokong apa yang telah diutarakan sebab hampir sama yang cuba diutarakan oleh wakil rakyat Pasir Gudang tadi untuk wanita. Pendekatan kerajaan untuk memperkasakan lagi peranan wanita dalam pentadbiran, pengurusan serta melakarkan hala tuju ini haruslah kita tingkatkan lagi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dua kali akhir ini.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh agar program memperkasakan usahawan-usahawan wanita melalui program 1Azam di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diperhebatkan di kawasan luar bandar kerana ia dapat meningkatkan dan ia merupakan pendapatan kedua bagi keluarga bagi menyejahterakan kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu Kota Samarahan menyokong dan menjunjung Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Batu Kawan, tidak bangun tapi saya jemput. 10 minit ya.

8.43 min.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Batu Kawan ingin berterima di atas peluang untuk berbahas Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Salam perjuangan dan reformasi, salam bersih dan salam ubah kepada yang mulia Tuan Yang di-Pertua dan barisan Ahli-ahli Dewan Rakyat di Dewan yang bersejarah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ini kalilah.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua ke Dewan yang mulia dan pada masa yang sama mengucapkan takziah di atas pemergian Allahyarham Dr. A. Rahman Mokhtar, ADUN Kuala Besut baru-baru ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pengundi-pengundi saya di Batu Kawan yang telah memberi saya dan Pakatan Rakyat mandat untuk mewakili mereka dan bersuara untuk mereka di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, 18 tahun yang lalu, mendiang ayah saya P. Patto telah berdiri di Dewan yang mulia ini dan ucapan menjunjung Titah Diraja telah menyentuh isu Pilihan Raya Kesembilan tidak bersih, tidak adil dan tidak bebas. Sudah begitu lama, giliran saya pula untuk membahas berhubung dengan isu yang sama dengan izin *unclean, unfair and unfree election*.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Barisan Nasional telah sekali lagi membentuk kerajaan selepas PRU ke-13 baru-baru ini. Akan tetapi persoalannya adalah adakah kemenangan ini diperoleh melalui aliran proses pilihan raya yang demokratik, bersih, adil dan bebas. Bukan Pakatan Rakyat sahaja yang memfailkan petisyen Pilihan Raya Umum ke-13, malah sejumlah 21 petisyen pilihan raya telah difailkan oleh pihak Barisan Nasional juga. Bahkan jumlah yang pada awalnya yang dirancang merupakan 50, dua kali lebih banyak dari petisyen Pakatan Rakyat. Wakil Barisan Nasional juga tidak puas dengan keputusan pilihan raya yang dijalankan tetapi kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tidak nampak.

Tuan Yang di-Pertua yang dihormati tidak boleh dinafikan juga bahawa pelantikan dan pelucutan jawatan Pengerusi SPR hanyalah di dalam tangan Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi keangkuhan dan ketakburan Pengerusi SPR telah menggelapkan hati beliau kerana beliau lupa bahawa Perkara 114 yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan menyatakan; "*Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengambil perhatian tentang peri mustahaknya Suruhanjaya Pilihan Raya yang mendapat kepercayaan awam*". Kepercayaan awam atau *public confidants* terhadap SPR sudah lama terhakis di bawah satu kerajaan yang telah membenarkan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyalahgunaan dana awam yang membara, bermaharajalela dan merebak kepada institusi awam seperti SPR. Pengerusi SPR mesti meletak jawatan supaya dengan kepimpinan baru, proses pilihan raya terutama sekali dalam Pilihan Raya Kecil Kuala Besut mendapat kepercayaan rakyat sekali gus dapat mengembalikan demokrasi di atas landasannya.

Saya berdiri di sini untuk menegaskan bahawa rakyat Malaysia yang turun padang untuk menuntut pilihan raya yang bebas, adil dan bersih yang membantah keputusan pilihan raya yang disebabkan kepincangan oleh SPR dalam menjalankan proses pilihan raya yang lepas bukanlah untuk menggulingkan kerajaan atau menjatuhkan kerajaan. Saya pasti Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini faham, rakyat bukan anti SPR mahupun anti Pengerusi SPR.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Anti.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Peperangan PRU Ke-13 ini sebenarnya bukan hanya lawan di antara parti politik tetapi terasnya adalah menentang segala bentuk kerakusan, skandal, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan wang, politik perkauman dan politik wang. Kerana inilah rakyat Malaysia membanjiri jalanan dengan keberanian di dada untuk menegakkan demokrasi, keadilan dan kebebasan.

Perangai SPR di dalam PRU 13 ini bercanggah dengan sorakan Perdana Menteri bahawa Malaysia mempunyai sistem demokrasi yang terbaik di dunia. Apakah perhubungan SPR dengan Kerajaan BN? Adakah ia berlandaskan moto, *I help you, you help me?* Mengapa dihalalkan pula kegiatan tipu muslihat dan sandiwara oleh SPR. Mengapa takut untuk melepaskan jawatan sebagai Pengerusi SPR.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hormati, pada bulan April 2010, Pengerusi Suruhanjaya Bebas Pilihan Raya Kebangsaan (*Independence National Electoral Commission*) Maurice Iwu telah diarahkan untuk segera meletak jawatan oleh Presiden Nigeria, Goodluck Jonathan, seorang yang menerajui reformasi pilihan raya di Nigeria berdasarkan dakwaan wujudnya ugutan terhadap pengundi, kegiatan samseng, politik wang dan pilihan raya yang berdarah.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: DAP samseng ya. Tidak apalah, ini ibarat meludah ke langit akhirnya jatuh di muka sendiri.

Beberapa Ahli: [*Riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Batu Kawan jangan layan, teruskan ucapan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Baik Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana rakyat Kuala Besut yakin akan satu proses pilihan raya demokratik, adil dan bersih jika pengerusi yang sama dan pasukan yang sama diamanahkan untuk menjalankan pilihan raya ini walaupun begitu banyak kelemahan yang memalukan yang masih tidak dapat diselesaikan. Mungkin Perdana Menteri akan mempertimbangkan dan mengesyorkan seorang wanita anak Malaysia yang dikenali ramai yang berani, neutral dan bersih untuk menerajui pucuk pimpinan SPR kali ini.

■2050

Saya berpendapat inilah *true meaning of transformation*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, semenjak tsunami politik 2008, lebih ramai wanita dilihat lebih berani bergiat dalam bidang politik yang sebelum ini dilihat sebagai permainan lelaki. Kemenangan Pakatan Rakyat di lima buah negeri telah membuka laluan bagi pelbagai program 'pemberdayaan' wanita di Malaysia terutama sekali di negeri-negeri pimpinan Pakatan Rakyat.

Apa yang dapat dilihat dalam keputusan Pilihan Raya Ke-13 ini adalah sejumlah 6,664,474 iaitu 50.23% wanita telah keluar mengundi untuk memilih kerajaan baru berbanding dengan kaum lelaki sebanyak 6,660,352 iaitu 49.77%. Ini menunjukkan kaum wanita telah mengambil satu langkah yang baru dan berani untuk *claim ownership* dengan izin, ke atas hala tuju senario politik di Malaysia. Pada satu ketika dahulu, parti DAP yang telah lama berkempen untuk mendesak Kerajaan Persekutuan agar mengeluarkan bahagian *women affairs* dengan izin, yang sebelum ini di bawah Jabatan Perdana Menteri kepada pembentukan satu portfolio baru kementerian wanita yang penuh atau dengan izin, *full-fledge ministry*.

Asakan bertubi-tubi oleh pemimpin wanita DAP terutamanya dalam deklarasi DAP wanita Tanjung dan NGO wanita yang lain sekian lama, akhirnya membuahkan hasil dengan tertubuhnya Kementerian Hal Ehwal Wanita untuk pertama kalinya di Malaysia. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Gulung ya, sila gulung.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Malangnya pada tahun 2012, sebelas tahun selepas pimpinan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dipegang oleh seorang dari kaum hawa, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menyandang jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjadi pemimpin lelaki yang memegang portfolio wanita di Malaysia. Satu *indication* bahawa Barisan Nasional tidak serius dalam perjuangan 'pemberdayaan' wanita dengan aksi pemimpin lelaki BN merembat satu daripada dua jawatan yang dipegang oleh kaum wanita dalam Kabinet Barisan Nasional. [*Dewan riuh*]

Adakah ini maksud tersirat Barisan Nasional buntu, tidak tentu arah dan tiada seorang pun pemimpin wanita yang berkaliber untuk menjawat jawatan Menteri bagi portfolio wanita ataupun benarkan Perdana Menteri syok dalam melantik dirinya sebagai

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tanpa menghiraukan sensitiviti ragutan peluang bagi seorang wanita untuk menyandang jawatan pemimpin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa cukup ya.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati. Saya nak menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Akhir kata, pada bulan Julai 2012, Perdana Menteri telah mengumumkan pemansuhan Akta Hasutan 1948 dan pada masa itu untuk menawan semula momentum bagi reformasi politik sebelum PRU13. Beliau berkata Akta Hasutan ini akan digantikan dengan *National Harmony Act* atau Akta Keharmonian Nasional dengan alasan melindungi perpaduan di antara kaum dan memupuk keharmonian di antara agama. Memanglah, satu pengumuman penting telah dibuat tetapi apa yang dilihat adalah kerajaan tidak *walk the talk*, yang mana tuduhan terhadap Ahli Parlimen Bukit Gelugor masih *status quo*. Jika kerajaan benar-benar mahu satu transformasi, maka tindakan *bona fide* yang boleh mendapat kepercayaan rakyat adalah untuk menarik balik kes tuduhan Akta Hasutan terhadap Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Saya membangkitkan isu ini hari ini kerana semalam dalam laman web BBC, Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah berikrar untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 akan tetapi dengan beberapa peruntukan tertentu agar negara kekal aman. Saya setuju dengan apa telah Perdana Menteri uar-uarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa cukup.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Malangnya, beliau berkata akta ini akan kita mansuhkan tetapi keamanan dan keharmonian Malaysia mesti dikekalkan. Perubahan politik di Malaysia mestilah bermula *from within*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, satu minit lagi. Saya orang baru, datang dari Utara. Kebebasan untuk mengeluarkan kata-kata yang menggugat kestabilan dan *slow action* ke atas pihak yang bersalah ini menunjukkan tidak wujud iltizam politik atau falsafah pentadbiran yang betul dalam negara ini untuk membanteras ketaksuban perkauman. Pada tahun 1995, daripada petikan *Hansard* Parlimen, lima hari sebelum hari pengundian PRU ke-9, dalam satu ceramah di Johor Bahru, Tun Dr. Mahathir telah membangkitkan kembali hantu 13 Mei dengan mengatakan bahawa sekiranya BN gagal menguasai majoriti dua pertiga kuasa memerintah, maka peristiwa 13 Mei akan berulang.

Selepas 18 tahun, apa yang telah mendiang ayah saya saksikan dalam PRU ke-9 telah saya alami dalam PRU ke-13 iaitu taktik kotor, intimidasi, politik perkauman dan politik wang. Kini *million dollar question* dengan izin, adalah bilakah Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan dan dalam semangat demokrasi berperlembagaan, saya menggesa agar tuduhan hasutan yang dilemparkan dengan niat jahat terhadap pemimpin Pakatan Rakyat atau NGO ditarik balik dengan serta-merta dalam menunjukkan keikhlasan dan komitmen untuk mentransformasikan negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan, cukuplah Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Satu minit lagi. [*Dewan riuh*] Tujuh tahun lagi negara Malaysia akan mencapai visi 2020...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Setengah minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup-cukup, masa dah cukup. Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Setengah minit, setengah minit. Okey, *last line* Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan mesti mengambil perhatian dalam laungan pembaharuan politik dan sosial daripada rakyat Malaysia yang patriotik dan cintakan tanah air ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang mengimpikan sebuah kerajaan yang bersih, telus dan bertanggungjawab, yang dipilih oleh rakyat dan berkhidmat untuk rakyat dalam membentuk sebuah negara Malaysia bagi rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Merbok. Sila Yang Berhormat Merbok.

8.56 min.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Tuan Yang di-Pertua, katanya pukul 9.00. Jadi, saya berusaha bangun untuk daftar bagi hari esok. Kalau Tuan Yang di-Pertua suruh, biar saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, sila.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: *Bismillahi Rahmani Rahim*, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang membahas Titah Ucapan Diraja sempena dengan Titah Ucapan Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Saya dari Merbok ingin menarik perhatian semua Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, adalah bergantung pada kemajuan teknologi dan keupayaan inovasi. Untuk itu, pihak kerajaan diminta teruskan usaha memperhebatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan R&D termasuk usaha pengkomersialan yang sedia ada.

Selama ini, pihak KPT yang menerajui aktiviti penyelidikan berbanding dengan kementerian-kementerian yang lain. Pihak KPT telah mengambil beberapa langkah proaktif antaranya menggalakkan kesemua 20 IPTA dan IPTS untuk melakukan evolusi penyelidikan. Mengkategorikan 20 untuk awam mengikut penawaran kursus dan penumpuan penyelidikan seperti lima buah penyelidikan, empat buah universiti teknikal, dua universiti berfokus dan sembilan buah universiti komprehensif.

Dengan pengelasan kesemua 20 universiti ini maka mudahlah bagi kerajaan untuk menyalurkan dana penyelidikan mengikut keutamaan. Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan harus dipuji kerana memperuntukkan sejumlah dana bagi menubuhkan Pusat Kecemerlangan Industri (HICOE) bertaraf dunia di IPTA. Pusat Kecemerlangan Industri ini mampu menjalankan penyelidikan terutama penyelidikan yang berimpak tinggi dalam bidang-bidang strategik. Pada masa kini sudah terdapat enam buah Pusat Kecemerlangan dan kerajaan menyasarkan akan mewujudkan sebanyak 20 buah HICOE menjelang 2020.

Pada Rancangan Malaysia Kesembilan, pihak kerajaan telah membelanjakan hampir RM3.2 bilion untuk tujuan penyelidikan kepada semua agensi kerajaan, antaranya KPT, MOSTI, MOA dan lain-lain.

■2100

Daripada jumlah tersebut hampir RM280 juta telah diperuntukkan kepada KPT bagi menjalankan penyelidikan. Pada RMKe-10 pula pihak kerajaan setakat ini telah membelanjakan hampir RM1.8 bilion dan daripada jumlah tersebut hampir RM800 juta telah diperuntukkan kepada KPT.

Pihak KPT melalui Program Kecemerlangan Penyelidikan telah melancarkan empat skim dana penyelidikan iaitu *Fundamental Research Grant Scheme*, *Exploratory Research Grant Scheme*, *Long Term Research Grant Scheme* dan *Prototype Development Research Scheme*. Semua skim dana penyelidikan ini merangkumi pelbagai disiplin pengajian dan ditawarkan kepada semua penyelidik di IPTA mahu pun di IPTS.

Sejak pemberian dana geran penyelidikan ini, Malaysia telah menghasilkan produk yang telah dikomersialkan sebanyak 32, manakala kumulatif adalah 266. Selain itu paten IP yang telah didaftarkan di peringkat antarabangsa ialah 333 dan jumlah kumulatif IP yang didaftarkan di peringkat kebangsaan ialah 3,505. Ini adalah rekod pencapaian di dalam data sehingga tahun 2013. Kejayaan ini juga dapat mempercepatkan ETP dan GTP seperti yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan *publication output*. Sejak pemberian dana penyelidikan ini mengikut data Elsevier (Singapore) Malaysia sudah mengatasi Thailand sejak tahun 2008 dan terus mengatasi *publication* di Singapura pada tahun 2010. Mengikut Elsevier (Singapore) juga, Malaysia adalah *the fastest growing nation* dengan pertumbuhan 28.42% dalam *academic publication* berbanding dengan Australia dengan 5.22% dan United Kingdom dengan 1.72%.

Ini bererti bahawa apa yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk dana penyelidikan telah menunjukkan penghasilan. Ini secara tidak langsung akan menarik perhatian pihak industri dalam usaha mempercepat dan memperhebatkan aktiviti penyelidikan di negara ini. Selama ini pihak industri boleh dikatakan kurang terlibat dalam pemberian geran penyelidikan terutamanya apabila bekerjasama dengan pihak universiti. Oleh itu pihak kerajaan haruslah menyarankan kepada pihak industri untuk menyumbang 20% daripada keuntungan bersih kepada pihak universiti untuk menjalankan penyelidikan. Sebagai imbuhan diharapkan pihak kerajaan dapat memberi pelepasan cukai kepada pihak industri yang terlibat.

Penyelidikan ini pula adalah bersabit untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul terhadap produk keluaran industri tersebut dan akhirnya dapat membangunkan produk baru yang lebih canggih dan berteknologi tinggi. Dengan cara ini, kita yakin pihak industri pengeluaran kereta negara seperti Proton dan Perodua dapat mengeluarkan kereta yang bermutu tinggi setanding dengan kereta import buatan negara luar seperti Jepun, Korea Selatan dan Jerman. Didapati pihak industri kereta di ketiga-tiga negara ini mempunyai hubungan yang baik dengan pihak universiti berkaitan aspek penyelidikan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dicadangkan juga kerajaan dapat menubuhkan tabung Dana Penyelidikan 1Malaysia (DP1M) dan boleh dipanjangkan kepada rakyat Malaysia yang kaya dan ingin menyumbang ke dalam tabung dana tersebut dan mereka akan diberikan pelepasan cukai. Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan menaikkan peruntukan geran penyelidikan dari sekitar 1% kepada 3% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dalam usaha memperhebatkan penyelidikan ini, kita juga akan dapat menghasilkan penyelidik-penyelidik yang terkemuka dan diiktiraf dunia melalui perkiraan *h-index* iaitu *percentage of cited document*.

Pada tahun 2010, penyelidik Malaysia telah berjaya mengatasi penyelidik dari Singapura dan Thailand berbanding pada tahun 1996 di mana negara kita jauh ketinggalan jika dibuat perbandingan antara kedua-dua negara. Di sini saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan memberi pengiktirafan kepada penyelidik-penyelidik terkemuka yang telah mengharumkan nama negara. Selama ini mereka tidak diberi keutamaan. Bukan mudah untuk menghasilkan penyelidik-penyelidik ini, mereka haruslah berbakat dan bekerja keras melatih penyelidik lain pula. Untuk menambah bilangan penyelidik kerajaan harus menambah bilangan universiti terutamanya universiti penyelidikan. Ini sekali gus dapat memenuhi permintaan pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan tetapi tidak dapat memasuki universiti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan segera menubuhkan sebuah lagi universiti dan saya mencadangkan agar ia ditubuhkan di dalam Parlimen Merbok. Di Parlimen Merbok sudah terdapat prasarana tersedia untuk menubuhkan universiti. Didapati universiti yang sesuai ditubuhkan di kawasan Merbok

adalah universiti teknikal kerana mempunyai kemudahan menjalankan latihan industri yang memang telah sedia ada berdekatan kawasan sekitar contohnya di kawasan industri Prai, Kulim Hi-Tech dan kawasan industri Taman Ria.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon sebuah pusat GIATMARA ditubuhkan dan dibangunkan di Bukit Selambau di Parlimen Merbok. Kementerian Pertanian dan Asas Tani di minta untuk memberhentikan pencerobohan hutan bakau yang dijadikan ladang ternakan udang di pesisir Sungai Merbok kerana buangan anak cemarnya akan mengganggu, merosakkan serta mencemarkan air dan memberi kesan kepada nelayan-nelayan sungai.

Jadi dengan itu akhir kata saya ingin menyatakan bahawa usaha dan kerja dalam memperhebatkan penyelidikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada masa lagi. Dua minit lagi. Cukup?

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Saya juga mengharapkan - sebab saya sudah buang kan sebab 10 minit itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak mengapa.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Saya juga mengharapkan agar pihak industri diarahkan untuk lebih bekerjasama bagi meningkatkan pencapaian penyelidikan di kedua-dua belah pihak. Dengan ini saya menyokong usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Saya ingat Yang Berhormat Bukit Katil tidak bangun tadi. Sila Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Mohon sambung esok bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terpulang tetapi saya sudah jemput. 10 minit.

9.08 mlm.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat di Dewan Rakyat yang dihormati. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi di kawasan Bukit Katil yang telah memilih wakil rakyat yang baru.

*Sudah lama cabar mencabar,
Adat resam dalam berjuang,
Sudah lama mereka bersabar,
Baru kini rakyat berpeluang.*

Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu sebaik persidangan dibuka saya dimaklumkan bahawa sebuah petisyen telah difailkan untuk mencabar keputusan pilihan raya di Parlimen Bukit Katil. Kita tahu selain daripada kerusi Parlimen ini terdapat lebih 50 petisyen yang telah difailkan oleh calon-calon dan parti-parti yang bertanding. Jumlah ini adalah rekod yang terbanyak petisyen pilihan raya yang difailkan dalam sejarah perjalanan pilihan raya dalam negara kita setakat ini. Berdasarkan fakta ini sahaja sudah cukup untuk kita sedar dan tahu bahawa ada sesuatu yang tidak kena dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas yang lalu.

Izinkan saya jelaskan di sini bahawa pertikaian terhadap perjalanan pilihan raya tidak terhad kepada keputusan pilihan raya semata-mata. Membantah keputusan pilihan raya adalah hak yang dijamin di dalam perlembagaan dan undang-undang pilihan raya terbuka kepada penambahbaikan serta ia mesti dibuat bersesuaian dengan falsafah dan

semangat kedaulatan hukum dan demokrasi itu sendiri. Sekiranya mengangkat sumpah sebagai wakil rakyat di Parlimen dianggap bercanggah dengan pertikaian yang dibuat apakah ertinya puluhan petisyen yang dibuat sendiri oleh Kerajaan Barisan Nasional.

■2110

Selain daripada itu, saya ingin mengajak Ahli Dewan untuk menyemak sejauh mana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memberikan komitmen terhadap 22 cadangan penambahbaikan pilihan raya. Seperti yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berkaitan Penambahbaikan Pilihan Raya pada April 2012. Bukan sekadar itu, dalam satu laporan pemerhati pilihan raya yang dilantik oleh SPR sendiri, jelas menunjukkan bahawa PRU ke-13 itu tidak sepenuhnya bebas dan tidak adil. *Partially free and not fair.*

Berdasarkan segala kekalutan dalam hal perjalanan PRU ke-13, saya fikir Ahli-ahli Dewan mesti tegas menggesa anggota-anggota SPR itu berundur dan reformasi menyeluruh dibuat bermula daripada sekarang selaras dengan cadangan yang telah dimajukan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berkaitan Penambahbaikan Pilihan Raya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa BN kembali membentuk Kabinet Persekutuan dan sekali gus ini menyebabkan berlakunya hujah iaitu ada dua alasan yang diberikan. Pecahan tumpuan pengundi yang memberikan majoriti besar kepada calon atau parti dan sistem yang diguna pakai dalam pilihan raya di Malaysia iaitu *first-past-the-post* berasaskan kawasan .

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan bahawa terdapat satu cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berkaitan Penambahbaikan Pilihan Raya dan kajian mesti dibuat untuk melakukan reformasi berkaitan dengan sistem ini dan ini bukan perkara baru. Di peringkat antarabangsa sebagai contoh, *Institute for Public Policy Research* (IPPR) di United Kingdom pernah menyediakan satu kertas kajian bertajuk *Worst of Both Worlds: Why First Past the Post No Longer Works* yang jelas menggariskan kelemahan-kelemahan sistem FPTP di United Kingdom yang juga boleh dilihat dalam kes Pilihan Raya Umum Ketiga Belas.

Pertamanya keputusan yang lebih dipengaruhi oleh kerusi marginal dan yang kedua merosakkan hubungan antara undi dan kerusi yang menyebabkan wakil rakyat tidak sebenar-benarnya diwakili oleh pihak yang lebih dimahukan. Justeru, saya yakin bahawa kalau kita bercakap tentang roh demokrasi dan juga masa depan Malaysia yang saya percaya bahawa kita bergerak daripada landasan demokrasi ini, tentunya kita mesti ada satu komitmen untuk melakukan reformasi bagi memastikan bahawa mekanisme yang dipakai pada waktu ini boleh ditambah baik dengan tujuan untuk memberikan maksud kepada hasrat pengundi-pengundi yang memberikan undi di luar sana. Jangan kita abaikan reformasi yang diambil melalui akta sistem dan kawasan-kawasan pengundian Parlimen tahun 2011 kerana di United Kingdom ada satu akta yang dipanggil *Parliamentary Voting System and Constituencies Act 2011* untuk menegakkan prinsip iaitu satu orang, satu undi dan satu nilai. Bukannya satu orang, satu undi *but two values*.

Jadi dinyatakan di dalam akta tersebut bagaimana caranya untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan yang dihadkan sehingga 13 kilometer persegi dan bilangan pengundi mesti sekurang-kurangnya mencapai 5% daripada purata nasional. Oleh sebab itu saya yakin, jangan kita pejam mata terhadap proses demokrasi yang lebih luas di sana. Kedudukan semua wakil rakyat dan parti politik, ruang media, perhimpunan aman dan sebagainya.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya ingin cadangkan kepada Kementerian khususnya Perdana Menteri untuk mengambil satu keberanian moral ataupun *moral authority*, dengan izin agar reformasi dalam sistem pilihan raya dapat kita laksanakan kerana ini memberikan kebaikan kepada kedua-dua pihak. Pada saya zaman kerajaan menang dua per tiga ini sudah berlalu kerana ia tidak baik untuk negara. Kita mesti ada kekuatan kerajaan dan juga pembangkang dan ini mesti dilakukan bermula daripada reformasi sistem pilihan raya. Kalau tidak, sampai bila pun kita tidak akan ada satu panduan yang baik untuk generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang haluan pembangunan negara. Ini dalam kerangka cabaran untuk golongan muda. Saya punya waktu lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada tiga minit lagi.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Baik. Kita maklum bahawa hutang isi rumah rakyat Malaysia kini telah mencecah angka RM800 bilion atau 89.2% Keluaran Dalam Negara Kasar dan jumlah ini terus meningkat daripada sekitar 77% pada tahun 2009. Sama ada suka ataupun tidak Tuan Yang di-Pertua, golongan muda kini berdepan dengan persekitaran hutang yang tidak kecil dan lambat laun bakal menghimpit dan sekali gus membelenggu corak kehidupan masyarakat pada masa akan datang.

Daripada pinjaman pendidikan, pembelian kenderaan, nikah kahwin, pemilikan rumah serta pembiayaan anak dan keluarga, petunjuk-petunjuk ekonomi yang dibentangkan belum cukup untuk menjawab persoalan-persoalan sebenar di lapangan. Daripada angka pelaburan misalnya, pertumbuhan, peningkatan indeks saham yang dibentangkan, berapa ramaikah rakyat berpendapatan kurang daripada RM2,300 sebulan? 40% isi rumah terendah pada tahun 2009 dengan pendapatan purata hanya sebanyak RM1,400 berjaya dikurangkan. Soalan ini wajar ditanya kerana sebelum pilihan raya yang lalu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Katil, kita sebenarnya saya boleh menambahkan 15 minit sahaja. Jadi kita sudah pukul 9.15 malam. Jadi minta sambung esok.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi laluan lebih sikit sebab kita satu sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 4 Julai 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.15 malam]